

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 76	Rabu	7 Disember 2005
----------------	-------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005	(Halaman 21)
Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005	(Halaman 64)
Rang Undang-undang Timbang Tara 2005	(Halaman 124)
Rang Undang-undang Kewangan 2005	(Halaman 140)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 61)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian bercadang untuk mengkaji keseluruhan sistem pendidikan negara dalam menghadapi cabaran di peringkat global.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pendidikan negara sentiasa dikaji, disemak, dinilai dan disegerakan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perubahan yang berlaku di peringkat tempatan dan global.

Untuk menghadapi cabaran peringkat global, Kementerian Pelajaran Malaysia atau KPM telah menyediakan plan pembangunan pendidikan 2001, 2010 merangkumi semua aspek asas pendidikan dari segi akses, ekuiti dan kualiti pendidikan. Dalam masa yang sama, KPM sentiasa meningkatkan prasarana dan kemudahan pendidikan ICT di semua peringkat pendidikan. Di samping itu, program pembistarian sekolah rendah dan menengah di seluruh negara juga sedang giat dilaksanakan serta pelaksanaan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris atau PPMSI merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan daya saing pelajar di peringkat global.

Selari dengan perubahan yang sedang berlaku, kementerian memberi keutamaan kepada empat teras pendidikan iaitu;

- (i) memastikan wujud keseimbangan pendidikan antara bandar dan luar bandar;
- (ii) memperkasa sekolah kebangsaan;
- (iii) memartabatkan profesion perguruan; dan
- (iv) memperkukuhkan kualiti kurikulum.

Bagi memastikan semua pelajar mendapat peluang yang seimbang dalam proses pendidikan negara, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai program bantuan serta insentif. KPM *committed* untuk melaksanakan teras berkenaan bagi memastikan sistem pendidikan negara sentiasa *relevant* dan mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing, terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mendidik anak-anak kita, kita boleh bahagikan sistem pendidikan ini kepada dua;

- (i) yang berkaitan dengan *skill* ataupun IQ;
- (ii) berkaitan dengan moral ataupun EQ.

Apa yang kita dapati sekarang ialah sistem pendidikan hari ini amat menekan kepada bahagian yang berkaitan dengan *skill* seperti yang dinyatakan dalam jawapan oleh Timbalan Menteri tadi. Hatta pada peringkat tadika lagi kita hendak anak-anak kita berjaya, kita hendak anak-anak kita tahu membaca, menulis dan mengira. Yang paling kita penting ialah berapa 'A' yang mereka dapat dalam peperiksaan, hingga kita lupa bahawa moral ataupun EQ tadi juga merupakan satu benda yang penting, kalau dahulu kita ada tata rakyat, sekarang sudah tidak ada. Ini akan menjadikan generasi muda hari ini lupa tentang erti persahabatan, tolak ansur, sejarah negara, semangat kenegaraan dan sebagainya.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk memastikan nilai moral ini dititikberatkan terutamanya pada peringkat prasekolah ataupun sekolah rendah, dan adakah sistem pendidikan kita yang sudah hampir 50 tahun ini perlu dikaji semula sepenuhnya supaya dia tidak menekankan sangat kepada *exam orientated*, supaya ia menjadikan pelajaran satu perkara yang lebih menyeronokkan dan memberi penumpuan kepada mereka yang tidak pandai, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat telah bangkitkan tadi, saya pasti Yang Berhormat begitu prihatin tentang perkembangan sekarang. Sebenarnya tidak banyak perubahan yang dilakukan, yang mana rata-rata kita dengar komen bahawa sistem pelajaran kita amat menekankan kepada peperiksaan. Misalnya apabila kita memperkenalkan UPSR, sebenarnya Ujian Penilaian disebutkan. Di situ penilaian, *evaluation*, tetapi salah ditakrifkan oleh ramai daripada kita yang mana ini sebagai satu peperiksaan umum, yang mana desakan kepada anak-anak muda tadi untuk mendapat 5A, 7A dan sebagainya. Jadi penekanan macam ini kita kata banyak berlaku di negara-negara Asia termasuk negara kita. Jadi kita dalam perancangan, telah pun saya sebutkan tadi macam pembangunan pendidikan 2001, 2010 banyak menekankan soal-soal bukan sahaja akademik, secara tidak langsung ia memperkenalkan bagaimana anak-anak itu boleh bergaul lebih-lebih lagi kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum, supaya ini juga dapat dipelajari oleh anak-anak tadi.

Begitu juga soal moral, kita ada pelajaran moral dan kita ada juga pendidikan agama Islam pada anak-anak yang beragama Islam. Jadi, selain daripada untuk kita kata tekankan kepada akademik, yang sekarang ini ialah penekanan kepada akademik oleh ibu bapa. Ibu bapa tadi menyalah-takrifkan, saya bukan hendak salahkan ibu bapa - tidak. Kita, sekolah sudah sedemikian rupa, kemudian pula kalau ibu bapa mentakrifkan bahawa akademik itu adalah yang diberi *priority*, padahal, bagi kita menghantar anak-anak ke sekolah ialah sebahagian daripada

dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu *character building*, sahsiah, pembangunan sahsiah itu lebih dipentingkan, selain daripada kita kata dia dapat ilmu pengetahuan serta akademik tadi. Walau bagaimanapun, saya ambil komen-komen daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai *blueprint*, pembangunan pendidikan 2001, 2010 dan masa itu apabila diisytiharkan diumumkan atau disifat sebagai *revolutionary*, oleh kerana adalah cadangan *sweeping changes* yang ada dibuat, antaranya ialah bahawa ada satu P12 *system* ialah memendekkan sistem persekolahan daripada 13 tahun kepada 12 tahun, ialah untuk *secondary school* daripada 5 tahun kurang ke 4 tahun.

Ada cadangan untuk menghapuskan PMR (Penilaian Menengah Rendah) untuk *Form 3* dan untuk *streaming* kepada *Arts and Science* di peringkat menengah dua dan bukan di *Form 4*, semua sudah hilang, semua sudah lupa, apa sudah berlaku? Kalau kementerian sendiri tidak anggap serius cadangan-cadangan tidak pernah pun ada perbincangan dalam Dewan, dalam Parlimen yang dahulu, bukankah ini menunjukkan bahawa ini satu penyakit Kementerian Pendidikan ialah *top down* dan bukan *bottoms up* bahawa lebih berminat sensasi mengenai apabila mengumumkan pelan dan lepas itu *blueprint* pembangunan pendidikan adalah cadangan untuk pengajaran *Maths* dan *Science* dalam Bahasa Inggeris.

Tidak pernah ada dalam *blueprint* ini dilaksanakan dan cadangan untuk memendekkan lima tahun *secondary school* ke 4 tahun diumumkan akan dilaksanakan tahun 2003, ini 2006 akan datang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa hari Sabtu akan ada mesyuarat 1000 orang daripada persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan 100 Tionghoa yang menentang pengajaran *Maths* dan *Science* dalam bahasa Inggeris dan menjemput pertubuhan-pertubuhan pendidikan bahasa Malaysia, Melayu, Tamil semua ada menghadiri...

[*Dewan riuh seketika*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Takut apa?

[*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat... ya soalan saya...

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Panjang sangat tu.....

Seorang Ahli: Siapa takut sama you?

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Siapa takut sama lu, alah lu satu orang takutkah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ... akan memberi satu jaminan bahawa...

Datuk Rosli bin Mat Hassan: [*Bangun meninggalkan Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, diamlah.

- Tuan Lim Kit Siang:** ketetapan-ketetapan yang diambil....
- Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang:** ... dalam mesyuarat ini akan ditimbang dengan serius....
- Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang:** ... dan mungkin Yang Berhormat boleh hadir mesyuarat ini.
- Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.
- Tuan Lim Kit Siang:** Semua ini, Yang Berhormat bagi Puchong pun menentang, Yang Berhormat bagi Puchong MCA, malu apa Yang Berhormat bagi Puchong?
- Beberapa Ahli Barisan Nasional:** *[Menyampuk]*
- Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Orang tua, duduklah orang tua. *[Ketawa]*
- Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....
- Tuan Lim Kit Siang:** Ahli Parlimen Puchong, malulah Ahli Parlimen Puchong.
- Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat
- Tuan M. Kula Segaran:** *All of them wearing skirts here.*
- Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.
- Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, nampaknya dia suka sensasilah sedikit dan pagi-pagi macam ini kita...
- Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Pasal PAS kalah.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya ... *[Ketawa]* Pasal BN menang besar.
- Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita belum tahu lagi.
- Tuan Lim Kit Siang:** PAS kalah, PAS menang tidak....
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pembangkang malulah sedikit dekat pelajar ini.
- Tuan Lim Kit Siang:** ... takut dengan kita.
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ketua Pembangkang malulah dekat pelajar.
- Tuan Lim Kit Siang:** Ok, kalau UMNO menang, syabas I *congratulate*, kalau you menang dengan bersih, *congratulation!*
- [Dewan riuh]*
- Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ketua Pembangkang malulah dekat pelajar.
- Tuan Lim Kit Siang:** *Ok, so what?*
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tengok, dia menanglah.. *[Ketawa]*
- Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia punya adik kalah.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tahniah pada BNlah, BN menang besar apa?
- Tuan Yang di-Pertua:** Duduk semua. Sila Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Insya-Allah. Orang yang sentiasa melakukan sesuatu untuk rakyat Tuhan akan buka pintu hatinya. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, itu bukan perancangan. Hari ini baru kita tahu apa keputusan secara rasmi. Saya tidak boleh buat pengumuman. Saya bukan SPR.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dia kata hendak kira pagi ini pukul 10. Jadi kita akan ikuti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat telah bangkitkan tadi mengenai dengan pelan tindakan kita. Saya katakan itu sebagai garis panduan. Dalam perjalanan itu kita ada perubahan dan kita akan juga semak perkara-perkara yang perlu kita buat satu penyesuaian atau *adjustment*. Macam kita kata dahulu kita tidak bercakap pasal ICT, sekarang kita bercakap pasal ICT. Ramai orang sudah hentam dengan pihak KPN, mengatakan *impossible* semua diberi dengan komputer dan sebagainya. Itu juga dibawa beberapa kali. Akhirnya semua bersetuju sebab saya dah kata soal pelajaran ini jangan kita politikkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya, ya. Saya akan jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya, ya. Saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia baru jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yes.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: You bawa satu vanlah dokumen datang tunjuk. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, bagi saya selesaikan jawapan saya.

[Dewan gamat]

Macam saya katakan, kita perlu ada penyesuaian ataupun *adjustment*, dengan izin, di sana sini apabila kita berhadapan dengan masalah. Umpamanya, macam tadi Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai PPSMI. Kita sudah kata kalau kita politikkan pelajaran ini yang rugi ialah anak-anak kita. Kita rasa macam kita tidak boleh buat mereka dalam bahasa Inggeris. Tetapi rata-rata semua cuba kita bercakap dengan anak-anak sekolah tadi, mereka sudah mahir. Boleh dikatakan sudah mahir untuk melakukan sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Saya tahu dia ada juga beberapa masalah. Itu saya tidak nafi. Tetapi pada keseluruhannya yang dahulu semuanya ditentang.

Kemudian mengenai dengan *streaming* dan sebagainya. Macam saya katakan tadi itu kita akan lihat lagi, apakah masalah-masalah yang kita hadapi. Yang Berhormat bangkitkan juga pertemuan pada hari Sabtu ini, itu bergantung kepada apa yang hendak dilakukan dan apa keputusan, cadangan. Ya, kita akan lihat apakah cadangan-cadangan. Mesyuarat belum diadakan lagi, Yang Berhormat telah bangkitkan dan tekan hendak ikut atau tidak. Mana boleh. Saya tidak boleh kata begitu. Kita kena tunggu sampai mesyuarat. Macam Yang Berhormat hendak tuduh Yang Berhormat bagi Puchong, MCA tidak malu dan sebagainya. MCA sekurang-kurangnya dapat.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Gerakan. [*Disorak*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Maaf saya. Gerakan.....

Tuan M. Kula Segaran: Yang Berhormat bagi Puchong mahu lompat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekurang-kurangnya MCA dan Gerakan dapat.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:duduk semaja dengan kami untuk berbincang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk, duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:apa yang diperlukan dan apa yang tidak diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Manakala yang DAP tadi menangguk di air yang keroh, apabila Persatuan-persatuan Cina bangkit benda-benda macam ini. Ha, dia kata, inilah DAP, inilah DAP! [*Disorak*] Saya rasa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor *be sober*. Sekarang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Actually for the age.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ha, ya. Saya haraplah *be sober*. Kita lihat apakah cadangan-cadangan dan kalau ada cadangan yang baik kita terima, tetapi jangan paksa kita untuk terima cadangan. Kita sudah ada dasar kebangsaan dan kita berharap kita semua ikuti dasar kebangsaan itu dengan sebaik-baiknya oleh kerana negara kita adalah negara pelbagai kaum. Saya pohon dan saya minta kepada DAP supaya jangan politikkan pelajaran. Kalau politik pelajaran, yang rugi ialah DAP. DAP makin merosot.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Makin merosot, tidak meningkat. Kalau orang semua boleh katakan menyokong, sudah lama DAP sudah menguasai dalam Dewan ini, lebih daripada itu. Jadi, saya haraplah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dengan segala hormatnya, saya kata, kita bercakap atas dasar dan juga kita lihat secara rasional. Jangan kita hendak fikirkan bahawa ini kepentingan parti maka didahulukan. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *Be wisertah*, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat, bukan. Dia tidak jawab mengenai P.12.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Itu dalam jawatankuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:mengenai PMR yang saya sebut. Saya ada bangkit. Ini mungkin.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan mesyuarat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:sudah lima tahun. Apa PMR.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. 35 ini, mana boleh bangkit-bangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: PMR apa, apa? Tidak tahu? Atau dia tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okeylah, kita maafkan dia. Dia tidak tahu.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *Be wisetlah*, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tanah Merah Kelantan;, Kelab Warga Emas, KEMAS Negeri Sembilan; Persatuan Buddhist Kuala Lumpur dan penduduk Kelana Jaya. Saya kemukakan soalan nombor 2.

2. **Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kementerian akan mempertingkatkan kemudahan rawatan dan perubatan di Pusat Kesihatan Daerah Maran yang amat berkurangan.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Maran, Pejabat Kesihatan Daerah Maran mempunyai tujuh buah klinik kesihatan, dan 40 buah klinik desa. Nisbah kemudahan klinik kesihatan dengan penduduk ialah satu klinik kepada 12,285 penduduk. Manakala bagi klinik desa ialah satu klinik kepada 2,575 penduduk. Nisbah ini jelas menunjukkan Pejabat Kesihatan Daerah Maran telah mencapai tahap kemudahan rawatan dan perubatan seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu sebuah klinik kesihatan bagi setiap 20,000 penduduk dan sebuah klinik kesihatan bagi setiap 4,000 orang penduduk.

Walau bagaimanapun, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, usaha untuk memantapkan perkhidmatan kesihatan melalui semua jenis *facility* iaitu sama ada di hospital, klinik kesihatan dan klinik desa akan diteruskan dan diperkukuhkan, di mana cadangan telah dibuat untuk pembinaan sebuah lagi klinik kesihatan di Sri Jaya, di samping menyediakan kemudahan rawatan dan perubatan di klinik kesihatan yang sedia ada, serta melaksanakan

aktiviti-aktiviti perkara lanjutan seperti rawatan penyakit kronik, klinik warga emas dan klinik afiat. Sekian.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, kesihatan adalah merupakan faktor yang penting bagi setiap manusia bahkan menentukan fizikal dan mental seseorang manusia ialah kesihatan.

Saya ingin tahu berapakah jumlah kekurangan pegawai perubatan dan doktor pakar di seluruh negara sekarang? Apakah ratio mengikut penduduk dan bagi seorang doktor? Dan, bilakah kerajaan akan mengisi jawatan kekosongan pegawai perubatan di Maran. Di Maran terdapat 21 jawatan tetapi sehingga sekarang hanya 10 jawatan pegawai perubatan diisi. Walaupun pihak kementerian menyediakan kemudahan klinik desa dan sebagainya tetapi kalau tidak ada pegawai perubatan yang sempurna, yang cukup, sudah tentulah masyarakat tidak mendapat kemudahan perubatan yang sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan statistik yang terperinci, saya akan jawab secara bertulis dan saya juga akan memberi jawapan ini dalam soalan keenam yang akan datang nanti. Kita memang sentiasa mencari jalan untuk mempertingkatkan pengambilan lebih ramai lagi pegawai perubatan ke dalam perkhidmatan kerajaan kita. Ini adalah satu tindakan berterusan kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan mekanisme memantau pergerakan dan penglibatan pelajar asing dari segi pekerjaan sambilan dan aktiviti sosial. Mengapakah terdapat pelajar asing yang tidak melapur diri atau hilang dari IPTS?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sebagai pemantau pergerakan pelajar antarabangsa, IPTS dan IPTA bertanggungjawab memaklumkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Imigresen Malaysia jika seseorang antarabangsa tidak menghadiri kelas selama tiga hari berturut-turut tanpa alasan yang kukuh, melanggar disiplin, tamat pengajian atau menghilangkan diri.

Di samping itu, pihak Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menjalankan pemantauan tentang kebajikan dan pengurusan pelajar asing di IPTS dan IPTA dari masa ke semasa bagi memastikan mereka puas hati dengan keadaan dan suasana belajar di Malaysia. Mengenai pekerjaan sambilan mengikut pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, kebenaran bekerja bagi pelajar-pelajar antarabangsa adalah seperti berikut:-

- (i) bekerja secara sambilan pada masa cuti semester atau cuti yang melebihi tujuh hari;
- (ii) tempoh bekerja tidak melebihi 20 jam seminggu;

- (iii) tempat-tempat yang dibenarkan bekerja adalah restoran, stesen minyak, pasar mini dan hotel;
- (iv) tidak dibenarkan bekerja sebagai penyanyi, tukang urut, pemuzik atau aktiviti yang dianggap tidak bermoral; dan
- (v) tidak dibenarkan bertugas sebagai juruwang.

Pelajar asing yang ingin bekerja perlu memohon kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia bagi IPTS atau Jabatan Imigresen negeri, bagi IPTS melalui institusi masing-masing. IPTS atau IPTA berkenaan akan membawa pelajar tersebut ke Jabatan Imigresen Malaysia atau Jabatan Imigresen Negeri. Kebenaran untuk bekerja akan disahkan oleh pihak imigresen dalam pasport pelajar. Pihak Jabatan Imigresen Malaysia atau Jabatan Imigresen Negeri dan institusi tempat pelajar menuntut akan sama-sama memantau prestasi pelajar. Jika didapati prestasi pelajar terjejas atau pelajar melanggar syarat-syarat, kebenaran untuk bekerja boleh ditarik balik.

Antara sebab-sebab pelajar antarabangsa tidak menghadiri kelas atau hilang dari IPTS termasuk kegagalan dalam peperiksaan, masalah peribadi, pertukaran IPTS, kerja sambilan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi telah mencadangkan agar Jabatan Imigresen Malaysia menubuhkan satu pusat serenti yang dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pelajaran bagi tujuan urusan permohonan dan pembaharuan pas pelajar-pelajar. Dengan adanya pusat ini ia akan menyelaras dan akan memantapkan mekanisme pengumpulan data dan maklumat pelajar antarabangsa di Malaysia. Cadangan ini kini menunggu keputusan Jabatan Imigresen Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita terdapat 564 buah IPTS di mana terdapat ramai pelajar-pelajar asing yang diambil. Soalan saya ialah selama ini berapakah bilangan pelajar asing yang telah diambil tindakan kerana telah hilang diri dan berapakah bilangan sebenarnya yang telah menghilangkan diri? Bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan agar institusi pengajian tinggi, khususnya IPTS tidak disalahgunakan sebagai agen permohonan visa pelajar semata-mata? Dan, apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada IPTS yang dibenarkan mengambil pelajar asing? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah 202 buah IPTS yang telah diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk merekrut pelajar antarabangsa. Kebiasaannya Kementerian Pengajian Tinggi akan menyemak rekod-rekod IPTS dan memastikan mereka memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum dicadangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meluluskan mereka. Syarat-syarat termasuk rekod dan prestasi yang memuaskan, dari segi pematuhan undang-undang dan peraturan IPTS dan juga kursus

yang ditawarkan mendapat kelulusan daripada LAN dan sektor pengurusan IPTS, perlu menyediakan tempat penginapan dan juga ada hal ehwal pelajar antarabangsa, menyediakan insurans dan kemudahan-kemudahan pengajian dan infrastruktur yang berkualiti.

Jika, mereka memenuhi syarat tersebut baru kita mengizinkan mereka merekrut pelajar antarabangsa. Selepas itu kita akan sentiasa memantau perkembangan di situ.

Setakat ini kita tidak ada data yang tepat berapa telah lari daripada IPTS sebab data, kalau daftar, IPTS juga melapor kepada kementerian saya tetapi juga kepada Jabatan Imigresen Malaysia, jadi tidak ada yang tepat sebab itu kita memerlukan satu Pusat Serenti untuk memantapkan pengumpulan data. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi, Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Petua.

Soalan tambahan saya, sedarkah pihak kementerian dan mana-mana pihak yang berkewajipan bahawa ada sindiket, ini yang diperkatakan oleh pihak-pihak yang mengetahui, ada sindiket, memang Malaysia ini dijadikan sebagai negara untuk pelajar-pelajar ini ke negara ketiga kerana ada negara-negara yang tertentu yang tidak dapat hendak menghantar pelajar dia, tak dapat visa daripada negeri asalnya. Dia gunakan negara kita ini sebagai '*transit*' untuk ke negara yang memang mereka hasratkan di peringkat awal, jadi ada sindiket.

Sebab itu kehilangan pelajar-pelajar luar negara yang belajar di negara kita, angkanya itu begitu besar, ini sebahagian daripada kehilangan orang yang masuk ke negara kita dan tak dapat dikesan. Ini sindiket untuk menjadikan negara kita sebagai '*transit*' kerana melalui negara kita dia dapat visa ke negara ketiga. Kalau boleh kita cadangkan '*online*' Imigresen dengan IPTS ini dan IPTS diberikan satu tanggungjawab, kalau ada kehilangan penuntut-penuntut luar negara yang belajar di IPTS mereka dan pelajar ini hilang, pihak IPTS berkenaan mesti dipertanggungjawabkan supaya kita dapat menyekat sindiket yang sedang berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua adalah tidak tepat mengatakan ada pihak tertentu yang menggunakan pas pelajar sebagai '*transit*' ke negara ketiga. Apa yang berlaku ialah pelajar antarabangsa datang ke Malaysia untuk mempelajari khusus ada *transfer credit* ke negara ketiga ada yang belajar di sini mengikuti kursus berkembar '*twining program*' di mana mungkin pelajar belajar di sini satu atau dua tahun lepas itu dia melanjutkan pengajian mereka ke negara ketiga iaitu di bawah nama program berkembar dan bukan semata-mata untuk mendapatkan pas pelajar daripada sini dan lepas itu ke negara ketiga sebab pas pelajar itu untuk masuk ke Malaysia saja bukan untuk ke negara ketiga. Saya memang setuju bahawa pihak IPTS perlu memikul tanggungjawab yang lebih berat, memastikan pelajar yang memohon untuk belajar ke Malaysia adalah pelajar yang benar atau pun *affect student* dan kementerian saya berharap

dengan penubuhan pusat seranti itu tidak akan memperketatkan lagi dalam segala permohonan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada calon Barisan Nasional yang telah menang di Pengkalan Pasir walau pun ia dikira semula, sebab majoriti tidak melebihi 2% tetapi saya berkeyakinan undi itu tidak akan berubah [*Dewan bersorak*]. Soalan nombor 4.

4. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) usaha konkrit Kerajaan dalam menumpukan pembangunan yang lebih menyeluruh di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya daerah Kinabatangan; dan
- (b) usaha Kerajaan dalam membantui dan mengenal pasti masalah ekonomi masyarakat termiskin di luar bandar terutamanya Kinabatangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya bagi Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa semua bentuk pembangunan sama ada di bandar atau pun di luar bandar mestilah dalam bentuk yang menyeluruh iaitu mesti meliputi pembangunan fizikal dan pembangunan manusia. Program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tertumpu kepada penyediaan kepada prasarana asas *amenity* dan utiliti sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan manusia dan institusi desa, pembasmian kemiskinan dan pembangunan teknologi maklumat.

Matlamat utama program pembangunan ialah untuk meningkatkan kesejahteraan, taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar, membasmi kemiskinan tegar dan merapatkan jurang digital di antara bandar dan luar bandar.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 9, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan memberi keutamaan kepada pembangunan manusia dan institusi desa seperti JKKK. Pembangunan manusia akan menekankan usaha mengupayakan anggota masyarakat manakala pembangunan institusi desa pula akan mengutamakan pengukuhan institusi berkenaan supaya ia berupaya menerajui pembangunan masyarakat setempat.

Dalam melaksanakan program pembangunan fizikal, KKW berhadapan dengan peruntukan kewangan terhad berikutan liputan kawasan yang luas untuk dimajukan dan keperluan kos yang tinggi. Namun demikian, pembangunan prasarana *amenity* sosial dan uliti juga akan terus diberikan keutamaan. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan yang masih mundur seperti Sabah dan Sarawak serta kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung Malaysia.

Pembangunan di Kinabatangan juga telah diberi tumpuan yang sewajarnya sama seperti kawasan-kawasan yang lain. Dalam Rancangan Malaysia ke 8, kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM54.7 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di daerah Kinabatangan dan usaha ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke 9.

Bahagian (b), berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu golongan miskin tegar atau pun termiskin bagi meringankan taraf hidup dan ekonomi. Usaha ini dapat dilihat melalui pelaksanaan berbagai-bagai projek seperti yang sering disebut iaitu program pembangunan minda insan, program latihan dan pendidikan, program tambahan makanan seimbang, program peningkatan pendapatan, program pembangunan masyarakat setempat, program bantuan rumah atau pun yang sering disebut sebagai PPRT dan Amanah Saham Bumiputera Sejahtera dan juga program pembangunan TASKA.

Bagi daerah Kinabatangan, terdapat dua PPMS yang sedang dilaksanakan iaitu di Sukau dan Nusa Jaya yang melibatkan peruntukan masing-masingnya sebanyak RM2.703 juta dan RM912,920 melalui pelaksanaan PMS 138 unit rumah dibangunkan dan dijangka akan memberi manfaat kepada 690 penerima faedah. Selain daripada itu, pembangunan sebuah TASKA di Bukit Garam yang melibatkan peruntukan berjumlah RM182,000 sudah disiapkan dan dijangka memberi manfaat kepada 30 orang anak-anak miskin tegar.

Manakala melalui pelaksanaan PBR atau pun PPRT terdapat 20 unit dibina baru dan 30 unit rumah dibaik pulih telah siap dilaksanakan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM417,700 dan pelaksanaan ini telah memberi manfaat kepada 250 penerima faedah daripada golongan miskin tegar. Sekian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Hampir terlena saya dengar jawapan daripada Timbalan Menteri, bunyinya terlampau seronok [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, memang kita berkeyakinan, tidak menafikan, telah banyak pembangunan yang diusahakan oleh kerajaan melalui kementerian Kemajuan Luar bandar. Walau bagaimana pun, contohnya, kawasan Kinabatangan atau pun kawasan-kawasan luar bandar di Sabah begitu jauh tertinggal jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Untuk memulihkan kawasan yang tertinggal ini memang payah, memerlukan peruntukan yang banyak. Jadi, alasan kementerian peruntukan tidak mencukupi untuk memastikan pembangunan seimbangan tidak disenangi oleh masyarakat luar bandar.

Apakah kerajaan akan terus berusaha, contohnya memberi peruntukan untuk membuat kajian pembangunan wilayah di antara Parlimen-Parlimen yang berminat sahaja tidak payah menyeluruh, agensi ini tidak payah menyeluruh tetapi dikhususkan kepada kawasan Parlimen khususnya Kinabatangan sebab saya memang memerlukan agensi ini atau pun seperti Mambung dan sebagainya. Mana-mana kawasan di Sabah yang tidak berminat tidak apa, itu kita tidak boleh paksa, tetapi yang berminat kalau boleh harap dipenuhilah sebab inilah saja satu cara

untuk memastikan pembangunan boleh diseimbangkan antara bandar dengan luar bandar .
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe Terima kasih sahabat saya bagi Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kementerian sedar bahawa pembangunan wilayah merupakan satu pendekatan yang efektif yang dapat membangunkan kawasan luar bandar. Ini telah dibuktikan dengan pembangunan kawasan –kawasan wilayah di semenanjung ini dan kementerian untuk makluman Dewan yang mulia ini telah pun memperakukan pembangunan wilayah di Sabah tetapi setakat ini kementerian masih lagi menunggu keputusan daripada kerajaan negeri. Kita mohon juga bantuan dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sabah untuk memastikan projek itu dapat dilaksanakan. Sekian.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kementerian mempunyai pangkalan data untuk mengetahui beberapa peratusan daripada kesemua mereka yang dikategorikan sebagai masyarakat termiskin yang sudah menikmati bantuan dari kementerian dan agensi-agensinya. Sila juga jelaskan kaedah-kaedah yang telah diguna pakai bagi mengumpul senarai nama mereka yang dikatakan masyarakat termiskin. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya bagi Bintulu. Memang kementerian dengan kerjasama ICU, Jabatan Perdana Menteri telah membuat kajian ke atas masalah masyarakat kita yang miskin tegar tetapi saya tak ada maklumat masa ini, saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

5. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan nama, kelayakan dan pengalaman bekerja Ahli-ahli Majlis Pensijilan kayu yang diguna pakai sekarang dapat membendung pembalakan haram di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @Ng Lip Sat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Majlis Persijilan Kayu Malaysia atau nama singkatan MTCC adalah sebuah organisasi bebas yang ditubuhkan pada tahun 1998 untuk tujuan membangun dan menguruskan satu Skim Persijilan Kayu Nasional secara bebas dan sukarela.

Dasar dan hala tuju MTCC ditentukan oleh satu Lembaga Pemegang Amanah yang terdiri dari 9 orang ahli termasuk Pengerusi dengan ahli-ahlinya dilantik dari sektor perkayuan, institut akademi dan penyelidikan, badan bukan kerajaan serta agensi kerajaan. Keahlian Lembaga Pemegang Amanah MTCC mencerminkan bilangan kumpulan berkepentingan atau *interest of stake holder groups* dengan izin dalam proses persijilan hutan yang meliputi aspek-aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Dalam hubungan ini, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah MTCC adalah merupakan ahli yang memegang jawatan kanan di dalam organisasi masing-masing serta mempunyai

pengetahuan dan kepakaran dalam bidang berkenaan. Adalah penting bahawa Ahli-ahli Lembaga yang dipilih mencerminkan kebebasan atau *neutrality* MTCC dari pengaruh atau kawalan kerajaan supaya tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak bukan kerajaan khususnya di negara-negara luar seperti di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, nama, kelayakan dan latar belakang Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah MTCC bagi tahun 2005-2006 adalah seperti berikut :

- i. Dato' Dr. Frezailah bin Che Yeom, Pengerusi
Pemegang BSC Forestry, First Class (Hons) Edinburgh University dan selepas itu Ph.D. pada tahun 1974.
- ii. Puan Fatimah Raya binti Nasron
Timbalan Ketua Setiausaha 1
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Pemegang BA (Economic), MA
- iii. Puan Aziyah binti Mohamad
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Pemegang BA (Hons)
- iv. Dato' Leo Chai
Pengerusi Persatuan Kayu Kayan Sarawak
Pemegang BAC, MAC (Forestry)
- v. Encik William Yeoh Ket Seng
Pengerusi, Majlis Kumai dan Tanggam Malaysia
(Members of Australian Institute of Management)
- vi. Prof. Dr. Aminuddin bin Mohamad
School of Tropical Forestry Universiti Malaysia Sabah
Pemegang Ph.D, Universiti of Wales
- vii. Profesor Dr. Aminudin bin Mohamad,
- viii. Profesor di School of Tropical Forestry di Universiti Malaysia Sabah dan Ph.D dari Universiti of Wales,
- ix. Encik Jayl Langgub,
Fellow of Institute of East Asia Studies, Universiti Malaysia Sarawak, dan juga memegang BA dan MA,
- x. Encik Anthony Sebastian
Ahli Majlis dan Ketua Jawatankuasa Sains dan Pemuliharaan, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS). Beliau juga dapat BSc. Dalam Zoology dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keupayaan skim pensijilan kayu yang digunakan sekarang dalam membendung aktiviti pembalakan haram di negara kita adalah dimaklumkan

bahawa bagi kawasan-kawasan hutan di dalam hutan simpan kekal, atau HSK yang telah diberi sijil pengurusan hutan oleh MTCC, pengurus hutan adalah bertanggung jawab untuk memastikan bahawa aktiviti pembalakan haram tidak berlaku. Ini adalah merupakan salah satu syarat utama di bawah standard pengurusan hutan yang digunakan oleh MTCC. Syarat ini telah dapat membantu membendung kegiatan pembalakan haram di kawasan hutan simpan kekal. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa skim pensijilan MTCC hanya meliputi hutan simpan kekal dan tidak termasuk tanah kerajaan dan tanah pemilik. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada 9 orang ahli yang disebut tadi, saya memang kenali 4 orang daripada mereka. Yang Berbahagia Dato' Dr. Freezailah, memanglah rakan sekerja saya dahulu dan merumuskan garis panduan dan standard di bawah *International Tropical Timber Organisation*, termasuk skim pensijilan kayu. Tetapi persoalannya sekarang ialah di atas manakah skim pensijilan ini berdasar? Adakah ia berdasarkan daripada FSC atau *Forest Stewardship Council* atau skim pensijilan yang lain-lain yang sekarang sudah wujud di Eropah? Kerana pada satu ketika, mereka di Eropah memang berminat untuk bekerjasama dengan MTCC untuk menggabungi skim kita di sini dan skim mereka agar skim kita diterima dengan meluas lagi. Mohon jawapan.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Skim MTCC ini kita ada dua jenis. Apa yang dipanggil MCNI 2001 ini adalah pensijilan pengurusan hutan yang pertama. Ini kita berdasarkan kepada kriteria dan petunjuk ITTO atau ITTO *Criteria And Indicators for Sustainable Management of Natural Tropical Forest*, dengan izin. Sekarang kita sudah masuk ke tahap kedua, di mana kita ada MCNI 2002 yang berasaskan kepada prinsip-prinsip dan kriteria *Forest Stewardship Council* atau FSC dan mengandungi elemen-elemen utama pensijilan kayu iaitu aspek-aspek ekonomi, sosial dan persekitaran dengan penekanan yang lebih bertumpukan ke atas aspek sosial dan persekitaran.

Yang Berhormat, MTCC sentiasa bersedia bekerjasama dengan pihak dari Eropah. Dan oleh sebab itu kita dapat pengiktirafan atau diterima oleh beberapa negara di luar negeri. Jika perlu secara *detail*, saya boleh bagi secara tulis. Sekian, terima kasih.

6. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan doktor perubatan dan pergigian yang berkhidmat dengan Kementerian dan nisbah penduduk dengan doktor di negara ini mengikut negeri; dan
- (b) sejauh manakah berjayanya usaha Kementerian untuk mengurangkan tempoh waktu menunggu bagi mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian (a), Kementerian Kesihatan sedar mengenai kekurangan doktor perubatan dan doktor pergigian dan beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Sehingga 31 Ogos 2005, terdapat seramai 8,580 doktor perubatan dan 926 doktor gigi yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan. Nisbah doktor kepada penduduk di negara ini adalah seperti berikut. Yang terperinci saya akan bagi secara bertulis, tetapi sebagai *example* adalah seperti berikut.

Nisbah yang terkecil berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu satu doktor kepada 445 orang penduduk. Bagi doktor pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah 1 doktor kepada 2,711 penduduk. Bagi nisbah yang terbesar adalah untuk doktor adalah di Terengganu iaitu 1 doktor kepada 2,397 penduduk dan bagi nisbah doktor gigi kepada penduduk yang terbesar adalah di Sabah iaitu 1 doktor kepada 25,827 orang penduduk. Bagi nisbah Malaysia adalah 1 doktor kepada 1,236 penduduk dan untuk doktor gigi, nisbah Malaysia adalah 1 orang doktor gigi kepada 10,678.

Untuk menjawab soalan bahagian (b), waktu menunggu bagi mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar ialah tempoh mulai dari seseorang pesakit tiba di kemudahan kesihatan sehingga beliau balik setelah mendapat perkhidmatan bagi kes yang biasa iaitu tidak memerlukan penyiasatan yang lanjut. Waktu menunggu tersebut sepatutnya tidak melebihi 90 minit. Hasil kajian dari *sample* 267 buah klinik kesihatan di seluruh negara mendapati bahawa sejumlah 183 buah klinik, iaitu hampir 70% mempunyai tempoh waktu menunggu tidak melebihi 1 jam. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa kekurangan doktor ini masih berlaku kalau ikut tadi, Yang Berhormat mengatakan 8,000 lebih doktor perubatan dan 900 lebih doktor pergigian, sedangkan penduduk kita 20 juta orang lebih terutama di kawasan luar bandar. Kekurangan doktor ini adalah disebabkan mereka meletakkan jawatan dan menerima tawaran-tawaran yang mewah.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi seorang Pembantu Jururawat di negara Arab, gajinya sebulan RM16,000. Mereka sanggup untuk pergi ke negara Arab, kerana tawaran yang begitu tinggi, RM16,000. Sudah tentu tawaran seperti ini akan membuka mata kepada kakitangan perubatan. Inikan pula kalau seorang doktor yang berhenti kerana dipilih menjadi wakil rakyat, macam Yang Berhormat bagi Gombak, macam Yang Berhormat bagi Batu Pahat, dan sebagainya.

Jadi, apakah program jangka panjang? Kita tahu, mungkin kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, berunding daripada sekarang untuk menghadapi masalah kekurangan doktor perubatan dan pergigian ini pada masa-masa akan datang. Kita tidak boleh mengatakan tindakan-tindakan sebab hanya akan tinggal tindakan. Begitu juga tentang kes-kes menunggu yang begitu lama.

Kita tidak mahu mereka yang memerlukan rawatan segera, *emergency* dengan izin, baru-baru ini mati di hospital swasta. Tidak ada makna dah. Jadi, kita mestilah melihat, janganlah kita terlalu remeh temeh sangat. Kalau Perdana Menteri mengatakan dual sistem, kita mesti menyahut saranan Perdana Menteri. Kalau saranan Perdana Menteri kita tidak ikut, saranan siapa lagi kita hendak ikut?

Jadi, inilah kita menyarankan supaya langkah-langkah Kementerian Kesihatan yang lebih positif ke arah mengatasi masalah ini terutama sekali kawasan luar bandar di mana kita lihat perubahan kesihatan yang memerlukan perhatian daripada Kementerian Kesihatan. Jadi, saya mintalah kepada pihak kementerian supaya dapat menangani masalah ini dengan lebih tegas mengikut formula yang telah diketengahkan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan taraf perkhidmatan dan perubatan di luar bandar, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat berkaitan dengan perkara ini dan beberapa tindakan yang telah kita ambil iaitu kita cuba untuk mendapatkan pakar-pakar dan juga doktor-doktor dari luar negara supaya mereka dapat berkhidmat di negara kita dan kebanyakan mereka ditugaskan di tempat-tempat luar bandar hari ini supaya kita dapat meningkatkan nisbah di antara penduduk dan juga doktor.

Kita juga menggalakkan dan telah mengadakan beberapa polisi untuk menggalakkan warga negara kita untuk balik ke Malaysia untuk berkhidmat di bidang perubatan ini. Kita juga telah mengambil banyak tindakan dalaman, seperti kita telah menggalakkan lebih ramai lagi doktor-doktor di dalam perkhidmatan kerajaan supaya mereka boleh menggunakan masa luang mereka iaitu supaya mereka boleh buat *locum* di dalam unit kecemasan hospital kita dan kita harap tindakan-tindakan yang telah diambil ini dapat mengurangkan masa menunggu dan juga dapat mempertingkatkan perkhidmatan perubatan di negara kita. Sekian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang dibagikan itu kadar doktor kepada rakyat *population*. Itu merupakan satu kadar ataupun satu *ratio* yang *general*. Bolehkah beri *ratio* yang lebih *detail*, iaitu *ratio* doktor ke patient di sektor awam dan juga di sektor swasta kerana saya rasa itu adalah perbezaan yang sangat besar. Bilangan doktor di hospital awam dan juga bilangan doktor di hospital swasta itu akan menunjukkan kelemahan sistem kita. Jadi bolehkah saya dapat *ratio* secara lebih terperinci lagi iaitu di sektor awam dan juga di sektor swasta. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba dapatkan statistik itu kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak majlis ini, ingin mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan ini, oleh **Master Shin Ki Nam**, iaitu *Chairman of the Intelligecet Committee of The National Assembly Republic of Korea* dan delegasinya. [Tepuk] Ya, teruskan dengan soalan dari.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, baik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tadi yang menyatakan angka-angka yang begitu bertepatan. Umpamanya nisbah doktor perubatan dan pergigian dengan penduduk-penduduk di kawasan bandar dan luar bandar. Saya khuatir apa yang berlaku di dalam kementerian ini kita rasa syok sendiri sebenarnya. Boleh tidak pihak kementerian kemukakan kepada Dewan yang mulia ini, apakah sebenarnya sasaran kita ataupun letakkan negara maju, berapakah kedudukan nisbah di antara penduduk dan doktor perubatan dan pergigian dengan negara yang mundur. Kalau ada perbandingan ini, kita tahu di mana kita berada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Perbandingan nisbah.

Tuan M. Kula Segaran: Dia sudah cabut.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, mana? Patut dia berada di sini untuk jawab soalan. Mana, mana boleh macam ni.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran: Mengambil kesempatan.

Seorang Ahli: Dia pergi Dewan Negara.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ke Dewan Negara, beri dia jawapan bertulis.

Tuan M. Kula Segaran: *This is the question time don't.....*

[Soalan No.7 – Y.B. Tuan Jawah Anak Gerang (Lubuk Antu) tidak hadir]

[Soalan No.8 – Y.B. Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir]

9. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah dengan penubuhan East Asian Summit maka ASEAN Plus Three akan menjadi kurang relevan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat dari Gombak. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Sidang Kemuncak Asian Ke-XI pada kali ini akan melakarkan sejarah tersendiri apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Asia Timur atau *East Asian Summit* yang pertama. Di samping itu Malaysia juga akan menjadi hos Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* kesembilan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* dan Sidang Kemuncak Asia Timur masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri. Jika kita melihat secara lebih dekat kerjasama *ASEAN Plus Three* sebenarnya telah pun mencapai usia sembilan tahun dan kini sedang berkembang pesat meliputi 17 bidang kerjasama yang

merangkumi 48 aktiviti. Kesan daripada kerjasama yang erat ini negara-negara *ASEAN Plus Three* telah bersetuju untuk menuju ke arah pembentukan komuniti Asia Timur. Sehubungan ini *East Asian Vision Group (EAVG)* ditubuhkan pada tahun 2000 untuk memberikan saranan-saranan bagi menubuhkan komuniti Asia Timur ini. Seterusnya *East Asian Study Group* ditubuhkan pada tahun 2001 untuk mencadangkan langkah-langkah bagi merealisasikan saranan-saranan oleh EAVG.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai implikasi penubuhan Sidang Kemuncak Asia Timur ke atas sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three*, ingin saya nyatakan di sini bahawa negara-negara *ASEAN Plus Three* telah bersetuju supaya proses *ASEAN Plus Three* menjadi pemacu utama ke arah merealisasikan komuniti Asia Timur. Sidang Kemuncak Asia Timur pula merupakan satu forum untuk ketua-ketua negara atau kerajaan bertukar-tukar pendapat dan buah fikiran bagi membincang isu-isu strategik yang luas dari segi politik dan ekonomi mengenai isu-isu kepentingan bersama. Dari segi konsepnya Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* di Sidang Kemuncak Asia Timur akan saling melengkapi antara satu sama lain.

Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* akan lebih menumpukan kepada kerjasama-kerjasama berbentuk dengan izin, *functional*, manakala Sidang Kemuncak Asia Timur pula adalah lebih luas dalam memberi input bagi membantu merealisasikan komuniti Asia Timur.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ketua-ketua negara atau kerajaan juga dijangka akan menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* dan deklarasi Kuala Lumpur mengenai Sidang Kemuncak Asia Timur di kedua-dua sidang kemuncak tersebut.

Deklarasi-deklarasi ini antara lain menggariskan peranan tersendiri yang akan dimainkan oleh Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* dan Sidang Kemuncak Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ringkas kepada soalan Yang Berhormat dari Gombak ialah Penubuhan *East Asian Summit* atau *East Asian Summit* tidak akan mengurangkan relevannya *ASEAN Plus Three*. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kerana jawapan yang begitu panjang. Soalan tambahan saya apakah sebenarnya yang diharapkan oleh Malaysia tercapai di dalam *East Asian Summit* ini? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin tahu adakah berlaku gangguan ataupun bantahan daripada mana-mana kuasa besar terhadap *East Asian Summit* ini.

Yang ketiga, adakah kementerian melibatkan Ahli-ahli Parlimen di dalam persidangan yang cukup besar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Joseph Salang Gandum: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah oleh kerana Sidang Kemuncak yang sebegini telah ada garis panduannya dan oleh yang demikian penglibatan dari segi Yang Berhormat ataupun kementerian-kementerian, pertubuhan-pertubuhan di negara kita adalah terhad, oleh kerana di mana-mana pun kemuncak yang sebegini adalah dihadkan penyertaan atau penglibatan oleh semua pihak di negara yang menganjurkan *Summit*.

Yang diharapkan oleh Malaysia pada *Summit* ini adalah, satu, mencerminkan kesanggupan negara-negara ASEAN Campur Tiga untuk bekerjasama dengan negara-negara lain di Asia untuk meninjau apa yang dapat rantau ini buat sebagai sebuah rantau yang berkembang pesat dan menunjukkan juga keamatan kerjasama iaitu *ASEAN Plus Three* terutamanya dan selepas *Summit* ataupun Sidang Kemuncak *ASEAN Plus Three* barulah diadakan *East Asian Summit* dan dari ada kata sepakat di sidang kemuncak *ASEAN Plus Three* nanti. Jadi, bolehlah kita dengan keyakinan menghadapi negara-negara dialog yang lain di *East Asian Summit* dan diharapkan dengan diadakan Kemuncak *East Asian Summit* di Malaysia pada tahun ini, *East Asia Summit* yang pertama diadakan, jadi Malaysia adalah tercatat dalam sejarah sebagai negara yang pertama menganjurkan *East Asia Summit* dan berkenaan gangguan atau bantahan dari negara-negara yang besar atau

Tuan Yang di-Pertua: Negara besar.

Dato' Joseph Salang Gandum: Negara besar, ya dan *region* atau kawasan lain iaitu kita belum dapat menjangka ada atau tidak, tetapi setakat ini tak ada sekatan atau gangguan yang kita dapati.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Joseph Salang Gandum:dan kita berharap tidak akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.12 pagi.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan huraian.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pada 18 Januari meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2004 yang antara lain meminda Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan untuk menaikkan tempoh jawatan seseorang hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun. Rang undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 19 Januari 2005 dan seterusnya rang undang-undang itu yang dikenali sebagai Akta Perlembagaan Pindaan 2005 iaitu A1239 telah dikuatkuasakan sebagainya termasuk pindaan kepada 122 dan 125 Perlembagaan Persekutuan pada 21 Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada penambahan tempoh jawatan pada hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun, maka berlakulah anjakan umur persaraan mereka ke setahun lagi iaitu kepada 66 tahun. Ini telah menimbulkan keperluan untuk di bawah rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini, yakni untuk dibuat pindaan berbangkit dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya kepada Akta Saraan Hakim 1971. Buat masa ini Akta Saraan Hakim 1971, memperuntukkan 65 tahun sebagai umur persaraan hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 ialah peruntukan permulaan, rang undang-undang ini diberikan kuat kuasa ke belakang iaitu pada 21 Mac 2005, yang merupakan tarikh kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005. Peruntukan yang perlu dipinda dalam Akta Saraan Hakim 1971 berhubung dengan persaraan hakim-hakim ialah takrif persaraan dalam Seksyen 1A dan dalam Seksyen 8 yang menggantikan perenggan (a) dan meminda perenggan (d). Ini disebut masing-masing dalam Fasal 2 dan 3 rang undang-undang ini.

Seperkara yang saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini ialah persaraan bagi maksud perenggan 8(a) yang baru memperuntukkan bukan setakat persaraan hakim-hakim apabila mereka mencapai umur 66 tahun, tetapi juga merangkumi tempoh lanjutan yang tidak melebihi enam bulan selepas hakim-hakim mencapai umur 66 tahun sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perlanjutan tempoh jawatan hakim-hakim sudah sekian lama termaktub dalam (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan dan sudah sekian lama juga tidak dikaitkan dalam konteks persaraan dalam Akta Saraan Hakim 1971, namun begitu

kerajaan berpendapat adalah wajar diberikan kini suatu takrif persaraan yang komprehensif dalam Akta Saraan Hakim 1971.

Pindaan kepada peranan 8(d) Akta Saran Hakim 1971 telah mengambil kira perkara yang saya sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal 4 rang undang-undang ini izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa mengikut ekuiti dan doktrin jangkaan sah dengan izin, *legitimate expectation* wujud pengharapan yang munasabah dengan izin, *reasonable expectation* bahawa terma-terma jawatan yang kurang baik tidak akan dikuatkuasakan terhadap seseorang penjawat selepas pelantikannya.

Bagi para hakim ini ditegaskan dalam Fasal (7) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Pada dasarnya perlanjutan tempoh jawatan seseorang hakim daripada 65 tahun kepada 66 tahun yang ternyata sekali melibatkan perubahan kepada terma-terma jawatan bagi hakim merupakan satu penambahbaikan.

Tidak akan menjejaskan kepentingan mana-mana hakim dan oleh itu bukanlah suatu yang kurang baiknya mengikut pengertian Fasal (7) perkara 125, Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa hujah sebaliknya juga boleh dianjurkan, umpamanya pelanjutan umur persaraan membawa kesan penangguhan pembayaran ganjaran dan pencen. Dengan perkataan lain, kesan daripada perubahan ini bergantung kepada jangkaan, dengan izin, *expectation* dan tafsiran seseorang.

Bagi mengelakkan apa-apa implikasi daripada ketidaktentuan yang saya menjelaskan tadi dan khususnya dengan mengambil kira fakta bahawa kuat kuasa Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005 terpakai bagi hakim-hakim yang dilantik dari 21 Mac 2005, maka satu *option* secara pentadbiran telah diberikan kepada para hakim untuk kekal dalam terma-terma jawatan yang sedia ada jika baginya perubahan baru terma-terma jawatan itu tidak memanfaatkannya.

Melalui Fasal 4 Rang Undang-Undang ini adalah dicadangkan supaya dikekalkan hak kepada pencen dan faedah lain di bawah Akta Saraan Hakim 1971 bagi hakim-hakim yang memilih untuk bersara pada umur 65 tahun dan bukannya 66 tahun. Saya difahamkan bahawa dua orang hakim telah memilih untuk bersara pada umur 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-Undang ini memperkatakan peruntukan pengesahan. Fasal ini bertujuan untuk mengesahkan pemberian pencen dan faedah lain yang diberikan kepada hakim-hakim yang dilantik sebelum 21 Mac 2005, yang tempoh jawatannya dilanjutkan kepada apa-apa tempoh yang tidak melebihi 6 bulan selepas mencapai umur 65 tahun menurut kuasa Fasal (1) perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Pengesahan ini adalah hanya bagi pembayaran yang dibuat sebelum 21 Mac 2005 sahaja. Pembayaran yang dibuat selepas 21 Mac 2005 telah pun diambil kira dalam perenggan 8(a) yang baru yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Sebagaimana penjelasan saya, berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan kepada perenggan 8(a), sekali lagi ingin saya ulangi bahawa pelanjutan tempoh jawatan para hakim telah lama termaktub dalam Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Alasan yang saya kemukakan apabila memperkatakan pindaan kepada Perenggan 8(a) itu juga saya ketengahkan sekali lagi berdasarkan hubung-kaitnya dengan Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dan nyata bahawa kandungan rang undang-undang ini hanyalah bertujuan untuk melengkapkan peruntukan Akta Saraan Hakim 1971 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan dan memformalkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang telah sekian lama hanya ditafsirkan bersama sahaja dengan Akta Saraan Hakim 1971 supaya wujud peruntukan yang komprehensif tentang persaraan hakim-hakim di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ada sokongan?

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Sila, Tawau.

11.19 pagi

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya berucap sedikit sebanyak mengenai isu pelantikan hakim-hakim ke Mahkamah Tinggi. Kini hakim Mahkamah Tinggi adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, bertindak atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding bersama Majlis Raja-raja. Sebelum mengemukakan nasihat beliau berkenaan pelantikan seorang hakim selain daripada Ketua Hakim, Perdana Menteri mestilah berunding dengan Ketua-ketua Hakim.

Sejak dua dekad kebelakangan ini kebebasan badan kehakiman sering dikritik oleh pelbagai pihak sama ada dari luar negeri atau dalam negara atas sifat *subservient* kehendak *executive*. Ini adalah bertentangan sama sekali dengan doktrin pemisahan dasar antara tiga organ di dalam sesebuah pemerintahan negara iaitu organ perundangan, eksekutif dan kehakiman. Tiga organ ini jelas termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sering diperkatakan bahawa terdapat pelantikan individu-individu yang tidak berkelayakan sebagai pegawai tinggi mahkamah. Ada juga rungutan berhubung dengan ketelusan terhadap proses pelantikan ini. Ada juga tuduhan bahawa kenaikan pangkat juga tidak melalui proses yang adil.

Misalnya, kenaikan pangkat daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, seolah-olah seperti *leap-frogging* oleh pegawai lebih *junior* terhadap pegawai mahkamah yang lebih *senior*. Menurut pengkritik-pengkritik ini, puncanya adalah daripada penguasaan eksekutif

terhadap badan kehakiman sehingga menyebabkan campur tangan kerajaan terhadap keputusan mahkamah. Ini mengakibatkan keputusan mahkamah dicemari atau *tainted with biasness*.

Keraguan terhadap hal ini dikatakan berpunca daripada peranan dan campur tangan Perdana Menteri terhadap pelantikan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang sedih, *a sad episode* dalam sejarah badan kehakiman kita berlaku pada tahun 1988 apabila *Lord President* dan empat hakim, *Supreme Court* ketika itu di *dismissed* perkhidmatannya di dalam satu episod yang diperkatakan oleh pengkritik sebagai "*bizarre*". Keadaan ini tidak dapat membaiki imej eksekutif.

Bermula dari insiden tersebut perhubungan di antara badan kehakiman dan majlis peguam menjadi renggang atau *estranged* dengan berlakunya boikot antara satu sama lain terhadap majlis-majlis sosial. Ini tidak baik untuk negara, khususnya di mata rakyat dan pemerhati luar negara. Sukacita kini perhubungan di antara dua buah badan telah pulih seperti biasa, malahan bertambah baik. Adalah menjadi pendapat saya hanya mereka yang betul-betul berkelayakan, berkebolehan dan mempunyai kebijaksanaan terhadap undang-undang - *the best legal brains* - dengan izin, sepatutnya dilantik ke Mahkamah Tinggi, sama ada mereka ini adalah daripada perkhidmatan undang-undang ataupun daripada pengamal undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuannya adalah untuk memastikan akta-akta di interpretasikan dan *legal precedents are applied*. Kes-kes diputuskan berdasarkan prinsip undang-undang. *Grounds of decision are well-rounded and succinctly laid out*, dengan izin, supaya *litigant* berpuas hati bahawa kes-kes mereka telah didengar dan diputuskan dengan adil. Ini akan memperkayakan dan memperkasakan *legal literature* negara untuk faedah generasi akan datang.

Untuk mencapai objektif ini saya merasakan adalah perlu untuk mengemas kini atau *revamp* proses pelantikan hakim-hakim ini, di mana pandangan dan pendapat yang lebih luas perlu diperolehi dan dipertimbangkan apabila memilih kesesuaian calon-calon yang dicadangkan. Untuk melaksanakan ini satu panel yang berkaliiber, yang adil, yang bebas, perlu ditubuhkan. Adalah dicadangkan panel ini harus dianggotai oleh hakim-hakim kanan yang telah bersara, AG Chambers, Majlis Peguam, *Sabah Law Association*, *Sarawak Advocates Association* dan lain-lain. Suatu garis panduan yang ketat diadakan untuk memastikan pemilihan calon-calon berkelayakan sahaja patut dipertimbangkan untuk pelantikan.

Setelah garis panduan yang ketat ini, mereka yang dilantik hendaklah mempunyai kelulusan dan pengalaman berserta *aptitude* yang sesuai untuk memegang jawatan tersebut. Lebih-lebih lagi apa yang penting ketulusan dalam proses pemilihan boleh dicapai. Proses pelantikan *Judicial Commissioners* juga patut dikaji semula dengan mengambil kriteria-kriteria yang tersebut di atas. Ini adalah kerana bagi *Judicial Commissioners* yang telah dua tahun dalam perkhidmatan akan dinaikkan pangkat ke Mahkamah Tinggi. Prosedur ini juga boleh diterima pakai berhubung pelantikan seorang *Judicial Commissioner*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu kenaikan pangkat hakim-hakim Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan ini tidak mempunyai satu set prosedur. Keadaan ini memberi kuasa yang luas kepada *Chief Justice* terhadap kenaikan pangkat hakim-hakim ini, maka kriteria kenaikan pangkat agaknya subjektif. Saya percaya sekiranya sistem yang dicadangkan dan diguna pakai, maka pelantikan Mahkamah Rayuan haruslah berdasarkan kepada senioriti. Ini akan menghindarkan insiden-insiden *leap-frogging*.

Walau bagaimanapun, harus saya jelaskan di sini akan terdapat juga keadaan di mana *leap-frogging* mungkin terjadi, di mana pegawai tinggi undang-undang yang telah berkhidmat sekian lama atau pengamal-pengamal undang-undang yang *eminent* boleh terus menerima pelantikan ke Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Contohnya, seperti Tun Salleh Abas yang telah dilantik terus ke *Supreme Court* telah bersara sebagai *Solicitor-General*. Begitu juga Tan Sri Mokhtar Abdullah yang telah dilantik terus ke Mahkamah Persekutuan setelah bersara sebagai *Attorney-General* dan juga dengan pengawal undang-undang, Datuk Gopal Sri Ram menerima pelantikan terus ke Mahkamah Rayuan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kebebasan badan kehakiman adalah penting dan menjadi tunggak keadilan demi kepentingan negara dan rakyat. Sebuah kehakiman yang bebas akan dapat memenuhi keyakinan *litigant* dan juga memperoleh *respect* atau rasa hormat daripada pemerhati luar negara dan juga rakyat.

Hakim-hakim hendaklah diberi keadaan yang kondusif di mana mereka diberikan kebebasan untuk memutuskan kes-kes mahkamah secara bermerit tanpa sebarang tekanan dari mana-mana pihak bebas dari *fear or fever*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi : Ipoh Barat.

1131 pagi

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Pengerusi saya mulakan dengan mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar dari Multimedia Universiti, kawan-kawan saya di sana. Tuan Pengerusi saya amat bangga untuk membahaskan pada hari ini untuk memberi sokongan sepenuhnya terhadap Rang Undang-Undang untuk meminda *Judges' Remuneration Act 1991*. Rang Undang-Undang ini digubal untuk meminda akta akibat dari pindaan kuasa satu perkara 125 Perlembagaan Persekutuan Malaysia di mana ianya telah menaikkan umur persaraan seorang hakim dari 65 tahun ke 66 tahun.

Clause 4 Rang Undang-Undang ini mengekalkan hak pencen dan manfaat-manfaat lain di bawah Akta 45 ini. Clause 5 juga ada berkaitan dengan itu. Cara hakim-hakim Malaysia dilayan dalam isu ganjaran dan manfaat-manfaat lain menunjukkan suatu jarak yang jauh dalam memastikan pemuliharaan integriti kehakiman dan kebebasan badan kehakiman. Sekiranya kita inginkan suatu badan kehakiman yang bertaraf antarabangsa maka kita perlu mendapat atau

mesti mempunyai hakim yang bertaraf antarabangsa juga dalam bidang undang-undang, pengetahuan penghakiman, kemahiran dan dalam pengalaman sambil menikmati ganjaran bertaraf antarabangsa dan manfaat-manfaat yang lain.

Adalah mudah dan senang untuk menyatakan bahawa hakim-hakim perlulah transparansi tidak kerap dan perlu bertaraf terma profesional tetapi kerana keperluan-keperluan ini adalah terserlah dan faktor yang menguntungkan sendiri. Namun kita haruslah lebih realistik untuk menyedar bahawa dalam mengkaji integriti hakim harus diingat bahawa juga adalah mereka juga manusia.

Sifat-sifat manusia tidak boleh lari dari mereka sungguhpun mereka mampu dan sanggup berkorban apakan daya "*no man as perfect but the flesh could be weak*". Dalam dunia yang semakin materialistik hanya seorang yang mempunyai karakter yang kuat yang boleh menghalang kehendak dan pengaruh material dan wang.

Satu bentuk ganjaran yang munasabah dan baik dengan ganjaran-ganjaran dan manfaat-manfaat lain perlu setaraf dengan kehendak sistem penghakiman yang efisien yang boleh bertindak dengan izin *without fear and favors* seperti yang dikehendaki oleh badan kehakiman di seluruh dunia.

Eksekutif dan sistem kehakiman boleh saling bekerjasama untuk memastikan prinsip *separation of power* yang dipaparkan melalui kebebasan badan kehakiman boleh menjadi kenyataan dan bahkan boleh menjadi satu prinsip yang boleh dipraktikkan. Tuan Pengerusi bagaimanakah kita menubuhkan satu sistem yang adil dalam menentukan ganjaran dan satu syarat perkhidmatan bagi hakim dan pegawai penghakiman.

Menurut laporan yang dibentangkan oleh *Honorable Sir Anthony Mason* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *on the system for determination of judicial remuneration* pada Februari 2003 di Badan Kehakiman Hong Kong. Kita perlu mengambil kira huraian menyeluruh mengenai sistem bayaran dan syarat perkhidmatan bagi servis hakim dan pegawai kehakiman di beberapa bidang kuasa luar negara termasuk Australia, Kanada, England, New Zealand, Singapore dan Amerika Syarikat dan membandingkannya dengan sistem terkini di Malaysia. Kita harus mengambil kira, pertama, struktur institusi dan mekanisme untuk pembayaran dan syarat perkhidmatan dan pertimbangkan semula dan semakan dari masa ke semasa.

Kedua, cara, kaedah, peringkat pembayaran dan syarat perkhidmatan ditentukan termasuk kriteria bagi penentuan tersebut seperti gabungan rujukan sektor awam atau sektor swasta. Di Kanada terdapat jaminan di mana gaji seorang hakim dan pegawai kehakiman tak akan dikurangkan apabila pertimbangan semula atau semakan semula ganjaran dijalankan walaupun tidak terdapat peruntukan perlembagaan secara langsung atau tidak langsung, terdapat darjah perlindungan perlembagaan daripada Perlembagaan Kanada *Charter of Write and Freedoms* terutamanya Seksyen 11(D). Amerika Syarikat Artikel 111, Perlembagaan Amerika Syarikat memperuntukkan bahawa hakim Mahkamah Agung dan Mahkamah Rendah

yang ditubuhkan oleh kongres akan memegang jawatan semasa dalam kelakuan baik dan atau pada masa tertentu menerima ganjaran bagi perkhidmatan mereka yang mana tak akan dihapuskan semasa dalam perkhidmatan.

Di Singapura, badan yang menentukan ganjaran adalah menteri tertentu terutamanya Menteri Perundangan Artikel 1986 Perlembagaan Singapura memperuntukkan bahawa Parlimen harus memberikan ganjaran kepada Hakim Mahkamah Agung dan ganjaran tersebut akan dibayar dari manakala kita di Malaysia tidak ingin menteri yang menentukan ganjaran hakim. Kita harus mengambil kira bahawa Singapura bukan seperti negara-negara yang besar, mempunyai sistem bayar bonus dan Singapura ada satu sistem bayar bonus yang ditentukan oleh Perdana Menteri. Ketua Hakimnya pula menentukan bayaran bonus kepada hakim-hakim mahkamah-mahkamah yang lain. Selain lagi kita di Malaysia tidak seharusnya mengikuti cara Singapura dalam menentukan bonus kerana ianya satu praktis yang tidak sihat. Kita seharusnya serius terhadap pelaksanaan bonus gaji dalam bentuk bayaran tahunan yang ditentukan oleh sebuah tribunal bebas.

Bayaran bonus bagi pegawai perkhidmatan awam adalah satu praktis yang telah diimplementasikan di negara ini. Mengapa tidak bagi hakim-hakim kita pula selagi ianya dijalankan secara adil oleh tribunal bebas dan bukan oleh seorang ahli politik ia patut diterima pakai. Di Hong Kong, laporan *Anthony Mason Consultancy* bertajuk "*on the system for determination of judicial remuneration*" dibentangkan pada 2 Februari 2003 kepada Badan Kehakiman Hong Kong telah menyiarkan di antaranya bahawa satu perundangan harus digubal menghalang sama sekali pengurangan ganjaran kehakiman. Nombor dua, bahawa ganjaran kehakiman harus ditentukan oleh eksekutif selepas mengambil kira rekomendasi badan bebas.

Nombor tiga bahawa peranan badan bebas harus ditentukan melalui akta. Nombor empat bahawa ahli badan bebas harus dilantik oleh eksekutif. Akta itu harus mengandungi profesi mengenai keahlian seperti memberi tempoh kerja dan sebab dan ahli-ahli harus mempunyai pengalaman dan kepakaran perundangan. Nombor lima bahawa faktor-faktor yang harus diambil kira harus di spesifikasikan dalam akta tersebut. Ia akan membawa kebaikan kepada kita sekiranya kita mengambil kira rekomendasi dan cara-cara bidang kuasa lain sekiranya kita memerlukan satu badan kehakiman kelas pertama dan tanpa dibelenggu oleh masalah rasuah di mana ia patut adalah dengan *without fear and favors* dan adalah ikhlas sepenuhnya terhadap prinsip profesional integriti *for the whittle interest of justice*.

Suatu badan kehakiman bagi hakim-hakim yang dihormati dan ditakuti oleh orang ramai. Hakim-hakim yang tidak boleh dibeli dan dijual yang boleh di rasuah dengan wang atau melalui cara-cara yang lain. Apakah asas menaikkan umur persaraan seorang hakim dari 65 tahun ke 66 tahun dan ini merupakan satu tindakan *super visual* sahaja dan tidak akan membawa apa-apa manfaat kepada badan kehakiman. Soalannya ialah kenapa kenaikan umur persaraan seorang

hakim dari 65 tahun ke 66 tahun dan bukannya ke lebih dari lima tahun atau sepuluh tahun dari 66 tahun. Nampaknya tiada keikhlasan dalam pemindaan akta ini.

Masyarakat menyalahkan mahkamah untuk kelewatan dalam menyelesaikan kes-kes tanpa menyedari kecacatan dalam cara mahkamah beroperasi. Satu cara dalam menyelesaikan kelewatan dan menyelesaikan kes dan memastikan satu sistem yang cepat dan efisien dalam menyelesaikan kes adalah dengan meningkatkan umur hakim-hakim katakan ke 70 atau ke 75 dan kedua adalah mengadakan sistem IT supaya semua hakim-hakim dan badan kehakiman berfungsi dengan sistem IT di mana IT *filing*, *e-Filing* akan dijalankan. Saya difahamkan kita telah menghantar beberapa lawatan sambil belajar ke beberapa negara. Apa tidak langsung diimplementasikan hingga sekarang.

Apa sudah belajar, adakah Timbalan Menteri pun telah pergi dan belajar. Adakah ia telah diimplementasikan, kenapa tidak diimplementasikan. Satu faedah yang akan terlalu terserlah bagi rekomendasi ini adalah keberkesanan servis hakim-hakim yang berpengalaman dan berkebolehan yang membuktikan kecekapan dan ketelusan tanpa bebaskan kewangan. Kebiasaan di negara Amerika dalam sistem ini ialah hakim-hakim tidak mempunyai had umur persaraan. Hakim-hakim Mahkamah Agung dan Mahkamah Persekutuan bersara mengikut kehendak sendiri. Di Amerika juga jika seorang hakim persekutuan tidak dapat menjalankan tugas atau alasan keuzuran beliau akan menerima Tuan Pengerusi ini mustahak, akan menerima gaji terakhir sebagai pencen sepanjang umur hidup dia.

Baru-baru ini saya ada di Amerika, di Federal Court mereka di mana saya telah berjumpa dengan beberapa hakim bukan sahaja mereka dapat bersara tetapi ada pejabat sehingga saya mahu hidup di Mahkamah Persekutuan. *We choose the standard they have* tetapi di negara ini ramai di antara hakim-hakim yang keluar dari bersara telah masuk menjadi ketua-ketua CEO dalam syarikat swasta. Tiba-tiba ada kelayakan dalam mekanisme *privatise institution*.

Keadaan yang sama berlaku di United Kingdom di mana umur persaraan bagi hakim-hakim Mahkamah Tinggi adalah 75 tahun namun ini tidak diikuti oleh hakim-hakim yang lain yang dilantik pada awalnya.

Sebagai contoh Lord Daning hakim yang paling dikenali bagi akhir abad ini tidak bersara sehingga beliau berumur 85 tahun. Sebagai akhir kata, saya cadangkan agar semua ganjaran dan 'mono.....' bagi hakim-hakim dikecualikan dibayar cukai, *tax exam*.

Tuan Pengerusi, kita telah dengan beberapa satu Ahli Parlimen Tawau mengatakan *crisis of confidence* pada tahun 1988, adakah kita telah mengatasi perkara itu? Saya ingin memetik satu perkara. Pada tahun 2001 di mana Justice Mohd Kamal Awang di Sarawak telah mengatakan bahawa dia telah mendapat arahan dari satu hakim atasan beliau mengarahkan bahawa sesuatu perlu dibuat supaya kes itu dapat dibuang.

Kes di mana dikatakan bahawa *electoral fraud* telah terjadi tetapi beliau tidak terikut arahan tersebut tetapi saya khawatir perkara ini berleluasa di seluruh negara. Saya harap

tindakan dapat diambil, apakah yang telah kita pelajari dari Justice Mohd Kamal. Saya difahamkan beliau selepas sahaja kes tersebut telah bersara dan ingin berjumpa dengan Perdana Menteri tetapi tidak ada apa-apa mesyuarat diadakan kerana dia ingin memberitahu bahawa dia mendapat arahan-arahan ini bukan dia seorang sahaja, ramai di antara hakim-hakim di negara ini.

Tuan Pengerusi saya sendiri telah berjumpa dengan hakim tersebut baru-baru ini dan beliau telah memberitahu kepada saya, saya hairan bahawa ini telah terjadi dan hingga hari ini tidak ada tindakan-tindakan susulan telah diambil.

Tuan Pengerusi selain dari itu adalah mengenai kekurangan kehakiman. Saya telah membangkitkan beberapa bulan dulu kepada Timbalan Menteri bahawa satu di antara perkara *backlog of cases* dalam negara ini adalah kerana kekurangan kehakiman dan pegawai-pegawai di kalangan kakitangan-kakitangan di kehakiman. Di Teluk Intan, sudah enam bulan lebih tidak ada hakim Mahkamah Seksyen. Semua kes-kes di *postponed*. Akhir sekali semua peguam yang dikatakan menyebabkan *backlog of cases* walhal apakah sebab kita tak ada hakim di sana. *Very easy charge*, seorang Mahkamah Seksyen hanya tidak berkelayakan tidak perlu susah untuk mencari seseorang dan ini bukan di Teluk Intan sahaja, di Mahkamah Ipoh. Kita ada tiga hakim walhal kita ada tujuh bilik untuk hakim Mahkamah Tinggi dan baru-baru ini pelantikan *jurisdictional commissioner*.

Apakah mekanisme di mana rakyat atau badan Peguam Majlis Malaysia dapat tahu kriteria yang digunakan? Saya difahamkan ramai di antara yang dilantik *has been by passed*. *Lead fraud* dari pihak-pihak yang patut layak dilantik tidak ada mekanisme yang tertentu. Kita tahu mekanisme yang sedia ada sudah luput, sudah banyak lama, tidak boleh dipakai. Kita mahu mekanisme yang *transparent*. Kenapa kita tidak boleh ada sedemikian?

Apa yang kita kuarir dengan perkara tersebut supaya kita dapat ada *confidence in the judiciary* sebab kita perlu ada sebab kenapa pihak-pihak yang tertentu dilantik. Saya tahu bila saya bahas perkara ini, saya mungkin akan *disignal loud* oleh beberapa *jurisdictional commissioner*. Tetapi saya rasa ini adalah perkara yang mustahak. Saya rasa sebagai seorang Ahli Parlimen, kerajaan pun perlu ambil perhatian bahawa ini adalah satu perkara yang serius.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Minta penjelasan, Bagan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya mengikuti ucapan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan hati saya teringat kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah-rumah kampung di kawasan saya kerana di kawasan saya sekarang, pembangunan perumahan giat dijalankan kerana pasaran yang baik, harga rumah yang tinggi, maka, pemaju-pemaju boleh mengaut keuntungan yang lumayan. Pemaju-pemaju yang hendak memajukan tanah-tanah yang dibeli itu selalunya dalam bandar ada banyak rumah kampung.

Pemaju akan menawarkan sejumlah pampasan yang agak rendah kepada mereka dan mereka kalau tidak bersetuju, maka pemaju akan membawa mereka ke mahkamah. Perkara yang aneh berlaku di kawasan saya ialah mahkamah nampaknya sangat cepat menyelesaikan masalah-masalah setinggalan tetapi mereka ini bukan setinggalan. Mereka ini sebenarnya penyewa-penyewa tanah kerana mereka ada membayar yuran bulanan kepada tuan tanah. Penghuni-penghuni rumah kampung ini mereka selalunya pun tidak mampu untuk mengupah peguam-peguam untuk membela mereka. Apabila mereka dihadapkan dalam mahkamah, satu kali mereka minta *postponed*, dapat tiga minggu dan kalau panjang sekalipun, satu bulan.

Kali kedua mereka pergi sana, hakim akan tanya apa alasan tidak mahu keluar dari tanah itu. Mereka tidak tahu apa mahu jawab dan hakim itu akan kata, "Saya bagi peluang terakhir. Nanti satu kali lagi, kalau tidak ada bawa peguam, saya akan membuat perintah". Dan kerana ada *precedent* kes-kes seperti ini di mana rumah-rumah kampung ini tidak dapat pampasan langsung kerana hakim pernah menjatuhkan hukuman bahawa rumah kampung yang melebihi 30 tahun, ekuiti sudah *fulfil* atau mereka perlu mengosongkan tanah itu untuk diserahkan balik kepada tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa kesimpulannya itu?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tadi beliau berkata hakim juga manusia. Hakim juga ada hati perut. Tetapi saya nampak kes-kes yang tergendala, kes-kes yang terlewat dibawa ke mahkamah, beribu-ribu kes. Satu kes jenayah boleh *dipostponed* atau ditentukan satu tarikh bicara sehingga empat bulan, lima bulan atau setengah tahun. Dua, tiga kali *adjournment*, sudah satu tahun, dua tahun. Tetapi dalam hal mengusir rumah-rumah kampung, dalam dua, tiga bulan selesai. Jadi pemaju semua ambil kesempatan ini untuk membawa kes-kes seperti ini ke mahkamah untuk diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jadi, siapa yang rugi? Pemaju dapat keuntungan besar tetapi orang-orang kampung, orang-orang yang duduk di rumah-rumah kampung ini mereka mana hendak pergi. Harga rumah yang tinggi, pampasan yang rendah. Jadi apakah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat boleh komen atau mengulas sedikit berkenaan dengan hal ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan spesifik. Tetapi saya rasa yang mustahak, nampaknya ada sesuatu yang tidak kenalah. Macam mana satu kes-kes sivil dapat *priority* dan dihabiskan dengan terlampau cepat. Mungkin Timbalan Menteri dapat menyiasat perkara tersebut kenapa ia terjadi dan *eviction of land* sepatutnya kita tahu ada beberapa kecacatan dalam *National Land Code* di mana ekuiti dan sebagainya dalam tempoh 30 tahun tidak ada apa-apa yang dapat oleh *squatters* dan dia punya *special price*. Mungkin itulah sebab kes-kes ini dapat diselesaikan dengan cepat.

Tetapi, kesimpulannya semua kes yang masuk dalam mahkamah, patut ada tempoh masa. Kenapa sahaja kes-kes di mana pilihan raya patut diselesaikan dalam enam bulan dari segi undang-undang. Ada *special law* mengenai perkara tersebut. Tetapi untuk kes-kes yang lain. Saya sendiri ada terlibat dengan satu kes, saya mewakili kes majikan di mana kes untuk *retirement benefit* sudah 10 tahun dalam mahkamah. Ini kerana kerap kali saya sendiri tahu tidak ada hakim.

Seorang Ahli: Kes perceraian?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Okey. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, di Shah Alam, pada hari Isnin dua hari dulu iaitu pada 5 Disember. Satu kes ditetapkan untuk bicara pada tahun 2007, kes kematian di lokap, telah mati di lokap pada tahun 2000. *Setting down for trial* pada 2005. Sekarang kes ditetapkan untuk berbicara pada 2007. Saya rasa ini tidak kenalah. Ada sesuatu yang.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Sikit penjelasan. Saya pun mengamati ucapan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Yang Berhormat sebut tadi kes Yang Berhormat selama 10 tahun ditangguhkan oleh kerana ketiadaan hakim. Tetapi kalau saya baca di akhbar-akhbar dan buletin-buletin, saya dapati ketidakhadiran peguam pun juga merupakan salah satu daripada sebab kenapa kes-kes ditangguhkan. Dalam kes Yang Berhormat bagi Ipoh Barat itu, mungkin Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sibuk jadi Ahli Parlimen, sibuk di Parlimen. Ada kes pula yang Ahli Parlimen langsung tidak datang ke sini kerana melanggan kes untuk pelanggan mereka. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tentang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini pandangan yang tidak ikhlas. [Ketawa] Yang pertama bila saya ada di sini, saya ada banyak peguam yang lain di syarikat saya yang dapat menjalankan kes tersebut. Tetapi kes saya mungkin satu kes yang ini, ada. Ramai di antara peguam-peguam di Barisan Nasional. Mungkin Yang Berhormat bagi Lubok Antu pun seorang peguam juga. Dia pun berada di sini. Tidak payah ada firma-firma di Sarawak, kes-kes boleh dijalankan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kota Bharu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada. Yang Berhormat bai Kota Bharu.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Firma yang terbesar.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...ada firma yang terbesar di negara ini. Tetapi yang menjadi kesimpulannya adalah kerana bukan sahaja setakat hakim sahaja, saya bukan katakan kerana hakim kes-kes di *backlog of cases*. Banyak faktor yang lain. Tetapi yang mustahak adalah, yang kita perlu tahu kenapa kita tidak ada sistem IT yang terkini. Kenapa kita tidak ada *e-filing* yang terkini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang mana dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat mempunyai cadangan kepada kerajaan, bagaimana untuk mengatasi masalah yang dihadapi ini. Apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat memang betul, kes tertangguh bertahun-tahun sehingga yang belum bersalah masuk penjara berpuluh-puluh tahun. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai mekanisme untuk dicadangkan kepada kerajaan supaya masalah yang sama ini tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung, supaya boleh sekali jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya ingat pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu cukup baik. Saya sebenarnya hendak menanyakan isu yang berkenaan di mana peguam itu menjadi penyebab. Macam mana Yang Berhormat kata bahawa itu adalah pandangan tidak ikhlas. Saya ingat itu satu pandangan yang cukup baik dan ikhlas. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya rasa itu adalah satu pandangan yang bagus. Ini adalah satu masalah yang kita semua perlu mengatasi, bukan sahaja setakat di mana kita duduk di sini. Satu di antaranya adalah di mana seseorang itu dipenjarakan atau dalam sistem seksyen 117 atau selepas itu ditahan di penjara. Kita baru-baru ini Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah pergi ke Amerika, telah pergi ke luar negeri untuk mempelajari sistem bon di mana mereka dapat keluar dari penjara semasa menunggu perbicaraan. Ini akan mengurangkan:

- (i) mereka tidak perlu berada di penjara;
- (ii) kos kepada kita semua. Kita akan untung dari proses tersebut; dan
- (iii) keluarga pun senang.

Kenapa ia tidak diimplementasikan? Apa yang telah dipelajari? Mungkin Timbalan Menteri pun ikut. Mungkin dapat memberitahu perkara tersebut.

Mengenai Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, itu saya ingat satu perkara. Bila saya kata Yang Berhormat bagi Tangga Batu ini tidak cakap, mungkin dia tidak tahu, itu dia keliru. Mungkin dia ingat macam syarikat satu *engineer* punya. Ada satu *engineer*, dia keluar, selepas itu tidak ada orang di syarikat tersebut. [Ketawa] Itu cerita lain. Sebagai peguam, macam Yang Berhormat bagi Kota Bharu dia ada lebih dari 100 peguam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di *office* saya, kita ada dua peguam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak ada masalah. Yang menjadi masalah, tadi saya kata, Tuan Yang di-Pertua, masalah dia bukan sahaja peguam. Saya akui salah satu di antaranya adalah peguam, hakim, jurubahasa, sistem yang kita ada. Di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen, tiap-tiap hari hakim Mahkamah Sesyen ada 10 hingga 20 kes untuk bicara. Macam mana kes dapat diselesaikan? Ada sesuatu yang tidak kena, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap jangan sahaja kita heboh-hebohkan *the tallest building in the world, Twin Towers*. Kita ada pendapatan yang bagus, kita sudah hendak sampai ke satu tahap di mana negara yang betul-betul maju dalam negara ini, *aid trading partner* dengan US menunjukkan bahawa Malaysia ini betul-betul satu arena yang luar biasa. Tetapi kehakiman, kita tahu undang-undang selalunya sangat *slow* untuk membawa perubahan. Tetapi saya rasa, Timbalan Menteri pernah mengamalkan sebagai peguam. Patut lebih arif dalam perkara ini.

Bila saya ada beritahu mengenai perkara ini kepada Yang Berhormat bagi Teluk Intan, kes di mana tidak ada hakim untuk enam bulan, apa terjadi? Dengan serta-merta patut memberitahu arahan, lantik sahaja satu hakim di Teluk Intan. Di sana, ada lebih kurang di seluruh tempat *jurisdiction*, Mahkamah Sesyen lebih kurang 200,000. Apa terjadi? Apakah mereka dianiayai? Yang Berhormat bagi Teluk Intan dia sudah jadi Timbalan Menteri. Walaupun saya sendiri ada beritahu kepada beliau apa terjadi. Ini bukan spesifik di seluruh negara. Kita banyak kekurangan dari segi hakim-hakim. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tidak melantik lebih hakim-hakim.....

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Minta penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:seperti di England kita ada....

Beberapa Ahli: Minta penjelasan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya hendak tanya dua soalan. Yang pertama, adakah tempoh masa yang sesuai agaknya daripada kaca mata Yang Berhormat bagi Ipoh Barat untuk satu-satu kes? Kalau saya buat satu kes pembunuhan, tiga hari mahkamah boleh selesai, saya rasa pun tidak adil. Jadi bagaimana agaknya tempoh masa yang sesuai untuk satu-satu kes yang boleh dicadangkan?

Yang kedua, adakah peguam di negara kita ini benar-benar mencapai tahap profesionalisme yang tinggi? Adakah semua peguam kita yang berada di luar sana benar-benar baik kelakuannya atau *conduct* di mahkamah, kerana kalau kita tengok sebenarnya, masih ada kelemahan di peringkat peguam yang boleh dicadangkan sekali. Meletakkan semua kesalahan kepada mahkamah, saya rasa saya tidak berapa hendak setuju. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tentang perkara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Mengenai tempoh masa Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. Saya di sini bukan menghujahkan bahawa kes-kes patut

diselesaikan dalam, kita difailkan hari ini, kita patut menyelesaikan kes hari ini. Yang menjadi masalah adalah kes itu tidak dimulakan untuk perbicaraan dan saya kata, bukan kesalahan setakat kekurangan hakim sahaja, *standard* kehakiman. Saya ada tahu beberapa hakim. Dia boleh menjalankan kes walaupun dia seorang hakim, dia boleh membuat kes macam lima hakim, sangat inisiatif. Menulis semua *judgment* dengan tempoh masa yang tepat. Itu menjadi masalah. Itulah sebab kalau kita tahu satu mekanisme di mana hakim-hakim dilantik, kita dapat kenal pasti dia boleh kerja atau tidak.

Pada lebih kurang 10 tahun dulu Tuan Yang di-Pertua, satu hakim telah dilantik, selepas itu bila dia menjadi hakim dia kata dia tak boleh menjalankan tugas tersebut kerana sangat berbeza dari apa dia bekerja sebelum itu, dia pengamal undang-undang tetapi tidak ada penapisan, tidak ada apa-apa yang kita dapat tahu bahawa walaupun dia seorang peguam yang baik, tetapi telah dilantik sebagai hakim, tak layak. Selepas itu dia keluar,.... selamat datang Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Baru mula sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah setengah jam.

Tuan M. Kula Segaran: 10 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah setengah jam Yang Berhormat. Yang Berhormat kena munasabahlah.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi kelemahan-kelemahan tertentu dapat diatasi kalau kita semua, kalau Timbalan Menteri atau Menteri atau Menteri sebelum ini, kalau betul-betul ikhlas, kalau kita betul-betul mengambil tindakan supaya kita melantik lebih hakim-hakim, pihak-pihak yang betul-betul ada standardlah, jangan bila-bila kakitangan kerajaan kita, kita katakan tak cukup pegawai. Dia hantar sahaja pegawai, pegawai-pegawai yang tak layak, *substandard*, hantar pegawai yang betul-betul, saya ada cakap dulu, saya sendiri telah menang satu kes di Mahkamah Tinggi, kes pembunuhan bukan kerana

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Ipoh Barat, sikit. Tuan Yang di-Pertua, saya kalau boleh pun nak jadi macam Ipoh Barat ini. Tuan Yang di-Pertua tahu tak pasal apa? Pasal dia boleh tahu orang itu ikhlas tak ikhlas, tadi dia kata saya tak ikhlas, sekarang Timbalan Menteri dia kata tak ikhlas, Kinabatangan dia kata ikhlas. Saya nak tahu apa *guess* dia pakai tu, apa *mechanism* dia, macam mana cara kita nak kenal pasti orang ikhlas tak ikhlas ni? Bagus betul, seorang peguam yang baik, dia boleh tahu orang ikhlas tak ikhlas. Kalau boleh ikhlas ini sebenarnya urusan pencipta sahaja. Terima kasih Ipoh Barat, yang ikhlas Ipoh Barat. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, terima kasih. Kita akan sediakan satu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa minit lagi diperlukan?

Tuan M. Kula Segaran: Lagi 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan M. Kula Segaran: Kita ada satu sistem ikhlas, *caucus* keikhlasan, presidennya ialah Tangga Batu, mungkin saya boleh jadi *member* dan ikut cara dia, saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak akan ada kuasa lantik dia.

Tuan M. Kula Segaran: Saya cadang saja. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua nak jadi ketua *caucus* tersebut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun tak ada kuasa lantik saya.

Tuan M. Kula Segaran: *No, no* saya cadangkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cadangkan tak tentu boleh lulus.

Tuan M. Kula Segaran: Boleh ya, *all right*. Tuan Yang di-Pertua, saya kata baru-baru ini ada satu kes pembunuhan di Ipoh. Di mana sepatutnya ketiga-tiga pembunuh itu patut menjalankan hukuman mati di penjara tetapi telah dikeluarkan, telah menang kes tersebut. Bukan kerana tidak ada faktor-faktor tersebut, saya yang mengendalikan, saya rasa dengan izin, *very sad* Tuan Yang di-Pertua kerana kita menang bukan asas fakta-fakta tersebut, kerana DPP. Masuk kes tiga bulan, tukar satu DPP, lepas tiga bulan tukar satu DPP, apa terjadi? Dengan izin, *that is missing link* dalam *prosecution*. Ini adalah sistem yang bukan sahaja di Ipoh, di meratarata tempat.

Baru-baru ini bila kes-kes *criminal* di mana beberapa orang dilepaskan, dikatakan ada kelemahan-kelemahan tertentu di *Attorney General's Chambers*. Saya rasa bukan itu sahaja, kita mahu tahu kenapa pihak-pihak yang dapat kelas satu dari Universiti Malaya, kelas satu dari Universiti Kebangsaan, *first class* tidak dilantik sebagai DPP? Tetapi pihak-pihak yang tidak - nampaknya tidak ada penglibatan penuh, *don't have the patience* dalam pekerjaan telah dilantik, itu adalah satu di antara masalahnya. Dan kerajaan juga perlu mengambil kira, macam di United Kingdom di mana pendakwaan bukan sahaja dibuat oleh *Attorney General's Chambers* tetapi oleh peguam-peguam swasta yang juga ada standard, boleh menjalankan pendakwaan, kenapa ia tidak, kenapa ia patut eksklusif oleh Peguam Negara sahaja? Dia satu orang sahaja dapat jalankan walaupun ini adalah satu sistem yang tidak boleh diterima pakai. Dan pelantikan hakim Tuan Yang di-Pertua, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir sudah banyak Yang Berhormat memberi hujah-hujah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, dia nak cakap yang akhir tadi tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, saya suka memaklumkan, hari ini kita bincang pindaan, umur 66. Jikalau ikut Peraturan Mesyuarat, saya fikir, saya yakin Yang Berhormat pun bersetuju kita tidak boleh keluar jauh daripada pindaan yang sedang kita bangkit. Jadi saya fikir cukuplah dengan

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, saya separuh setuju.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Separuh setuju?

Tuan M. Kula Segaran: Kerana saya beri alasan, bila pemindaan dibuat, saya tidak diberikan masa untuk menghujah apa-apa. Nombor dua, apa yang saya sarankan hari ini adalah kena pada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi beri saya sedikit, *I don't want to quarrel with you*. Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rang undang-undang yang berkenaan, saya fikir cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit sahaja, saya ingat ini adalah mustahak, kalau kita tidak ada satu sistem badan bebas, satu kehakiman yang terbaik di negara ini, semua sistem akan *collapse*, itu yang kita tak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak

Tuan M. Kula Segaran: Biar saya berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang saya hanya merujuk kepada rang undang-undang pindaan dan saya berpegang kepada Peraturan Mesyuarat yang disediakan.

Tuan M. Kula Segaran: Ya, terima kasih pada pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi saya ingatkan Yang Berhormat, tak perlu keluar jauh daripada pindaan ini.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih, sebagai akhirlah. Saya nak cadangkan bahawa sistem macam hakim litar, hakim litar yang diwujudkan pada tahun 1980-an. Kenapa ia tiba-tiba telah tidak diimplementasikan langsung? Hakim litar pada tahun 1980-an, di mana peguam-peguam macam Raja Aziz Addruse, dilantik sebagai *judicial commissioner* untuk 6 months, 9 months kerana hakim-hakim yang bercuti, dia boleh ganti. Sekarang saya difahamkan ada beberapa hakim akan bersara di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, tetapi tidak ada apa-apa hakim yang telah atau akan dilantik. Dia akan dilantik selepas satu tahun, lepas dua tahun, kenapa ia terjadi macam ini? Kenapa kita semua, ramai di antara peguam-peguam di negara ini adalah yang berkelayakan dari England di mana kita tahu *county judges* dengan izin, di mana

mereka *temporarily* dilantik untuk menjalankan tugas supaya semua *backlogs* tidak ada, itu adalah satu di antaranya.

Nombor dua, bila kes-kes dijalankan di mahkamah, saya haraplah ia tidak ada mana-mana hakim boleh memilih mana kes dia perlu jalankan. Itu perlu satu mekanisme di mana *registry* dan tugas beliau. Dan nombor tiga adalah *research assistant* yang sedia ada kepada hakim-hakim. Dia perlu betul-betul bertauliah, yang ada kepakaran yang tertentu. Saya harap ini juga akan dijadikan dan *last* sekali sebagai IT. Kenapa kita tidak ada e-Filing, saya tahu pada tahun 1998, saya ada bangkitkan perkara itu, masa itu Timbalan Menteri juga menjawab, mengatakan kita telah pergi ke Singapura belajar dan tak lama lagi kita implementasikan semua kes, kerani-kerani tak perlu, peguam-peguam tak perlu pergi ke mahkamah, dia boleh e-Filing dari pejabat beliau. Hingga hari ini tidak jadi apa-apa, Timbalan Menteri pun sudah kalah dalam pilihan raya. Kita ada Timbalan Menteri baru, tetapi apa terjadi? Adakah apa-apa reaksi mengenai perkara tersebut?

Kita tak perlu, kita perlu ada e-Filing, kalau Singapura boleh adakan sedemikian, kenapa kita tidak ada? Kita perlukan satu *comparison*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan minta awak jangan banding dengan Singapura. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Saya tak dengar Tuan Yang di-Pertua. Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan, Bagan.

Tuan M. Kula Segaran: Oh, mungkin Timbalan Menteri boleh beritahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi sebagai akhirlah, saya harap apa yang saya kata ini Tuan Yang di-Pertua, semua ini adalah yang benar dengan ikhlas. Saya rasa kita semua, kedua-dua pihak perlu mengatasi masalah yang sedia ada. Dengan izin, *don't push this matter under the carpet*, satu di antaranya saya tak berapa seronok dengan Timbalan Menteri adalah bila saya membangkitkan perkara kekurangan hakim di Teluk Intan, dengan *on the spot should have taken the phone*, panggil dan melantik. *What's the problem?* Kalau ini bukan, saya rasa mungkin Timbalan Menteri ini sangat sibuk, tapi mungkin di sini dia kurang memberi perhatian, saya harap perhatian yang sewajarnya akan diberi dan hakim-hakim yang betul-betul layak akan dilantik. Mungkin dalam jawapan saya akan dengar, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga orang nak berucap, baik tiga orang. Okey, Jerai nak bangkit juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek, 10 minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, lima minit cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey lima minit, baik.

12.10 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu saya ingat 'gajah' itu 'daging gajah' pun ada batu

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan marah Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bangun menyokong pindaan ini kerana hendak bagi waktu pensen kepada tok hakim-tok hakim ini 66 tahun. Memang Tuan Yang di-Pertua, tok hakim-tok hakim ini kena orang yang berpengalaman kerana di atas pengalaman inilah kehakiman itu akan menjadi adil. Kalau kita ambil orang muda-muda memang kurang berpengalaman, tetapi kadang-kadang ada kelayakan dan kelulusan. Jadi elok sangat, begitu juga saya difahamkan V.C-V.C universiti akan ditambah tempoh perkhidmatannya disebabkan oleh kos perbelanjaan untuk mereka menjadi seorang V.C . itu bukan mudah, mendapat status profesor bukannya mudah, kosnya besar. Jadi tiada masalah, jadi saya bersetuju kehakiman dulu dan sekarang dah berbeza Tuan Yang di-Pertua. ...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu tak apa, Batu Gajah tak boleh. *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Dekat permulaan tadi Yang Berhormat Jerai ada sebut pengalaman menambah kedewasaan, pengalaman menambah kebijaksanaan, pengalaman juga menambah pengetahuan. Dalam Dewan yang mulia ini, kita ada juga orang yang berpengalaman, Ipoh Timor umpamanya, cara-cara Ipoh Timor tu Yang Berhormat Jerai, ada ke menampakkan kedewasaan, pengetahuan dan juga keupayaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini sekarang hakim.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Cuba, cuba, oh hakim saja? Tak, nak *relatekan* dengan pengalaman dan kedewasaan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlulah. Yang Berhormat Jerai boleh gulung. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Tangga Batu bikin salah, saya tanggung apa pasal? Dengan itu Tangga Batu kerana Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, jadi kita menghormati dia. Saya menghormati Ipoh Timor kerana dia tak ada, kalau dia ada, saya belasah, itu lain ceritalah, pasal ini Dewan Parlimen ya. Kita membuat undang-undang, tok hakim menjalankan undang-undang kita.

Jadi saya berharap kehakiman ini kena dipertimbangkan sedalam-dalamnya, kadang-kadang kes ini lambat Tuan Yang di-Pertua, kerana semua pihak DPP dan juga pihak peguam

sedang mencari satu jalan untuk mengatasi supaya yang dituduh itu mendapat hukuman yang setimpal. Kalau dia tak bersalah – tak bersalah, jangan Tuan Yang di-Pertua kalau orang yang tak bersalah, kita masukkan dia di penjara, akan teraniaya hidup dia, seumur hidup dia akan teraniaya disebabkan oleh kesilapan hakim dan mahkamah. Sebab itulah negara kita ini, tidak ada lagi saya dengar *witness* duduk dalam kelambu. Tapi kita tengok di Iraq, bicara presiden, *witness* duduk dalam kelambu, suara pun ditukar, saya tak tahu dari segi penghakiman dia buat tak buat, di Malaysia saya tak pernah dengar lagi. Begitu mudah boleh ambil mai, orang duduk letak dalam kelambu, tukar suara, kerana nak memberi kenyataan dan juga memberi kenyataan kepada mahkamah. Tetapi kita di sini alhamdulillah, semua berjalan dengan elok.

Jadi kalau kita nak salahkan tok hakim disebabkan oleh kelewatan, keputusan itu tidak adil. Tok hakim menjalankan tugas, kalau DPP dan juga pihak peguam boleh mempercepatkan kes mereka dengan tidak ada tangguhannya, maka tok hakim akan menjalankan tugas. Jadi kita nampak hari ini kerajaan telah memperbanyakkan tok hakim-tok hakim ini, kita dok tambah tok hakim dari masa ke semasa, kita bukan boleh ambil tok hakim-tok hakim yang ‘kanyak-kanyak’ ni pi naik jadi tok hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit dah cukuplah.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua pun dalam Dewan Rakyat adalah tok hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kena hormat.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu selalu tunduk sama tok hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik lima minit cukup, duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya terima, saya akur, tapi saya minta pada tok hakim, lepas saya jangan bagi Batu Gajah, lain tak apa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bandar Kuching lepas itu Muar dan Timbalan Menteri jawab. Sepuluh minit ya Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [Ketawa] Jerai tak bantah.

12.14 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peguam banyak pengalaman.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya berpendapat bahawa pindaan ini yang meningkatkan umur persaraan hakim-hakim dari 65 ke 66 tahun, itu satu “*baby step*” untuk menambahkan masa untuk hakim itu berkhidmat kepada negara. Ini kerana kita harus tahu, kerja hakim bukan sama dengan kerja lain yang perlu tenaga fizikal. Hakim itu semakin tua, mereka semakin banyak pengalaman dan semakin bijaksana.

Seorang Ahli: Macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timorlah, macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timorlah. Oleh itu, ia adalah satu kerugian kepada kerajaan kita sekiranya mereka bersara pada umur 65 atau 66. Ini kerana ramai hakim yang bersara, selepas bersara mereka menjadi *arbitrator* dan ramai peguam-peguam yang mahu rujukkan kes kepada *arbitration* mereka mahu cari hakim-hakim yang bersara, yang menjadi *arbitrator*.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan terhadap hakim yang bersara dan ini menunjukkan bahawa hakim yang bersara mereka masih berupaya untuk memutuskan kes-kes. Oleh itu, saya ingin mencadangkan bahawa umur persaraan hakim haruslah dinaikkan lagi, mungkin ke 70, 75, macam di England. Di England dahulunya seorang hakim tidak ada umur persaraan tetapi sekarang umur persaraannya 75.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkara yang kedua yang saya ingin berucap adalah.....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Kalau misal kata umur persaraan itu ditingkatkan ke 70 tahun, bukannya faktor kesihatan itu juga satu yang penting. Ini kerana kalau seseorang itu umurnya terlalu lanjut dan banyak faktor-faktor kesihatan yang berkaitan dengan umur, contohnya dan kalau kesihatan seorang hakim itu tidak begitu baik, contohnya bukannya ini juga boleh mengurangkan keupayaan hakim itu dalam membuat pengadilan dan juga kurang keupayaannya dari segi fizikal untuk hadir ke mahkamah. Bukankah ini boleh lagi menambahkan masalah kes-kes yang tertunggak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu Yang Berhormat bagi Gombak itu seorang doktor. Itu hal doktor untuk menambahkan, untuk *improve their health*. Dalam zaman ini, kita semua tahu umur 66, 65 seorang itu masih muda dan ramai orang yang dalam umur itu masih dalam keadaan yang kesihatannya baik. Oleh itu, saya fikir itu bukan satu alasan untuk mengehendkan umur perkhidmatan hakim-hakim.

Kedua, perkara yang saya ingin sentuh adalah mengenai kuorum hakim dalam Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan semasa mereka mendengar kes-kes yang dirayu dari Sarawak. Ini berpunca dari perjanjian pembentukan Malaysia. Dalam perjanjian itu ia ada disebut, semasa itu tidak ada Mahkamah Rayuan, ia hanya ada *Supreme Court* dan dalam perjanjian pembentukan Malaysia ia ada sebut, apa-apa kes yang dirayukan dari Sarawak ke Mahkamah *Supreme*, kuorum hakim-hakim daripada 3 orang yang membentuk kuorum itu, sekurang-kurangnya seorang mestilah seorang wakil Sarawak.

Sekurang-kurangnya seorang dari 3 hakim-hakim yang menjadikan kuorum *Supreme Court* mestilah seorang wakil Sarawak. Adakah praktis ini masih diamalkan di *Court Appeal* dan di *Federal Court Sitting*? Ini kerana ia bukan sahaja merupakan satu syarat pembentukan Malaysia, ia juga ada *practicality*nya kerana di Sarawak ada banyak undang-undang yang ada sedikit perbezaan dengan undang-undang yang dikuatkuasakan di Semenanjung. Umpamanya, Sarawak *Land Court* yang amatlah berbeza dengan *National Land Court*. Oleh itu, ia adalah penting bahawa kuorum Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, semasa mereka mendengar kes-kes dirayu dari Sarawak seharusnya sekurang-kurangnya seorang dari Sarawak.

Perkara ketiga adalah mengenai perbicaraan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di Sarawak. Sekarang satu tahun hanya ada dua atau tiga kali *Court Appeal Sitting* di Sarawak, yang terbanyak 4 kali dan *Federal Court Sitting* satu tahun satu kali, dua kali sahaja. Sekiranya pihak-pihak yang *in the litigation*, mereka ingin mempercepatkan perbicaraan mereka, mereka haruslah bersetuju, kedua-dua pihak haruslah bersetuju supaya kes itu dibicarakan di Putrajaya. Apakah ertinya? Ia akan meningkatkan kos kepada *litigant*. Oleh itu, saya fikir adalah wajar untuk memperbanyakkan *Court Appeal Sitting* dan *Federal Court Sitting* di Mahkamah Sarawak kerana di Mahkamah Kuching juga adalah satu mahkamah yang standard dan baru sahaja dibina.

Oleh kerana kekurangan *Court Appeal Sitting* dan *Federal Court Sitting* di Sarawak, banyak kes yang dirayu kepada *Court Appeal* dan *Federal Court* telah dilambakkan. Ada sekurang-kurangnya 5 tahun, 6 tahun kes itu pun belum dibicarakan. Satu perkara lain yang saya ingin sebut adalah mengenai *registry*, *Registry Office of Court Appeal and Federal Court*. Di Sarawak sekarang tidak ada *registry*, *Court Appeal Registry*, tidak ada *Federal Court Registry*. Kalau kita mahu merayu dari Mahkamah Tinggi, kita seharusnya pergi ke Putrajaya untuk memfailkan *rekod of Appeal*, *Notice of Appeal* kita di Putrajaya. Apakah sangat susah untuk menubuhkan satu *Court Appeal Registry* dan *Federal Court Registry* di Sarawak dan di Sabah juga. Tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengatakan *e-filing*, itu lebih teruk lagi.

Dari Sarawak ambil kapal terbang datang ke Putrajaya kerana itu *notice of record appeal* ada masa yang tertentu kita mesti failkan. Oleh itu, ramai peguam mereka tidak berani untuk mengiriskan ke Kuala Lumpur, kebanyakan mereka datang sendiri untuk memfailkan kes itu yang akan menambahkan kos, menyulitkan peguam-peguam yang praktis di Sarawak dan Sabah. Oleh itu saya harap, itu sudah banyak kali dibincangkan oleh *Upper Case Association* di Sarawak tetapi langsung tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Saya harap dalam tahun depan sekurang-kurangnya ada *Court Appeal* dan *Federal Court Registry* ditubuhkan di Kuching. Akhir sekali adalah mengenai bidang kehakiman yang seluruhnya.

Dari segi jurubahasa, *interpreter*. Ini kerana mengikut undang-undang sekarang *interpreter* yang diterima dalam mahkamah seharusnya ada beberapa syarat yang mesti dipatuhi. Mengikut pengalaman saya jikalau ada satu kes yang mengenai *French* dokumen di seluruh

dunia itu tidak dapat cari penterjemah. Ini kerana walaupun seorang profesor *French* atau seorang profesor *French language and English language* mereka tidak akan mematuhi Akta Jurubahasa, syarat-syaratnya. Saya ada menerima satu aduan mengenai satu kes yang melibatkan dokumen-dokumen dalam *French language*. Kalau kita meneliti undang-undang sekarang, tidak ada orang yang layak yang akan diterima oleh mahkamah untuk menterjemahkan *French* ke dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu, kalau itu juga *apply* untuk bahasa yang lain. Sekarang penterjemah di mahkamah kita hanya ada dari Hokkien, dari bahasa Cina ke Inggeris atau ke bahasa Malaysia sahaja. Oleh itu, saya menyeru supaya Timbalan Menteri dapat meneliti hal ini, meneliti undang-undang yang berkaitan dengan penterjemahan *language* dalam mahkamah. Dengan itu, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar, 10 minit, 5 minit bolehkah?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ya, 5 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, ya! Kemudian Timbalan Menteri jawab.

12.27 tgh.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan ini kerana membawa rang undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim ini. Kerana kita lihat, saya pun kadang-kadang tidak faham dengan pembangkang ini, ada cadangan untuk tambah hakim. Dia kata, angkat telefon suruh lantik. Saya rasa tidak semudah itu, nombor satu. Nombor dua, dia kata hakim kita tidak berkualiti.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Hendak suruh angkat telefon lantik dengan tidak berkualiti ini pun kadang-kadang saya tidak faham sangatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, bila saya kata melantik hakim, perkara ini telah dibangkitkan kepada Timbalan Menteri banyak lama. Nombor dua, hakim di Teluk Intan itu tidak ada dekat 7 bulan, bukan 1 bulan, 2 bulan dan Mahkamah Seksyen, dia punya prosedur lain dari hakim Mahkamah Tinggi.

Hakim Mahkamah Tinggi dia ada kriteria yang lain, Mahkamah Seksyen senang sahaja. Kalau Timbalan Menteri dia betul-betul ada masa yang senang dia boleh buat kerja itu, itu yang

saya katakan, sarankan. Bukan saya kata dia tidak membuat kerja dia, sibuk, mungkin perlu dia memberi lebih masa itulah saya rasa.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ha! *[Ketawa]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, mukadimah saya itu mungkin menarik perhatian Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tidak apalah, menteri nanti boleh jawab yang itu. Cumanya saya setuju, kita di Malaysia ini kita ada Mahkamah Majistret, kita ada Mahkamah Seksyen, kita ada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan dan sebagainya.

Jadi, kita kena rujuk di peringkat mana berlakunya kelewatan, di mana berlakunya ketidakadilan yang didakwa. Ini kerana pada saya hari ini, rang undang-undang ini saya percaya untuk memberi peluang kepada kekurangan para hakim kita ini dilanjutkan usianya. Saya rasa umur 66 ini tidaklah terlalu menyekat *judgement*, para hakim dan kita bersetuju sangat dengan tindakan kerajaan untuk melanjutkan tempoh umur. Ini kerana kalau kita lihat perkara yang paling sukar untuk kita adili ataupun untuk memberi kepuasan kepada orang ramai ialah di mahkamah. Saya percaya satu-satu keputusan yang diambil mengikut prosedur bukan mengikut logik sama ada orang ini bersalah atau tidak, keadilan perlu diberikan kepada semua masyarakat.

Kalau tidak mereka yang rasa tertindas akan menjadikan soal keputusan sesuatu mahkamah tidak adil dan apabila kita tidak lagi menghormati sistem kehakiman maka suasana aman harmoni dalam sesebuah negara akan terjejas. Ini banyak contoh yang telah berlaku dalam negara kita dan saya rasa, Alhamdulillah, masyarakat kita hari ini masih memandang tinggi kepada institusi kehakiman. Saya mengharapkan kita sebagai pemimpin di Parlimen ini pun, kita perlu memberi sokongan penuh kepada sistem kehakiman yang diletakkan di peringkat yang tertinggi di negara kita. Cuma mungkin kalau boleh saya sumbangkan sedikit pandangan, bila agaknya dapat kita angkat institusi kehakiman ini ke peringkat yang begitu tinggi, lebih tinggi daripada yang ada pada hari ini.

Kerana kalau kita lihat hakim-hakim kita ini jumlahnya kurang, kita juga tahu ramai peguam-peguam senior dalam negara kita ini ditawarkan atau dilantik untuk mengisi kekosongan yang ada dan kebanyakan dari mereka untuk pengetahuan yang lain betulkan saya kalau saya silap, kebanyakan mereka peguam-peguam senior ini mereka tidak mahu menerima lantikan walaupun mereka mempunyai pengalaman yang luas.

Mereka perlu ingat mereka juga ada tanggungjawab untuk menegakkan keadilan. Saya rasa perkara ini kerajaan kalau dapat memberi pemberitahuan berapa ramai hakim-hakim yang dilantik di kalangan peguam senior yang menolak. Mungkin alasannya gaji, mungkin alasan imbuhan yang tidak menepati yang saya rasa sepatutnya diletakkan di pertimbangan paling bawah kerana dalam soal menegakkan keadilan ini kita perlukan pengalaman.

Saya setuju apabila dinyatakan kerjaya sebagai peguam ini tidak seperti *engineer*, doktor dan sebagainya kerana berbeza. Sebab berbeza itulah saya merasakan peguam-peguam yang mempunyai pengalaman yang luas yang telah puluhan tahun berkhidmat sebagai peguam ini perlu menyahut seruan kerajaan, seruan kita untuk mengisi kekosongan-kekosongan yang ada. Supaya kelewatan, saya merujuk kepada mahkamah yang lebih tinggi, kelewatan perbicaraan kes-kes ini dapat kita selesaikan kerana agak sedih kalau faktor imbuhan yang kurang berbanding dengan kalau mereka berkhidmat di luar mahkamah dijadikan alasan untuk tidak menerima. Kerana kita tahu tanggungjawab sebagai hakim ini besar, dalam agama Islam juga mengatakan akan dipersoalkan mereka ini tetapi dalam kita hari ini apa yang kita tengok apa yang cuba kita berikan ialah keadilan supaya semua orang mendapat keadilan yang sepenuhnya bukan kepuasan hati kita bila kita punya mahkamah memutuskan selain daripada apa yang kita hendak kita kata mahkamah tidak adil. Ini yang perlu kita elakkan dan saya mengharapkan agar keadilan ini dapat dikekalkan supaya sistem ini dapat kita teruskan pada masa-masa akan datang.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Muar sebut pun saya minat juga dia kata mungkin oleh kerana terlalu lama mengamalkan perundangan ini menyebabkan seorang peguam itu kuaratir untuk menduduki jawatan hakim. Yang Berhormat Muar hakim ini sebenarnya adalah antara yang kalau dalam Islamlah menyebut antara yang ramai masuk nerakalah kerana menghukum dengan silap. Apa pandangan Yang Berhormat Muar tentang jika kita memegang hakim ini kita perlu berasaskan kepada lebih baik kita membebaskan sembilan yang salah itu daripada kita menghukum seseorang yang jujur yang tidak bersalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Manusia ini serba kekurangan serba tidak tahu sebenarnya, jadi pada saya kita membuat keputusan kepada apa *privilege* yang kita ada, apa maklumat yang kita ada dan asal sahaja perkara itu mematuhi peraturan prosedur yang ditetapkan maka kita buat keputusan berdasarkan maklumat yang kita ada, Insya-Allah kita selamat. Jangan kita buat keputusan ikut emosi, perasaan dan kepentingan, ikhlas, kita kena ikhlas dan kita kena buat keputusan demi kepentingan....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:institusi. Satu lagi sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup masa.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Ini bangun hendak.....

12.34 tgh

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Muar. Tadi Yang Berhormat Muar kata bahawa untuk meningkatkan institusi-institusi kehakiman kita kerana ramai hakim sekarang dia tidak ramai peguam-peguam bersara ini tidak ada minat atau tiada insentif untuk memasuki institusi-institusi kehakiman. Setuju atau tidak dengan saya bahawa untuk penyelesaian sesuatu kes faktor-faktor lain juga akan terlibat dan juga sebagai contoh penyiasatan oleh IO atau *Investigate Officer* di pihak polis, DPP dan sebagainya. Kerana saya difahamkan ada banyak kes sekarang ini masih berlarutan di antara IO dengan DPP dan DPP dengan IO sebelum mereka ke mahkamah. Kerana kalau hakim itu dia hendak buat satu keputusan kalau kedua-dua pihak itu tidak bersetuju maka kes itu di tangguh. Ini telah menyebabkan kelewatan maka setuju tidak Yang Berhormat Muar selain daripada kita memperkasakan kehakiman.....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa untuk Muar sudah cukup.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:faktor-faktor lain seperti ini mesti kita pertingkatkan. Apa pandangan Yang Berhormat Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Setuju sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.35 tgh

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ambil bahagian dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sokong menyokong rang undang-undang ini. Pertama saya ingin jawab kepada Yang Berhormat Tawau. Kriteria yang perlu berkaitan dengan kriteria yang digunakan untuk pelantikan hakim. Kriteria yang perlu ada bagi pelantikan seseorang hakim adalah berdasarkan klausa 13 prinsip-prinsip asas Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kebebasan kehakiman dengan izin *United Nations basic principal on the independence of the judiciary* yang menekankan kebolehan integriti dan pengalaman seseorang dan juga kriteria yang disebut di bawah prinsip-prinsip Bangalore mengenai tata laku kehakiman dengan izin *the Bangalore principals of judicial conduct*. Di mana seseorang hakim harus antara lain memiliki sifat tidak berat sebelah atau prejudis, integriti, ketatasusilaan dan juga semua prosiding di mahkamah yang dibicara adalah mengikut prosedur dan dijalankan di mahkamah terbuka dan juga para hakim dikehendaki untuk menulis alasan penghakiman maka isu ketelusan iaitu *transparency* tidak di timbul.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tawau juga menimbulkan satu isu di mana di kata kita perlu mengadakan satu jawatankuasa untuk pelantikan hakim. Isu ini perkara ini telah dibangkit beberapa banyak kali untuk mengadakan satu jawatankuasa khas untuk pelantikan

hakim. Ini pada masa ini kita tidak adalah satu jawatankuasa mungkin dalam masa hadapan mungkin cadangan ini boleh diterima. Tetapi pada masa ini tidak adalah cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa.

Berkaitan dengan kenaikan pangkat dan kadang-kadang kita dapati seseorang *junior* itu dapat satu jawatan tinggi dia orang-orang yang sudah ada hakim-hakim. Isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Tawau adalah berkaitan dengan dua tiga hakim, dia ada sebut nama, satu dia kata seorang hakim telah jadi AG selepas bersara, seorang lagi hakim apabila dia bekerja sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara terus lantik kepada Mahkamah Rayuan.

Untuk jawapan yang kedua Mahkamah Rayuan pelantikan Yang Arif Gopal Sri Ram kepada Mahkamah Rayuan itu pada masa itu kita tidak ada Mahkamah Rayuan kita hanya ada Mahkamah Agung. Mahkamah Rayuan adalah satu peringkat mahkamah yang baru. Apabila mahkamah itu ditubuhkan kita sedang mencari hakim-hakim yang layak, hakim-hakim untuk menduduki di peringkat Mahkamah Rayuan.

Oleh sebab itu walaupun ada juga dua tiga hakim daripada Mahkamah Tinggi lantik sebagai hakim di Mahkamah Rayuan, Gopal Sri Ram dia diberi terus, *leap-frog* daripada seorang peguam kepada Mahkamah Rayuan. Itu kerana kebolehan beliau, beliau adalah seorang hakim yang bagus dan baik dan juga pada masa itu dia layak dan dia ada di fight dengan izin oleh pihak-pihak berkenaan dengan pelantikan dan dia telah dilantik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Mengenai *leap-frog* ini apakah alasan hingga hari ini Gopal Sri Ram walaupun dilantik sebagai judge sepuluh tahun dahulu beberapa hakim telah *leap-frog* tetapi beliau adalah satu di antara hakim yang terkenal di antara *Malaysian juries*. Apakah sebab beliau tidak lagi dinaikkan pangkat ke Mahkamah Persekutuan? Adakah sesuatu yang tidak kena atau yang tidak boleh diterima oleh pihak-pihak berkenaan?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini berkaitan dengan Yang Arif Gopal Sri Ram, kita fahamlah dia yang paling kanan di dalam Mahkamah Rayuan sekarang ini, ada hakim-hakim yang datang daripada yang dilantik daripada Mahkamah Tinggi selepas itu kepada Mahkamah Rayuan daripada Mahkamah Tinggi telah *leap-frog* ke Mahkamah Persekutuan tetapi Gopal Sri Ram ini kena tinggal belakang.

Ada beberapa kali nama beliau telah dinaikkan untuk beliau dilantik sebagai hakim di Mahkamah Persekutuan tetapi tidak, keputusan selepas dibuat keputusan ini keputusan yang akhir akan dibuat oleh dengan izin *rulers in conference* so selepas *rulers in conference* buat keputusan kita dapati nama Yang Arif Gopal Sri Ram tidak ada dalam senarai lagi. Ini dengan izin *out of our control or jurisdiction*. Oleh sebab itu saya haraplah yang *promotion* yang akan datang kalau ada kekosongan - sekarang ini Mahkamah Persekutuan tidak ada kosong kalau ada saya juga haraplah beliau boleh dilantik kerana saya pendapat saya juga dia lama dan dia paling kanan dan masa sudah sampai untuk beliau dapat tempat itulah. Saya bersetuju dengan Ipoh

Barat saya haraplah tidak ada orang yang leap-frog dia kali ini *the next vacancy* dengan izin beliau boleh dapat lantiklah.

Itulah alasan untuk *direct appointment*. *Direct appointment* kadang-kadang mereka ini *selected* dengan izin daripada beberapa nama yang diberi. Itu kadang-kadang nasib jugalah apabila beberapa nama diberi seorang kena lantik sebagai hakim dan lain tidak dapat peluang. Lagi satu soalan rancangan pihak mahkamah bagi memastikan kes-kes dengar dengan segera. Di mahkamah kita ada garis panduan yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa mengenai bagaimana budi bicara harus digunakan dalam mempertimbangkan permohonan penangguhan kes. Di samping itu mahkamah juga mengamalkan sistem pengurusan kes di mana *case management* dengan izin di mana-mana isu yang relevan dikenal pasti dahulu agar masa yang digunakan untuk perbicaraan lebih singkat. Ini sistem ini digunakan pada sekarang ini *case management*.

Berkenaan dengan pelaksanaan IT di mahkamah, pihak mahkamah sedang dalam pelaksanaan projek e-Kehakiman secara satu *pilot* projek. Saya fahamlah tadi Ipoh Barat kata orang melawat ada Timbalan Menteri melawat semua saya tidak dapat peluanglah melawat mana-mana negeri. Saya belum lagilah dalam lima tahun yang ada saya ada sebagai Timbalan Menteri melawat mana-mana negeri untuk belajar apa-apalah. Tetapi saya dengar tadi Ipoh Barat pun pergi USA tidak tahulah untuk belajar ke, *holiday* ke siapa *sponsor* saya tidak tahu. Tetapi kalau ada faedah daripada lawatan *any benefit* dengan izin *you can put forward to us*.

Berkaitan dengan isu *involvement or executive* saya ingin beritahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat ini, pelantikan tadi saya dengar Tawau lah dia ingin sentuh prinsip *separation of power* dengan izin *in the involvement appointment of judges* oleh *executive* dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya hendak beritahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengikut 122B dalam Perlembagaan kita ini dengan izin *appointment with judges of panel court, Court Appeal on High Court* adalah perenggan satu, dua, tiga, empat, lima dan enam saya hanya baca satulah untuk maklumat kepada Yang Berhormat yang bangkitkan isu ini "*the Chief Justice of the Federal Court* dan *President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Court and subject to article 122C the other judges of the Federal Court of the Court of Appeal and the High Court shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong acting on the advice of the Prime Minister after consulting the conference of rulers*.

So perkara ini tidak wujud *involvement of the Prime Minister*, hanya *advice the Prime Minister* nama-nama ini diberi. Selepas itu kalau kita baca 122B(2), *before tendering is advised, this is the Primer Minister*, dengan izin, *as to the appointment under Clause 1 of a judge other than Chief Justice of Federal Court, the Prime Minister shall consult the Chief Justice*. So sebenarnya *Prime Minister* ada konsultasi bersama dengan *Chief Justice* sebelum *appointment* ini. Maka tidak wujudlah *involvement of Executive* dalam *appointment*.

Dan lagi satu isu berkaitan dengan ini umur 65 ke 66, kenapa tidak 75 dan sebagainya dunia dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat menggunakan perkataan dengan ikhlas. Saya tahulah ini, keseluruhan DAP tiada ikhlaslah, *the whole of DAP* tiada ikhlas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini sangkaan jahat, kalau saya kata mengenai PPP.

Datuk M. Kayveas: PPP ikhlas

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Then we will say it is a pickpocket party. This is not fair.*

Datuk M. Kayveas: Duduk, duduk, duduk, duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *There must be a sense of balance.*

Datuk M. Kayveas: *You* duduk, *you* gunakan perkataan ikhlas, saya hendak beritahu kepada awak apa erti itu ikhlas seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi? Janganlah kata bila orang kata mengapa umur persaraan para hakim dinaikkan daripada 65 ke 66. Ini adalah selaras dengan kenaikan persaraan para pegawai kerajaan yang telah dinaikkan daripada 55 ke 56, so dengan izin, ikutlah. *From that* kita *just to make it a standard* kita akan naikkan umur hakim *from 65 to 66*. Ini tidak kena mengena dengan ikhlas, keikhlasan. Oleh sebab itulah saya kata soalan DAP ini tidak ikhlas.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Duduklah, tidak payah bangun....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Datuk M. Kayveas: Nanti saya bagi, nanti saya bagi. Saya jawab ini sikit dulu. *You* cari fasal tadi *you* cakap Timbalan Menteri tiada ikhlas, *you* yang cari fasal. Belajar sikit jangan cari fasal dengan saya, nanti kena susah. *[Disampuk]*

Kekosongan jawatan Hakim Mahkamah Sesyen dengan soalan itu tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya faham, awak ada beritahu saya, bukan dua tahun, tiga tahun awak ada beritahu. Saya ingat dua minggu, tiga minggulah, baru dua, tiga minggu, baru *you* ada beritahu dengan saya. Tetapi tadi *you* cakap macam dua, tiga tahun *you* sudah beritahu dengan saya, kita tak buat apa-apa. Ini pelantikan bukan senang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Ambil telefon sahaja lantik orang, ini pegawai kerajaan bukan begitu. Kita ada prosedur, kita ada jabatan-jabatan yang tertentu untuk melantik orang. Timbalan Menteri ke, Menteri ke, tidak ada kuasa untuk ambil telefon lantik seseorang, *sorry*lah dengan izin, tidak begitulah.

Ini menunjukkan masih lagi daripada pihak pembangkang tidak faham *administration of the country, how the appointment of employees are done*. Kalau macam ini, sukralah lain kali hendak menang dalam pilihan raya untuk menubuhkan Kerajaan DAP, susah, tidak boleh. Sebelum itu beli buku *Civil Procedures About Appointment of The Employees In the Government*

Sector, dengan izin, sebelum beri nasihat kepada saya ambil telefon sahaja, lantiklah seseorang, tidak boleh begitu.

Walau bagaimanapun saya tahulah masalah di Mahkamah Sesyen di Teluk Intan itu berkaitan dengan satu hakim. Untuk maklumat Yang Berhormat, jawatan Hakim Mahkamah Sesyen itu tidak dapat diisi pada masa ini kerana kes tatatertib, *discipline action* pegawai ini belum diselesaikan, kita ada. Walau bagaimana pun kes-kes di Mahkamah Sesyen Teluk Intan dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dari Ipoh. Macam tadi kata, *circuit judge*, litar. Dia ada dari mahkamah Ipoh datang untuk mengendalikan kes. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tidak ada hakim, kes-kes di tangguh itu tidak benarlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikitlah. Mengenai pelantikan hakim. Bila saya kata, Timbalan Menteri mengambil telefon, saya kata dengan pegawailah bukan terus pelantikan tersebut. Mungkin kita salah faham mengenai perkara itu.

Nombor dua, mengenai hakim yang kena *discipline action* yang sedang diambil, sudah enam bulan. Kalau semua hakim terlibat dalam macam ini, adakah tidak ada hakim-hakim yang akan dilantik ke satu jawatan dalam satu tempat tersebut.

Nombor tiga, hakim yang tidak ada di Teluk Intan sekarang, yang dihantar dari Ipoh, bila dia keluar dari Ipoh, kes-kes Ipoh ditunda, semua *dipostpone*, dua hakim, hakim nombor dua dan hakim nombor empat dari Ipoh. Saya boleh bagi tahu nama itu, Tuan Yang di-Pertua, satu Encik Ridzuan dan satu Puan Tan, dua-dua dari Ipoh pergi sana, dua-dua bila kes mereka di Ipoh ditunda. Nombor dua, bila mereka pergi ke Teluk Intan, kes-kes itu saya difahamkanlah, saya tidak pernah pergi sana, saya difahamkan kalau ia berlanjutan beberapa lama, dia tidak ingin mendengar. Dan ini pun baru dimulakan tidak sampai tiga minggu dulu. Jadi, saya haraplah sesuatu yang dibuat, jangan kita tunggu. Mesti ada kuasa-kuasa yang tertentu supaya pelantikan dapat dibuat untuk pelantikan satu hakim di mahkamah Teluk Intan.

Datuk M. Kayveas: Apabila ada arahan untuk hakim-hakim dari Ipoh pergi ke Teluk Intan, hakim-hakim perlu selesai kes-kes yang di Ipoh dulu atau beri satu tarikh lain untuk pergi ke Teluk Intan. Ini adalah apabila tidak ada seorang dia buat *covering*. Tetapi, kita ambil perhatian masalah Yang Berhormat, Yang Berhormat telah beritahu saya dan saya juga telah beritahu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk dengan secepat mungkin melantiklah seorang Hakim Sesyen di Teluk Intan

Berkaitan dengan hakim, hakim tidak boleh, hakim-hakim tiada kuasa untuk memilih kes-kes untuk didengar. Kes-kes dibahagikan turutan pendaftaran dengan izin, *the sequence of registration*. dan kes-kes di mana hakim-hakim akan dapat pengagihan fail-fail sama rata dengan

izin, *all these cases are divided equally*, hakim tidak ada kuasa untuk memilih kes yang dia hendak mengendalikan. *There no such thing*.

Berkaitan dengan kes-kes yang ditangguhkan lama. Tadi ada kata satu kes *murder*, kematian, tahun yang ditetapkan pada 2007. Berkenaan dengan penetapan tarikh bicara, ianya dilakukan selepas peluang diberi kepada kedua-dua pihak yang hadir pada masa itu bersama dengan diari hakim di mahkamah. Yang Berhormat tadi kata saya ada pengalaman, saya juga peguam sudah 20 tahun, saya tahu prosedur itu. Apabila hendak satu tarikh menangguhkan kes itu, peluang diberi kepada dua-dua pihak, *both defend and prosecution* diberi peluang, selepas itu baru tarikh ditetapkan. Kalau tarikh itu ditetapkan jauh sangat, itu adalah tanggungjawab peguam untuk minta satu tarikh yang singkat

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk M. Kayveas:untuk menyelesaikan kes, bukannya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya anggap itu tidak tepat kerana mengikut pengalaman saya sebagai seorang peguam. Sekarang di Kuching, pada hari ini jikalau kita *set down the case for trial*, untuk perbicaraan, tarikh yang akan ditetapkan adalah 2007 dan 2008 untuk *session court case*. Itu adalah untuk *set down for trial*. So sekurang-kurangnya kalau satu kes hendak difailkan sehingga dia dibicarakan dengan penuhnya, *full trial* sekurang-kurangnya empat, lima tahun baru akan diselesaikan. Itu untuk *Session Court*. *High Court* pun macam ini. Kalau hari ini kalau hendak *set down for trial*, tarikh yang akan ditetapkan adalah 2007 kerana tarikh sudah penuh mengikut kata pegawai di mahkamah. Hakim itu, semua tarikh sudah penuh. Itu menunjukkan kekurangan hakim adalah satu masalah. Dan di Kuching, bangunan mahkamah ada lima bilik Mahkamah Tinggi, hanya tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi. Apa gunanya untuk membina bangunan begitu besar tetapi tidak ada peruntukan untuk mengupah lebih banyak hakim.

Oleh itu saya anggaplah Timbalan Menteri dia membuat satu kenyataan, *sweeping statement* yang hendak menuduh peguam sama ada peguam daripada DAP atau peguam dari BN...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Teliti sikitlah.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat, saya tidak buat *sweeping statement*. Sebenarnya saya tidak setuju dan sekarang ini saya tidak terima alasan-alasan yang masih diberi bahawa kes-kes ditangguhkan oleh sebab mahkamah atau hakim. Itu tidak betul. Pergi buat *checking*, semak dengan cara baik. Kebanyakan kes-kes *delay* ini berkaitan dengan peguam cara. Kebanyakan peguam-peguam yang datang, dia tidak ada saksi, dia belum *ready*, dia belum sedia, dia ada kes lain di mahkamah lain. Kalau kita ambil peratusan, *if we divide percentages*,

peratusan hakim yang menangguhkan kes itu paling kurang. Hakim tidak boleh menangguhkan kes dengan sewenang-sewenangnya. Hakim tidak boleh buat begitu. Hakim hanya boleh bagi tarikh yang lain, boleh *postpone* kes, menangguhkan kes itu apabila permintaan daripada sebelah satu pihak. Kalau kes jenayah....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Duduklah, dengar dululah sekejap, duduk. Kalau kes itu kes jenayah, dia ada masalah banyak masalah, *investigating officer* (IO), dia punya barang-barang kes, dia ada saksi-saksi belum sedia, belum ada. Saksi-saksi cuti sakit, saksi tidak dikesan, banyak alasan. Dan kepada peguam-peguam yang mengendalikan kes saya tahu, banyak peguam yang dia datang ini dia hendak menangguhkan kes kerana dia sudah ambil banyak kes. Dia belum sedia dia punya kes, dia belum *ready*, dia belum *prepare*. Bila dia datang mahkamah, dia tunggu sana duduk, dia harap kes ini kena *postpone*, itu peguam punya kerja. Jangan salahkan tiap-tiap kali hakim atau mahkamah, saya tidak setuju.

Satu masa dahulu kalau *you* kata hakim atau mahkamah kita ada banyak kes ditangguhkan, kita boleh terima. Sekarang kita ada arahan, arahan kepada semua hakim-hakim tidak boleh *postpone* kes. So alasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai saya kata *sweeping statement* itu, saya tidak terimalah. Tetapi, saya harap pihak-pihak *Bar Council*, pihak-pihak yang berkaitan dengan peguam-peguam buat satu kajian. Berapa banyak kes di mahkamah *dipostpone* oleh sebab peguam-peguam yang datang ke mahkamah yang minta *postponement* untuk kes-kes ini. Pergi *check*, banyak, oleh sebab itu saya tidak boleh terimalah alasan yang masih kalau *you* kata penangguhan kes ini kerana mahkamah. Kalau tidak ada mahkamah....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Saya tidak bagi peluang, duduk dulu. Saya hendak cakap sedikit. Saya pun belum cakap, duduklah

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai itu alasan....

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi jalan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Continue with your denial syndrome.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yalah, itulah sikap-sikap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tak bagilah

Datuk M. Kayveas: Itu bukan sikaplah. *You* punya masalah, bagi kita cakap dulu .

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bagaimana negara kita akan maju dengan sikap begitu.

Datuk M. Kayveas: Duduklah, dengar dulu sedikit....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak ada....

Datuk M. Kayveas: Apa sikap ini? *You* tahu peraturan ke, *you* tahu peraturan. Bila *you* bangun...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itulah satu sikap *denier syndrome*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduk, duduk.

Datuk M. Kayveas: Orang tak bagi dialah. Saya cakap, bagi saya peluang cakap dulu, baru saya dengar awak. Dua-dua orang cakap siapa mahu dengar. Kalau saya cakap *you* punya sikap macam monyet *you* marah. Bagi peluang orang cakap dulu, *you* dengar dulu sikit. Saya bagi sikit penjelasan, belum bagi kepada *you*, awak mahu bangun. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berapa minit diperlukan lagi.

Datuk M. Kayveas: 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, kenapa benarkan dia menjawab semacam monyet. Kenapa benarkan dia jawab sebagai monyet, macam monyet, apa, apa.

Datuk M. Kayveas: Awak monyet yang paling besarlah, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak rasa....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak dengar, apa ini?

Datuk M. Kayveas: Sampai pagi tidak nampak muka, baru masuk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini menjatuhkan maruah Dewan yang mulia ini *deliberate*. Kita bolehkah membiarkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia tidak ada monyetlah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada monyet. Tetapi ada monyet cakap tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak adalah, tidak adalah.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan. Ini kali yang ketiga. Ini kali yang ketiga. Ada orang yang cuba *deliberate*, mungkin dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:tidak boleh dapat sensasi dalam *head line*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh dapat berita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tetapi, kali yang ketiga, dia tidak boleh dibenarkan. Kita mahu dia tarik balik dan minta maaf. Mana boleh kali yang ketiga di Dewan yang mulia ini, mana boleh. Saya harap diarahkan bahawa Yang Berhormat Menteri tarik balik dan kalau dia tidak mahu tarik balik, rujuk dia kepada *disciplinary committee*..

Datuk M. Kayveas: Ini bukan *show timelah*, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk M. Kayveas: *You* mahu buat *show*, mana? Tak ada masa untuk dengar you punya *show*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu minta satu *ruling*, satu *ruling* dia ada kata, selain daripada beliau ada nafi, dia kata mengenai semacam monyet. Ada kata atau tidak ada kata? Kalau ada kata, benar tidak benar. Kalau tidak benar, tarik balik. Itulah, *straight forward*, kita tidak benarkan kali yang ketiga maruah Parlimen dijatuhkan oleh Yang Berhormat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tegur sebagai Timbalan Speaker di sini Yang Berhormat saya haraplah perkataan monyet ke, seperti monyet, mulai sekarang tidak mahu digunakan lagilah sebab ini Dewan yang mulia.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Dewan ini, kalau kita pergi semak *Hansard*, pembangkang ini telah gunakan perkataan monyet banyak kali, perkataan celaka, perkataan macam-macam banyak perkataan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak, tidak. Itu hal yang lain kita semak, semak. Tetapi, tadi Yang Berhormat ada bangkit hal itu benar atau tidak benar.

Datuk M. Kayveas: Kalau orang cakap dia marah, bila dia cakap tidak apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita mahu tahu itu. Kita tidak benarkan, orang yang begitu tidak ada maruah tidak dibenarkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat

Datuk M. Kayveas: Kalau you.... Itu hari kalau DAP....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau tidak benarkan, tarik balik, dia tarik balik. Itu *Point of Order, Point of Order* benar atau tidak benar.

Datuk M. Kayveas: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau dibenarkan, semua boleh menggunakannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh atau tidak boleh, bukan akan datang. Tadi ada baru-baru berlaku dia selain daripada dia nafi, dia tidak nafi....

Datuk M. Kayveas: Saya, saya tidak cakap..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu *ruling*. boleh atau tidak boleh. Kalau tidak boleh, tarik balik. Itu sahaja..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup,cukup,cukup. Yang Berhormat kata apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kali yang ketiga, mana boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata apa tadi?

Datuk M. Kayveas: Saya tidak kata apa-apa.

- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.
- Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Monyet yang paling besar!
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukup
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Berani kata, tidak berani mahu mengakui.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Duduk, duduk, duduk
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak boleh diberikan. Saya rasa ini ada satu perkara yang serius.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat duduk,duduk,duduk
- Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sudah buat keputusan bahawa perkataan itu *unparliamentary*...
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.
- Datuk M. Kayveas:** Ya ke? Pergi *check*lah *Hansard*.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.
- Datuk M. Kayveas:** Siapa yang cakap perkataan itu, pergi *check* DAP berapa kali, DAP berapa kali ada guna perkataan itu....
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Hari ini awak, awak mulakan ini.
- Datuk M. Kayveas:** Pergi *check* *Hansard* dulu..
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua saya mintak duduk.
- Timbalan Menteri, *ruling* telah dibuat ialah supaya perkataan ini tidak digunakan lagi.
- Datuk M. Kayveas:** Terima kasih,Tuan Yang di-Pertua.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat tadi....
- Datuk M. Kayveas:** Saya setuju.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**telah mengeluarkan perkataan seumpama ini, saya cadangkanlah Yang Berhormat tarik baliklah.
- Datuk M. Kayveas:** Saya tidak kata dia monyet. Saya kata dia apabila saya cakap....
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada, ada....
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.
- Datuk M. Kayveas:** Apabila saya cakap dia orang sikap macam monyet *you* marah, tetapi dia tidak beri saya peluang saya cakap.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Check*lah!
- Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *You* kata monyet paling besar.
- Datuk M. Kayveas:** Itu sahaja.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebab....
- Datuk M. Kayveas:** Itu lain cerita. Monyet besar lain cerita.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

Datuk M. Kayveas: Dia bangun, dia punya fasal

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sudah buat kenyataan berani, takut mengakui.

Datuk M. Kayveas: Orang tidak ada bagi dia peluang untuk bangun, dia bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Serah kepada saya, Yang Berhormat..

Datuk M. Kayveas: Bila *you* bangun ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk,duduk, duduk. Jadi, eloklah untuk melicinkan mesyuarat ini, Yang Berhormat, saya senang sajalah Yang Berhormat, ikut cadangan sayalah dan senang memudahkan mesyuarat inilah.

Datuk M. Kayveas: Saya boleh teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat....

Datuk M. Kayveas: Saya tidak kata apa-apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa, sama ada kata....

Datuk M. Kayveas: ...yang saya hendak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata macam....

Datuk M. Kayveas: Saya tidak kata apa-apa yang saya hendak tarik balik. Tidak ada!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia kata macam monyet, serupa monyet, itu sudah dikeluarkan. Kalau dia tidak mahu tarik balik, tidak mahu minta maaf, tidak benarkan dia teruskan..

Seorang Ahli: Ya!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Halau dia keluar daripada Dewan..

Datuk M. Kayveas: Awak ada kuasa ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Halau dia daripada Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup,cukup, cukup.

Datuk M. Kayveas: Ini, ini awak punya kuasa ke? Bila awak jadi Speaker..

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya minta Pengerusi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Bila awak jadi Speaker?...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Halau dia daripada Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup...

Datuk M. Kayveas: Bila pembangkang jadi Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Dia sudah jadi Speakerlah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah.

Datuk M. Kayveas: *[Ketawa]* Dia mahu jadi Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, untuk memudahkan. Jadi, saya fikir Yang Berhormat tarik balik apa yang dikatakan. Yang Berhormat! Kalau hendak mintak keluar, arah keluar, ramai yang saya boleh buat. Tetapi secara kita aman damaikan Dewan yang mulia ini, saya secara ikhlas. Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia monyet. Saya kata dia punya sikap, apabila saya kata dia punya sikap macam monyet....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa Yang Berhormat..

Datuk M. Kayveas:dia marah. So....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat....

Datuk M. Kayveas: Oleh sebab itu saya kata jangan bersikap macam monyet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sama ada dia..

Seorang Ahli: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:jenis benda itu atau macam itu, saya ingat tidak sesuai.

Datuk M. Kayveas: Saya akan tidak gunakan perkataan monyet lagi. Itu saya boleh cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang, sekarang....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Hari itu sudah buat janji, sudah diperintah, hari ini pakai lagi.

Datuk M. Kayveas: Ini kelakuan apa ini? Okeylah bukan monyet. Ini kelakuan apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Apa ini kelakuan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, mudahkan Mesyuarat ini, apa yang telah saya putuskan. Sebab ini keputusan, *ruling* telah pun dibuat,...

Datuk M. Kayveas: Saya tarik balik kelakuan dia bukan macam monyet. Okey? Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya harapkan perkataan ini tidak akan sentuh sekali lagi.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam empat minit, lima minit boleh selesai?

Datuk M. Kayveas: Cubalah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh teruskan

Datuk M. Kayveas: Berkaitan dengan kuorum, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan bersidang di Sabah dan Sarawak. Kedua-dua mahkamah ini telah diberi arahan dan salah seorang ahli dari dalam kuorum itu adalah mesti dari Sabah dan Sarawak. Tidak ada masalah berkaitan dengan itu.

Lagi satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, arahan kepada hakim satu cerita yang lama itu di...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tak cakap.

Datuk M. Kayveas: Ipoh Barat minta maaf, Ipoh Baratlah. Ipoh Timur tidaklah dalam Dewan tadi. Dia hilang....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Vocabulary* yang ada tercatat satu perkataan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah buang masa, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Datuk M. Kayveas: Dia hilang, dia datang buang masa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk M. Kayveas: Empat minit telah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Salah sebut tidak salahlah, tidak apalah, dia sudah minta maaf.

Datuk M. Kayveas: Dan kekurangan kakitangan, kita akan berusaha untuk menambahkan kakitangan, kita faham masalah itu.

Kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, isu yang berkaitan dengan ada mahkamah tetapi tidak ada hakim. Ini kadang-kadang kita ada *infrastructure* sebelum kita ada jawatan. Kadang-kadang kita ada banyak hakim, tidak ada *infrastructure*, tidak ada bangunan, mereka ini duduk atau pun dia *share* tempat dengan lain-lain orang. Oleh sebab itu *infrastructure* di peringkat mahkamah Sarawak itu sudah sedia ada tetapi kita harap pada masa depan kita akan melantik pegawai-pegawai dan hakim-hakim untuk mengisi bilik-bilik yang kosong itu. Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Bagan....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk M. Kayveas: Kita mahu habislah, duduklah ..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, ini hal penting

Datuk M. Kayveas: Penjelasan apa? *You* punya cerita sama saja ..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Selain nombor orang hakim...

Datuk M. Kayveas: Kebanyakan Yang Berhormat yang tadi cakap itu terkeluar daripada rang undang-undang ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak terkeluar..

Datuk M. Kayveas: Walau bagaimanapun terkeluar....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Awak ada jawab tetapi jawab tidak tepat..

Datuk M. Kayveas: Saya juga cuba jawab untuk awak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, cukuplah.

Datuk M. Kayveas: Kebanyakan terkeluar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jawapan awak tidak tepat nampaknya.

Datuk M. Kayveas: Isu-isu yang dibangkitkan terkeluar daripada rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun saya cuba jawab kepada awak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mesti jawab, kalau tidak jawab tidak boleh jadi Menteri. Jawablah.

Datuk M. Kayveas: Duduklah. Saya baru menteri, tidak menteri, itu lain perkaralah. *[Disampuk]* Saya dan PPP lebih hebat daripada DAPlah, itu cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk M. Kayveas: Dia kacau, tengok. Bila saya gunakan perkataan yang dia orang tidak suka, macam itu pula. Tetapi, dia bangun tidak perlu kebenaran. Pembangkang ini dia hendak cakap ini *world class Parliament*. Tetapi, bila pembangkang hendak cakap, dia bangun tidak perlu dapat kebenaran daripada Speaker. Dia terus cakap sahaja. Mesti dia bangun, bagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis, jawapan habis. Sudah habis?

Datuk M. Kayveas: Sudah habislah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat

..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan yang mulia ini....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah habis, sudah habis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia cakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah habis.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Macam mana dia hendak jadi Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat bagi Bagan tidak berucap, Yang Berhormat bagi Bagan tidak berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.12 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita masih di dalam Rang Undang-undang Saraan Hakim, Yang Berhormat sudah habis tadi?

Tuan M. Kula Segaran: Saya rasa ada sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah habis jawapan Yang Berhormat?

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh beri saya dalam 2, 3 minit, itu saja saya nak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 2,3 minit boleh, sepatutnya saya telah difahamkan Yang Berhormat sudah habis, tapi ada tambah sikit, bolehlah.

Datuk M. Kayveas: Tambah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, sila.

Datuk M. Kayveas: Saya boleh teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan ada bertanya dia punya 'legasi' bahawa kes-kes berkaitan setinggan yang dibawa ke mahkamah itu diselesaikan dengan cepat, mungkin dia rasa ada, sebab-sebab yang

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Saya ada membangkitkan mengenai penyewa-penyewa tanah dan mereka bukan ditafsirkan sebagai setinggan, setinggan kalau boleh dia dihalaukanlah, tapi penyewa-penyewa tanah yang halal. Jadi, tadi saya ada mendengar ucapan dari Bandar Kuching, dia kata ada fail yang difailkan dalam mahkamah dan ditangguh sehingga 2007, 2008 baru dibicara, tetapi di kawasan saya, di tempat saya, kesnya berlainan. *Lawyer fail* kes, dua minggu saja, dua minggu saja, penghuni-penghuni rumah-rumah kampung itu sudah dapat notis dan diberi tempoh mungkin satu bulan kena hadir di mahkamah untuk bicara dan ini saya terkilannya, saya rasa ada perkara-perkara yang tidak kenalah dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang peguam 20 tahun pengalaman dahulu, boleh memberi sedikit sebanyak ulasan ini dan jikalau boleh saya meminta Yang Berhormat menyiasat perkara ini, mengapa kes-kes seperti ini cepat diselesaikan dan penduduk-penduduk kampung memang derita berkenaan dengan hal ini.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Ada di setengah-setengah mahkamah dia tidak ada banyak kes, kalau mereka tidak ada banyak kes, mereka akan selesaikan kes yang datang itu dengan secepat mungkin. Ada di setengah mahkamah ada banyak kes. Kes-kes berkaitan dengan jenayah, di mana peringkat Mahkamah Majistret, biasanya ada banyak kes trafik, oleh sebab itu, kita dapati masa yang diberi kepada kes-kes

jenayah itu lama sedikitlah. Tetapi berkaitan dengan isu ini kalau adalah apa-apa dengan izin, *something not right down there*, mungkin kita akan buat siasatanlah, apa sebab Majistret di sana itu boleh bagi tarikh yang singkat.

Dan lagi satu perkara, terjemahan, dokumen yang diberi tahu oleh Bandar Kuching itu. Apabila ada dokumen-dokumen dalam bahasa lain ya, terjemahan itu adalah tanggung jawab peguam, bukan mahkamah, kalau peguam itu bawa dokumen dalam bahasa Perancis atau dalam bahasa Jerman, itu adalah tanggung jawab peguam untuk memberi terjemahan dalam bahasa yang sebenarnya dan pergi ke *notary public* untuk dapat *stamping* dan bagi kepada mahkamah, bukan mahkamah yang memberi kemudahan untuk buat terjemahan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bangun*]

Datuk M. Kayveas: Tak da, tak da, saya nak selesaikan, tak boleh, tak da, tak da, duduk.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu, salah tafsiran, berkenaan undang-undang.

Datuk M. Kayveas: Tak da, tak da, duduk.

Berkaitan dengan umur ya, saya balik kepada rang undang-undang ini. Kebanyakan yang dibangkitkan *irrelevant* terkeluar daripada undang-undang tetapi isu dalam rang undang-undang ini ialah umur. Saya nak jawab untuk umur. Untuk umur, ada di peringkat dunia, di antara bangsa, mahkamah-mahkamah lain dia punya umur itu *different*, lainlah. Satu masa dahulu di England, dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, di England mereka tidak ada had masa umur, dia *until* dengan izin, *of sound mind*, apabila seorang hakim itu, *of sound mind* dengan izin, dia boleh terus bertugas sebagai hakim. Tetapi sekarang ini mereka juga ada satu had umur iaitu 75. Di sini kita ikut apa yang keadaan di sini. Untuk *civil service* kita bagi 55 kepada 56 oleh sebab itu hakim oleh sebab 65 sekarang kita bagi 66. Itu saja. Dengan itu saya dah selesai ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran: Sedikit, sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana ada usul, Yang Berhormat Menteri, sila.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Unggah Embas]: Tuan Yang di-Petua, saya mohon menyokong..

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Menyambung semula perbahasan atas Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005]

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa .

Fasal-fasal 1 hingga 5 –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada versi bahasa Inggeris, *Amendment of Section 8*.

Saya ingin ambil tahu, kebanyakanlah sistem yang dipraktis di negara ini sekarang adalah di mana hakim-hakim tertentu diberi masa 6 bulan selepas mereka *retire*, semasa itu terjadi, apa akan terjadi kepada *section* yang di *amendment* sekarang. Adakah ia, mereka layak untuk 6 bulan secara automatik atau bayaran ganjaran di sini mereka akan dapat semasa mereka 65 atau 66 dan juga semasa berumur 66, adakah mereka layak atau secara automatik mendapat masa lanjutan sebanyak 6 bulan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan dalam rang undang-undang itu yang memberi masa 6 bulan itu adalah tidak secara automatik dan itu terserah kepada keputusan oleh Hakim Besar untuk melanjutkan masa 6 bulan.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, merujuk juga kepada *Section 8*, khususnya saya telah bangkitkan mengenai keperluan. Kita mengiktirafkan bahawa di beberapa negara di seluruh dunia, umur persaraan bukanlah setakat 66 ada yang lebih, tetapi jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri adalah, memandangkan *civil service* dia 55 ke 56, maka hakim pun dilanjutkan dari 65 ke 66. Saya rasa ini satu bandingan yang tidak boleh dipakai langsung. Nombor satu kerana mereka adalah kakitangan kerajaan, ini adalah hakim, luar biasa. Jadi, apakah asasnya kita diberi tahu bahawa dia ada had masa, had *retirement* adalah 66 bukan masa lebih dari itu. Itulah yang saya kata, *there is a superficial amendment only*, bukan dengan izin, ikhlas.

Datuk M. Kayveas: Tuan Pengerusi, untuk menjawab Yang Berhormat, perbahasan berkenaan dengan umur ini, perkara ini telah diambil kira pada masa kita membuat pindaan kepada Perlembagaan. Sepatutnya perlu Yang Berhormat bangkitkan isu ini pada masa itulah, sekarang ini tak perlulah. Oleh sebab itu dia punya soalan itu tidak patut pada masa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat Sabak Bernam, apa lagi?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat nak merujuk kepada fasal-fasal apa?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Yang berkaitan, berkaitan dengan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Mana satu Yang Berhormat, mana satu fasal nak, tak bolehlah, kita dalam jawatankuasa.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Kalau bolehlah Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang kita dalam Jawatankuasa.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Kalau boleh saya hendak masuk sedikit kerana ada kaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Tak apa, mana satu fasal Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Fasal yang berkaitanlah Yang Berhormat kalau boleh, kalau boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Memang, memang, sudah lepaslah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Fasal-fasal 1 hingga 5.....

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, saya ingin bahas lagi satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Tadi sekali guslah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Sekarang sekali gus, satu demi satu, sedikit saja, saya akan pendekkan iaitu mengenai *preservation of a pension and other benefits* dan ganjaranlah. Yang saya juga bangkitkan mengenai adakah kerajaan akan analisa, adakah semua ganjaran ini akan diberi *tax exemption*, itu sebab kawan-kawan sebelah ini beri tahu, ada ramai peguam yang walau pun diberi peluang untuk menjadi hakim, dia tidak ingin menjadi hakim kerana ganjaran dan sebagainya. Jadi, satu antaranya kita perlu fikirilah adakah ini berpatutan dan memberi *tax exempt, total tax exempt* dan juga kereta-kereta mereka di mana ramai di antara hakim-hakim menggunakan kereta Perdana, walhal peguam-peguam menggunakan kereta-kereta *Mercedes* dan sebagainya. Itulah antara satu *benefits*, tetapi terus kepada *tax exemption*, bolehkah ini diambil perhatian supaya kita dapat, saya sebenarnya Tuan Pengerusi ingin membawa beberapa *amendment*, tetapi saya rasa setakat ini cukuplah. Boleh saya dapat pandangan atau persetujuan?

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat pada masa saya seorang peguam, pengamal sebagai peguam saya pun menggunakan kereta Mercedes, tetapi sekarang saya juga guna Perdana. Ini kita amat bangga, sebab kereta kita sendiri dan kita mahu gunakan produk kita di Malaysia ini kalau ada peguam-peguam ada duit banyak nak guna *Mercedes Benz* bolehlah, apa kereta pun dia boleh pakai. Ini apabila menjadi seorang hakim, bukan kerana ada duit sahaja. Kalau you ada pengalaman, you ada *experience*, you pandai dan you boleh jadi hakim, you kena pilih sebagai hakim, bukan you nak jadi hakim boleh dapat *Mercedes Benz*, boleh ada ganjaran lebih, ada cukai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Yang Berhormat saya syorkan tak payah bangkitlah, macam Timbalan Speaker pakai Perdana, boleh pakai Jaguar, ini

Tuan M. Kula Segaran: Ini tak ada isulah, ini tak ada isu.

Datuk M. Kayveas: So ini *tax exemption* mungkin kita boleh bangkitkan isu ini, tengoklah kalau dia boleh dapat *tax exemption*, we can dengan izin *take your suggestion on that*. Itu sahajalah, terima kasih Tuan Pengerusi.

Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WARISAN KEBANGSAAN 2005**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.45 ptg.**

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana mengizinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan Tahun 2005 bagi bacaan kali kedua. Alhamdulillah, akhirnya tercapai juga hasrat dan cita-cita mulia kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan Tahun 2005 seperti yang berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang. Ini adalah hasil gigih kementerian dan pelbagai pihak bagi mewujudkan undang-undang warisan, satu-satunya perkara yang kian meningkat *significant* serta nilai tambahnya dalam kehidupan kita. Ini juga adalah hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan.

Barang kita sedari bahawa sesebuah negara dan rakyatnya yang tidak prihatin terhadap warisannya, amat mudah didalangi sejarah dan pengaruh luaran. Pada masa yang sama, memperlekeh warisan sendiri adalah perbuatan menidakkan tamadun sendiri. Di atas kesedaran kebangsaan kita terhadap betapa pentingnya warisan tanah air ditadbir dan dipelihara, di samping melakukan carian-carian baru inilah dikemukakan undang-undang setimpal baginya. Jika bukan kita sendiri yang menilai dan menghargai warisan sendiri, siapa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya terdapat satu undang-undang yang diguna pakai bagi perlindungan dan pemeliharaan warisan negara iaitu Akta Benda Purba Tahun 1976. Akta Benda Purba adalah berkaitan perlindungan dan pemeliharaan barang purba, monumen dan tinggalan kebudayaan. Terdapat juga satu lagi akta iaitu *Treasure Trove Act 1957* yang berkaitan jumpaan harta karun. Tetapi perlaksanaannya terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan memasukkan pemeliharaan warisan di dalam senarai bersama, dengan izin, *concurrent list*, Jadual Kesembilan pada sesi Parlimen, Januari 2005.

Sehubungan itu, warisan kini menjadi bidang kuasa *legislative* bersama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Melalui pelaksanaan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, ianya akan memberi tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan rakyat untuk memelihara, melindungi, memperkembang dan menjaga warisan kebangsaan. Perlaksanaan ini juga adalah sejajar dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang baru.

Sebelum ini, tidak terdapat undang-undang mengenai warisan dalam skop yang luas, khususnya merangkumi semua aspek dan kategori warisan. Undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Benda Purba 1976, hanya berkaitan warisan ketara atau dengan izin, *tangible heritage*.

Manakala aspek perlindungan dan pemuliharaan warisan tidak ketara, dengan izin, *intangible heritage* tidak terdapat dalam mana-mana perundangan.

Justeru, adalah perlu pada zaman pembangunan pesat dan era globalisasi ini untuk melihat warisan secara lebih menyeluruh dan komprehensif, di samping menjaga dari semua aspek akan kepentingannya kepada kehidupan moden. Umumnya, Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini adalah satu skop perundangan komprehensif yang merangkumi dua aspek yang luas iaitu warisan budaya atau (*cultural heritage*) dan warisan semula jadi atau (*natural heritage*). Warisan budaya pula dipecahkan kepada dua aspek yang besar iaitu warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tidak ketara (*intangible heritage*). Sebagai tambahan kepada peruntukan berkenaan, warisan budaya bawah air atau *underwater cultural heritage* turut dimasukkan secara khusus dalam rang undang-undang ini.

Seperti yang sedia maklum dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan, khususnya berkaitan senarai bersama atau *concurrent list* yang dikuatkuasakan di bawah Perkara 95 baru-baru ini, warisan kini adalah tergolong kepada perkara urusan bersama antara persekutuan dan negeri-negeri. Justeru, rang undang-undang ini adalah berpaksikan hakikat itu. Mukadimahnya atau dengan izin, *preamble rang* ini di bawah seksyen 3, cerai 3, sedia mencerminkan falsafah ini iaitu apa-apa hal atau perkara yang menyentuh kepentingan kerajaan negeri berkaitan warisan, pihak persekutuan tidak boleh bertindak sendirian melainkan merundingi dan pada hal-hal tertentu mendapatkan persetujuannya.

Akta ini akan membantu kita memperkukuhkan lagi urusan dan pengertian tentang warisan sebagai suatu yang bernilai dari pelbagai aspek termasuk seni budaya, sama ada yang ketara atau tidak tampak. Warisan fizikal yang tampak adalah sesuatu yang berharga dari segi pandangan masyarakat yang menzahirkannya melalui proses ciptaan kemanusiaan yang seni. Sesungguhnya, ia menjadi entiti atau benda yang boleh diturun-temurun kepada generasi akan datang dan dalam proses itu menokok tambah nilai sejarah dan estikanya.

Dari artifak sejarah sampailah kepada alam semula jadi seperti gunung-ganang, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan yang indah, makam, pantai yang indah, kuil, semuanya boleh belaka dianggap sebagai bahan warisan fizikal yang memerlukan perlindungan pemuliharaan dan promosi supaya ia mampu diwarisi untuk kehidupan bertamadun zaman akan datang. Begitu juga manuskrip, tulisan-tulisan usang, karangan dan gubahan lama dan baru yang diberi penilaian tinggi oleh masyarakat. Artifak sejarah, permuziuman, alat-alat muzik, alat-alat kehidupan yang menambah nilai hidup, pakaian, barang kemas atau fesyen yang mencerminkan aspek-aspek kemasyarakatan lama. Kesemua ini dan banyak lagi bahan warisan boleh belaka digolongkan kepada apa yang dianggap sebagai warisan tampak yang di dalam akta ini dipanggil warisan ketara.

Warisan ketara dan warisan tidak ketara adalah sebahagian daripada warisan kebangsaan kita. Bahasa dan aspek-aspek perbahasaan seperti peribahasa, gurindam,

perumpamaan, pantun, seloka, karangan, karangan lisan yang bersifat sastera, antara lain adalah bahan-bahan warisan *intangible* atau tidak ketara, yang muncul akibat kebudayaan sesuatu masyarakat dari hal bahasa. Demikian juga nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik lagu, legenda, ungkapan tradisi, cerita lisan rakyat juga tergolong kepada warisan budaya yang tidak ketara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan ini kita telah dicerakinkan dengan istilah-istilah dan pengertian warisan yang jelas. Pada amnya, warisan bererti warisan kebangsaan yang meliputi tapak atau objek dan warisan kebudayaan di darat atau di bawah air sama ada yang didaftarkan atau tidak. Warisan kebangsaan bererti mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan termasuk yang di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan di bawah seksyen 67. Inilah kali pertama manusia atau orang-orang peribadi yang berjasa dalam semua aspek warisan boleh dianggap sebagai warisan sendiri.

Warisan kebudayaan pula termasuklah bentuk ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh meliputi perkara objek, butiran, artifak, pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik, warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah. Butiran warisan di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air juga memenuhi huraian bentuk ketara tetapi pengertian ini tidak termasuk warisan semula jadi iaitu segmen warisan yang meliputi pengertian ciri-ciri semula jadi seperti kawasan gunung-ganang, sungai, pembentukan batu, gua, pesisir laut atau pembentukan alam semula jadi yang lain. Sesuatu yang bertaraf warisan harus mempunyai proses dan syarat-syarat tertentu sebelum ia diiktiraf sebagai warisan.

Justeru, akta ini memperuntukkan struktur serta kaedah pentadbiran warisan secara keseluruhan di samping memperkukuh dasar berhubung dengan pemuliharaan. Pada amnya, hal ehwal warisan ditadbir melalui kuasa dan bidang tugas pesuruhjaya warisan yang dilantik di bawah bahagian ketiga akta. Semestinya seseorang pesuruhjaya warisan mempunyai sifat-sifat ketinggian ilmu mengenai warisan pelbagai jenis dan sentiasa mementingkan keutuhan serta nilai tinggi sesuatu warisan itu. Pesuruhjaya warisan dibantu oleh para pegawai warisan, khususnya Timbalan Pesuruhjaya Warisan yang kelak akan berinteraksi dengan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa negeri, pihak-pihak luar negara, para pakar antikuiti dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan struktur pentadbiran yang bakal diwujudkan di bawah bahagian tiga rang undang-undang ini, nyatalah betapa pentingnya struktur pentadbiran warisan di negara kita disusun dengan rapi dan produktif. Kita ingin mewujudkan sebuah pentadbiran warisan yang kemas dan interaktif bukan sesuatu yang dibebani kerenah birokrasi. Untuk itu, akan dapat diperhatikan bahawa struktur pentadbiran warisan negara akan sampai ke akar umbi yakni ke peringkat negeri dan daerah.

Para pegawai warisan bukan hanya berkemampuan menjaga, memelihara atau memulihara sesuatu warisan, mereka juga hendaklah berilmu dan terlatih. Kita akan hanya mengambil para pegawai yang berminat dan penuh azam dalam bidang warisan. Insyallah, seperti kakitangan muzium pusat sekarang kita akan beri latihan asas serta latihan lanjut kepada mereka bagi mendalami lagi pengetahuan dari hal warisan.

Dalam konteks ini, kementerian dalam proses mengasingkan Jabatan Muzium daripada Jabatan Warisan. Ini adalah berasaskan dasar dan realiti bahawa bidang muzium dan pemuziuman adalah khusus bagi seni dan kaedah mengolah dan mempamerkan artifak-artifak warisan, sementara antikuiti lebih merupakan bidang yang meliputi sejarah silam dan arkeologi seperti yang dimaklum, yang mana kedua-duanya adalah dibidangi warisan secara am. Walau bagaimanapun, antara pemuziuman dan warisan, kedua-duanya adalah seperti isi dengan kuku dari segi bahan dan pengisian.

Tuan Yang di-Pertua, boleh diakui bahawa Malaysia sudah agak ketinggalan dalam hal-hal menyelia dan mentadbir warisan sendiri. Begitu banyak artifak warisan kita yang telah hilang, musnah atau dibawa keluar oleh pihak-pihak yang khusus menghargai artifak sejarah dan budaya kita. Kebanyakan bahan-bahan ini mengalami nasib sedemikian semenjak sebelum merdeka lagi. Selama hampir lima dekad, kita melaksanakan tuntutan pembangunan untuk rakyat. Begitu lumrah keghairahan kita dalam aspek ini sehingga penjiwaan terhadap warisan sendiri tidak semaju atau sepesat di negara-negara asing.

Syukurlah dengan penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, yang khususnya memperjuangkan seni budaya dan warisan kita akan merapatkan jurang ketinggalan kita itu di bidang yang amat penting.

Dengan lulusnya rang undang-undang ini Insyallah, pihak berkuasa akan menyempurnakan tuntutan undang-undang, bagi mewajibkan semua objek dan butiran warisan didaftarkan secara rasmi di bawah suatu daftar induk. Secara ini, kita akan ada satu senarai warisan kebangsaan yang komprehensif. Kita akan dapat melarang mana-mana pihak daripada mengimport atau mengeksport secara haram sebarang artifak warisan kita. Mereka yang merosakkan atau memusnahkan sesuatu butiran warisan kita, dikenakan penalti berat di sisi undang-undang. Misalnya di bawah Bahagian 15 Rang ini, boleh jika sabit kesalahan didenda sehingga RM50,000.00 atau dipenjara selama lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menilai warisan dengan memelihara, mengkaji dan mempromosikannya adalah langkah utama dalam usaha mewujudkan nilai hidup bertamadun dan masyarakat yang berhemah tinggi. Melalui objektif ini, usaha-usaha promosi atau kempen celik warisan akan dapat diselenggarakan dengan lebih berkesan lagi. Program-program seperti merakatkan seni budaya dan warisan, yang sedang berjalan kini akan dipertingkatkan supaya unit-unit penggerak seni budaya dan warisan akan dapat disegerakan dan digerakkan di semua negeri.

Akhirnya, kami di kementerian ingin mewujudkan suasana celik budaya di semua kawasan Parlimen di tanah air Insya-Allah. Mudah-mudahan dengan adanya Majlis Warisan Kebangsaan seperti yang diwujudkan di bawah bahagian yang keempat, rang undang-undang ini, kita akan beroleh panduan kepakaran secara berterusan. Majlis Warisan Kebangsaan berfungsi sebagai Penasihat kepada pelbagai pihak termasuk Menteri, Pesuruhjaya, Kerajaan Negeri dan lain-lain. Di bahagian kelima pula, Kumpulan Wang Warisan diwujudkan dan ditadbir oleh Pesuruhjaya warisan dengan pengawasan rapi pelbagai pihak termasuk Menteri Kewangan.

Secara umumnya, isi kandungan Rang Undang-Undang 2005 ini, mempunyai 17 Bahagian dengan 125 Seksyen di mana bahagian-bahagian tersebut adalah seperti yang terkandung di bahagian akhir rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini adalah bersifat komplementari dan komprehensif yang memperkukuh pentadbiran hal ehwal warisan.

Namun begitu, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 125 (2), rang undang-undang ini Akta Benda Purba 1976, dan Akta Harta Karun 1957, akan dimansuhkan apabila rang undang-undang ini dilulus dan dikuatkuasakan kecuali bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai peruntukan bahagian ke sebelas akta ini, yakni yang berkaitan harta karun.

Sebagaimana dimaklum, peruntukan-peruntukan asas berkaitan Akta Harta Karun 1957 adalah sedia dimasukkan ke dalam akta baru ini. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat menerima baik rang undang-undang ini demi menjamin keutuhan tamadun bangsa.

*Rama-rama si kumbang jati,
Minum manis di dalam gua;
Hidup budaya, kembanglah seni,
Warisan kita, kekallah jua.*

Saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan memelihara warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara, tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah harta karun, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

3.04 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini, biarlah saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, syabas, kepada Datuk Menteri.

Saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Menteri ialah kerana telah berjaya menggubal dan akhirnya membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini untuk dibahas, dipertimbang dan Insya-Allah diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Sebagaimana yang telah disebut oleh Datuk Menteri tadi, yang kedua ialah bahawa adalah boleh dikatakan peruntukan undang-undang yang ada pada masa sekarang ini, khususnya di Semenanjung Malaysia adalah belum mencukupi untuk melangkah lagi ke hadapan untuk mempromosi, membuat penyelidikan, memulihara warisan kebangsaan di negara ini.

Saya telah membaca rang undang-undang ini dan saya dapati bahawa rang undang-undang ini amat komprehensif dan amat menyeluruh. Ada kalau kita melihat, bahawa warisan adalah menunjukkan jarak tamadun satu-satu bangsa. Adalah belum mencukupi negara ini menjangkau masa hadapan dan maju dengan sempurna. Tidak cukup melihat pembangunan secara fizikal, sosial akan pendidikan itu sendiri kalau warisan tidak dijaga dengan sempurna.

Akhirnya kita akan membangun sebagai badan sempurna tetapi tidak mempunyai jiwa yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, penjagaan jiwa ini adalah sama murninya dengan menjaga soalan dan badan fizikal kita ini. Dengan wujudkan rang undang-undang ini, Insya-Allah, saya cukup yakin, pihak-pihak yang dilantik nanti berupaya melaksanakan amanah negara kepada mereka. Kita banyak menyebut persoalan Wawasan 2020. Wawasan 2020 mempunyai teras-teras yang tertentu. Salah satu daripadanya ialah pembangunan warisan.

Tapi malangnya undang-undang pembangunan warisan, belum dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk merealisasikan apa yang tersirat dalam wawasan 2020 itu sendiri. Jadi berbalik saya, kepada apa yang saya sebut tadi, iaitu pembangunan fizikal, Petronas tower, lapangan terbang, formula one, dan banyak lagi yang kita boleh tunjukkan. Universiti-universiti kita, cendekiawan-cendekiawan, bijak pandai kita, memang sudah meningkat.

Saya pada pagi ini baru menerima data-data maklumat dan kemajuan kita dalam bidang ekonomi, bidang pendidikan dan bidang sosial. Bolehlah dikatakan amat membanggakan. Walaupun ada masih menyebut bahawa bangsa Melayu dan Bumiputera masih ketinggalan dalam banyak segi. Tetapi ini tidak boleh dijadikan satu kayu pengukur untuk kita melupa benda yang *intangable* yang mungkin tidak mendatangkan hasil dengan secara *direct* kepada kita umpamanya warisan negara. Benda warisan ini kalau dipandang dari sudut ekonomi, mungkin dia awallah. Mungkin hanya mendatangkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan.

Bahkan kementerian apabila mengujudkan badan suruhanjaya itu nanti, dan jawatankuasa council, majlis, *heritage* ini nanti, warisan ini nanti, akan terpaksa membuat agihan yang berlebihan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka di bawah perundangan itu. Tetapi, persoalan sumber kewangan tak boleh menjadi satu kayu pengukur supaya kita jangan membuat satu perkara yang amat penting. Yang mesti dengan izin, *must run parallel*

dengan *physical development* negara ini. Saya berlandaskan itulah, saya memuji, dengan usahanya maka terbawalah rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-pertua, saya telah meneliti bahawa di bawah rang undang-undang ini, kita akan mewujudkan dua perkara yang penting. Iaitu mewujudkan perbadanan suruhanjaya iaitu *body corporate*, yang diberi tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan tugasnya sebagaimana telah disenaraikan dalam rang undang-undang ini sendiri.

Dalam masa yang sama, undang-undang ini juga mencadangkan supaya ditubuh juga satu majlis yang mana terdiri daripada pihak pegawai-pegawai kanan yang relevan dengan usaha Suruhanjaya dan kerajaan untuk melaksanakan matlamat yang tersebut atau tertulis dalam undang-undang ini.

Yang ketiga, adalah menubuhkan Kumpulan Kewangan untuk Suruhanjaya melaksanakan. Dalam soalan warisan itu sendiri, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Menteri itu tadi, warisan ini mempunyai tujuh bidang yang disebutkan dalam pecahan tujuh:

- (i) Warisan kebangsaan;
- (ii) Warisan kebudayaan;
- (iii) Warisan kebudayaan di bawah air;
- (iv) Warisan budaya ketara;
- (v) Warisan budaya tidak ketara;
- (vi) Warisan yang penting, dan
- (vii) Warisan semula jadi.

Definisi-definisi juga telah diberi. Saya telah melihat bahawa definisi-definisi ini memang cukup komprehensif. Dalam negara kita ini mempunyai satu diversiti yang begitu meluas sekali. Khususnya di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai budaya berketurunan Melayu, Jawa, Bugis, dan berbagai-bagai lagi.

Di samping yang sama juga, kita mempunyai budaya warisan yang boleh digunakan sebagai warisan Malaysia keturunan daripada etnik Cina dan India. Yakni mempunyai diversity ataupun pecahan yang begitu banyak sekali yang kita lihat. Ini dipandang daripada konteks di Semenanjung. Warisan-warisan yang saya sebut tadi memang sudah masuk salah satu daripada yang tujuh. Sama ada yang fizikal ataupun yang tidak tangible. Atau yang tidak boleh dilihat kita sendiri. Umpamanya sudah disebut oleh Datuk Menteri, iaitu muzik, puisi dan sebagainya.

Begitulah juga di Sarawak, yang mempunyai keunikannya sendiri kerana Sarawak mempunyai 30 lebih keturunan etnik yang berbeza yang mempunyai budaya warisan yang berbeza yang mungkin jarang diketahui dan tidak kita ketahui dan mungkin ada diperkenalkan di

mana-mana tempat, mungkin dalam corak dan bentuk yang tidak sama dengan keasliannya yang kita lihat di negeri Sarawak ini.

Begitulah juga di negeri Sabah. Ini amat penting kita senaraikan, kita daftarkan dan kita mengetahui soalan-soalan warisan negara daripada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita lihat di seluruh Malaysia sebagaimana yang disebut oleh Datuk Menteri tadi, hanya kita mempunyai dua undang-undang lama Semenanjung iaitu Undang-Undang Harta Karun dan satu lagi *Treasure drop* iaitu dua undang-undang yang lama. Undang-undang ini tidaklah sebaik atau menyeluruh sebagaimana yang disebut dalam rang undang-undang yang kita bawakan ke Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Dengan sendirinya boleh mengisi kekosongan yang telah berlaku begitu lama. Dengan wujudnya ini nanti, dapatlah kerajaan menyalurkan secara khusus sumber kewangan dan bantuan bahkan pihak-pihak luar juga boleh membantu dengan secara sukarela ke tabung ini nanti supaya dapat pelaksanaan-pelaksanaan dibuat, dan kita juga boleh melihat soalan nak dieksport, diimport dengan berlesen dan lesen diberi oleh pihak Suruhanjaya itu nanti.

Ini banyak perkara-perkara yang menjadi hanya tanda tanya kepada kita. Yang belum dapat kita laksanakan, yang akhirnya nanti Insya-Allah boleh dilaksanakan sebaik mungkin. Salah satu persoalan yang saya bangkit baru-baru ini di Dewan yang mulia ini. Baru minggu lepas. Apabila soalan Parlimen saya bertanya senarai monument dan tapak tanah dan warisan yang didapati di negara kita ini.

Saya rasa sedikit kecewa, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini kita di Semenanjung hanya mempunyai 179 tapak. Di Perlis tidak ada pun dalam senarai yang saya terima. Di Kedah hanya satu. Yang saya ketahui, Kedah mempunyai sejarah lama dan tamadun yang lama dahulu dari zaman purba Melayu di negeri Kedah. Jadi persoalan berbangkit kepada kita kenapa hanya satu. Pulau Pinang 10, Perak 50, Selangor 13, Wilayah Persekutuan 51, Negeri Sembilan 9, Melaka 28 dan Johor hanya 3, Pahang 1, Terengganu 7, Kelantan 6, jumlahnya 79. Adalah berlainan sedikit dengan Sarawak. Sarawak mempunyai senarai berjumlah banyak juga, ada 59 di Sarawak. Jadi kenapa perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Persoalannya ialah, Semenanjung Malaysia hanya ada dua undang-undang tadi yang tidak komprehensif, yang tidak mempunyai pentadbiran, penyelidikan yang dipusatkan di semua pencarian warisan dan senarai warisan ini dibuat atas naluri atau kehendak kerajaan negeri itu sendiri. Jadi di Sarawak, keadaannya berlainan sedikit. Kita mempunyai sejarah muzium yang begitu lama, mempunyai *quiry term* muzium zaman koloni lagi yang begitu memang mempunyai satu dorongan yang tinggi untuk mencari senarai-senarai dan warisan-warisan yang ada di negeri Sarawak, walaupun sekolah negeri Sarawak itu pendek. Jadi dengan keadaan yang sedemikian, pengurusan tindakan negeri Sarawak itu jauh lebih elok daripada apa yang kita dapati di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Jadi kembali saya kepada persoalan undang-undang ini, saya hendak tanya dengan menteri. Apabila saya baca, saya dapati bahawa semua tugas dan tanggungjawab dalam perundangan ini semuanya terletak di tangan pesuruhjaya daripada soal pentadbiran, soal membuat keputusan-keputusan tertentu, perundingan dengan pihak-pihak negeri dan pihak berkuasa negeri dan dengan menteri dan akhirnya mengeluarkan sumber kewangan pun semuanya atas keputusan pesuruhjaya. Dalam masa yang sama, kita tubuh pula satu majlis yang terdiri daripada mereka yang saya lihat daripada orang yang amat *credible* sekali. Ini anggota majlis ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah dilantik oleh Menteri. Saya cukup yakin Menteri akan melantik seorang yang mempunyai kepakaran, latar belakang, kecenderungan dan kemahuan menerajui badan ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Seni dan Warisan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancong, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, pesuruhjaya sendiri dan tidak lebih daripada enam anggota lain, sekurang-kurangnya seorang daripadanya ialah pegawai awam yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berhubung dengan pengurusan pemuliharaan atau pemeliharaan tapak dan objek semula jadi warisan kebudayaan penting yang hendaklah dilantik oleh menteri.

Jadi kalau kita lihat ahli majlis itu begitu tinggi sekali dia punya *level*. Kenapa pula apabila pihak suruhanjaya dalam membuat keputusan, membuat tugas beliau di bawah undang-undang ini, beliau tidak perlu menerima mana-mana nasihat daripada pihak majlis. Majlis mempunyai dua fungsi utama sahaja, iaitu memberi nasihat kepada pesuruhjaya dan memberi nasihat kepada menteri dan nasihat itu pula tidak perlu diikuti oleh pihak pesuruhjaya dan menteri. Persoalan berbangkit, kenapa pula kita wujudkan majlis yang mempunyai fungsi menasihati tetapi nasihatnya tidak perlu diikuti oleh pihak menteri dan pesuruhjaya.

Jadi maknanya pelantikan orang dalam majlis ini nampaknya sedikit sahaja selain di bawah seksyen 43 dan 45, soal perbelanjaan pengurusan kewangan tetapi dalamnya tidak juga menyebut bahawa majlis ini bertanggungjawab mengurus sumber kewangan yang diterima oleh pihak badan ataupun suruhanjaya itu nanti. Jadi ini saya minta penjelasan daripada pihak menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada apa yang disebutkan saya tadi berhubung dengan keadaan di Semenanjung, saya kurang pasti yang di Sarawak. Dato' Menteri tadi juga telah menyebut bahawa soalan warisan ini adalah persoalan *concurrent*. Maknanya undang-undang yang boleh dibuat oleh pihak Pusat dan boleh juga dibuat oleh pihak negeri dan mengikut Perlembagaan kita, kalau ada percanggahan di antara undang-undang Kerajaan Pusat dengan undang-undang kerajaan negeri berlandaskan perkara yang sama, undang-undang Kerajaan Pusat akan mengatasi undang-undang Kerajaan Negeri.

Kita telah melihat Sarawak mempunyai kepakaran, Sarawak telah mempunyai kemahiran sendiri dan bahkan budaya Sarawak itu sendiri dalam bidang muzik, nyanyian, puisi dan

sebagainya, banyak lagi benda-benda yang mana Sarawak itu mempunyai kepakaran yang khusus untuk mengetahui warisan mereka sendiri dan mempunyai struktur undang-undang sendiri, struktur pengurusan sendiri yang sudah baik. Jadi dalam undang-undang ini membenarkan pihak menteri melaksanakan undang-undang ini berperingkat-peringkat dari satu negeri ke satu negeri, dari satu kawasan ke satu kawasan, jadi saya berpendapat walaupun ada perbincangan pihak menteri dengan kerajaan negeri dalam keadaan yang ada sekarang ini, saya mencadangkan supaya undang-undang ini jangan dahulu dilaksanakan di Sarawak hinggalah badan ini nanti mempunyai cukup kepakaran, sama *level* kepakaran dan pengurusannya sama dengan di negeri Sarawak.

Dengan keadaan sedemikian biarlah undang-undang ini pengurusannya, suruhanjayanya, majlisnya telah mendapat satu *level* yang tinggi, barulah boleh dia masuk ke Sarawak, melaksanakan undang-undang di Sarawak, kerana kalau tidak, undang-undang ini akan mengganggu keadaan apa yang telah dilaksanakan di Sarawak itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap tidak juga lamalah, baru setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah?

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ha?

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak sedikit sahaja, tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Dr.Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak panjang. Jadi itulah soal pelaksanaan undang-undang dan saya berharap pihak menteri melihat perkara ini. Saya ingin bertanya sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya persoalan yang saya tanya dalam persoalan Parlimen saya bagi minggu lepas yang tidak dijawab memenuhi ataupun memberi kepuasan kepada saya iaitu surat-surat yang ada kesan sejarah, ada kesan warisan, dokumen-dokumen perkara-perkara yang dikeluarkan daripada negara ini sama ada dia keluar dari Johor, dari Melaka, dari Kedah, dari Pahang dan di mana sahaja, dari Pulau Pinang ataupun dari Sabah dan Sarawak, kalau dilaksanakan juga di Sarawak. yang berada di luar negara sama dalam simpanan kerajaan atau badan kerajaan agensi kerajaan ataupun simpanan individu.

Apakah rancangan kerajaan menerusi pesuruhjaya ini nanti, sama ada kita akan membuat satu perundingan sumber kewangan mengambil balik warisan-warisan yang ada di luar negara supaya di bawa balik ke negara ini dan dipamerkan kepada orang kita kerana banyak surat, kertas dan dokumen ini boleh menunjuk dan membentuk pandangan yang baru ataupun pandangan yang sebenarnya berlandaskan sejarah yang telah ditulis pada ketika itu kerana banyak sejarah juga dibuat berlandaskan naluri penulis yang mungkin ada pengaruh-pengaruh yang tertentu yang tidak menepati apa perkara sebenar berlaku.

Umpamanya apabila James Brooke mendapat negeri Sarawak, pernah dikatakan bahawa Sultan Brunei menyerahkan Sarawak bulat-bulat kepada James Brooke, padahal keluarga Sultan Brunei pernah bersumpah tidak pernah pun menyerah negeri Sarawak kepada Brooke. Tetapi Brooke yang datang dengan kapal *royalistnya*, dengan meriamnya, teraju ke istana sultan, jadi sultan pada ketika itu tidak ada pilihan lain melainkan membenarkan Brooke menduduki negeri Sarawak sebagai Gabenor, bukan sebagai sultan ataupun raja. Jadi ini adalah satu perkara yang patut dianalisa dengan realiti sejarahnya bukan daripada apa yang ditulis oleh pihak penulis sejarah luar negara.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Muar.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya setuju dengan pandangan itu, kalau boleh saya tambah untuk minta pandangan Yang Berhormat. Sejarah ini penting, berlaku di negara jiran di selatan tanah air. Baru-baru ini diadakan satu pameran tentang sejarah penubuhan negara mereka tanpa mengira kira apa yang berlaku sebelum terpisah. Jadi ini kita kena perbetulkan kerana generasi muda di negara jiran tersebut akan percaya bahawa negara mereka terwujud atas sejarah yang dilaporkan sahaja. Kita di sini ada sejarah yang lebih panjang sebelum itu berlaku dan bagaimana kita boleh minta kerajaan memainkan peranan untuk diperbetulkan cerita itu di peringkat negara kita untuk didokumentasikan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Memang, saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya sejarah kita dengan Singapura. Kalau itulah yang disebut oleh Yang Berhormat, sejarah kita dengan Singapura, sebenarnya bagaimana Singapura itu, negara Temasek itu pada ketika itu, adakah ia negara yang memang sudah asing ataupun sebahagian daripada negara Johor dan bagaimana pula implikasi kerajaan Empayar Johor-Riau dan apa pula perhubungan Empayar Johor-Riau empayar dengan Kerajaan Sambas, Kerajaan Negeri Sarawak pada ketika itu sebelum dipecah-pecahkan oleh pihak penjajah.

Jadi ini kena kita perbetulkan penulisannya. Umpamanya Tuan di-Pertua, satu pejuang dari negeri Sarawak, Syarif Masahor. Syarif Masahor selepas dikalahkan di Sarawak, ditangkap oleh James Brooke dan dihantar *exile* ke Singapura, selepas itu sejarah Syarif Masahor itu telah hilang begitu sahaja, tetapi didengar oleh orang Sarawak bahawa ada seorang bernama Syarif Masahor yang terlibat dengan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu iaitu di Selangor dan juga sampai ke Perak.

Jadi persoalan pada orang Sarawak, siapakah Syarif Masahor ini? Adakah Syarif Masahor yang memperjuangkan nasionalisme di Sarawak yang sama yang telah dilarikan ke Singapura juga sekarang telah duduk di Selangor dan di Perak dan menjalankan perjuangan dan usaha yang sama dalam menghadapi pihak British.

Jadi kita kena mengetahui secara betul dan pakar kita macam Dato' Wan daripada Gerik itu boleh menulis. Cari orang kita yang *credible*, yang berkemampuan, yang berkebolehan, beri imbuhan, beri gaji, beri apa sahaja untuk menulis perkara yang betul yang boleh kita guna pakai dalam sekolah, dalam universiti dan berbagai-bagai lagi. Sekarang Dato', kita mengetahui lebih sejarah Amerika, lebih sejarah Eropah, sejarah British daripada kita mengetahui sejarah kita sendiri, kita lebih mengetahui siapa Napoleon Bonaparte, kita lebih mengetahui siapa dia Admiral Nelson yang mengalahkan Bonaparte. Tetapi kita tidak tahu siapa Rentap, siapa 'Shariff Masyhor', siapa Mat Salleh, Mat Kilau, kita kurang mengetahui. Hanya orang tempatan, orang yang mengaku *own* sejarah ini ada hubung kait dengan sejarah ini sahaja mengetahui orang ini.

Kita sepatutnya menyebar luas bukan sahaja mempromosi di bawah rang undang-undang ini minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ada syok sedikit dekat sini. Oleh sebab kita kadang-kadang, industri perfileman kita tidak mengambil kira perkara ini. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu ilustrasi sedikit, macam mana Hollywood mempromosikan sejarah mereka. Pocahontos asalnya sejarah, cerita Pocahontos dibuat karton dan sebagainya. Disebar luar sampai semua orang tahu tetapi kalau kita tengok karton sahaja, kita tidak tahu sejarahnya kita kena lihat semula, siapa Pocahontos, benar cerita-ceritanya sama ataupun tidak. Ini satu promosi, cerita William Wallace umpamanya The Braveheart, tidak banyak orang mengetahui siapa William Wallace, William Wallace ialah struggler daripada Scotland yang melawan England pada ketika itu, peperangan William Wallace itu kecil sahaja, tetapi di*highlight* begitu rupa oleh pihak Hollywood sehinggalah William Wallace itu menjadi seorang hero yang begitu *great* sekali. Tetapi kita di sini kenapa tidak buat? Jadi promosi ini termasuklah perkara-perkara ini membesar-besarkan, *struggle* secara kenyataan, realiti pejuang bangsa kita, tidak kira dia Melayu, tidak kira dia India, Cina ataupun Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, banyak Tuan Yang di-Pertua. Ini belum lagi kita senaraikan, belum lagi kita realisasikan penulisannya. Selagi ini belum terjadi dia belum menjadi satu realiti, kita tidak menyingkap sejarah kita hanya kita pandang ialah bangunan mana hendak dibina, parit mana hendak dibuat....

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila.

Datuk Ronald Kiandee: Ya, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Kita mempunyai filem yang bersejarah dan ada kaitan dengan sejarah, Puteri Gunung Ledang umpamanya. Satu filem yang kalau ikut cadangan boleh diperbesarkan kalau dibuat dalam bentuk filem. Masalahnya untuk mendapat sambutan daripada masyarakat. Filem ini dibuat dengan kos RM7 juta. Kemudian ditayang di negara kita balik RM3 juta, rugi RM4 juta. Di mana masalahnya ini? Kalau kita ini membuat filem Mat Kilau umpamanya, membuat filem Tan Sri Temenggong Jugah umpamanya, Mat Salleh, Antanom, Sarif Osman dan sebagainya.

Banyak lagi hero-hero Sabah, Sarawak, Semenanjung, tetapi kita bukukan - buku tidak laku, kita filemkan - filem rugi. Puteri Gunung Ledang, ini dia punya belakang kuat, dia ada *businessman* atau *husband* yang kuat, tetapi banyak yang boleh begini, buat rugi, buat rugi, macam mana? Di mana silapnya ini? Bagaimana pendekatan yang harus kita buat agar yang kita filemkan itu dapat sambutan. Adakah kerajaan akan membuat sedikit input kewangan dalam bentuk yang sedemikian, ataupun kita kena ubah sikap masyarakat kita untuk menilai balik atau menerima bahan-bahan sejarah ini dengan lebih baik untuk kenangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, saya bahas pendek sahaja untuk mengulas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau kita pandang di Hollywood, Hollywood buat tiga macam filem. Satu filem yang khusus untuk komersialisasi (*commercialization*), macam Star Wars, macam Harry Porter dan sebagainya. Semua benda ini dia tengok daripada segi pandangan dan penerimaan orang. Dia tidak kira kualiti, dia tidak kisah, jadi yang membina filem-filem ini dia pun tidak kisah, dia tidak hendak cari kemenangan dalam *Oscar* dan sebagainya itu. Tumpuannya mestilah kepada *commercialization* filem-filem ini. Tetapi dalam masa yang sama mereka juga mewujudkan filem-filem yang *berhigh* kualiti, macam *sound of music* dan sebagainya. Filem-filem yang akan mendapat sambutan daripada satu segmen-segmen yang tertentu dalam masyarakat walaupun mereka ini kerugian daripada *box office* tetapi dia dapat kemenangan daripada hati masyarakat.

Yang ketiga ialah satu filem yang mempopulartikan satu-satu agenda politik. Banyak dia buat tetapi kadang-kadang yang mempunyai agenda politik ini ada kesan-kesan keuntungan komersialnya banyak kita lihat *From Helen Back*, *From Here To Eternity*, banyak filem yang sedemikian.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: [*Bangun*] Saya hendak tumpang tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah bersedia untuk berucap nanti?

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Sekejap, sekejap, sekejap, sekejap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah bersedia boleh berucap.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy: Yang berkaitan dengan Puteri Gunung Ledang. Saya setuju dengan apa yang dikatakan tetapi saya minta penjelasan sedikit. Puteri Gunung Ledang mengikut teks sejarah Melayu 1612 oleh Tun Sri Lanang, dalam kandungannya menunjukkan setia terhadap raja yang telah menggunakan kuasanya untuk satu tujuan yang boleh merugikan rakyat, menghantar laksamana untuk mencari Puteri Gunung Ledang dan Laksamana tidak sempat pergi tengah jalan berhenti, Tun Mamat yang pergi di atas sana. Di sana, dia panglima dari Kampar dan di sana di Gunung Ledang berlaku macam-macam perkara ajaib untuk menunjukkan raja membuat sesuatu bukan untuk rakyat tetapi demi untuk dirinya

dan itu merupakan satu adat yang kemudiannya kena kepada Melaka. Adakah mesej ini dapat ditonjolkan dalam Puteri Gunung Ledang dan yang ditunjukkan adalah keghairahan untuk memikat penonton dalam tujuan yang lain, cinta, ghairah, indah atau mesej yang tidak kukuh, minta penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Malam tadi Tuan Yang di-Pertua, saya menonton dari mula-mula, minta maaf saya tidak hadir *briefing* kementerian semalam. Saya hadir melihat perbincangan di antara seorang pakar, Farid Zakaria daripada Amerika seorang Islam yang duduk - pemikir daripada Amerika dengan Tan Sri dan jadi perbincangan mereka. Banyak, kadang-kadang kita berkisar dengan persoalan memikirkan barang-barang tetapi kita tidak buat, jadi kadang-kadang orang kita, kelemahan kita, soalan dia mengatakan kelemahan masyarakat Islam ialah kita banyak mempersoalkan dan memikirkan, kita banyak memikir dan bercakap sahaja sementara orang lain sudah buat.

Persoalannya Yang Berhormat, balik kepada you punya soalan, ialah soalan kita melihat *what is the message we want to send*. Jadi kalau inilah yang berlaku, soalan *commercialization* tidak bangkit Yang Berhormat, kena lihat sama ada *my film* buat duit ataupun tidak, kacau orang ataupun tidak, *that is the first thing* dia tengok. Kalau ini dia *target* kalau kita hendak *commercialize* kita punya *film* ataupun apa-apa benda kita buat, kita tidak kisah mesej. Jangan pandang pada mesej tetapi kalau kita hendak buat *film* yang ada mesej, mungkin cerita-cerita yang mempunyai mesej yang khusus kita buat. Jadi maknanya saya juga melihat Puteri Gunung Ledang ini, berlainan daripada apa yang saya baca dari sejarah. Jadi banyak persoalan berbangkit kenapa cerita Puteri Gunung Ledang ini berlainan? Jawapan saya pada anak saya, siapa menulis Puteri Gunung Ledang, adakah Puteri Gunung Ledang berlandaskan penulisan ini adalah yang betul dan yang tepat. Jadi pada pandangan baru itu boleh dibuat, jadi dalam masa yang sama memang saya bersetuju banyak sangat keghairahan dan percintaan dalam Puteri Gunung Ledang telah tidak menarik perhatian sebahagian orang dan, itu yang pertama.

Yang kedua, saya lihat kita hendak menggunakan alat-alat dan teknologi canggih tetapi kecanggihan yang kita buat itu belum lagi boleh sampai ke peringkat apa yang telah *diachieved* oleh pihak Hong Kong dan pihak Hollywood. Jadi kita kena berjaga-jaga hendak menggunakan benda-benda ini. Macam dahulu, panglima harimau berantai, panglima ini, panglima itu, semua pandai terbang macam cerita Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat sudah boleh gulung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, hendak dekat gulung sebab kawan tanya, macam cerita Cina tetapi dia tidak pandai macam Wang Hei, tidak pandai melompat macam Ti Lung, tidak pandai melompat macam Jet Lee, tidak pandai melompat ... macam-macam lagi. Jadi akhirnya kita gagal melaksanakan *technologically*, benda-benda orang lain *achieve* dengan *excellently*. Jadi kalau kita hendak tiru, jangan tiru, buat benda yang kita boleh

buat dan kalau kita hendak *commercialize* jangan tanya soalan mesej. Jadi P. Ramle itu unik, *you can send a message and you can do commercial also*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya dengan ringkas menyokong Menteri dan saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya berfikir dahulu sebelum melaksanakan undang-undang ini di Sarawak dan melihatkan Sarawak telah mempunyai landasan undang-undang yang begitu kukuh, pentadbiran yang begitu sempurna sekali untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di Sarawak, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak tahu berapa ramai lagi hendak berucap?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, tujuh, baiklah Yang Berhormat, saya beri setiap ahli tidak lebih daripada 15 minit. Kinabatangan sila.

3.41 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidak lama saya cakap - *direct to the point*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagus!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005. Saya ingin mengucap syabas dan tahniah kepada Menteri dan kementerian sebab berusaha untuk mengadakan satu rang undang-undang yang mencukupi segala bentuk untuk memelihara dan melindungi sama ada harta warisan, barang-barang purba dan sebagainya.

Cuma saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah bahasa juga merupakan satu warisan kebangsaan? Kalau ya, apakah Yang Berhormat tidak berhasrat untuk memuatkan satu rang undang-undang iaitu memastikan warga negara Malaysia mesti fasih berbahasa Malaysia, sebab ini merupakan satu warisan bangsa dan ini kalau tidak silap saya telah cadangkan lima tahun yang lalu tetapi masih belum ada langkah dan masa itu belum ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sekarang ini sudah ada. Jadi kebetulan Menteri dia pun seorang yang pakar dalam bidang ini jadi kalau boleh diselit sedikit bahawa bahasa juga merupakan satu warisan bangsa dan diwajibkan kepada rakyat Malaysia sebab ada rakyat Malaysia langsung tidak tahu bahasa Malaysia. Kita tidak tahu bagaimana dia menjadi warga negara Malaysia tetapi dia tidak mengenali apa itu bahasa, saya pun tidak pasti apa yang dia tahu jadi ini kalau boleh kita mahu jadikan sebagai satu akta walaupun dia mungkin mempelajari bahasa ibunda dan sebagainya. Tetapi dia ada satu bahasa yang mesti dia tahu sebagai identitinya. Jadi inilah saya ingin cadangkan kalau boleh kita laksanakan sebab ini merupakan satu keperluan dalam kehidupan bangsa kita.

Sebentar tadi saya kagum dengan sekumpulan masyarakat pelajar daripada negeri China dan juga pensyarahnya sendiri. Kita beri dia peluang untuk bercakap, berhujah dan berpantun begitu indah bahasa-bahasa yang digunakan, kalau saya banding bahasa mereka

dengan di antara kita dalam Dewan ini macam banyak yang ketinggalan jauh. Saya tidak mahu sentuhlah sama ada di pihak Barisan Nasional ataupun pembangkang. Jadi seolah-olah kita malu, dia baru belajar tiga tahun, dia boleh menguasai bahasa kita, kita duduk di negara ini kalau lahir daripada tahun 1959, bermakna 46 tahun tidak boleh menguasai bahasa ini bermakna tidak ada kesungguhan. Jadi kalau ada rang undang-undang atau akta sebegini mungkin menuntut mereka supaya menguasai bahasa ini sebagai satu kebanggaan dan sebagai satu bahasa kita.

Yang satu lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu penyeragaman undang-undang ini akta ini di seluruh negara. Saya melihat kita ada pertindihan undang-undang ataupun akta Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Jadi pertindihan ini mengakibatkan kekeliruan di antara masyarakat dan orang ramai dan ini telah menyebabkan birokrasi terlalu banyak sebab berjumpa dengan kerajaan negeri, dia kata ini kuasa Kerajaan Persekutuan, jumpa pegawai Persekutuan, dia kata ini kerajaan negeri, kami tidak tahu ini apa-apa. Jadi, kalau bolehlah saya bukan macam Yang Berhormat bagi Santubong, saya mahu minta akta ini diselaraskan supaya kita boleh mencapai tahap kebangsaan itu sendiri. Bagaimana kita boleh menyebut satu negara Malaysia kalau akta kita, undang-undang kita bertindih, negeri ada, Persekutuan ada, mana kita mahu ikut. Akhirnya ramai yang jadi bola, ditendang ke sana dan ke mari dan ramai yang mengadu kepada kita bahawa negara kita ini mengamalkan birokrasi.

Saya juga setuju dengan Yang Berhormat bagi Santubong, di Sabah, khususnya di Kinabatangan, pada musim waktu pemerintahan British, kita ada panglima dipanggil Panglima Digadung Sama telah mangkat menentang British di satu kawasan iaitu di Bukit Melapis. Pihak British pula telah menerbitkan beberapa dokumen menyatakan bahawa Pangeran Digadung ini sebagai pemberontak, sedangkan mempertahankan mereka ini adalah panglima-panglima nasionalisme negara kita, mempertahankan hak kita, negara kita. Jadi, kenapa kementerian tidak mengambil satu langkah untuk mengubah sejarah British ini, menerbitkan buku-buku, dokumentasi menyatakan mereka ini adalah pejuang-pejuang. Demikian juga dengan seorang bernama Rosli Dhobi di Sarawak, ditangkap dan digantung, juga dituduh sebagai pemberontak sedangkan dia ini merupakan pahlawan bangsa.

Tidakkah kementerian ini mengorak langkah yang lebih jauh untuk mengembalikan imej pejuang-pejuang bangsa kita ini di mercu dan dimartabatkan? Walaupun mereka tidak ada tetapi anak cucu mereka masih ada dan mereka akan terus kita kenang sebagai pahlawan kita, bukan sebagai penjahat, perompak, penyamun dan pemberontak yang digelar oleh British. Ini telah mengakibatkan keluarga mereka menjadi tidak begitu tenteram kerana membaca sejarah pahlawan-pahlawan yang menjadi hero di kampung, digelar oleh British sebagai pemberontak. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya menyahut saranan saya ini dipulihkan, dimartabatkan pahlawan-pahlawan kita ini. Mungkin banyak lagi di negeri-negeri lain supaya

mereka dapat dinobatkan sebagai panglima kita, sebagai pejuang kita untuk membebaskan negara kita daripada jajahan pihak British pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu saya juga merayu akta ini tidak janglah cuma mengongkong sesuatu perkara contohnya penjagaan pantai. Pantai ini dikategorikan sebagai bahan-bahan di bawah rang undang-undang baru ini. Pantai yang digazet di bawah undang-undang ini hendaklah di baik pulih, hendaklah di naik taraf ataupun pulau-pulau. Kalau cuma digazet di bawah akta ini tetapi tidak ada perubahan langsung, bahkan tidak akan menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara, maka tidak ada gunalah akta ini kita laksanakan di sebaliknya tidak mencapai tujuan dan matlamat seperti yang kita idam-idamkan.

Jadi, dengan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini dan kalau boleh tambahlah Akta Bahasa itu untuk sama-sama dijadikan rang undang-undang yang baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau, sila.

3.49 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja dalam Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005.

Saya nak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dalam pengurusan dan pelaksanaan undang-undang Warisan ini, kementerian harus memberi perhatian yang secukup-cukupnya kepada latar belakang sejarah negara ini yang berciri berbilang kaum dari segi agama dan budaya, baik warisan yang *tangible* atau *intangible*. Dalam mengenal pasti tapak-tapak warisan budaya, kita harus juga memberi perhatian kepada bangunan-bangunan yang bersejarah terdiri daripada bangunan agama ataupun bangunan-bangunan kediaman yang berciri-ciri sejarah tinggi yang merupakan satu petanda kepada perkembangan sejarah negara.

Jadi, dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang berbilang kaum ini bukan sahaja akan membayangkan hakikat sejarah dan juga latar belakang masyarakat yang berbilang kaum di dalam masyarakat yang berbilang kaum dalam proses pembinaan negara dan juga pembangunan negara tetapi juga dengan mengambil kira ciri-ciri yang berbilang kaum ini dalam mengidentifikasikan tapak warisan ianya juga akan mempertambah kan lagi *the depth, the wide and the height of our history*, dengan izin. Kementerian dalam mengumpul dan mengidentifikasikan maklumat dan elemen warisan negara, harus juga merujuk kepada rakyat di setiap kawasan Parlimen. Pandangan, fikiran, sentimen, punca akar umbi adalah dekat dengan perkembangan warisan budaya negara.

Semoga dengan rujukan kepada punca rakyat iaitu punca akar umbi dan kita akan dapat melengkap dan meningkatkan lagi kekayaan warisan negara. Dengan itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

3.52 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpenggil apabila Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini dibentangkan pada petang ini. Sebagai wakil rakyat dari negeri Melaka Bandaraya Bersejarah, memang kita mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang ini kerana Melaka pada hari ini, seperti yang saya selalu sebut, kami tidak ada apa. Hanya sejarah dan budaya ini yang pada hari ini yang kita perembangkan dan kita perbaiki supaya menjadi objek wisata supaya kita menjadi satu negeri yang bergantung kepada pelancongan pada masa akan datang. Tetapi saya kira rang undang-undang ini perlu diperlengkapkan lagi kerana baru-baru ini seperti yang kita sedia maklum, beberapa peristiwa telah berlaku di dalam negara, lebih-lebih lagi bulan sudah

Di Gombak ada yang menuntut Kerajaan Negeri Melaka, sewenang-wenangnya dan tidak ada satu tindakan diambil, seolah-olah tidak ada undang-undang yang dia boleh buat satu Majlis Pengesyoran Sultan Melaka dengan permaisurinya ada pengapit-pengapitnya. Walhal rakyat negeri Melaka kisah pun tidak, dia dekat Gombak yang loghat. Dan, 10 tahun dulu ada satu orang lagi timbul menuntut Kerajaan Negeri Melaka sehinggakan dah dilantik menteri dia, bendahara dia dan sebagainya. Seolah-olah 10 tahun dahulu sehinggakan beliau ini sebab tidak mempunyai harta, tidak mempunyai kekayaan, pakai motosikal sahaja dekat Bandar Melaka dengan plat letakkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Melaka, tidak ada tindakan diambil oleh polis pun.

Ini yang menjadi pada hari ini seolah-olah kami di Melaka, oleh tidak ada undang-undang awal ini menjadi bahan ketawa.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila, sahabat baik saya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Mungkin dia kurang siuman, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau tidak ada undang-undang, masih banyak lagi orang yang tidak siuman ini akan timbul. Ini kerana kalau tengok sejarah, kalau kita tengok sejarah Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, pengkaji sejarah Melayu. Kalau kita lihat Sultan yang terakhir Sultan Mahmud Shah, apabila Portugis menakluki Melaka telah lari ke Johor Lama. Dalam perjalanan isterinya meninggal dekat Merlimau ada kuburannya, Tun Tijah banyak cerita ini.

Dua tahun sudah saya kebetulan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri saya ke Indonesia di Pekan Baru, di mana di satu kawasan itu satu kecamatan di Pekan Baru, kecamatan Kelalauan. Di mana ada satu makam yang dijaga rapi oleh masyarakat sana dan mendakwa makam ini adalah makam Sultan Mahmud Melaka dan ada saudara-mara dia di keliling itu sehinggakan Kerajaan Negeri Melaka telah memberi bantuan untuk memelihara makam tersebut yang dikenali sebagai makam Sultan Mahmud. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri saya ini telah diberi bintang kebesaran oleh keluarga Sultan Mahmud di sana.

Kita fikirkan apabila Sultan Mahmud dah mangkat di sana maka tutuplah cerita kesultanan sana dan saudara-mara di keliling itu pun telah mengaku yang dia ini keturunan Sultan Mahmud. Maka pada hari ini masih lagi beberapa peristiwa yang berlaku di dalam negara kita di Gombak, di Melaka dulu dan di Johor dulu ada yang mengaku yang dia ini adalah anak cucu-cicit kepada Sultan Mahmud. Tetapi oleh sebab tidak ada undang-undang berkenaan dengan untuk mengawal mereka ini daripada didakwa maka kita lihat dalam masa lima tahun, sepuluh tahun ada pula orang yang mendakwa mereka ini anak cucu Sultan Melaka dan menuntut Kesultanan Melaka.

Walhal seperti yang saudara-saudara ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua pun tahu bahawa Sultan Melaka dah berakhir pada tahun 1511, apabila Portugis datang menyerang Melaka. Kita terima pada hari ini. Itulah sebabnya warisan di Melaka pada hari ini kita jaga betul-betul dengan peninggalan-peninggalan Portugis dulu, peninggalan Belanda, British, Jepun dan balik ke British dan pada hari ini menjadi objek-objek wisata di Melaka yang kami sedang jual.

Sehinggakan baru-baru ini kita memulihkan balik Sungai Melaka yang pernah menjadi satu pelabuhan yang termasyhur dalam dunia ketika itu dan kita sedang kembalikan kemasyhuran ini melalui Sungai Melaka yang akan menjadi *Venice of the east*.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya nak menyentuh sedikit tentang banyaknya pihak-pihak yang menuntut mereka ini kerabat diraja. Dari segi pengajian sejarah, bukankah ini merupakan satu sumber di mana sejarah silam itu boleh diperbetulkan. Maknanya satu kajian khusus wajar dibuat supaya mereka ini dapat dipanggil umpamanya, supaya satu bentuk kajian sejarah yang tersendiri mengenai 'a sanctity' sejarah Melaka ini dapat diperbetulkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Saya setuju kerana pada masa dulu kita tidak berapa ambil berat tentang fakta-fakta sejarah ini. Sebagai contoh, di Melaka, orang-orang Islam, orang-orang Melayu Melaka semua tahu bahawa masjid yang tertua di Melaka ialah Masjid Kampung Ulu. Ini daripada cerita-cerita yang dibawa oleh orang-orang tua. Tetapi dalam buku sejarah yang terakhir-akhir ini ada yang mendakwa Masjid Tenggara adalah masjid yang tertua di Melaka.

Secara kebetulan ketika itu penghulu di kawasan Tenggara ini, Allahyarham penghulu itu orang terkenal, orang kuat maka dia kata masjid tua, masjid tua, sehinggakan mempengaruhi masyarakat, dan masyarakat mengatakan bahawa Masjid Tenggara masjid tertua di Melaka. Orang Melayu, orang Islam di Melaka tahu bahawa Masjid Kampung Ulu, masjid yang tertua tetapi oleh sebab masyarakat di kawasan itu tidak berapa kuat, maka dengan tersendirinya

Masjid Kampung Ulu ini tertinggal, walhal Masjid Tenggara pula didakwa masjid yang tertua di Melaka.

Begitu juga dengan Hang Tuah, legenda Hang Tuah. Kalau tengok sejarah, Hang Tuah itu ghaib, konon tidak ada perkuburannya tetapi hari ini dah ada pula. Atas kajian-kajian didapati di Tanjung Keling ini, di sekitar tahun 80-an dijumpai satu makam, yang pada hari ini dah diletak sebagai makam Hang Tuah dan ini menjadi objek sejarah baru yang dijual kepada pelancong-pelancong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gerik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Soalan? Ya, sila.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Saya mengkaji sedikit mengenai Hang Tuah dan bukunya yang tebal, Hang Tuah itu. Penutupnya dinyatakan bahawa Hang Tuah akhirnya mudik ke Sungai Perak, berada di Hulu Sungai Perak dan bersama-sama dengan masyarakat di sana. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang hal ini, Alor Gajah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gerik. Ini pun yang memeningkan kepala saya kerana baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya kebetulan mengikut lagi Ketua Menteri pergi ke Palembang. Di Palembang ini, Malaysia pula di tengah-tengah bandar Palembang ini, ada satu makam yang orang sana dakwa Makam Hang Tuah. Kalau tengok di Indonesia, di Riau baik, di Palembang, yang mana ada Kerajaan-kerajaan Melayu dahulu, di mana Hang Tuah ini dijulung begitu tinggi. Jalan Hang Tuah, Wisma Hang Tuah, semua Hang Tuah di sana.

Di tengah-tengah bandar ini, bandar Palembang ini sahabat saya Yang Berhormat bagi Gerik, ada pula Makam Hang Tuah dan orang Indonesia mendakwa Hang Tuah mati di situ. Jadi saya tidak tahu bagaimana sejarah dia. Ada buku menyatakan bahawa Hang Tuah ghaib. Ada yang satu buku lagi menyatakan Hang Tuah lari sampai ke Perak dan duduk di sana dan masyarakat di Indonesia, di Palembang pula mengaku Hang Tuah mati dekat Palembang. Jadi, oleh demikian.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, sila Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih. Saya kira banyak kekeliruan yang telah berbangkit di sini. Malah, Puteri Gunung Ledang pun begitu juga. Filem yang terakhir baru-baru ini menyebut bahawa Puteri Gunung Ledang itu berasal daripada Majapahit. Maka, inilah kekeliruan-kekeliruan saya kira, dokumen yang sedang kita bincangkan sekarang ini yakni tentang Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 kita ini perlu ada satu undang-undang, ada satu penguatkuasaan, perlu memugar kembali minat ke atas persatuan-persatuan sejarah di setiap kawasan.

Akar umbi perlu diperkemas dan bentuk penyelidikan kita pun hendaklah sejajar dengan penyelidikan semasa, zaman sekarang ini dengan menggunakan segala kemudahan

sains, teknologi untuk membuktikan keesahan sesuatu bahan sejarah dan juga sesuatu artifak yang cukup banyak terdapat. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai sekiranya perkara-perkara seumpama ini diberi perhatian? Jasin, minta maaf. Jasin minta maaf banyak-banyak. Dan juga....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ... tidak habis lagi itu. Satu perkara juga ialah, tadi bercakap tentang eccentricity sejarah. Jadi ini satu juga. Yang tadi telah ditimbulkan oleh beberapa orang rakan kita. Eccentricity sejarah kadang-kadang hasil daripada penulisan-penulisan yang bersifat emosionalnya, mereka telah memutarbelitkan fakta-fakta sejarah. Maka, di sini saya kira budaya ilmu, budaya membaca, budaya menyelidik, budaya mengkaji, R&D saya rasa perlu ada *provision* dalam rang undang-undang ini, perlu ada. Apa pandangan Yang Berhormat, sahabat saya Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya setuju sangat, kerana kalau kita tidak ada undang-undang khusus dan perketatkan ini, akhirnya bahan-bahan sejarah, cerita-cerita sejarah kita akan jadi rojak. Akan jadi rojak dan macam-macam tafsiran. Oleh yang demikian, kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, kita meminta pihak kementerian perhati dengan cara serius. Apatah lagi tentang sejarah kemerdekaan negara kita ini. Malah, banyak buku yang dikeluarkan, kita tengok bahawa cerita-cerita dia berlainan-berlainan. Saya penuh yakin dan percaya sehingga hari ini masih ada lagi warga-warga tua kita, warga-warga emas kita, pejuang-pejuang kemerdekaan dahulu yang masih hidup.

Macam di Melaka, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, umur 82. Kita minta Menteri pergi jumpa dia, tanya dia betul-betul dan kita dokumenkan. Begitu juga ada lagi, banyak lagi pejuang-pejuang nasionalis kita yang masih hidup, yang umur sekitar 80-an. Kalau kita tidak berjumpa, kita tidak dokumenkan cerita-cerita mereka ini, kita takut besok, sejarah kemerdekaan negara kita pun, kita tidak dapat yang satu, yang konkrit ataupun satu yang sah, yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Kita tidak hendak jadi macam Singapura pada hari ini sudah mempertikaikan tentang Johor sehinggakan masyarakat Temasek ketika itu, dikatanya sakai laut. Walhal itu adalah harta-harta Kerajaan Negeri Johor. Ini sejarah tetapi oleh kerana kita sendiri tidak dokumenkan, tidak ada undang-undang yang khusus, yang kalau ada orang mempertikaikan, kita boleh dakwa. Empayar-empayar besar di Eropah, sehinggakan hari ini mereka dapat memelihara dan mempertahankan sejarah mereka, warisan mereka dan kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, kita berharap segala peninggalan-peninggalan warisan kita daripada Kerajaan Melayu negeri Melaka dahulu, Kerajaan Portugis, Kerajaan Belanda, Kerajaan British, Jepun, balik British dan kita merdeka ini. Segala cerita-cerita ini dapat kita perbukukan dan dengan adanya Suruhanjaya Warisan Kebangsaan ini pula besok, kita

berharap kerajaan cuba ataupun membeli bahan-bahan warisan kita yang kita tahu berada di Portugal pada hari ini, yang ada di Sepanyol, yang ada di Belanda, supaya kita dapat membawa balik ke dalam negara kita ini supaya kita dapat buat kajian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini kerana pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Panglima Awang mengelilingi dunia dengan Magellan. Nama Magellan dijulang. Panglima Awang anak Melaka tidak dijulang. Kita berharap supaya ahli sejarah, orang-orang sastera atau sejarawan negara kita ini kena tulis buku tentang Panglima Awang ini kerana Melayu sudah lama mengelilingi dunia. Melayu sudah berpuluh ratus tahun dahulu sudah mengconquer dengan Magellan dunia ini, dan hari ini kita berharap dengan ada Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini, akan kita pelihara dan kita dapat memelihara sejarah-sejarah kita yang silam supaya tidak luput di dalam ingatan rakyat kita. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak hadkan kepada 10 minit Yang Berhormat. Bukit Bintang.

4.07 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Bintang pun banyak warisan, sebab itu dia hendak bercakap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:..... Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 yang dibentangkan bagi menggantikan Akta Benda Purba 1976 dan Akta Harta Karun 1957 yang akan dimansuhkan, membekalkan kuasa yang cukup luas kepada Suruhanjaya Warisan. Bahkan Majlis Warisan Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Fasal 8 tidak dapat 'mengikat' suruhanjaya untuk menerima nasihat Majlis. Jika suruhanjaya membuat sesuatu keputusan atau tindakan, maka nasihat Majlis boleh diabaikan. Ini cukup membahayakan kepada pemilik-pemilik tanah yang mana di bawah tanah miliknya, mungkin tersimpan objek warisan yang belum disentuh yang mana menurut Fasal 48(1), menyebut bahawa objek warisan yang dijumpai oleh pemilik tanah adalah merupakan harta mutlak Kerajaan Persekutuan, yang mana pampasan yang akan ditetapkan oleh suruhanjaya boleh dibayar kepada pemilik tanah sahaja. Amaun pampasan iaitu adalah kuasa Menteri yang muktamad, yang tidak boleh dipertikaikan di mahkamah jika seseorang pemilik tanah tidak berpuas hati akan amaun pampasan yang ditawarkan seperti tertera dalam Fasal 55.

Tuan Yang di-Pertua, jika amaun pampasan dibayar di bawah nilai pasaran semasa, ini satu kerugian kepada pemilik tanah. Manakala, harta karun pula mana-mana pemilik tanah yang tidak memaklumkan perjumpaan harta karun yang berada dalam simpanannya kepada pegawai daerah, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, Fasal 81.

Jika dia tidak hadir dalam sesuatu siasatan yang dipanggil oleh pegawai daerah boleh dilucutkan haknya ke atas harta karun ini, kerana ini merupakan rampasan hak milik harta karun itu oleh kerajaan secara harus yang 'merangkap' seseorang, sama ada dimaklumkan atau diisytiharkan tanpa dapat dibuktikan hak mempunyai harta karun yang boleh diisytiharkan sebagai tiada berduit. Sepatutnya proses siasatan itu hendaklah dipermudahkan, yang mana kerajaan tidak perlu menekankan bahawa jika tiada proses guaman dibuat di dalam tempoh tertentu, harta itu boleh di isytihar sebagai tiada hak milik dan menjadikan hak kerajaan negeri.

Saya mencadangkan supaya kadar pampasan yang dibayar kepada mana-mana objek warisan dan hak karun yang diisytihar mengikut nilai pasaran semasa ia dibayar pada harga tinggi. Seperti mana saya katakan tadi, proses mengenal pasti dan memiliki harta tersebut hendaklah dipermudahkan kerana masih boleh dikutip hasil dari harta karun yang dijumpai kerana menetapkan cukai tertentu yang perlu dibayar oleh seseorang pemilik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan bagaimana kedudukan harta karun dan objek warisan yang telah diseludup ke luar negeri sama ada telah diperdagangkan atau menjadikan koleksi pihak badan warisan lain. Apakah cara kerajaan kita hendak mengambil balik harta tersebut yang diakui memang bernilai dan berharga dari segi sejarah untuk menjadikan lambang warisan negara.

Saya difahamkan bahawa pada 1991, Badan Warisan Malaysia telah menjalankan kajian *The Inventory Warisan Seni Bina Malaysia* yang didapati bahawa *inventory* bangunan warisan Malaysia terdapat 30,000 buah di 162 bandar yang mana 20,876 adalah bangunan era sebelum perang dunia.

Saya ingin bertanya, berapa jumlah yang ada di Kuala Lumpur? Adakah bangunan tersendiri atau apakah usaha yang dibuat untuk menjadikan warisan negara setengah tapak bangunan ini berada dalam *prime land* yang mempunyai nilai yang tinggi, adakah pampasan yang dibayar menurut permintaan pemilik atau mengikut harga pasaran? Kerajaan tidak boleh mengambil hak milik mengikut kadar Akta Pengambilan Tanah 1960 pada kadar lebih rendah. Warisan kebanggaan juga hendaklah menjadikan satu subjek pembelajaran sekolah yang boleh menarik minat pelajar, menyayangi warisan negara dan skop warisan kebangsaan itu hendaklah diperluaskan supaya meliputi apa jua objek yang mempunyai nilai estetika sesuatu kaum perlu dijelmakan menjadikan warisan kebangsaan.

Saya juga ingin membangkitkan di sini dua perkara yang berkaitan iaitu beberapa jumlah pampasan yang dibayar oleh kementerian kepada koleksi ukiran Orang Asli milik 'Datuk Anthony

Ratus', penasihat masyarakat Orang Asli yang bernilai jutaan ringgit yang dijual kepada kementerian tetapi dibayar di bawah nilai sebenarnya koleksi itu.

Keduanya ialah ada sebidang tanah yang dijadikan tapak bekas Masjid Sultan Abdul Samad di Batu 6 Jalan Cheras, belakang Velodrome Cheras yang mana tanah tersebut telah dibeli oleh sebuah syarikat pemaju mendakwa pernah menawarkan jualan tapak masjid yang boleh dijadikan warisan kepada pihak Jabatan Agama Kuala Lumpur dan DBKL Kuala Lumpur pada awal tahun 1990. Tetapi, tapak itu tidak dibeli oleh pihak berkenaan.

Moral cerita saya ini ialah betapa tidak bertanggungjawab mereka yang diberi amanah, sanggup membiarkan, tinggal bangunan masjid yang pernah digunakan oleh masyarakat Islam pada sesuatu waktu tidak dijadikan warisan kebangsaan sedangkan mereka berkuasa melakukannya. Mengapa tidak usaha untuk mengambalnya sedangkan pihak pemilik setia menjualkan pada waktu itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands.

4.15 ptg

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya membahaskan Rang Undang-undang Warisan dan saya ingin merujuk kepada Bahagian 10 di mana disebut mengenai pengisytiharan Warisan Kebangsaan. Soalan ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di mana dia kata mana-mana orang yang hidup boleh disiarkan sebagai warisan kebangsaan. Ini saya rasa dalam *clause* kedua dikatakan ciri-cirinya, pertimbangan itu dilakukan berdasarkan kepada..... saya tengok ada lebih kurang 9, daripada 9 itu hanya 3 yang boleh diaplikasikan untuk orang yang bakal dijadikan warisan kebangsaan.

Pembaharuan ataupun pencapaian saintifik atau teknikal, seorang yang memberi sumbangan mungkin dari perspektif ini. Kedua mempunyai hubungan sosial dan kebudayaan dan satu lagi yang terakhir, apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting. Maka saya memohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria khusus yang digunakan untuk mengisytiharkan orang yang hidup sebagai warisan?

Setahu saya ada sebuah negara yang telah mengisytiharkan seorang sebagai *legend* ataupun warisan kebangsaan mereka adalah di Brazil iaitu Pele kerana beliau telah pun dijadikan *icon* untuk seluruh dunia sebagai pemain terbaik dunia. Benda ini tidak berlaku di Argentina untuk Maradona dan bolehkah saya mengatakan bahawa Tun Mahathir boleh menjadi seorang warisan kebangsaan ataupun presiden saya Datuk Seri S. Samy Vellu sendiri, bolehkah jadi warisan kebudayaan atau Tun Ling Leong Sik boleh jadi warisan kebangsaan?

Maka saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang akan bakal digunakan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak sebut Ipoh Timor ke Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Disorak]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh. Boleh. Boleh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Boleh juga, kita mungkin rakan seperjuangan Ketua Pembangkang kita boleh juga jadi warisan kebangsaan.

Seorang Ahli: Kategori lain.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ha, kategorinya lain, 1969 sampai sekarang, saya rasa pencapaiannya perlu dikagumi. Kebisingan pun perlu juga kita tahu maka saya hendak tanya apakah kriteria, mungkin ini akan menyebabkan satu konsep yang longgar kerana kuasanya pada Menteri. Maka apakah kriteria? Itulah satunya saya hendak penjelasan.

Seterusnya, saya ingin mengetengahkan mengenai warisan yang dibangkitkan oleh rakan seperjuangan saya dari Tebrau tadi dan ingin melanjutkannya sedikit, memperluaskannya sedikit. Dari segi kepelbagaian kaum Malaysia, warisan yang begitu kaya sekali, warisan orang Melayu, orang India, orang Cina, orang Sabah, orang Sarawak, di kalangan orang Melayu sendiri kita ada warisan yang begitu kental dan subur di mana kita ada orang Jawa, orang Minangkabau, orang Kelantan dengan pelbagai budaya dan warisan mereka. Sedangkan dalam kesusasteraan Melayu sendiri, segalanya telah pun diagih-agihkan dan dikategorikan dan segala ini belum lagi dibawa ke depan dengan begitu jitu sekali.

Maka saya ingin tanya apakah hala tuju Kementerian ini melalui perundangan ini untuk memastikan bahawa segala warisan itu satu jitu, ke *authenticity* nya dijaga. Kedua supaya mesej dan juga maklumat yang benar dapat diketengahkan kepada generasi muda. Daripada pengamatan saya Yang Berhormat Menteri ya, kita dapati bahawa buku-buku teks di sistem sekolah, banyak maklumatnya sudah pun terkeluar daripada landasan sebenarnya. Ini akibat daripada kehairahan penulis-penulis yang ingin membawa interpretasi mereka sendiri kepada nasionalisme bangsa. Ini dalam sejarah dan juga dalam sastera Melayu. Macam contohnya, kita begitu berpolemik dalam kandungan sejarah Melayu, sejarah Melayu ada banyak versi, versi-versi daripada UK, versi-versi daripada sini dan 'Shellabear' telah diambil sebagai versi yang paling *authentic* tetapi berapakah golongan penulis-penulis dalam sejarawan negara yang telah menggunakan maklumat-maklumat daripada sana, inilah masalahnya.

Maka saya memohon supaya keanggotaan Suruhanjaya itu perlulah dipelbagaikan kaumnya demi memberi perspektif yang benar kepada hala tuju kebudayaan dan juga warisan negara kita. Maka negara kita mengikut Tun Mahathir baru-baru ini, sebulan yang lalu dalam satu seminar beliau kata bahawa masa depan negara akan menjadi multi *racialism*, tidak akan wujud satu negara yang mempunyai satu golongan ras, dia akan jadi multi *racial nation*. Baik inilah hala tuju global dan Timbalan Perdana Menteri kita kata hala tuju negara adalah *glokal, the local content in the global scenario*, dengan izin.

Maka dalam konteks itu, kekosmopolitan *nation* ini tidak boleh kita tangkas, ini akan jadi satu realiti dalam mungkin dua, tiga dekad akan datang. Adakah kita bersedia untuk

mencerminkan dan menggunakan warisan yang kaya yang begitu subur sekali untuk matlamat, untuk membina sebuah negara yang tidak boleh lari daripada multi *racialism* dengan izin. Maka dengan itu generasi muda kita yang kini rasa realiti dibawa kemelayuannya, keindiaannya, kecinaan yang masih ada, kalau kita mendabik dada dan bercerita secara ikhlas dan keikhlasanlah yang merupakan tunjang pembinaan negara maka kita kena kembali kepada asas bahawa generasi muda di dapur dan juga di bilik tamu mereka. Bila malam-malam bertemu dengan ayah bonda, bercerita mengenai sebuah negara yang kita sama-sama cinta. Kalau ini tidak disuburkan, sehari nanti tunjangnya akan rapuh, kita akan meniti titian yang rapuh dan ini tidak begitu baik.

Dalam konteks itu saya rasa sastera kita kena kembali kepada kegemilangannya. Kesusasteraan, 'ke' dan 'an' adalah apitan, imbuhan, 'su' itu adalah indah, 'sastera' itu tulisan, maka 'susastera' itu adalah tulisan yang indah dan keindahan itulah menjadi landasan kepada budi bahasa kita, cara hidup kita, bahasa kita dan kalau kita dulu nak cerita satu yang kasar pun, kita lontarkan dengan bahasa yang begitu lembut sekali. Maka segala ini sudah nampak kehilangan seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Santubong tadi, bahawa generasi kita sekarang terlalu terikut-ikut dengan telunjuk barat, media massa mereka bermaharajalela, maka kehilangan satu persatu.

Saya masih ingat lagi tahun 1980'an, buku sastera Melayu dalam bahasa Melayu STPM 7173 sajak-sajaknya ditulis dengan penuh emosi, dengan penuh tema-tema yang begitu menusuk jiwa. Tapi sekarang punya buku teks bila kita baca, kita rasa terasing. Dalam Ahmad Sarju Parti, dia tulis mengenai bagaimana anak muda terkeluar daripada landasan, melondeh, terkeweh di tengah gelanggang, dia tulis, dalam lampu neon, dan inilah sajak yang telah menusuk kita sendiri, untuk mendorong kita mengambil sastera Melayu di universiti.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sekejap. Seterusnya kita ada bagaimana dia mencetuskan keindahan kepada alam, "sayup-sayup undan tua berlagu hiba, terbang beriring rembang petang renek-renek menghirai bulu carik, melayang satu-satu berbaaur debu, lesu berapungan di air lalu. Samsudin Jaafar dengan sajaknya kepada keindahan alam. Dan inilah padamu ibu, "kalau di persimpangan jalan tersedu aku, kau, aku cuma kau saja ibu yang lebih tahu", sajak-sajak inilah yang mendorong kita untuk belajar simpati kepada ayah bonda yang berkorban.

Tetapi sekarang-sekarang kandungan-kandungan sajak kita, cerpen *Pusaran* mengenai lembu, tidak ada, keterasingan, adakah warisan Kementerian ini boleh memberi hala tuju yang benar kepada Kementerian Pendidikan untuk melahirkan sukatan-sukatan yang benar-benar memberi satu aspirasi negara kepada generasi muda kita. Inilah persoalan saya?

Maka Kementerian kita perlu membantu kerana tidak ada sesiapa nak suka, mereka masing-masing buat, sesiapa suka masing-masing buat interpretasi. Inilah saya rasa perkara

yang perlu diberi perhatian kerana generasi menunggu, generasi muda menunggu satu identiti Malaysia yang diacuankan dengan pelbagai kaum Malaysia. Saya rasa kuil-kuil di Malaysia banyak begitu dengan warisan, mungkin ditinggalkan untuk masyarakat India muda untuk mengharungi dan juga untuk merealisasikan kehebatan budaya mereka sendiri. Sama dengan masyarakat Cina, masyarakat Melayu, segala ini perlu disatukan dan diperkaya. Saya memohon menyokong dan hanya satu sahajalah yang tadi, orang yang hidup itu menjadi warisan, menjadi tanda soal. Saya mengundur diri, terima kasih.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bukit Gantang.

4.25 ptg.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat membentangkan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 untuk tujuan memulihara dan mempromosikan warisan budaya negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, warisan kebudayaan negara kita khususnya persembahan dan nyanyian semakin lama semakin pupus dan lenyap dimakan dek masa zaman globalisasi ini. Generasi muda hari ini tidak kenal dengan persembahan boria, kuda kepang, dondang sayang, mak yong, dikir barat, tarian joget dan sebagainya kerana kemasukan budaya barat yang begitu ketara dan menggila di kalangan anak-anak muda sehingga anak-anak muda tidak dapat menghayatinya dan tidak bangga dengan budaya warisan negara kita.

Usaha untuk mengembalikan warisan kebudayaan ini amat tepat dengan adanya Rang Undang-undang ini bagi pemuliharaan dan mempromosikan warisan kebudayaan negara kita. Kita amat mengharapkan lebih banyak promosi warisan kebudayaan dapat dipersembahkan di majlis-majlis keramaian di peringkat akar umbi di kampung-kampung, di peringkat daerah dan di peringkat negeri dan kebangsaan. Begitu juga di majlis-majlis rasmi, di sekolah-sekolah tetapi ia menjadi tanda tanya kita ialah kita memerlukan sumber kewangan.

Adakah Kementerian dapat menyalurkan sumber kewangan terutamanya ke kampung-kampung, jawatankuasa kampung, ke sekolah-sekolah untuk memastikan bahawa kita betul-betul dapat memulihara dan mempromosikan kebudayaan budaya kita ini supaya tercapai dan kita tidak mahu bahawa Rang Undang-undang ini apabila diluluskan hanya menjadi undang-undang tetapi tidak tercapai objektifnya.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa lagi Larut?

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tak ada dah, habis dah. Sabak Bernam.

4.27 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, "akar bukan sebarang akar, akar pokok tongkat ali, pendekar bukan sebarang pendekar, pendekar seni berada di sini".

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira enam bulan yang lalu, Sabak Bernam telah mengadakan satu bicara seni dan budaya atas nama Malam Kenang Bakti. Tiga orang tokoh tempatan berumur 75, 80 dan 69 tahun telah berbicara pada malam itu. Salah seorang daripada mereka ialah Tok Sidang Yusof telah pun kembali ke Rahmatullah. Kaitannya Tuan Yang di-Pertua dan Menteri, siapakah yang patut merakam dan mendokumentasikan sejarah bicara mereka?

Sebenarnya kita sudah ada institusi persatuan sejarah peringkat kebangsaan, peringkat negeri malah di peringkat daerah pun ada tapi seperti apa di antara teman-teman telah sebut, mereka itu tidak ada dana ataupun tunjangan. Oleh kerana itulah Sabak Bernam sangat menyokong Perkara 20 tentang penubuhan Dana Warisan.

Kita sangat berharap supaya dana ini dapat disegerakan kerana kita masih ramai lagi tokoh-tokoh yang masih hidup pada ketika ini yang menjadi satu sumber sejarah yang begitu penting sekali. Kita jangan tunggu ada di antara mereka yang telah meninggal dunia sebagai contoh seorang sahabat saya membuat kajian ataupun autobiografi berkaitan dengan tokoh sastera dan budaya kita Allahyarham Usman Awang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Seminggu selepas wawancara diadakan maka tokoh itu telah meninggal dunia. Siapakah yang akan merakamkan ini? Sahabat saya Larut, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Sabak Bernam. Yang Berhormat, dalam kita membangkitkan semula semangat warisan bangsa yang begitu banyak sejak penjajah sama ada di Melaka, ataupun di mana-mana juga tapi kita jangan lupa dalam kita nak menghidupkan kembali, nak menyuburkan kembali warisan bangsa kita ini, kita bimbang dengan pengaruh-pengaruh Barat, budaya songsang, yang tiba-tiba menyeludup masuk ke negara kita, umpamanya dengan *Black Metal* sebagai contoh. Kalau dah tanaman kita nak kita suburkan walaupun dah kita bajai tapi tumbuh lalang-lalang di sekelilingnya.

Bagaimanakah kita boleh memastikan usaha kita ini mendatangkan hasil yang lumayan, apa pandangan Yang Berhormat Sabak Bernam?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih sahabat saya daripada Larut, yang ini kita serah pada Menteri, oleh kerana itulah kita sangat menyokong tentang Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi, kalau begitu apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan tidak kompromi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, kita minta kerajaan, kementerian yang berkenaan jangan lagi bertolak ansur.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:ke atas budaya yang boleh merosakkan generasi yang akan datang. Sama ada pertunjukan, persembahan apa juga pergerakan yang boleh bukan sahaja mengganggu-gugat budaya kita,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat tidak payah berucap, minta penjelasan sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:mengancam keselamatan kita, bersangkutkah Tuan Yang di-Pertua? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat Larut.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tentang kegiatan seperti ini.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya, saya bersetuju.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat sudah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat Larut saya bersetuju, saya ingat kita kena kembalikan juga tertib kita setelah mendapat kebenaran baru bercakap, jadi saya setuju itu dengan maaf ya, dan kembali kepada warisan budaya kita yang cukup bagus.

Perkara yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua sahaja iaitu mengenai pegawai yang berilmu dan terlatih. Pihak kementerian sangat diharap supaya memilih dan melantik mereka yang berminat. Sebab sejarah ini, warisan ini, budaya ini satu perkara yang berbeza. Mereka yang berminat, mereka itu akan bukan sahaja proaktif tetapi kreatif dalam tindakan mereka, oleh kerana itulah Sabak Bernam menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Muar.

4.32 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini. Saya sebenarnya ada 30 perkara, tetapi tinggal 3 sebab yang lain sudah disebut oleh kawan-kawan.

Pertama, dalam kita membina ataupun merakamkan warisan negara tidak semua warisan ini semestinya barang lama, kerana warisan ini juga pernah menjadi satu perkara yang baru pada ketika ianya bermula dan kalau kita tidak ada satu peraturan untuk kita merakamkan

atau mengisahkan perkara-perkara ini, maka kita akan terlepas pandang, contohnya. Ini harapan yang kita perlu dengan terlulusnya rang undang-undang ini seperti contohnya di Scotland ada satu Parlimen seperti kita, baru dibina pada tahun 1997. Tetapi setiap sudut Parlimen tersebut dirakamkan di bawah satu undang-undang negara tersebut diceritakan kepada pengunjung dan saya yakin 20, 30, 50 tahun dari sekarang rakaman itu akan menjadi satu warisan, bangunan tersebut menjadi satu warisan.

Saya kadang-kadang tertanya sama ada kita di Parlimen ini mempunyai satu rakaman yang sama. Sebab itu saya mengharapkan kerajaan dapat memanjangkan proses ini bukan sekadar kepada bangunan kerajaan tetapi juga kepada bangunan-bangunan swasta. Contoh KLCC, Menara Berkembar, Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA kerana kalau kita tidak dokumentasikan dari sekarang, tidak diwajibkan kepada pihak swasta untuk mendokumentasikan perkara-perkara ini dari sekarang, maka kita akan terlepas pandang. Saya percaya suruhanjaya yang akan dibentuk di bawah rang undang-undang ini dapat melakukan perkara tersebut demi untuk masa akan datang.

Kedua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah dengan terlulusnya rang undang-undang ini nanti ia bakal menjadi satu *authority* rujukan. Apa juga perkara yang diputuskan oleh suruhanjaya ini, maka kita akan terima sebagai satu *authority* kerana ini penting seperti yang disebut oleh rakan-rakan tadi tetapi saya ingin tambah. Saya perlukan satu kenyataan daripada pihak kerajaan agar perkara-perkara yang menjadi masalah kita selama ini dapat kita atasi. Contoh yang baru-baru ini pun dikatakan komunis terlibat dalam memerdekakan negara, ini satu perkara yang kita perlu atasi dan dengan terlulusnya rang undang-undang ini nanti *authority* ini perlu diberikan kepada suruhanjaya supaya perkara-perkara ini tidak dapat diputarbelitkan dalam masa akan datang.

Ketiga, dalam kita membina bangsa, saya percaya tahun 2006 merupakan satu tempoh masa atau tahun yang cukup penting dalam pembinaan bangsa kerana pada tahun 2006 kita tahu penentangan terhadap *Malayan Union* bermula pada tahun 1946, 50 tahun sudah perjuangan Datuk Onn. Saya mengharapkan kerajaan selepas tertubuhnya perkara ini dapat kita buat satu sambutan tentang perjuangan, pembinaan bangsa, penentangan terhadap *Malayan Union* dapat dibentuk dan dirangka melalui suruhanjaya ini kerana kita tahu di dalam Malaysia ini terlalu banyak negeri yang mempunyai sejarah, terlalu banyak bangsa, kaum yang mempunyai sejarah yang perlu kita selaraskan dan perkara ini boleh saya anggap sebagai satu titik permulaan kalau kita dapat terima.

Terakhir sekali tentang pembiayaan yang disebut dalam Bahagian V. Saya mengalu-alukan kerana terlalu banyak budaya yang saya sebutkan tadi yang semakin lama semakin terhakis, tetapi dalam negeri Johor kita ada satu tarian zapin yang saya rasa kalau dapat Ahli-ahli Yang Berhormat lihat di Johor cukup hebat, cukup besar, cukup molek. Saya rasa perlu satu dana, satu sokongan yang lebih besar kerana kalau Yang Berhormat Menteri sendiri pernah lihat

Zapana dipertontonkan di Istana Budaya tidak lama dahulu yang saya rasa menepati tahap pencapaian setanding dengan pementasan muzikal negara-negara luar. Saya rasa perlu diberi sokongan dan diperpanjangkan dan saya mengharapkan suruhanjaya yang dibentuk ini dapat melihat budaya negara yang tidak berlatarbelakangkan negeri untuk kita pertonjolkan dan kita persembahkan.

Saya mengharap akhir sekali kerana cabaran, kemajuan dan teknologi IT yang cukup mencabar kerajaan dapat memberi posisi yang baik kepada bidang hal ehwal warisan ini, supaya kita tidak ketinggalan dan kita tidak akan terhakis dalam perkembangan yang pesat, yang bakal melanda dan dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tanjong, semua boleh bercakap Yang Berhormat.

4.37 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi peluang bercakap kemudian.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005.

Saya mula dengan meminta Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan sama ada kementerian akan menggubal satu dasar warisan kebangsaan, di mana kita tahu bahawa kita ada Akta Pendidikan dan sebagainya Akta Pertanian dan negara juga ada dasar pendidikan, dasar pertanian dan sebagainya. Di samping kita meluluskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan sama ada kementerian akan juga menggubal satu Dasar Warisan Kebangsaan untuk menggariskan perkara-perkara yang wajib untuk dipelihara sebagai warisan kebangsaan. Walaupun dalam Fasal 67 Menteri boleh menggunakan beberapa kriteria untuk mengisytiharkan sesuatu sebagai warisan kebangsaan. Namun begitu satu Dasar Warisan Kebangsaan amat diperlukan dan akan memberi hala tuju dalam usaha kita memelihara warisan kebangsaan.

Saya juga bersetuju dengan beberapa pandangan yang diutarakan tadi oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tertentu berhubung dengan *characteristic* negara ini yang mempunyai sejarah dan juga penduduk yang terdiri dari pelbagai budaya, pelbagai agama dan bercakap dengan pelbagai bahasa. Ini satu perwatakan negara Malaysia dan rakyat Malaysia. Saya berharap dalam usaha untuk memelihara warisan kebangsaan, hakikat ini dapat juga diketengahkan untuk menonjolkan masyarakat Malaysia yang pelbagai budaya, pelbagai agama dan pelbagai bahasa. Kemajuan masyarakat kita haruslah dipentingkan. Saya juga memerhatikan bahawa kerajaan juga giat melaksanakan prinsip Islam Hadhari, saya berharap semasa kita melaksanakan Islam Hadhari ini,

ia tidak akan bercanggah dengan usaha-usaha untuk menjaga warisan kebangsaan supaya tidak ada pihak-pihak yang tertentu dalam mementingkan prinsip Islam Hadhari,

menganggap artifak-artifak ataupun benda-benda warisan ini kemungkinan bertentangan dengan nilai-nilai Islam, dan kemungkinan akan mengambil keputusan untuk menyetepikan artifak-artifak ataupun tapak-tapak warisan yang kemungkinan dianggap bercanggah dengan Islam Hadhari ini.

Saya ingin juga merujuk kepada Fasal 3(2) di mana pihak berkuasa negeri perlu dirundingkan sebelum apa-apa keputusan mengenai tapak dapat dikenalpastikan. Ini sejajar dengan huraian Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bidang kuasa bersama *concurrent list* dan ekor pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Saya ingin tahu dalam perkara ini untuk menegakkan hak-hak kerajaan negeri dalam perkara ini, walaupun sudah buat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, sama ada kerajaan negeri sudah pun merestui Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan ini. Seperti mana dalam beberapa tahun dahulu pindaan ataupun pemansuhan kepada Akta Kawalan Sewa yang merupakan satu bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan negeri telah memberi persetujuan dan restu kepada pindaan itu sebelum akta itu dimansuhkan, jadi saya ingin tahu dalam rang undang-undang yang kita bahaskan ini sama ada kerajaan negeri sudah memberi *consent*.

Saya ingin menyentuh tentang Fasal 10 berkenaan dengan keanggotaan Majlis Warisan Kebangsaan.

Saya mendapati bahawa anggota-anggota dalam majlis ini nampaknya tidak membayangkan betapa pentingnya peranan yang akan dimainkan oleh kerajaan negeri. Saya tidak nampak ada peruntukan yang khusus yang akan mengundang wakil-wakil dari kerajaan-kerajaan negeri untuk menjadi anggota dalam majlis warisan ini. Saya merasa mengikut rang undang-undang ini kita nampak banyak *instances*, di mana kerajaan negeri perlu memberi kebenaran sebelum majlis ataupun Menteri boleh mengambil sesuatu keputusan. Mengapa dalam menubuhkan majlis warisan ini, nampaknya wakil kerajaan negeri diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 berhubung dengan Kumpulan Wang Warisan diperuntukkan bahawa apa-apa jumlah wang perlu diperuntukkan oleh Parlimen daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Saya nampak peruntukan ini amat berbeza dengan satu rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini pada tahun 2003 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di mana pada masa itu rang undang-undang itu, iaitu meminda *Town and Country Planning Act*, satu peruntukan adalah menyatakan bahawa dalam belanjawan setiap tahun diwajibkan ada satu peruntukan untuk tujuan warisan dan untuk Kumpulan Wang Warisan. Ini nampaknya peruntukan dalam rang undang-undang ini tidak menepati tujuan asal rang undang-undang dari Kementerian Perumahan.

Fasal 21 Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan bahawa perbelanjaan hendaklah bagi maksud pembayaran bagi pembelian warisan dan kawasan pemuliharaan. Saya ingin tahu bagaimana mekanisme akan diguna pakai untuk menentukan nilai-nilai yang perlu dibayar oleh

pihak kerajaan untuk membeli warisan, benda-benda warisan dan juga mengenal pasti kawasan pemuliharaan.

Sebab dalam Fasal 38 juga ada diperuntukkan bahawa apabila tapak warisan dikenal pasti dan didapati terletak di atas tanah yang sudah pun diberi hak milik akan mengikut undang-undang Akta Pengambilan Tanah.

Dan saya rasa dalam peruntukan ini tidak wajar ada peruntukan di mana keputusan menteri menjadi muktamad iaitu dari segi menentukan nilai pampasan. Saya rasa ini sudah mengambil alih kuasa yang diberikan kepada mahkamah sebab saya rasa mahkamahlah tempat yang sesuai untuk menentukan *quantum* pampasan yang perlu diberikan kepada tuan punya tapak warisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya. Saya minta keizinan untuk memberi saya dua tiga minit lebih, lepas ini satu rang undang-undang yang baru dan mengandungi fasal-fasal yang begitu banyak.

Fasal 23 berhubung dengan daftar warisan kebangsaan saya menyambut baik dan ini wajib dan saya ingin cadangkan bahawa selepas satu-satu tapak warisan disenaraikan, kementerian perlu mewajibkan tuan punya tapak warisan mendirikan papan-papan tanda di hadapan tapak ataupun bangunan warisan itu untuk memberi latar belakang mengapa tapak ini dipilih sebagai khazanah warisan. Ini untuk tujuan pendidikan ataupun tujuan menarik hati pelancong-pelancong terhadap warisan dan sejarah negara kita.

Fasal 24 saya mendapati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa suruhanjaya boleh menetap mana-mana tapak yang mempunyai warisan semula jadi ataupun warisan budaya yang penting menjadi tapak warisan. Saya mendapati bahawa ini adalah satu *top bottom approach*. Kebanyakan kuasa untuk menentukan tapak warisan atau benda warisan diberikan kepada *commissioner* ini satu *top bottom approach* yang tidak semestinya terbaik. Saya rasa kita juga jangan mengabaikan *bottom up approach* di mana kerajaan negeri-kerajaan negeri, pihak-pihak berkuasa tempatan, badan-badan warisan, pertubuhan-pertubuhan yang memiliki bangunan warisan, persatuan pemaju-pemaju hartanah dan sebagainya diberi ruang yang secukupnya untuk memberi pandangan terhadap apa yang akan terjadi dengan harta mereka ataupun tapak mereka dan lebih baiknya kalau juga ada satu majlis warisan di peringkat negeri.

Saya berharap kementerian juga memberi perhatian kepada Fasal 27 hingga 29 yang peruntukkan proses bantahan dan pendengaran. Saya mendapati bahawa hak untuk menentukan pendengaran terhadap bantahan oleh tuan punya juga diberikan kepada pesuruhjaya. Saya rasa ini melanggar prinsip keadilan di mana orang yang membuat keputusan tidak harus diberi kuasa juga untuk mendengar bantahan dan seterusnya membuat keputusan yang terakhir. Ini melanggar *principle of a natural justice*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya rasa kementerian memberi perhatian kepada perkara ini. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada lagi yang hendak bercakap? Gerik lepas itu Tangga Batu, Kepong dan Ledang. Selepas itu kementerian menjawab.

4.49 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Burung helang di atas dahan

Matanya liar menunggu mangsa

Akta Warisan kita bahaskan

Semoga khazanah kekal terpelihara

Pertamanya, khazanah warisan di luar negara. Jadi bila saya melihat dokumen ini, saya tidak berapa nampak bagaimana kita hendak mengambil semula atau sekurang-kurangnya mendapatkan salinan, *duplicate* khazanah kita di luar negara, manuskrip, lukisan, alatan budaya, dokumen perjanjian dan juga tidak ketinggalan surat-surat raja, sultan yang begitu cantik ditulis dengan bahasa yang indah pada masa-masa lalu. Jadi saya harap mendapat penjelasan cara bagaimana kita boleh mendapatkan warisan kita di luar sama ada di Leiden University, London dan sebagainya.

Kedunya karya seni. Di dalam teks tidak ada pantun sebenarnya Datuk Menteri tetapi ucapan Datuk Menteri tadi ada menyebut barangkali di bawah puisi. Satu perkara yang menjadi kebanggaan ialah tokoh legenda P. Ramlee dengan filem-filemnya yang hebat, lakonannya dalam Hang Tuah, Sarjan Hasan serta juga filem-filem arahnya. Jadi di sini juga kita akan menghadapi masalah di mana warisan khazanah bangsa kita, anak Melayu kita berada ataupun dimiliki oleh orang luar, oleh orang di Hong Kong. Namun barangkali seni kata lagunya adalah milik kita. Jadi saya ingin mendapat kepastian bagaimana pula kita boleh mendapat semula ataupun sekurang-kurangnya salinan daripada hasil-hasil karya seni yang begitu tinggi yang mencerminkan khazanah bangsa kita.

Yang ketiganya, ada disentuh tentang bahasa sebagai warisan di mana pula ataupun adakah kita ingin mengadakan satu akta peruntukan memelihara bahasa kebangsaan kita daripada pencemaran dan ada kalanya kita menggantikan sewenang-wenangnya perkataan yang sedia ada dalam bahasa kita sebagai contoh, pernah saya sebutkan belanjawan sudah 50 tahun kita gunakan di Dewan yang mulia ini tiba-tiba tahun ini 'bajet' yang keluar. Jadi belanjawan itu tidak ada salahnya kita menggantikan dengan perkataan asing yang anak-anak ataupun ibu, bapa, atau pakcik di kampung tidak tahu sebenarnya apa dia 'bajet'. Kalau belanjawan semua faham. Jadi pemeliharaan bahasa kebangsaan kita bagaimana di dalam akta itu.

Dan akhirnya yang keempat, warisan yang hilang, yang bernilai, yang bermutu tinggi. Saya agak tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri Melaka yang membina semula Istana Sultan Melaka yang tersergam indah yang kini kita namakan Muzium Budaya. Seorang profesor daripada Peking University, Prof. Liang Li Ji membuat lawatan dan beliau begitu kagum dengan apa yang ada di dalamnya dan beliau begitu pakar dan dapat menyebut setiap orang yang berada di dalam balairung seri itu untuk menghadap Sultan Melaka. Itulah kepakaran kehebatan sarjana ini yang meneliti sejarah bangsa kita dari sudut pandangan China.

Namun begitu saya terkilan pula di samping adanya Istana Sultan Melaka, adanya 'Flor de La Mar', sebuah kapal Portugis yang tenggelam dan kita bina semula replikanya entah berapa juta banyaknya. Jadi kenapa tidak kerana sudah terbukti dalam sejarah Kerajaan Ryukyu di selatan Jepun ada mencatatkan bahawa rajanya mengarahkan anak-anak kapalnya, panglima laksamananya pergi melepaskan sebuah kapal laksamana dari Melaka yang tersangkut di batu karang pada abad ke-15. Dan catatan China juga ada menyebut bahawa pada zaman Sultan Melaka yang kedua, 1,250 orang bersama-sama Sultan Melaka belayar ke ibu kotanya yang lama di bawah Dinasti Ming, Nanjing.

Jadi harapan saya ialah kemungkinannya akta ini boleh mendapatkan peruntukan membantu kerajaan Melaka membina sebuah kapal Melayu barangkali Mendam Berahi atau apa sahaja yang kita namakan supaya kita tidak tercemar dengan 'Flor de La Mar' yang kita agung-agungkan dan yang kita banggakan tetapi kita sendiri tidak ada. Kita janganlah juga tadi disebutkan tentang Panglima Awang yang memang ada tercatat namanya dalam dokumen Portugis walaupun namanya berbeza dan beliau belayar bersama dengan Magellan akhirnya kembali ke Melaka bertemu dengan kekasihnya yang tiga tahun menunggu dan *happy ending*. Maksudnya di sini ialah Magellan sebenarnya tidak sampai balik ke Portugal tetapi Magellan tidak sampai tetapi Panglima Awang ini tiba semula ke Melaka dan *completed round the world*.

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin memberi satu pantun nasihat, barangkali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, kepada *backbenchers* dan saya sendiri juga.

Ikan siakap ikan nyok-nyok

Gelama ikan duri

Kalau cakap banyak-banyak

Nanti tidak naik pangkat jadi menteri

Terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tangga Batu.

4.54 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seronok pula kerana Yang Berhormat bagi Gerik tadi banyak bercerita fasal Melaka dan saya lihat usaha kerajaan negeri Melaka ini sebenarnya begitu giat sekali pada awal tahun 80-an

apabila Kerajaan Negeri Melaka menyedari yang negeri Melaka walaupun digelar sebagai negeri bersejarah pada ketika itu dan kurang mempunyai produk-produk pelancongan yang berasaskan kepada sejarah dan warisan ini sehingga sampai satu ketika walaupun kita di khabarkan tentang Laksamana Datuk Hang Tuah itu sebenarnya ghaib di Sungai Duyung di hulu Melaka tetapi hari ini kita sudah dapat jumpa kubur Hang Tuah. Kubur Hang Tuah berada di Tanjong Keling, kalau Yang Berhormat bagi Kepong hendak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana baru-baru ini saya ada membangkitkan di dalam usaha kementerian untuk meletakkan warisan ini berpahat di hati masyarakat di negara kita terutamanya di kalangan orang muda, ada pula satu elemen *Black Metal* yang telah pun mula bertapak di hati anak muda walaupun tidak begitu serius. Tahniah kepada kementerian kerana serta-merta mengatakan tidak kepada kumpulan *Black Metal* yang bakal mengadakan persembahan di Kuala Lumpur pada bulan Februari pada tahun hadapan.

Dan sehubungan dengan itu, tahniah juga kepada pihak media kerana telah memainkan isu ini dan kita mendapati semalam pihak penguat kuasa di Negeri Sembilan, Perak dan juga Kedah telah pun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, masuk dalam akta ke Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:menangkap beberapa.... Hendak masuk ini, baru hendak *corner* macam kapal 'Flor de La Mar' tadilah. Telah mengambil tindakan dan menangkap beberapa kumpulan *Black Metal* yang telah mengadakan *gig* mereka di kawasan-kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua bahasa juga adalah merupakan warisan. Saya nampak apa yang cuba diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sebentar tadi yang telah menyebut tentang *multi racialism* pada masa hadapan adalah juga menampakkan bagaimana kita memandangi warisan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, bahasa di kaitkan dengan *multi racialism* dan saya nampak juga tempat-tempat yang menggunakan bahasa ini mungkin menyentuh sensitiviti perkauman.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Tangga Batu]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Kepong pandang saya kenapa? [Ketawa] Pandang Tuan Yang di-Pertua seperti peraturan. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah dan apakah pihak kementerian akan mengadakan *revision* atau mengadakan ulang kaji kepada nama-nama tempat yang menyentuh sensitiviti perkauman tadilah. Sebagai contoh di negeri Melaka, kita ada nama tempat seperti Tanjong Keling, Kita juga ada kuih warisan kita bernama kuih telinga keling yang mana satu ketika dahulu ada pihak yang membangkitkan bahawa ini adalah merupakan satu isu sensitif dan boleh menyebabkan

ketegangan antara kaum. Hari ini pula kita nampak perkara-perkara ini sebenarnya berkait rapat dengan warisan.

Kalau kuih telinga keling itu tidak panggil kuih telinga keling, ia jadi tidak sedap, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagaimana pihak kementerian boleh melihat perkara ini supaya ia tidak dijadikan suatu sentimen perkauman satu masa nanti. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, di Melaka pengerusi tetap UMNO bahagian Bukit Katil namanya Sidek bin Keling, jadi ini pun akan menjadi masalah. Adakah nama ini dijadikan satu warisan dan tidak melambangkan seperti yang disebut oleh setengah daripada kita sebagai....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:sebagai sesuatu yang sensitif dari segi perkauman, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana Tanjong Keling ini duduk di dalam kawasan Parlimen Tangga Batu dan saya difahamkan dalam buku sejarah bagaimana tempat ini diberi penghormatan, dinamakan sebagai Tanjong Keling, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tahu bagaimana nama itu boleh diletakkan sebagai Tanjong Keling. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinanlah dan boleh juga mohon *certification* daripada pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini sama ada cerita yang bakal saya sampaikan ini cerita yang benar atau tidak. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cerita sedikitlah tentang ini. Sebenarnya tempat kawasan Tanjong Keling ini, namanya Tanjong Keling ini pun menjadi warisan kepada Kerajaan Malaysia pada hari ini apabila satu ketika dahulu kita ada ramai peniaga dari India datang ke Melaka yang pada ketika itu kita panggil mereka ini sebagai pedagang-pedagang Indialah yang sama-sama mempertahankan kemerdekaan negeri Melaka.

Jadi askar-askar Portugis bila dia teropong dia tengok dari jauh, mereka menyangka bulatan putih itu sebagai meriam-meriam askar-askar Melaka. Jadi, dengan cara begitu askar Portugis telah mengundurkan diri tanpa bertempur dengan orang-orang Melaka. Itu cerita, sama ada ia boleh dijadikan warisan ataupun tidak, terserahlah kepada pihak kementerian. Ini yang diceritakan oleh ibu saya, bapa saya yang telah diceritakan oleh datuk nenek moyang mereka kepada mereka, dan mungkin juga boleh menjadi warisan kepada kita semua. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan main-main, ini betul dan bukan satu jenaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon kepada pihak kementerian supaya melihat bagaimanakah perkara-perkara, elemen-elemen yang berkaitan dengan warisan ini

dijaga dengan teliti oleh pegawai-pegawai ataupun oleh mereka yang berkepentingan dengan warisan ini. Saya pernah ke satu muzium di luar negara, apabila saya memohon untuk melihat satu hikayat yang berusia lebih kurang 100 tahun, Tuan Yang di-Pertua, mereka datang kepada saya dengan memegang warisan itu, hikayat itu menggunakan sapu tangan yang putih dan bersih, sehingga apabila saya ingin menyentuh hikayat itu, mereka tidak membenarkan, mereka kata, "Hanya boleh dilihat tidak boleh disentuh". Mereka menjaga warisan itu dengan begitu teliti. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah perkara-perkara ataupun gambaran ini berlaku di dalam negara kita, adakah berlaku kepada pegawai-pegawai yang menjaga kepentingan warisan ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, yang ingin saya sampaikan pada kali ini ialah, jika dulu kita melihat acara joget lambak, Yang Berhormat Menteri pun pernah menyatakan yang joget ini boleh mengurangkan ketegangan, saya pun boleh menyokong walaupun tanpa sebarang *authority* kerana apabila lepas berjoget ni kurang sikit ketegangan fikiran kita, Tuan Yang di-Pertua pun boleh setuju dengan saya.

Kita lihat dahulunya, masalah sosial yang disebabkan oleh orang-orang muda ini amat berkurangan jika dibandingkan dengan hari ini. Kalau kita lihat gejala lepak, penagihan dadah, perkara-perkara negatif yang tidak digemari masyarakat kerap berlaku pada hari ini terutama di kalangan anak-anak muda yang berumur antara 18 hingga 30 tahun. Dulu, kalau kita masih ingat, selepas sahaja kenduri kahwin ataupun keramaian, akan ada satu acara terutamanya di Melaka, di kawasan Tangga Batu, Jasin dan Alor Gajah, satu acara yang ditunggu-tunggu oleh anak-anak muda untuk melepaskan keletihan mereka setelah mencuci pinggang mangkuk adalah joget lambak, Yang Berhormat Menteri dan joget lambak ini amat mudah sekali langkahnya, lebih-lebih pun empat langkah saja, tak sampai ke 8, 16, seperti poco-poco.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini joget lambak ini telah dipandang negatif oleh masyarakat sebagai pencetus kepada masalah sosial yang timbul di negara kita. Saya ingin minta nasihat daripada pihak kementerian, untuk melihat joget lambak ini sebagai satu warisan, yang perlu kita kekalkan dan boleh digalakkan, selesai saja kenduri kahwin, pada malamnya boleh dianjurkan acara joget lambak seperti zaman dahulu dan mungkin kita boleh lihat kesan sampingan daripada itu, mungkin akibatnya nanti kurang bilangan masalah sosial di negara kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat .

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tak, nak tanya ni Tuan Yang di-Pertua, pasal apa, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sekarang dia sedang mengembalikan warisan-warisan lama macam naik buaian, warisan-warisan yang lama ni dan saya kira joget lambak sebagaimana yang dikemukakan oleh sahabat saya bagi Tangga Batu adalah satu

warisan kita, hanya akhir-akhir ini, oleh kerana tidak ada lagi mandi safar di Melaka tu, kalau dulu kita ada orang kahwin, kalau tak ada joget lambak ini macam tak ada orang kahwin dan joget lambak ini bukan benda yang boleh timbul maksiat, kerana joget lambak lebih-lebih lagi joget-joget Melayu tu, perempuan ke depan lelaki *go astern* belakang, yang lelaki ke depan, perempuan *go astern* belakang. Jarang yang berlaga Tuan Yang di-Pertua. Jarang, oleh yang demikian kita berharap adakah Yang Berhormat....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu dah cakap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:bercadang untuk hiduapkan ni, joget lambak ni.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu, sila habiskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, baru-baru ini saya menganjurkan Program Dunia Melayu Islam, menghimpunkan 184 orang belia-belia di seluruh Nusantara, Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand dan penutupannya saya telah buat acara joget lambak dan saya lihat ke semua mereka ini berkebolehan di dalam acara joget lambak ini. Jadi, insya-Allah kita boleh hiduapkan semula warisan joget lambak.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapka terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah menyokong sepenuhnya atas usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk mengembalikan kegemilangan Sungai Melaka sebagai satu produk warisan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, lepas itu Ledang lepas itu Menteri menjawab.

5.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambal bahagian dalam masa yang ringkas dalam perbahasan rang undang-undang ini, kerana kita mengalu-alukan rang undang-undang seumpama ini. Sepatutnya rang undang-undang ini dibentangkan beberapa tahun yang lampau, untuk menjaga, menyelidik dan menetapkan warisan-warisan di dalam negara ini.

Di Pulau Redang di laut dalamnya;

Para pelancong hendak faham;

Banyak udang banyak garamnya;

Banyak orang banyak ragamnya.

Di sini, [Disampuk]... rosak di Melaka tu, Melaka memang ada orang Melaka yang merosak, dengan sejarah yang begitu kaya, yang begitu lama, ada orang dia nak namakan itu bangunan Majlis Perbandaran sebagai "graha", dipinjam daripada Indonesia...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu bangun.

Dr. Tan Seng Giaw:kerana warisan tu tak cukup, hendak pinjam warisan orang, itu Tangga Batu tak tahu, atau tahu pun tak mengambil pusing.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ambil pusing tu bahasa mana tu?

Dr. Tan Seng Giaw: Bahasa Malaysia tu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Kepong, saya ada setuju dengan Yang Berhormat Kepong, tapi ada banyak yang saya tak setuju. Pantun Yang Berhormat Kepong tadi saya minat betul, tapi macam mana pun Yang Berhormat Kepong tak boleh lawan Endah, yang datang daripada Pusat Pengajian Bahasa Melayu Cina, tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Kepong tentang Endah yang mengguna pakai warisan kita dengan begitu indah sekali. Apa pandangan Yang Berhormat Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang pandang baik, ia ada berjuta-juta orang, dia pilih empat bakat tu, orang yang berpotensi tu dia ambil dalam berjuta-juta orang dan itu latihan, 3 tahun, siang malam, siang malam, memang ada. Kita di Malaysia pun, ada yang pandai juga. Memang ada pandai juga. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka:

Bahasa berwibawa;

Sastera bermutu;

Kualiti dipelihara;

Martabat di mercu.

Memang begitu juga, kerana Dewan Bahasa dan Pustaka pun ada membuat kerja yang baik dan mutu pun tinggi, martabat di mercu. Tak rosak, yang rosak tu di Melaka, yang rosak tu di Melaka. Kita ada istilah, kita ada tradisi, kita ada warisan, dia pinjam daripada Indonesia pulak. Ha, ini macamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita balik kepada rang undang-undang Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha ini macam mana, balik ke Melaka kita tukar yang “graha” tu, tukar yang “graha” tu, ni rosak, rosakkan [*Ketawa*] warisan kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]...

Dr. Tan Seng Giaw: ...cakap di sini saya di Melaka itu tidak pandai pula. Berapa tahun, dah lebih satu dekad, dia letak di situ, saya pun pening kepala, sebab tiap-tiap kali saya mengunjungi Kota Melaka, saya tengok macam mana orang Melaka di sini terutamanya Ahli-ahli Parlimennya, itu satu contoh aja tu, ketawa di sini tak payahlah di situ nak tertawanya..

Tuan Yang di-Pertua, jadi memang ada cacat celanya, di mana ada gading yang tidak retak, ya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang seperti fungsi, *[Disampuk]* Hah, fungsi Suruhanjaya sini, ada dua belas fungsinya. *[Disampuk]*. Fungsi, banyak fungsilah, tak payah dia nak panggil itu Yang Berhormat Menteri nak menerangkan tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, yang panggil Yang Berhormat Menteri itu yang menjawab, mengenai..... Saya bukan Menteri di sini, ha?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia, dia tak fungsi. Kalau, kalau fungsi ini Bahasa Malaysia. Jangan kita nak mempertikaikan yang diterima oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. *[Disampuk]*. Kerana sebagai bahasa yang indah, kita mesti menerima, menerapkan bahasa-bahasa yang cantik. *[Disampuk]*.

Fungsi majlis ada 12, dan di dalam ini saya tak nampak ada fungsi penyelidikan. Sebenarnya kita memerlukan, ramai orang yang pandai menyelidik untuk mengetahui apakah warisan itu di seluruh negara? Misalnya, susul kepada yang disebutkan tadi semasa makan tengah hari tadi, *[Disampuk][Ketawa]* di Pattani, di Pantai Timur, di Kedah, di Perlis, Kelantan, Terengganu, beberapa tahun yang lampau di jajahan Thai lah tu, Siam. Dan, sebelum itu pun, ada *[Disampuk]* orang-orang Cina, beratus-ratus tahun yang lampau tu, yang datang ke kawasan itu. *[Disampuk]* Lebih pun ada. Lebih pun ada termasuk di Gua Musang. Yang lebih daripada satu ribu tahun pun mungkin ada. Ya, kawasan-kawasan itu!

Dan, kita mesti memerlukan para penyelidik, para ahli sejarah yang dapat itu mengenal pasti tapak-tapak di rantau itu dan di kawasan-kawasan lain, termasuk di Sarawak dan Sabah. Asal-usul misalnya, Kinabalu. Kerana dia penganjur majlis tadi, kita bagi dia peluang sedikit hari ini *[Ditunjukkan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan]* *[Disampuk]*. Usul-asal Kinabalu, apakah usul-asal kita mesti tahu? Ha! Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun mesti fasih di dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tahu, tahu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, Kinabalu, asal usul, kita mesti ada *[Disampuk]*. Tak payahlah, itu ada Menteri situ. Ya, kita mesti ada para penyelidik dan dimasukkan di dalam rang undang-undang juga untuk menyiasat, untuk mengkaji seluruh negara kita, macam mana wujudnya Kota Bharu, misalnya di Kelantan. Ha, macam mana, siapa yang wujudkan itu? Dan, ini dijadikan satu warisan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Eh? Tak dak itu..*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat merapu panjang-panjang. *[Ketawa]*. *[Disampuk]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan merapu! Ini memang satu perkara lagilah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Merapu!!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya nak tolong Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat. Masa dah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri,

Taman Kinabalu warisan dunia,

Gunung Mulu turut disanjung,

Menteri warisan mesti bersedia,

Unggul tapak warisan Semenanjung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. Di sini, di Malaysia kita ada dua warisan dunia. Dua sahaja. Dan kita berikhtiar. Saya nampak Yang Berhormat Menteri pun dia bekerja kuat, bertungkus-lumus. Nak jadikan Kota Melaka sebagai warisan dunia, Tangga Batu pun tak disebut dan Tanjong*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya, Yang Berhormat Kepong. Habis masa. *[Disampuk]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan kita tak bolehlah macam tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Berapa tahun kebelakangan ini, kita tak berikhtiar untuk menjadikan tapak-tapak di Semenanjung dan juga di Sarawak dan Sabah, banyak lagi tapak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: yang boleh jadikan warisan dunia. Saya berharaplah itu dengan lulusnya rang undang-undang ini, kita dapat berikhtiar dengan lebih lagi untuk mengenal pasti tapak-tapak yang boleh dijadikan warisan dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang, lima minit Yang Berhormat bagi Ledang.

5.16 petang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lima minit pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah berjaya menghidupkan suasana warisan dan saya percaya dengan lulusnya rang undang-undang ini, maka warisan dalam negara kita akan menyerlah dan menjadi satu aset yang sangat mahal harganya.

Sekadarkan saya ingin mengambil bahagian sedikit tentang beberapa perkara. Dah tinggal sikitpun, Tuan Yang di-Pertua. Pertama tentang pokok-pokok. Tentang pokok-pokok yang besar, yang berusia beratus tahun, yang masih lagi wujud di beberapa pekan atau bandar. Seperti di Melaka, pokok sena, pokok angšana, di Muar pun sama. Yang kalau kita mengambil iktibar dari luar negara, ada beberapa pokok di tempat saya belajar dahulu, diletakkan pokok ini sekian, berusia sekian, dan sila menabung, sila menderma kepada tabung yang telah pun disediakan, misalnyalah.

Begitu prihatinnya masyarakat di sana untuk menjaga pokok-pokok. Mungkin kita tidak sampai ke tahap mengutip derma. Mungkin kita ada pendekatan lain. Sekadarkan saya menyebut perkara ini kerana mungkin sudah sampai masanya kita kena lebih berhati-hati di dalam memilih pokok-pokok warisan ini. Kadang-kadang ada juga pokok-pokok yang kita anggap pokok warisan, tetapi tidak pokok warisan. Dia boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai. Atau kalau pun ianya bahaya, mungkin kita boleh mengambil langkah-langkah lain untuk memastikan bahawa pokok tersebut terus terpelihara tanpa membahayakan orang lain.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan Yang Berhormat bagi Gerik tadi. Soal bahasa. Saya cuma nak menyentuh satu perkara, yang saya fikir sangat serius, iaitu penggunaan bahasa Melayu ataupun bahasa rojak di Channel @15, dengan izin, ASTRO. Saya bersama dengan anak saya sering dan kerap mengamati Channel @15, dengan izin, dan saya perhatikan bahasanya, bahasa yang lintang pukang. Bukan rojak lagi, Tuan Yang di-Pertua, Datuk Menteri. Bukannya bahasa rojak lagi, dah bahasa lintang pukang. Perkataan, ejaannya lintang pukang, keluar jadi kuar. Assalamualaikum jadi sakum. Kalau askum tu saya faham juga, samikum pun ada. Ini yang berlaku di Channel @15 - ASTRO. Saya fikir, ini adalah satu [Disampuk] bukan pencemaran lagi dah, pencerobohan bahasa yang sangat dahsyat dalam sejarah negara kita, kepada saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ya, boleh! Ada sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ledang, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ledang. Dan juga sehingga ia boleh mengakibatkan anak-anak kita, generasi muda terikut-ikut dengan cara mereka

dan apa komen Yang Berhormat Ledang tentang radio pula, Radio Era itu. Juga menggunakan bahasa yang tidak menunjukkan kita ini mempunyai warisan yang begitu mulia, yang begitu seni sekali. Tentang Radio Era ini Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya fikir, orang di seluruh Malaysia pun rajin juga mendengar Radio Era ini, kalau kita bandingkan radio Era dengan Radio Rima. Yang dahulunya Rima di Kuala Lumpur, jauh bezanya. Malah, kalau saya bandingkan Era dengan Melaka FM juga jauh bezanya. Betapa bahasa itu telah menjadi satu barang yang boleh diperkotak-katikkan. Bak kata pantun, Tuan Yang di-Pertua. Kalau salah, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya dah modified sedikit.

Tegak tiang kerana sendi,

Tegak sendi kayu perkasa,

Tegak manusia kerana budi,

Tegak budi kerana bahasa.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua soal papan iklan yang bahasanya bercampur aduk, di mana yang hendak letakkan utama, adakah Bahasa Melayu atau bahasa lain? Kita menghormati kedaulatan bahasa-bahasa lain, tetapi bahasa apakah yang perlu diletakkan di papan tanda, yang paling utama, di atas, di bawah. Yang atas pada saya utamalah, kemudian baris kedua mungkin yang kedua utama dan sebagainya. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, soal tulisan Jawi. Tulisan Jawi adalah warisan kita, telah menjadi satu aset kepada bangsa Melayu sejak berzaman. Kemudian kita ada tulisan khat. Kita faham tulisan khat adalah datangnya daripada negara-negara Asia Barat, negara Arab. Adakah sekarang kita hendak menjadikan tulisan khat itu sebagai warisan kita, supaya kita boleh membezakan, yang mana khat kita, yang mana khat orang lain. Jadi yang paling akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tadi sahabat saya dari Gerik menyebut tentang khazanah filem-filem.

Saya sebenarnya tergolong dalam golongan walaupun saya bukan seorang seni, tetapi saya bersama dengan sahabat daripada Tangga Batu, minat menyanyi. Saya terfikir penyanyi-penyanyi lama daripada R. Azmi. P. Ramlee dan sebagainya sampailah pada penyanyi-penyanyi sekarang. Tetapi ada beberapa kategori. Penyanyi, penggubah lagu, penulis lirik. Kepada saya kesemuanya adalah warisan, maknanya kita mesti ada satu *database* tentang lagu-lagu yang telah pun dahulu dikumandangkan, dahulu dinyanyikan sama ada oleh corong-corong piring hitam lama itu, pakai pusing, *monogram*, sehinggalah zaman sekarang menggunakan CD dan sebagainya. Saya fikir, kita harus mengkaji perubahan demi perubahan tentang melodinya lagu dahulu sehingga sekarang, rentaknya berubah, perlu ada satu kajian bagaimana ia boleh berubah supaya bangsa kita pada masa akan datang dapat menilai, sesuatu lagu itu tinggi nilainya dan bagaimana ia berlaku suatu reformasi ataupun berlaku perubahan mengikut zaman yang berubah daripada masa ke semasa.

Yang paling akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang juga oleh kerana warisan ini berkait rapat dengan pelancongan, saya bimbang sekiranya ada berlaku pertembungan antara komersial dengan warisan yang akhirnya nilai-nilai warisan itu mungkin terjejas dari segi mutunya, dari segi ketulenannya dan akhirnya bangsa akan datang tidak dapat menilai sesuatu yang sangat tulen. Kita sedia maklum soal pengamalan seni dan budaya adalah satu kerja yang semacam sukarela, tetapi perlu ada juga sesuatu galakan dalam bentuk pengiktirafan dan lain-lain mungkin bukan dalam bentuk duit ringgit dan sen, untuk menggalakkan perkembangan seni dan budaya dalam sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua ialah sama ada warisan ketara atau warisan tidak ketara perlu berkembang sebagai satu aset yang paling mahal kepada negara Malaysia yang tercinta, sekian saya menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dijemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menjawab.

5.24 ptg.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Diucapkan setinggi-tinggi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas keizinan bagi saya menggulung susulan daripada perbahasan kita yang telah mengambil masa lebih dari dua jam. Ada beberapa perkara pokok yang harus saya timbulkan sebelum saya terus pergi kepada tajuk-tajuk yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya ialah kemungkinan salah konsepsi atau salah tanggapan. Oleh kerana begitu ramai yang menyatakan bahawa akta ini mewujudkan satu suruhanjaya. Sebenarnya tidak ada suruhanjaya, yang ada hanyalah pesuruhjaya dan pesuruhjaya itu merupakan pegawai tertinggi dalam semua hal ehwal dan urusan berkaitan dengan warisan. Ianya tidak merupakan sebuah suruhanjaya. Pembetulan itu Tuan Yang di-Pertua harus saya kenakan sebelum kita terus-menerus mengangap bahawa akta ini mewujudkan sebuah suruhanjaya.

Kedua ialah berkaitan dengan tanggapan bahawa dengan adanya akta ini, semua hal berkaitan dengan kebudayaan, kesenian dan warisan termasuk bahasa selesai begitu sahaja tentunya tidak.

Ketiga ialah berkaitan dengan keinginan kita untuk mewujudkan kefahaman yang bulat, menyeluruh dan komprehensif berkaitan dengan warisan tanah air sendiri. Dikatakan begitu oleh kerana inilah kali pertama kita menganjurkan pewujudan sebuah akta yang menjurus kepada aspek budaya seni dan warisan kita. Apa-apa pandangan dan sekarang saya masuk kepada perkara yang akhirnya. Apa-apa pandangan kita berkaitan dengan negara, tentunya berkaitan dengan warisan.

Apabila warisan itu dikotak-katik atau berada di perenggan fahaman yang tipis, maka kita sebagai bangsa akan hilang sebahagian besar daripada perjuangan asas kita. Dengan penerangan atau mukadimah sedemikian Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada

perkara-perkara pokok yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong keseluruhannya usaha kita mewujudkan akta ini dan di bawahnya nanti insya-Allah, terbaris dan terurus perkara-perkara berkaitan dengan warisan kita. Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong, yang memberikan pandangan panjang lebar berkaitan dengan wujudnya undang-undang baru ini. Insya-Allah, beliau jangan gusar atau gundah gulana kami di kementerian ini walaupun sebagai kementerian ianya baru, tetapi azam kami telah pun dipacakkan begitu tegas agar warisan kita di Malaysia mulai kini tidak lagi akan mengambil bahagian di pintu belakang, tetapi kita kalau naik rumah, naik tangga dan sekiranya turun akan berjinjang.

Tuan Yang di-Pertua, beliau menegaskan tentang keprihatinan harus diberi kepada Sarawak juga yang mempunyai 30 lebih keturunan katanya. Insya-Allah, kami akan berbuat sedemikian, malah pada tahun hadapan telah diberi arahan supaya bukan sahaja Sabah, tetapi juga Sarawak sekali akan beroleh pemerhatian yang lebih dan kami akan menjadikan Sarawak sebagai satu tempat tumpuan, kajian seni budaya dan warisan yang penting. Oleh kerana, usaha-usaha sebelum ini hanya diperbuat oleh pihak-pihak tertentu yang tidak ada mengambil kira mengenai sensitiviti dan juga perkembangan asas kepada kaum-kaum kita di sana.

Kedua ialah tentang kesangsian beliau berkaitan dengan soalan, kenapa banyak sangat fungsi pesuruhjaya. Seperti saya katakan tadi, pesuruhjaya ini adalah pegawai utamanya dilantik oleh menteri yang berkenaan dan beliau bertanggungjawab kepada kementerian itu serta pada arahan-arahan kerajaan yang diperbuat dari semasa ke semasa.

Beliaulah, yakni pesuruhjaya inilah yang akan dilantik daripada kalangan orang-orang yang faham, yang arif, yang bertanggungjawab mempunyai sifat-sifat sensitif terhadap budaya seni dan warisan dan sekurang-kurangnya mempunyai ketokohan dalam soal mentadbir sesebuah jabatan yang begitu penting. Dengan lain perkataan, beliau yakni pesuruhjaya nanti akan memerhatikan soalan-soalan yang dibangkitkan di Parlimen, dalam perbahasan di universiti soal-soal berhubung dengan penyelidikan yang Yang Berhormat bagi Kepong bangkitkan tadi dan juga berkaitan dengan *preamble* undang-undang kita sendiri yang dengan izin ingin saya bacakan semula para terakhirnya.

[Timbalan Yang di-Petua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yakni, akta untuk mengadakan peruntukan bagi warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Jadi penyelidikan serta tanggungjawab-tanggungjawab korporat individu, kerajaan negeri, daerah kesemuanya ini tertanggung di bahu pesuruhjaya berkenaan.

Kenapa nasihat Majlis tidak perlu diterima oleh menteri atau pun pesuruhjaya dalam keadaan-keadaan tertentu? Ingin saya menyatakan di sini iaitu kebanyakan pandangan yang

diberi tentulah diterima tetapi ada nasihat yang mungkin dari semasa ke semasa bertembung dengan dasar kerajaan atau dengan sensitiviti Kerajaan Negeri atau di atas keutuhan kehidupan pelbagai kaum kita. Dalam keadaan sedemikian, tidak akan Yang Berhormat Menteri berkenaan atau pesuruhjaya berkenaan menerima bulat-bulat nasihat majlis tersebut. Hanya dalam situasi sedemikianlah maka akan dikecualikan nasihat Majlis yang ditubuhkan di bawah akta ini selainnya maka nasihat sama ada dalam bentuk penyelidikan, pemerhatian, teguran dan sebagainya akan diterima dalam keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ramai ahli-ahli yang menimbulkan tentang surat-surat yang bernilai, surat-surat warisan dan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Santubong, Gerik dan beberapa ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Bagaimana surat-surat ini boleh kita ambil kembali? Soal yang pokok ialah bagaimana surat-surat itu dibawa keluar, bagaimana artifak-artifak lain di bawa keluar adakah secara mencuri atau mengeksport secara tidak sah atau menyalahi undang-undang?

Jika ianya dibawa di atas *Tritu* atau Perjanjian Asas yang dahulunya menurut perjanjian sama ada *Anglo Dutch Tritu* atau Perjanjian Bankulen atau menerusi perjanjian seperti semasa penyerahan Singapura kepada Raffles itu adalah merupakan kehendak tuntutan bahasa *Tritu* Artifak-artifak yang dibawa menerusi *Tritu* atau perjanjian atau jual beli yang sah kita tidak boleh menuntut, membawa balik sedemikian sahaja.

Tetapi sekiranya artifak-artifak bukan sahaja tulisan, manuskrip, bahan-bahan arca dan sebagainya bukan sahaja boleh kita tuntutan tetapi ia boleh diadukan kepada pihak-pihak berkuasa antarabangsa sekiranya artifak-artifak tersebut di bawa keluar dengan cara mencuri, menceroboh atau menggelapkan sistem yang dilunaskan oleh undang-undang....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Sekejap, sekejap ya. Untuk itu, ada peruntukan di bawah persetujuan antara beberapa pihak khususnya undang-undang yang memberi penghormatan kepada pelaksanaan undang-undang dua hala seperti yang dimaktubkan pada tahun 2002 boleh dikuatkuasakan sekiranya pembuktian tersebut dapat dikemukakan di khalayak perundangan. Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Daripada kenyataan Yang Berhormat tadi, kita memang nampak banyak manuskrip dan artifak-artifak di British Museum, di The Hague banyak muzium-muzium di Eropah terutamanya kalau kita hendak mengkaji sejarah di Malaysia ini kita perlu pergi ke The Hague misalnya untuk muzium membaca manuskrip dengan sekian banyaknya manuskrip di situ. Apakah kedudukan pendapat Malaysia terhadap mengembalikan manuskrip-manuskrip ini?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih. Pandangan ini pernah saya jawab kira-kira tiga bulan yang lalu iaitu dengan menyatakan ada dua situasi. Situasi pertama bahawa dugaan manuskrip ini dilarikan atau dibawa secara tidak sah. Bagi kita untuk membuktikannya sangatlah susah tetapi bagi sistem dan saluran di mana ia di bawa keluar secara sah sama ada menerusi *Trity* atau perjanjian atau menerusi jual beli, hal itu tidak dapat kita bawa paksaan.

Undang-undang yang saya sebutkan tadi ialah *The Mutual Legal Assistance Act 2002* yang boleh membantu kita sekiranya artifak-artifak kita berada di dalam kelas tindakan pertama tadi. Tentang kedudukan artifak-artifak di The Hague, di Paris atau di London yang kini berada di sana, penentuan status ini harus kita buat. Insya-Allah kementerian akan cuba menentukan setelah senarai artifak-artifak ini dapat kita kesan. Justeru anggapan kita bahawa semua artifak-artifak itu harus dibawa pulang kadangkala tidak menepati hakikat sebenar. Ada masanya artifak-artifak ini lebih ramai orang melihatnya di luar negara lebih baik untuk Malaysia sebab Malaysia mendapat perhatian dan pemahaman tetapi sebaliknya pula sentimen kita untuk membawanya pulang tentulah kuat dan sekiranya terus-menerus sedemikian kita perlu menentukan artifak-artifak yang bagaimana perlu kita bawa pulang semula. *Dossier* dengan izin atau senarainya kita senaraikan dan insya-Allah tindakan satu persatu kita cuba demi mementingkan warisan kita yang telah hilang itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada pandangan Yang Berhormat di bawah oleh ahli bagi Kinabatangan. Saranan beliau bahawa mungkin satu akta bahasa diwujudkan supaya penyeragaman bahasa dan hal-hal berkaitan dengan persimpangan penggunaan ataupun salah guna bahasa itu dapat kita atasi. Samalah pandangan ini dengan beberapa orang-orang Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Kita tidak harus mewujudkan Akta Bahasa sebab Akta Bahasa Kebangsaan sudah pun wujud cuma yang perlu kita tekankan di sini ialah bahasa sebagai warisan harus bersama-sama kita jamin penggunaannya dari segi sistemnya, nahunya, keindahannya dan juga keberadaannya di dalam sastera penulisan kita.

Hal ini adalah merupakan penonjolan isu yang panjang lebar, oleh itu sebagai mana diduga oleh banyak pihak memang wajar Akta Bahasa Kebangsaan itu dipinda sedikit dengan memasukkan satu klausa yang memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menguatkuasakan tegurannya terhadap salah guna bahasa, salah guna iklan dalam bahasa kebangsaan dan sebagainya tetapi pindaan itu perlu dijalankan sekiranya pembetulan tersebut hendak dilaksana. Dari segi warisan pula, ia tidak ada kaitan banyak tentang Akta tersebut sebab Seksyen 14 di bawah akta yang hendak kita luluskan ini insya-Allah mengandungi beberapa peruntukan dan kuasa di mana sekiranya sesuatu artifak-artifak itu atau perkara itu sudah dikelaskan sebagai warisan kebangsaan dan dalam konteks ini katakanlah bahasa maka pencemarannya, pengalihannya, pengubahannya boleh diambil tindakan di bawah seksyen tersebut.

Justeru Akta Bahasa Kebangsaan sekali gus beroleh satu sokongan dan dorongan yang kuat di bawah akta warisan kebangsaan kita ini. Kita akan menjalankan tugas tersebut dan kita tidak akan memberi laluan kepada mereka yang ingin mencampuradukkan bahasa atau menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai permainan mereka termasuklah komen yang berkaitan dengan siaran ASTRO yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat bagi Tebrau, menyentuh tentang bangunan kediaman sejarah dan pandangan-pandangan yang perlu diambil kira berkaitan dengan bangunan-bangunan tersebut. Insya-Allah pengurusannya dan tumpuannya akan kita beri supaya bangunan-bangunan yang bersejarah dan juga bangunan-bangunan masa kini yang mempunyai ciri-ciri warisan kekal nanti, kita akan beri perhatian tetapi sebahagian besar daripada penumpuan kementerian ialah terhadap struktur, bangunan ataupun tapak, ataupun objek yang usianya sekitar 50 tahun. Walau bagaimanapun seseorang itu boleh mempetisyen pihak berkuasa di kementerian supaya sesuatu artifak-artifak itu walaupun berada di bawah 50 tahun ianya boleh dianggap sebagai warisan.

Yang Berhormat bagi Jasin mengesyorkan supaya menteri jumpa Tan Sri Aziz Tapa agar katanya dapat menimba kembali apa-apa pengalaman beliau serta fakta-fakta sejarah dari segi pandangan lisan dan juga penglibatannya dalam zaman silam perjuangan. Alhamdulillah, seakan-akan bertemu pandangan kita sebab bukan sahaja saya bertemu dengan beliau, saya telah berunding dengan beliau banyak kali dan saya telah melantik beliau sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam beberapa *committee* atau Jawatankuasa berkaitan dengan warisan.

Malah beliau juga telah memberi pandangan kepada kementerian mengenai Kempen Budi Bahasa, penggunaan Bahasa Melayu dan perintah-perintah am semasa Kerajaan Negeri Melaka di bawah Belanda dahulu. Tentang Sungai Melaka, suka saya menyatakan di sini bahawa soal Sungai Melaka, masjid tertua, Masjid Kampung Hulu, Kampung Tengker dan sebagainya kita akan buat kajian semula bersama-sama dengan persetujuan Kerajaan Negeri Melaka, dan kita akan cuba sedaya upaya menentukan fakta yang sebenar dan akan memberikan hasil kajian tersebut kepada pihak berkuasa di negeri Melaka.

Mengenai mereka yang membuat 'personifikasi' ataupun penjelmaan sebagai sultan. Pada masa ini yang ada undang-undang mencegahnya ialah di bawah kanun jenayah kita. Di bawah undang-undang lain ianya samar-samar. Justeru sekiranya mana-mana pihak tidak puas hati dan mendapati bahawa seseorang itu menggunakan pakaian ataupun menjelmakan dirinya sebagai sultan, sebagai ketua polis atau sebagai pihak berkuasa di khalayak tertentu boleh membuat laporan terus kepada polis dan tindakan boleh diambil di bawah perkara yang berkaitan dengan membuat penjelmaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Bintang menyuarakan tentang pandangan beliau mengenai Seksyen 48, beliau telah menyarankan supaya ianya diteliti, supaya dapat keadilan apabila

pemilik tanah dan objek warisan dibuat penilaian mengikut dasar, objek serta pertimbangan yang adil. Tentunya di bawah akta ini kita tidak akan menjalankan tugas sedemikian rupa sehingga ianya merupakan ketidakadilan. Sebelum sesuatu perkara berjalan dari segi penentuan sama ada pengambilalihan ataupun pembelian ataupun pemukulan harga atau penentuan harga, maka pihak-pihak yang pakar di bidang itu akan dirundingi terlebih dahulu, dan soal bahawa pampasan tidak cukup kepada tanah ataupun bangunan yang berada di atas tanah atau tapak warisan yang berada di atas tanah tidak timbul, sebab Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin bahawa pampasan yang berpatutan harus diberi.

Tuan Yang di-Pertua beliau bertanya, berapakah jumlah pampasan yang telah diberi kepada artifak kraf Orang Asli yang dimiliki oleh Datuk Ratos. Jawapannya ialah RM2.4 juta telah diputuskan oleh Kabinet dan telah pun dimaklumkan kepadanya untuk dibayar, dan beliau telah pun berutus dengan saya bahawa beliau puas hati dengan harga itu. Justeru saya tidak faham bagaimana Ahli Yang Berhormat itu mendapat makluman bahawa pihak berkenaan telah mencurigai harga ataupun nilai yang dikenakan terhadap artifak-artifak tersebut, cuma diketahui oleh kementerian bahawa Yang Berbahagia Datuk Ratos mempunyai masalah tuntutan harta di kalangan anak-anak serta anggota keluarganya.

Oleh yang demikian kami dari kementerian menunggu di atas penyelesaian masalah beliau tersebut. Cameron Highlands saya ucapkan terima kasih dengan cara yang berpengetahuan dan secara mendalam memberi imbasan, perbandingan serta pandangan, beliau ingin tahu bagaimana pengisytiharan orang hidup sebagai warisan itu nak ditentukan kriterianya. Jawapan am saya pada petang ini di Dewan yang mulia ialah kita akan serahkan soal itu kepada Majlis Warisan untuk menasihati kerajaan, apakah syarat-syarat kriteria yang harus digunakan sebelum seseorang individu itu dianggap sebagai warisan kebangsaan.

Suka saya menyatakan ilham ini diterima setelah melihat amalan di negeri China. Di sana, mereka mengiktiraf pemuzik yang handal, pengukir yang handal, mereka yang telah berjasa terhadap seni budaya atau warisan Tiongkok atau Tionghoa. Setelah melihat keadaan itu, kita terfikir apakah kita hanya menghargai artifak ataupun menghargai benda-benda purba, tetapi orang yang mencipta benda-benda ini tidak kita beri perhitungan atau penghargaan. Sebab itulah dimasukkan orang perseorangan sebagai boleh menerimanya. Oleh yang demikian sabar dahulu, saya akan menentukan kriteria-kriterianya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya akan menentukannya setelah majlis ini wujud, setelah pesuruhjaya dapat kita lantik dan setelah akta ini dirangkakerjakan. Bagi maklumat dan fahaman Ahli Yang Berhormat sekarang cuma menunggu kesabaran dan saya akan memaklukkannya menerusi jentera kerajaan kemudian.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, contohnya dalam memberi ganjaran, salah satu daripada perspektif yang mungkin akan diambil kira adalah ganjaran kepada warisan kebangsaan yang hidup lagi. Nicol David baru-baru ini mendapat ganjaran wang dan mengikut Kementerian Belia, beliau akan dapat pencen sebanyak RM5,000 sepanjang hidupnya. So, adakah kriteria sebegini akan dimasukkan dalam golongan manusia ataupun insan warisan kebangsaan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih, mungkin dalam dunia sukan olahraga bak kata orang, "Sebelum tegak sudah berlari - boleh dilakukan", tetapi dalam dunia seni budaya dan warisan saya memilih sistem lama iaitu "Duduk sama berunding, salam sama berjangkauan". Dalam hal itu bererti kami berunding dahulu dan kami akan tentukan kriterianya kemudian. Jika saya jawab sekarang bahawa kami pun akan ikut nasib Nicol, ia tidak berpatutan. Mungkin lebih dari itu dapat kita lakukan setelah penelitian yang teliti dan kriteria-kriteria yang hebat dapat kita kenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak akan mengabaikan apa yang disebut sebagai inti sari *multiracialism*. Ini adalah salah satu daripada piagam Rukun Negara dan ia merupakan perjuangan bersama kerajaan kita, dan kita tidak akan mengabaikan mana-mana seni budaya atau warisan mana-mana kaum dan kita akan menegaskan bahawa panduan kita di samping menegaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971, pemerhatian kita terhadap perkembangan seni budaya dan warisan semua kaum akan diberi penekanan, penonjolan, pemeliharaan dan promosi yang setimpal.

Bukit Gantang adalah menyarankan supaya pemulihan dibuat terhadap boria, mak yong, joget dan juga nyanyian-nyanyian tradisi yang lama agar kita tidak ditembusi dan ditenggelami oleh budaya barat. Pandangan ini sangat selaras dengan pandangan kementerian cuma bak kata orang, "Mudahnya disebut, tetapi menjalankan tugas amatlah berat". Hiburan barat datang saban minit menerusi penjuru rumah, menerusi angkasa raya, radio, televisyen, akhbar, media cetak, media elektronik sebut sahaja, ianya ada belaka. Oleh itu bagi sesuatu entiti seperti kementerian ini untuk dipertanggungjawabkan 100 peratus menangkis, membentengi, memperisai segala-galanya mungkin tidak dapat dilaksanakan.

Tetapi beberapa perkara dapat kita lakukan iaitu promosi budaya kita menegah perbuatan-perbuatan yang mungkin menjatuhkan imej negara, bangsa serta budaya kita. Bimbingan-bimbingan ke arah mewujudkan kebudayaan Malaysia yang teguh, pendidikan yang mengasaskan pemilihan kepada budaya sendiri, semua ini dan banyak lagi boleh kita laksanakan dan program-program untuk mengingatkan Pesuruhjaya Telekomunikasi sendiri akan kita laksanakan.

Malah, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dilantik oleh Kabinet sebagai pengerusi penentuan kepada gejala-gejala ini menerusi jawatankuasa kabinet khas

menentukan supaya isian *broadcast* atau isian siaran televisyen, radio dan lain-lain sejajar dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, terima kasih.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, siapa patut merakamkan kisah-kisah lisan tanya beliau? Yang sepatutnya merakamkan ialah stesen-stesen TV, stesen-stesen radio dan pentingnya Arkib Negara. Tetapi malangnya berita-berita penting yang dibuat liputan oleh televisyen dan radio, kebanyakan *tape* atau rakaman ini sudah hilang. Misalnya beberapa rakaman berkaitan dengan perbincangan dan pertemuan Allahyarham Tuanku Abdul Rahman dengan Chin Peng di Baling pada 29 Disember 1955, hanya satu versi sahaja yang tinggal. Yang lain sudah tidak ada. Apabila diperiksa, didapati bahawa filem atau negatifnya sudah pun rosak oleh zaman dan tidak dapat digunakan lagi.

Oleh yang demikian, Arkib Negara telah kita arahkan supaya merakamkan kisah-kisah lisan ini sepanjang masa dan menyimpannya dalam kaedah VCD dan juga kaedah DVD yang baru agar ia kekal dalam simpanan kita. Kita juga sedang dan akan berurusan dengan *Petty News* dari Britain, juga dari *World War Recod Office di London* serta *Public Record Office* di sana agar beberapa bahan filem dan gambaran dapat kita terima kembali dalam bentuk salinan. Mengenai dana warisan di bawah seksyen 20, insya-Allah kami akan laksanakan ini setauliah mungkin dengan amanah yang tertinggi dan sama ada Menteri Kewangan atau Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sendiri akan terus bermuafakat untuk menentukan bagaimana sebaiknya kita mengendalikan kewangan tersebut supaya dapat membantu pemuliharaan, pentadbiran, penyelidikan yang disuarakan tadi ke arah yang lebih tinggi mercu dalam mencapainya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sedikit bimbang apabila Yang Berhormat Menteri menyerahkan kepada pihak muzium ataupun pihak lain untuk membuat rakaman itu. Dalam keadaan semasa ini, apa pandangan Timbalan Menteri supaya kita memanfaatkan kesatuan sejarah yang kebanyakannya kalau di daerah-daerah dianggotai oleh guru-guru sejarah ataupun bekas guru sejarah yang mempunyai disiplin sejarah ketika mereka berada di institusi pengajian tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Yang Berhormat, saya Menteri Kebudayaan, bukan Timbalan Menteri. *[Ketawa]*. Pertama, saya tegaskan kembali rakamannya dibuat oleh Arkib Negara dan Arkib Negara sudah pun melaksanakan penyelidikan sebelum negara merdeka lagi. Justeru kita menaruh perhatian dan menaruh kepercayaan kepadanya supaya meneruskan urusan yang penting tersebut. Insya-Allah, di bawah pindaan Akta Perbadanan Perfileman Nasional (FINAS) kelak, kita akan menentukan supaya semua badan penyiaran akan

membekalkan setiap berita perdana satu salinan untuk disimpan di Arkib Negara dan ini akan menjadi kumpulan sejarah kita dari hal kisah-kisah lisan di tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas izinkan saya terus kepada pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Muar. Warisan tidak semestinya barang lama kata beliau, saya setuju. Tadi pun saya telah sebutkan mana-mana barang yang dianggap atau objek yang dianggap sebagai penting di sisi warisan, kita akan cuba menelitinya sebab di bawah akta ini, pihak berkuasa boleh membuat peraturan di mana bahan-bahan tersebut boleh dikategorikan, misalnya sebagai bahan warisan yang disimpan dengan cermat dan teliti.

Saya setuju bahawa KLCC, KLIA dan lain-lain, satu hari akan jadi Bangunan Sultan Abdul Samad misalnya dan ini kita meneliti dari segi nilai dan dari segi estetik sains, arkiteknya dan sudut-sudut yang lain. Diucapkan tahniah sebab zapin di Johor, 'Gema Zafana' tempoh hari berjaya. Malah, kementerian dengan kerajaan Johor mempunyai hubungan yang amat intim dan kami akan terus mewujudkan program usaha sama agar tarian-tarian yang ada di tanah air yang dapat sambutan dan bernilai kita kategorikan di bawah senarai daftar warisan tanah air kita.

Mengenai pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong, beliau hendak tahu adakah akan digubal dasar warisan negara? Soal ini tidak penting kita jawab sekarang sebab program-program yang kita laksanakan di bawah akta ini nanti dengan sendirinya menjadi tulang belakang kegiatan warisan negara. Walau bagaimanapun, apa-apa yang telah digariskan menerusi Wawasan 2020, menerusi Rukun Negara, menerusi keputusan yang telah dibuat oleh Parlimen, kita akan menyusul di kemudiannya untuk dijadikan panduan dan juga pelaksanaan program-program warisan. Salah satu program yang popular ketika ini ialah merakyatkan seni budaya dan warisan. Kami akan bawa ke daerah-daerah, juga ke negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak, beberapa program yang secocok bagi kita mengingat semula tentang keindahan seni kita, tarian kita.

Di samping itu, menyerlahkan artifak-artifak Arkib Negara, muzium dan juga kebolehan kita dalam bidang-bidang lain. Selain itu, kita akan mencungkil bakat warisan. Kita akan cari dan dapatkan mereka yang pakar, berkebolehan, berbakat dalam semua bidang yang berkaitan seni budaya dan warisan dan senaraikan mereka untuk dijadikan sebagai sumber ilham serta sumber kegemaran, kesayangan kita terhadap warisan semula.

Yang Berhormat bagi Tanjong menyatakan bahawa beliau menduga kementerian tidak merundingi kerajaan negeri. Ini adalah suatu anggapan yang tidak benar. Sebenarnya kementerian telah berkali-kali membawa akta ini dengan negeri dan sama ada penasihat undang-undangnya atau setiausaha kerajaannya telah pun maklum tentang apa yang kita lakukan dan beliau tadi, Yang Berhormat bagi Tanjong menggunakan perkataan sudahkah didapati *consent*? Di bawah Perlembagaan, perkataan *consent* tidak ada.

Saya ingin bacakan iaitu Perkara 79(2), di akhir ayat (2) itu berbunyi "*Sesuatu rang undang-undang atau pindaan yang diperakui di bawah perkara ini tidak boleh diteruskan*

sehingga empat minggu telah berlalu selepas penyiarannya melainkan jika pegawai pengerusi itu yakni di Dewan Rakyat membenarkan rang undang-undang atau pindaan itu diteruskan atas alasan keterdesakan setelah berpuas hati bahawa kerajaan negeri atau mengikut mana-mana yang berkenaan Kerajaan Persekutuan telah dirundingi". Kami telah merundingi dan peruntukan ini tidak ada meletakkan consent.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan terhadap pandangan beliau dan kepada Yang Berhormat bagi Gerik, pandangan-pandangan yang disebut, alhamdulillah, walaupun Yang Berhormat bagi Gerik tidak memberi apa-apa tahniah ataupun terima kasih, saya terima pandangan beliau sebagai seorang daripada anggota kementerian ini membina masa depan kita bersama. Tentang belanjawan dan bajet, beliau katakan, apa sebab digunakan bajet.

Ini adalah *concoct* Tun Dr. Mahathir tempoh hari. Maka, telah dipakai oleh kebanyakan orang. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat bagi Gerik tanya saya, saya lebih suka belanjawan. Terserahlah kepada kita. Beginilah rupanya bagaimana bahasa kita ditukar tanpa kita menyedari. Oleh kerana kebanyakan ayat dan perkataan ada dalam bahasa kebangsaan, tetapi kita suka mencedok perkataan orang lain. Kumpulan orang macam ini harus kita beri didikan.

Walau bagaimanapun setelah seorang bekas Perdana Menteri mengajukan "bajet" bukan bermakna kita tak boleh gunakan "belanjawan", masih boleh kita gunakan. Saya berterima kasih kepada beliau oleh kerana keprihatinan tentang bahasa. Berhubung dengan pandangan beliau yang dirumuskan katanya kalau cakap banyak, tak jadi Menteri, itu tak payahlah saya jawab, tapi kadangkala kalau tak cakap pun, tak jadi Menteri juga. *[Ketawa]*

Tangga Batu, alhamdulillah kami memang bersedia menghadapi gara-gara *black metal* ini, kami tidak akan memberi laluan oleh kerana apa yang mereka anjurkan semata-mata menjatuhkan bukan sahaja budaya tetapi meranapkan sekali ajaran agama. Juga kami akan cuba melihat kembali secara rundingan mengenai nama-nama yang sensitif tadi, termasuklah "Tanjung Keling", "telinga keling" dan sebagainya malah perkataan "keling" itu pun di Dewan ini sudah beberapa kali ditimbulkan sebagai istilah yang sensitif, yang seharusnya kita tidak jadikan kebiasaan menggunakannya lagi.

Kami akan cuba bukan itu sahaja malah melihat semula nama-nama jalan. Nama jalan kebanyakannya diberi Jalan 2, Jalan 2/3, Jalan 2-1, ada pandangan bahawa ini langsung tidak mencerminkan suasana sekeliling ataupun warisan kita. Apa kata, kata mereka, kalau kita namakan jalan kita setelah orang-orang yang berjasa di tanah air meninggal, kita gunakan namanya. Ataupun nama bunga, nama gunung, ataupun nama tempat-tempat tertentu, nama-nama di tanah air, ini adalah kemungkinan yang boleh kita ajukan, malah kami akan menegur misalnya Putrajaya Holdings yang menggunakan perkataan "presint" sedangkan perkataan "kawasan" lebih tepat.

Apa yang menyebabkan mereka berbuat sedemikian? Ini juga menonjolkan bahawa sebahagian daripada orang-orang yang mempunyai kedudukan sengaja suka memilih perkataan

asing dan tidak mahu menggunakan perkataan dalam bahasa kita. Teguran ini perlu terus kita beri supaya kita tidak hilang terhadap apa yang telah diasaskan oleh nenek moyang kita menerusi warisan.

Tentang joget lambak, memang *statement* atau kenyataan saya itu masih saya ingati. Kita harus bangga dengan joget, kita tak harus malu ataupun menidakkannya sebagai satu titian budaya yang penting. Cuma perkataan “lambak” ini tidak begitu sesuai lagi, lebih baik kita gunakan “joget Malaysia”, kalau benda yang terlambak ini, nilai dia tak banyak, jadi kita buang “lambak” itu, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat setuju, menggalakkan kami di kementerian, kita cuba gunakan “joget Malaysia”. Dan di majlis-majlis, kita galakkan ianya diajukan semula, dan di majlis-majlis perkahwinan sedemikian, dalam program-program seni budaya kita di kampung dan di daerah kita galakkan kembali yakni “joget Malaysia”.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kepong di atas alu-aluan beliau terhadap rang undang-undang ini. Mengenai istilah-istilah tadi, saya kena bersetuju dengan Yang Berhormat sebab perkataan “graha” misalnya boleh kita guna dalam bahasa kita sama ada “gedung” ataupun “wisma” ataupun “rumah” ataupun “balai”, macam-macam boleh kita guna, tapi yang “graha” ini saya pun jarang lihat di Malaysia ianya digunakan. Di Sabah pun tidak ada, di Sarawak pun tidak ada. Mungkin saya akan menghubungi sahabat saya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kalaulah beliau setuju untuk mencari kata lain yang lebih lunak ataupun sebaliknya. Kalau beliau tak setuju, saya pun tak dapat buat apa-apa tapi sekurang-kurangnya pandangan ini adalah intim dari segi menentukan masa depan warisan kita supaya kita berbangga dengan istilah kita sendiri.

Tentang penyelidikan memang ada kuasa kita di bawah akta ini, dan kita tidak menafikan sedemikian. Mengenai warisan dunia, “Mulu” misalnya telah diterima, “Kinabalu” pun sedemikian, cuma “Pulau Pinang” dan “Melaka” belum oleh UNESCO, kami sedang bekerja keras supaya dapat melobi lebih ramai pihak agar UNESCO dapat menerima cadangan untuk meletakkan sebahagian dari “kota Pulau Pinang” dan “Melaka” dalam senarai UNESCO, yakni tapak warisan dunia yang boleh kita sama-sama banggakan.

Terhadap Ledang, diucapkan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, sebelum itu. Mengenai *world heritage* yang diiktiraf oleh UN, UNESCO. Saya percaya Yang Berhormat tentulah ada buat satu kajian mengenai berapa tempat yang kita patut layak menjadi *heritage sites* dan sekarang berapa dan apa itu rancangan supaya boleh dapat pengiktirafan dunia dan ini boleh menggalakkan usaha-usaha warisan kita.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Ipoh Timor, sebenarnya kita telah pun mengemukakan pandangan ini bukan sahaja semasa Yang Berhormat Menteri Pelajaran tempoh hari ke Perancis, tetapi menerusi susulan-susulan kita. Tetapi saya harus akui di sini di Dewan yang mulia iaitu di UNESCO, ada semacam beberapa *pack* yang menentukan hanya di Eropah

yang paling banyak tapak warisan diterima. Tetapi di negeri China misalnya, ada 14 ke 16 yang diterima. Negeri-negeri lain di Tenggara Asia, kurang sekali. Apabila kita beri pandangan, ini di perenggan tertentu maka kita mendapat sambutan cuma penentuan akhir yang dibuat oleh pihak tertinggi UNESCO kadangkala mengecewakan kita.

Oleh kerana keadaan sedemikian, maka saya telah pun meminta Wisma Putra sama-sama dan juga menerusi agensi-agensi kita di seberang laut yang bersimpati dengan kita supaya senarai tapak warisan Malaysia itu didatangi oleh mereka dan dilihat sebenarnya di atas kualiti alam semula jadi dan sisipan nilai *architecture* ataupun seni bina yang boleh kita kemukakan. Masalah ini nampaknya tak begitu berat apabila tertumpu kepada alam semula jadi, tetapi agak mendapat sedikit kesukaran apabila ia berkaitan dengan pemodenan pekan-pekan.

Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ipoh Timor, saya akan cuba sekali lagi dengan rakan-rakan menyenaraikan dan meminta kumpulan UNESCO ke tanah air kita untuk membuat penilaian terus. Secara kebetulan pada bulan ini, dijangka pada 12hb Disember, satu kumpulan *workshop* akan ada di Kuala Lumpur dan kami pun akan cuba mengemukakan pandangan yang lebih menyeluruh seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, nampaknya ada sedikit *biaslah* dalam penilaian dan penentuan mengenai tapak *heritage*. Adakah usaha yang kita pun ada cadangkan sama ada kriteria-kriteria, komposisi-komposisi, badan-badan yang bertanggungjawab untuk buat keputusan yang terakhir mengenai tapak-tapak warisan diubah, dipinda supaya lebih global dan bukan begitu *European centric*.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Ya Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ipoh Timor itu sejajar dengan pandangan yang baru-baru ini kita lahirkan di Senegal, iaitu pertemuan yang dinamakan *International Network of Cultural Policy*. Pandangan tersebut merangkul beberapa kriteria baru, iaitu sesuatu tapak warisan hendaklah dilihat bukan dari segi atau sudut kebudayaan kesenian dan warisan antarabangsa sahaja, tapi dari sudut *local* ataupun tempatan. Pandangan itu telah disokong oleh semua negara blok selatan dan akan dikemukakan balik apabila mesyuarat di Brazil pada tahun hadapan, insya-Allah kita dapat sokongan baru daripada beberapa pihak dan saya sendiri akan cuba terus-menerus melobi ke arah perolehan kita yang maksimum.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, berkenaan perkara ini. Oleh kerana ini adalah mustahak mengenai tapak warisan, berapa cadangan kita sudah kemukakan untuk dapat pengiktirafan tapak warisan sekarang dan apa harapan kita supaya kita boleh berjaya?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Di kawasan yang saya sebutkan tadi Mulu dan kedua ialah Gunung Kinabalu sudah juga berada dalam penerimaan tetapi tapak warisan *urban* tidak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana kita kerap kali ada baca surat khabar bahawa Penang dan Melaka adalah dalam proses untuk dapat pengiktirafan, kenapa tidak dimasukkan dalam senarai ini? Apa masalah?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya rumuskanlah Tuan Yang di-Pertua begini, proses-proses yang ditentukan oleh UNESCO adalah proses-proses yang telah ditetapkan agaknya semenjak Bangsa-bangsa Bersatu mewujudkan UNESCO lagi. Oleh itu, kriteria-kriteria itu tidak dikaitkan dengan lawatan yang serta-merta. Itu sebab yang pertama.

Yang kedua ialah mereka tidak begitu tertarik dengan pembangunan sampingan yang berlaku di sekitar sesuatu kawasan atau kota yang hendak dikemukakan sebagai tapak warisan. Oleh yang demikian, beberapa artifak sejarah yang ada di Pulau Pinang misalnya atau di Melaka tenggelam dalam penilaian mereka berkaitan dengan alam sekitar tadi. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad kenapa dan bagaimana tidak diiktiraf tidak diberitahu kepada kita.

Jadi, hal inilah saya harap Ahli Yang Berhormat sabar kita akan menentukan taraf-taraf ini di perenggan mesyuarat-mesyuarat yang akan datang dan saya sendiri dalam utusan kita berkaitan dengan warisan akan memaklumpkannya. Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:izinkan....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terakhir, terakhir. Oleh kerana ini.....

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Betul terakhir? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, terakhir ini sangat mustahak dan kita berminat mengenai khasnya Penang dan Melaka. Oleh kerana dua-dua ialah tempat yang bersejarah dan berwarisan, adakah ini bererti sampai sekarang? Oleh kerana kelemahan, kecacatan kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan sebuah tapak warisan dunia bahawa Penang dan Melaka belum sampai pun, tidak layak memenuhi syarat *pre-qualification*. *Pre-qualification* untuk dua-dua tempat itu dikemukakan untuk diiktirafkan dan kekal begitu. Apa masalah? Sampai dua-dua tempat belum memenuhi syarat *pre-qualification* apabila rakyatnya di negara kita rasa percaya mengikut surat khabar bahawa sudah sampai peringkat itu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Rumusan yang boleh saya beri ialah, laporan telah dikemukakan kepada UNESCO kira-kira 8 bulan yang lalu dan proses bagi mereka menilai semua itu adalah dalam perancangan mereka untuk memaklumkan kepada Malaysia.

Oleh itu, kami akan menyusul balik perkara ini sama ada Pulau Pinang dahulu atau Melaka kemudian dan kita akan menggesa mereka supaya memberi keputusan yang rasmi supaya proses untuk merayu kepada pihak berkenaan dapat kita laksanakan. Kami di kementerian tidak hanya berdiam diri dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, kami akan teruskan dan ada banyak lagi negara yang berperasaan sama dengan kita, misalnya di Burma, di Kemboja dan juga di Vietnam. Keadaan yang sama pun wujud, jadi kami di Asean misalnya, akan

bermuafakat semula mengemukakan rayuan *collective* kepada UNESCO dan tentu sekali kita akan membuat penentuannya pada masa yang sesuai tetapi dalam tempoh yang terdekat.

Tentang masalah bahasa yang di ceroboh, bahasa Jawi, tulisan Jawi yang sudah pun hilang *significant* penggunaan dan sebagainya, saya hanya boleh menyatakan ini adalah kesalahan ataupun kealpaan masyarakat kita sendiri, bukan salah orang lain.

Jangan disalai ciku kedondong,

Salailah ikan atas para,

Jangan salahkan ibu mengandung,

Salahkan badan yang buruk pinta.

Soalnya begini, apabila sesuatu bahasa itu tidak dikaitkan dengan bahasa ilmu, maka bahasa itu menurun sedikit. Apabila bahasa itu tidak lagi digunakan sebagai bahasa utiliti, lagi setapak ia turun, seterusnya apabila beberapa perubahan berlaku dan penggunaan bahasa itu dicampurkan dengan bahasa lain secara yang rambang, setapak lagi bahasa itu turun, jadi tulisan jawi misalnya sudah mengalami kedudukan ini. Bagaimana kita hendak menghidupkan semula? Ini adalah soal Latin. Soal bahasa Latin yang pernah wujud sebagai bahasa tertentu dan agung dahulu merasai suatu keranapan. Jawi telah sedemikian tetapi Alhamdulillah, baru-baru ini Kabinet telah setuju supaya diberi mandat kepada kementerian ini mencari jalan bagaimana kita boleh mengapungkan semula popularitinya sekurang-kurangnya menerusi seni.

Kedua, tentang bahasa tadi, Radio ERA yang disangsikan oleh Yang Berhormat bagi Ledang, kami telah panggil mereka di atas cara penyampaiannya dan cara ianya menggunakan bahasa terutama berkaitan dengan penentuan pandangannya sabit dengan bendera dan juga lagu kebangsaan. Insya-Allah, radio ini telah cuba memperbaiki keadaan, tetapi dari segi pencerobohan bahasa tadi kami akan berganding bahu dengan Dewan Bahasa Pustaka, dengan Kementerian Pelajaran, bagaimana keindahannya, kejituannya dan penggunaannya itu terus menerus tinggi tahapnya walaupun kita menghadapi masalah-masalah seperti yang sempat saya sebutkan tadi.

Tentang pertembungan *tourism* ataupun pelancongan dengan warisan, saya akui bahawa ada kalanya yang hendak ditonjolkan itu bukan budaya tetapi benda yang popular, yang rancak, yang dulunya lemah lembut tetapi sudah ditukar. Hal-hal sedemikian telah ditegur dan semua rombongan-rombongan yang berkaitan dengan pembudayaan dan juga pelancongan diminta supaya menggunakan kumpulan-kumpulan penari atau budayawan, atau seniman dari negeri-negeri yang tauliahnya adalah kental dan tidak diubah secara rambang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah cuba menjawab semua *inquiry* dan pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hanya dapat menyatakan betapa bangganya saya dapat mengemukakan rang undang-undang ini kepada negara dan juga khususnya kepada pembuat undang-undang yakni Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu sesungguhnya memberi kami dorongan yang kuat supaya akta ini dapat

menjawab persoalan dan juga ketinggalan yang saya sebutkan tadi telah pun menyusuk kita sedemikian lama, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 126 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera.

6.19 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya merujuk kepada Fasal 24 dan 25. Dalam Fasal 24 dan 25 ini, nampaknya pesuruhjaya mempunyai kuasa mutlak di dalam menentukan satu-satu tapak warisan dan di sini tidak disebutkan mengenai apakah asas kriteria dan sebagainya. Yang ada cuma walaupun satu tapak itu tidak mempunyai warisan tetapi apabila pesuruhjaya berpuas hati bahawa tapak itu patut ditetapkan, pesuruhjaya boleh meletakkan tapak itu sebagai tapak warisan.

Dalam Fasal ini Pesuruhjaya mempunyai hak mutlak, jadi apa persoalannya adakah kriteria-kriteria tertentu yang akan diikuti dan dipatuhi oleh pihak Pesuruhanjaya. Sebab saya tanyakan begitu misalnya mungkin ada tapak-tapak yang ingin dicadangkan oleh kita sebagai Ahli Parlimen misalnya jadi misalnya di Tasik Bera contoh, jadi kalau ada kriteria dan asas tertentu yang akan diikuti oleh Pesuruhjaya jadi kita tahu sama ada kita boleh mengemukakan atau tidak.

Fasal seterusnya ialah mengenai fasal 31. Fasal 31 ialah mengenai keputusan Pesuruhjaya untuk menetapkan tapak warisan dan jika tidak berpuas hati, boleh dirujuk kepada Menteri di bawah 96 (1) dan keputusan Menteri adalah muktamad. Ini juga satu perkara yang perlu diperjelaskan bahawa tidak ada lagi kuasa lain selain daripada kuasa Menteri.

Saya juga merujuk kepada perkara fasal 38 (5) dan 39 (5) iaitu mengenai pertikaian amaun pampasan. Di dalam Akta ini, keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dirundingkan, tidak boleh dirujuk kepada mahkamah. Kalau kita lihat daripada akta lain seperti *land acquisition act* akta *land acquisition*. Walaupun kita tidak ada hak untuk mempertikaikan hak kerajaan untuk mengambil tanah milik individu untuk *hear public interest* dengan izin tetapi tuan punya tanah berhak untuk merujuk kepada mahkamah dari segi amaun dan sebagainya jika kita tidak bersetuju. Tetapi di dalam akta ini keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh

dirujuk lagi kepada mana-mana tempat termasuklah mahkamah dan sebagainya. Apakah rasionalnya perkara ini. Begitu juga dengan perkara Fasal 53 (3) dan juga Fasal 55. Merujuk juga kepada kuasa muktamad Menteri. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong dan lepas ini Menteri boleh jawab.

6.22 ptg

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh tentang Fasal 28 dan 29 di mana saya ada sebut dalam ucapan tadi tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menjawab.

Saya katakan mungkin wujudnya satu keadaan di mana prinsip keadilan diabaikan sebab Pesuruhjaya yang membuat keputusan tetapi dia yang dipertanggungjawabkan untuk memperdengarkan bantahan yang mungkin dikemukakan oleh tuan rumah tapak. Saya juga ada menyebut tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera berhubung dengan keputusan Menteri adalah muktamad berhubung dengan pampasan.

Saya rasa kuasa ini adalah terlalu besar dan tidak wajar dan haruslah ditimbang semula sebab ini akan mengambil alih kuasa mahkamah untuk memutuskan sama ada pampasan adalah berpatutan atau tidak. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan untuk menghakiskan apa-apa keraguan yang mungkin timbul. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

6.24 ptg

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bera dan Tanjong. Oleh sebab kebanyakan *quiry* ini berkaitan dengan kuasa eksekutif saya cuba menjawabnya secara yang menyeluruh tetapi dalam pada itu memberi penekanan kepada pampasan, amaunnya kenapa ditentukan dan dimuktamadkan di peringkat Menteri.

Begitu juga seksyen 96(1) serta keputusan kuasa pesuruhjaya yang ada di bawah seksyen 25 sekali dengan seksyen 27 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi yang saya cuba menjawabnya secara pentadbiran sebentar tadi tetapi tidak memuaskan hati beliau. Dalam undang-undang, apabila dikatakan sesuatu kuasa itu adalah muktamad ianya masih boleh dibawa ke mahkamah kecuali ayat itu berbunyi *I'm shall not be question or raised or any court of law*. Itu baru muktamad tetapi kalau hanya setakat menyatakan keputusan Menteri adalah muktamad ia adalah *departmental*. Mana-mana pihak boleh mengambil tindakan di mahkamah mengatakan tidak puas hati. Apa sebab tidak puas hati? Oleh kerana satu mungkin berkaitan dengan tanah, satu berkaitan dengan objek. Kalau tanah, Menteri tidak boleh memutuskan muktamad sebab perkara 13 Perlembagaan Malaysia telah menjamin bahawa

hendaklah diberi pampasan yang adil kepada sesuatu tanah yang diambil. Cuma perkara 13 tidak menyebut tentang objek tadi.

Katalah seketul emas dijumpai di tanah Pak Ali di Kangar dan di atas penemuan itu tercatatlah mungkin beberapa lakaran sejarah. Maka di bawah akta kita memanglah kita beri peluang kepada pihak serendah-rendahnya sampailah kepada Majlis sampailah kepada mereka yang berilmu dari segi metal ataupun dari segi emas menentukan harga. Setelah sampai ke Menteri itulah yang dikatakan muktamad. Menteri berkenaan tidak boleh membuat keputusan sendirian. Beliau harus dapat nasihat dan juga penilaian yang sebenar.

Begitu jugalah di bawah Seksyen 28 dan 55 yang disebutkan. Saya faham bahawa semasa kita menganjurkan kesedaran tentang *human rights* atau hak asasi manusia, peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa eksekutif tinggi kepada sesuatu anggota pentadbiran memang tidak disenangi. Tetapi dalam soal ini oleh kerana warisan ini dianggap sebagai perkara yang harus berjalan lancar dan cepat, Menteri itu tidak boleh bertindak sendirian sebab mukadimah undang-undang ini berkata kita harus berunding dengan negeri dan tidak boleh diputuskan kecuali perundingan dengan negeri itu telah dilaksanakan. Di atas perkara-perkara sedemikian maka saya bantah semula agar Dewan mempercayai sistem yang kita adakan ini. Sedangkan di bawah ISA pun kita percaya kepada anggota pentadbiran yang berkenaan inikan pula di bawah Akta Warisan.

Fasal-fasal 1 hingga 126 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Petua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk memperbaharui undang-undang yang berhubung dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, timbang tara ialah satu bentuk penyelesaian, pertikaian secara alternatif. Undang-undang berhubung dengan timbang tara pada masa ini terdapat dalam Akta Timbang Tara 1952 iaitu Akta 93. Akta ini diperbuat pada tahun 1952 iaitu lebih kurang 53 tahun dahulu.

Akta Timbang Tara 1952 diperbuat terutamanya untuk memenuhi keperluan timbang tara domestik di Malaya pada masa itu. Dalam beberapa tahun ini, disebabkan peningkatan jumlah kes yang tertangguh di mahkamah, lebih banyak penekanan telah diberikan kepada timbang tara dan telah mengakibatkan perkembangan yang besar terhadap undang-undang timbang tara.

Akta Timbang Tara 1952 dipinda sekali sahaja iaitu pada tahun 1980 untuk membolehkan dan menggalakkan timbang tara digunakan sebagai satu bentuk penyelesaian, pertikaian antarabangsa. Seksyen 34, Akta Timbang Tara 1952 dipinda untuk meminumkan campur tangan mahkamah dalam timbang tara antarabangsa. Dalam era globalisasi, banyak kerajaan telah sedar akan kepentingan mempunyai satu undang-undang yang seragam dan harmoni dalam mempromosikan perniagaan antarabangsa.

Promosi undang-undang yang seragam di kalangan rakan kongsi perdagangan dalam komuniti perniagaan antarabangsa secara tidak langsung memajukan ekonomi sesebuah negara. Menyedari kepentingan undang-undang yang seragam dan harmoni, setakat ini 44 buah negara telah menerima pakai *Model Law on International Commercial Arbitration* di sebut sebagai *Model Law* dalam sistem perundangan mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Model Law diperbuat oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa atau UNCITRAL pada tahun 1985. Dalam menimbang sama ada menerima pakai *Model Law* atau tidak di negara ini, komuniti perniagaan dan profesional telah dirunding seperti Majlis Peguam Malaysia, Institut Timbang Tara Malaysia, Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, Institut Jurutera, Persatuan-persatuan Maritim serta kumpulan perniagaan lain turut dirundingi.

Penerimaan dan sokongan yang luas telah diberi untuk menerima pakai *Model Law* dalam sistem perundangan Malaysia dan komuniti perniagaan dan profesional mendapati bahawa *Model Law* adalah seimbang, sempurna, praktikal, terkini dan bersesuaian dengan kedua-dua pertikaian perdagangan domestik dan antarabangsa.

Semasa menggubal Rang Undang-undang Timbang Tara 2005, undang-undang timbang tara di negara lain seperti Singapura, New Zealand, India, Kanada, dan United Kingdom telah dikaji. Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 yang dicadangkan ini telah mengadaptasikan

Model Law untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara itu.

Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing 1985, Akta 320 membolehkan Award Timbang Tara yang dibuat di luar Malaysia dikuatkuasakan di Malaysia. Peruntukan Akta 320 telah disatukan dalam Rang Undang-Undang Timbang Tara 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Timbang Tara 2005 bertujuan untuk memperbaharui Undang-undang Timbang Tara yang sedia ada dengan peruntukan yang baru dan lebih baik berkaitan dengan tatacara timbang tara di negara ini. Undang-undang yang ingin dimansuhkan oleh rang undang-undang ini ialah Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing 1985

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Timbang Tara 2005 yang dicadangkan terdiri daripada 4 bahagian dan 51 fasal.

Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan.

Fasal 3 memperuntukkan pemakaian akta ini di seluruh Malaysia dan peruntukan yang terpakai kepada timbang tara domestik dan antara bangsa.

Fasal 4 memperuntukkan pemakaian timbang tara kepada jenis pertikaian-pertikaian manakala

Fasal 5 memperuntukkan bahawa akta ini terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Bahagian II mengandungi Fasal 6 hingga 39 iaitu peruntukan yang berhubungan dengan tatacara timbang tara berdasarkan kepada *Model Law* yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa atau UNCITRAL pada 21 Jun 1985.

Fasal 8 bertujuan untuk mengurangkan campur tangan mahkamah dalam apa-apa perkara timbang tara kecuali dibenarkan di bawah akta ini.

Fasal 10 memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah menggantung prosiding yang dibawa di hadapannya dalam kes yang tertakluk kepada perjanjian timbang tara.

Fasal 11 menyatakan bahawa pihak-pihak boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi suatu perintah perlindungan interim.

Fasal 12 hingga 17, memperuntukkan bilangan, pelantikan, alasan serta tatacara mencabar, penamatan, mandat dan pelantikan penimbang tara ganti.

Fasal 18 dan 19 memperuntukkan bidang kuasa serta kuasa untuk membuat perlindungan *interim* bagi tribunal timbang tara masing-masing.

Fasal 20 hingga 29 memperuntukkan tatacara timbang tara seperti penentuan kaedah-kaedah tatacara, tempat timbang tara, permulaan dan bahasa yang akan digunakan dalam

prosiding timbang tara, pemfailan, pernyataan *pleading* , perbicaraan lisan, pelantikan pakar dan mendapatkan bantuan mahkamah untuk mengambil keterangan.

Fasal 30 hingga 36 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pembuatan *award* dan penamatan prosiding.

Fasal 37 menyatakan alasan-alasan serta tatacara untuk mengetepikan sesuatu *award*.

Fasal 38 dan 39 mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pengiktirafan dan penguatkuasaan *award*.

Fasal-fasal ini adalah berdasarkan kepada dan Akta Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang Tara Asing 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi 7 fasal di bawah tajuk peruntukan tambahan berhubung dengan timbang tara. Bahagian ini terpakai kepada timbang tara domestik kecuali pihak-pihak bersetuju supaya ianya tidak terpakai. Bahagian III tidak terpakai kepada timbang tara antarabangsa kecuali pihak-pihak bersetuju memakainya.

Fasal 40 bertujuan mengadakan peruntukan untuk penyatuan atau lebih dua prosiding timbang tara.

Fasal 41 memperuntukkan situasi apabila Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk menentukan perkara undang-undang permulaan.

Fasal 42 memperuntukkan mengenai rujukan kepada Mahkamah Tinggi dan Fasal 43 membenarkan rayuan.

Fasal 44 memperuntukkan mengenai kos dan perbelanjaan timbang tara.

Fasal 45 dan 46 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan masa bagi memulakan prosiding timbang tara dan memberi perlanjutan masa kepada tribunal timbang tara untuk membuat *award*.

Bahagian IV yang bertajuk pelbagai mengandungi 5 fasal.

Fasal 47 dan 48 memperuntukkan tentang liabiliti penimbang tara dan kekebalan institusi timbang tara.

Fasal 49 adalah peruntukan tentang kebangkrapan.

Fasal 50 memperuntukkan prosedur untuk apa-apa permohonan ke Mahkamah Tinggi di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 51 memperuntukkan mengenai pemansuhan Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan *Award* Timbang Tara Asing 1985 serta peruntukan kecualian.

Akta ini tidak terpakai kepada prosiding timbang tara yang telah dimulakan sebelum permulaan kuat kuasa akta ini. Walau bagaimanapun akta ini akan terpakai kepada perjanjian timbang tara yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa akta ini di mana tiada prosiding timbang tara yang dimulakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan Akta ini adalah *user friendly* kepada pihak-pihak yang ingin menyelesaikan pertikaian mereka melalui timbang tara. Ini sudah tentu akan meringankan beban ke atas jumlah kes yang tertangguh di mahkamah. Ia akan menarik pertikaian peringkat antarabangsa diselesaikan melalui timbang tara di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menyokong.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Petra Jaya.

6.41 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong satu rang undang-undang yang saya anggap telah mengemas kini undang-undang yang sedia ada supaya ianya sesuai dengan keperluan domestik dan juga tuntutan global. Saya yakin dengan adanya akta atau rang undang-undang ini sudah tentu akan meringankan beban mahkamah di mana tribunal boleh memainkan peranan untuk menyelesaikan serta mempercepatkan penyelesaian kes melalui proses timbang tara.

Cuma persoalannya setakat mana *promotion* dengan izin yang telah kita buat berkaitan dengan proses timbang tara kita. Berapa ramai ahli timbang tara yang kita telah lantik dan latih yang boleh mengamalkan proses timbang tara ini. Yang ketiganya ialah adakah kita akan mewujudkan satu sistem untuk menilai *performance* penimbang-penimbang tara yang telah dilantik dan apakah sistem untuk kita memantau supaya ianya tidak akan berlaku kelewatan dalam penyelesaian kes.

Saya ingin menyentuh secara spesifik supaya kita dapat menjimatkan nanti tidak payah untuk kita pergi ke peringkat jawatankuasa iaitu Fasal 6 ataupun Seksyen 6. Saya melihat seksyen 6 kita ada dua peruntukan 6(1)(a) dan (b). Bagi 6(1)(a) mungkin merupakan satu peruntukan yang *redundant*. Kalau kita lihat atur cara kanun acara sivil berkaitan dengan prosedur Perkara (a) ini telah dikenal pasti boleh melambatkan proses dari segi penghantaran segala dokumen ataupun berkaitan dengan saman dan sebagainya. Sebab saya melihat kalau (a) kita melihat satu komunikasi bertulis disifatkan telah diterima jika ia diserahkan kepada penerima itu sendiri atau jika ia diserahkan di tempat urusan, tempat tinggal biasa atau alamat

melnya. Manakala (b) mengatakan jika tempat yang disebut dalam perenggan (a) tidak boleh dijumpai maka kita boleh menghantar dengan alamat secara berdaftar.

Kalau kita melihat di sini mengapa kita perlu mengulangi dua proses pertama kita menghantar dengan mel atau serahan sendiri. Mengapa tidak kita tukarkan (a) untuk digantikan dengan satu proses sahaja. Maknanya kita menghantar sendiri atau menggunakan terus secara berdaftar di tempat yang terakhir atau alamat terakhir yang kita ketahui. Ini akan menjimatkan proses supaya kita dapat *cut short* dengan izin prosedur yang telah ditetapkan. Perkara kedua ialah seksyen 9 atau fasal 95. Cuma untuk pembetulan untuk dipertimbangkan kalau kita hendak *print out final* nanti perenggan para ketiga dengan syarat kita perlu membetulkan ejaan syarat. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong.

6.41 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tadi telah mendengar Timbalan Menteri membenteng undang-undang ini. Undang-undang ini akan mengambil alih empat undang-undang ataupun membatalkan dua undang-undang lama yang ada di negara kita dan undang-undang ini juga akan merangkumi kedua-dua timbang tara tempatan dan juga timbang tara *international*. Ini selaras dengan apa yang disebut oleh Menteri tadi iaitu selaras dengan *model law* untuk komersial *arbitration*.

Dalam keadaan sedemikian dua tiga perkara berbangkit daripada segi *qualification*. Ini ada sangkut paut ataupun berikutan dengan apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Berhubung dengan timbang tara orang-orang terlibat dengan timbang tara nanti siapakah mereka ini dan apa *qualification* mereka dan sama ada kita mencukupi di seluruh Malaysia ini apabila undang-undang ini dilaksanakan nanti. Mencukupi ataupun tidak dan adakah kita memperkenalkan undang-undang timbang tara ini berbangkit daripada persoalan banyak masalah-masalah berbangkit yang boleh diserahkan kepada pihak timbang tara dan meringankan tugas dan tanggungjawab mahkamah dan prosedur timbang tara ini lebih cepat, lebih tepat dan tidak *cumbersome* kalau dibandingkan dengan pihak mahkamah. Adakah kementerian mempunyai sumber-sumber dan data maklumat berhubung dengan kes-kes yang sepatutnya dilaksanakan di timbang tara bukan di mahkamah. Maknanya boleh meringankan tugas dan tanggungjawab mahkamah kalau wujudnya sistem timbang tara ini.

Persoalan yang kedua, ini ada hubung kait dengan urusan komersial antarabangsa yang mana salah satu daripada ahli yang terlibat atau orang-orang yang terlibat dalam satu-satu kes yang tertentu melibatkan orang daripada luar negara di mana timbang tara ini boleh dilaksanakan. Saya ingin juga mengetahui adakah kita menghadapi masalah menerusi pelaksana mahkamah kita kes-kes yang melibatkan orang tempatan orang Malaysia dengan

orang yang datang berdagang atau melabur ke negeri ini akhirnya tidak mengetahui sama ada pergi ke timbang tara atau pergi ke mahkamah. Pergi ke mahkamah masalahnya ada kelambatan dan takluk dan sebagainya. Pergi ke timbang tara ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana undang-undang timbang tara domestik dahulu adalah tidak mencukupi untuk *handling cases of the same nature* dengan izin.

Persoalannya di sini kalau kita lihat dalam *model law* ada satu perkara yang disebutkan dalam artikel 11 *no person sell be pre recruit by reason of his personality form acting as arbitrator unless otherwise agree by the parties*. Maksudnya mana-mana orang boleh mengamalkan sebagai *arbitrator* di timbang tara di Malaysia. Kalau ini benar apakah syarat-syarat yang telah akan ditetapkan kerajaan berhubung dengan ini kerana tidak disebut dengan jelas dalam undang-undang yang kita ada ini walaupun undang-undang sepatutnya selaras dengan *model law*.

Kalau itulah hakikatnya bahawa mana-mana orang boleh kalau perkara itu berlaku di Malaysia ini mana-mana orang daripada luar boleh jadi timbang tara. Persoalan yang dibangkit sama ada kita mempunyai timbang tara yang mencukupi dan Malaysia menjadi *redundant* tidak lagi perlu kerana orang luar dah boleh mengamalkan sebagai timbang tara di Malaysia.

Persoalan saya di sini ialah adakah analisis ini betul ataupun tidak betul dan kalau tidak betul sejauh manakah *control* ataupun batasan yang kita akan letakkan ataupun kita telah membuka semuanya sebagai satu mekanisme perdagangan juga iaitu kita sudah jadi *borderless* kita dah jadi global dan soalan timbang tara ini pun telah satu *encroachment* dalam pengamalan undang-undang negara ini bahawa kita telah menerima orang luar untuk terlibat dengan pengamalan undang-undang dalam konteks timbang tara ini. Adakah ini betul penganalisisan saya ini.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian dan kalau tidak betul persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Petra Jaya *become very relevant* dengan izin iaitu soalan latihan, soalan kepakaran dan soal pendaftaran, soalan orang-orang yang dilayakkan menjadi timbang tara.

Kita kena ingat. Kita bukan hanya memikirkan perselisihan, pertelingkahan, di antara masyarakat kita sendiri. Tapi terlibat dengan pengadilan di antara masyarakat Malaysia dengan orang-orang luar, dengan orang-orang yang mungkin mempunyai pengalaman yang lebih jauh luas daripada kita, dalam perhubungan penggunaan timbang tara ini. Jadi, apakah rancangan pihak kementerian untuk mewujudkan timbang tara yang mencukupi kepakaran, kemahiran dan mengetahui semua berlandaskan *model law* dan juga undang-undang yang ada di sini?

Dan undang-undang ini juga menggariskan banyak perkara persoalan dasar, polisi undang-undang dan sebagainya apa yang tidak dibolehkan oleh dasar umum negara, tidak boleh putus oleh timbang tara dan sebagainya. Makna dia, akhirnya perkara ini boleh juga direfer kepada mahkamah, jikalau keputusan itu dibuat di pihak timbang tara. Jadi, maksudnya

kepakaran yang khusus, mestilah dibuat dan satu sistem pendaftaran juga mesti diwujudkan supaya orang yang terlibat dengan satu lagi pengamalan undang-undang ini, boleh dilaksanakan dengan sempurna, supaya dia mencerminkan bahawa negara kita mempunyai satu sistem yang betul-betul boleh diterima pakai, satu sistem yang boleh dikatakan dipercayai oleh pihak-pihak yang akan terlibat nanti dan menghadapi pengadilan di hadapan timbang tara Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik undang-undang ini dan saya fikir ini adalah selaras dengan negara kita sebagai negara pedagang, iaitu negara yang membuat *global business*, mewujudkan satu undang-undang yang juga bersikap *global*, satu undang-undang yang telah diterima pakai oleh tiga puluh lebih, kalau tak salah saya dengar tadi, tiga puluh sembilan negara di dunia ini. Maknanya, kita sudah menjadi global player. Jadi, persoalan berbangkit di sini ialah sejauh mana benda ini diterima oleh pihak profesion-profesion yang tertentu, kerana dia akan memasuki semua bidang profesion perundangan Sarawak, Sabah dan seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam masa yang sama, kita di Malaysia ini, Sarawak sendiri, Sabah sendiri, Semenanjung pun sendiri. Orang Semenanjung kata, orang Sarawak dan Sabah tak terima peguam daripada Semenanjung mengamalkan undang-undang mereka di Sarawak dan Sabah.

Tetapi kenyataan sebenarnya ialah orang Sarawak, orang Sabah pun tak boleh juga mengamalkan undang-undang di Semenanjung. Jadi banyak tuduhan ini tidak mengetahui latar belakang yang sebenarnya. Sebenarnya, *Bar Council of Malaysia* di Semenanjung tidak menerima peguam daripada Sarawak, daripada Sabah, mengamalkan undang-undang di Semenanjung. Datuk Timbalan Menteri dah goyang kepala. Nak *check Bar Council* ini.

Baru pagi ini, Yang Berhormat daripada Ipoh apa ni? Ipoh Barat? Perbincangan saya. Dia tak percaya, cakap saya ini. Saya dah nak tubuh syarikat saya di Johor. *Bar Council* bagi satu surat, saya mesti menjadi ahli *Bar Council of Malaysia* sebelum buka peguam saya di Johor. Dan saya kena *call to Malaysian Bar* sebelum saya boleh mengamalkan undang-undang di Johor. Saya telah dipanggil "Bar" di Sarawak. Jadi, batasannya adalah *the matter of degree*.

Jadi kalau kita sendiri tak boleh sama-sama orang Semenanjung mengamalkan undang-undang di Sarawak dan di Sabah, orang Sabah, Sarawak mengamalkan di Semenanjung. Belum lagi sampai ke peringkat itu, jadi dengan mekanisme timbang tara ini, pihak luar negara boleh masuk ke Semenanjung, masuk ke Sarawak dan masuk ke Sabah. Jadi, memang betul kata Kenichi Ohmae, "*Business will determine all the border*" pada satu ketika nanti membuat dia menjadi *porous* kemudian dia menjadi "*Borderless*", kata dia.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, saya harap pihak-pihak peguam Sarawak, Sabah dan Semenanjung fikir, lihat dan pilih banyak-banyak, supaya jangan diatasi dengan satu mekanisme yang tidak kita sangka boleh mengatasi kaedah-kaedah yang kita aturkan untuk melarang orang kita sendiri. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

6.56 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya melihat Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini, saya berbincang dengan beberapa orang rakan sebentar tadi. Pada awalnya, saya sangkakan ianya satu rang undang-undang yang melibatkan timbang sukat. *[Ketawa]* Tetapi apabila dipersembahkan oleh Menteri tadi, dibentangkan oleh Menteri, baru saya faham secara lengkap, secara dasarnya apakah sebenarnya timbang tara ini dan sudah pasti ianya memainkan peranan yang begitu penting bagi pihak negara kita supaya kita dihormati di peringkat *local*, di peringkat dalam negeri dan juga di peringkat antarabangsa. Maksud saya undang-undang kita dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana kekurangan fahaman saya tentang maksud timbang tara tadi dan pihak Menteri yang jaga bahasa tadi pun telah sebut berkali-kali tentang penggunaan bahasa dan bagaimana kita boleh menghargainya? Adakah pihak kementerian boleh memberi satu pandangan yang baru tentang perkataan “timbang tara” itu sendiri. Kalau kita boleh gunakan satu perkataan di dalam *copy* rang undang-undang ini, saya pun tidak tahu macam mana nak sebut. Tetapi apa salah kalau kita gunakan juga *arbitration* itu. “Arbitrasi” bunyinya. Arbitrasi.

Kalau kita lihat di sini pun, bahasa-bahasa yang digunakan oleh mahkamah kita, banyak yang *originality*nya, ketulenannya. Tadi boleh kita persoalkan. Antara menggunakan bahasa-bahasa Arab, bahasa Inggeris, saya pernah dengar Santubong sebut *sub judice*. Tapi dibetulkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dia kata, “Subjudis” dan sebagainya. Jadi perkara-perkara ini sebenarnya - yang maksud tu, kita faham. Tapi cara menyebut tu yang orang dengar seolah-olah kata kita tak pernah belajar undang-undang dan sebagainya. Sila, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bukan, pembetulan Tuan Yang di-Pertua. Daripada pandangan Tuan Yang di-Pertua ialah “subjudis”. Pandangan saya “*sub judice*”. Jadi tak ada orang yang kata betul, siapa yang betul, siapa yang salah. Guru saya daripada Cambridge University mengatakan, “*sub judice*”. Macam *bona fide*. Tapi saya panggil “*bona fide*”. Jadi, tak ada latin dekat sini mengatakan siapa betul, siapa salah. Jadi, guru saya juga mengajar saya daripada Cambridge University, juga *the student of ‘Graham Bill William’*. Yang dipanggilkan, “*The brain in legal fraternity*”. Jadi saya tidak boleh menerima dulu sebagai telah diubah pendirian saya menyebut “*sub judice*” ini. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Santubong. Dia hendak keluar, dia patah balik. Sebab saya sebut pun mungkin tak kena bunyi tu. Saya sebut, “*sub judice*”, “*sub judice*” ataupun “subjudis”. Tapi apa pun sebenarnya, kita memahami. Walaupun mungkin pihak kementerian setuju juga oleh kerana ketidakseragaman sebutan ini menyebabkan banyak kes tertangguh di mahkamah. Jadi, pihak Menteri cuba tengok balik. Yang ini pun, saya tengok, kalau kita lihat pada tafsiran 2(1), dalam akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“award’ ertinya sesuatu keputusan tribunal timbang tara mengenai isi pertikaian dan termasuklah apa-apa award muktamad, interim atau sebahagian dan apa-apa award tentang kos atau faedah tetapi tidak termasuk perintah interlokutari.”

Inilah perkara-perkara yang perlu dilihat secara terperinci supaya tidak mewujudkan ketidakseimbangan di dalam kefahaman antara yang memberi dan yang menerima. Jadi mungkin arbitrase boleh digunakan untuk menggantikan timbang tara supaya kita semua faham akan maksud yang seragam. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

7.00 mlm.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, bahawa tujuan kewujudan timbang tara ini adalah untuk menyelesaikan kes sebelum dibawa ke mahkamah. Jadi, bermakna di dalam keadaan mahkamah dibebankan dengan terlalu banyak kes yang tertunggak dan sebagainya, timbang tara ini merupakan satu proses yang boleh menjimatkan masa mahkamah. Walau bagaimanapun, oleh kerana Fasal 42(1), iaitu mahkamah masih boleh membenarkan rayuan di atas perkara yang melibatkan undang-undang apabila timbul masalah perundangan, *question of law* kedua-dua pihak yang tidak berpuas hati boleh merayu kepada pihak Mahkamah Tinggi. Jadi, beberapa persoalan yang saya hendak kemukakan, yang pertama sejauh manakah dari segi peratusannya, sejauh manakah kes-kes yang dibawa ke timbang tara ini diputuskan, diterima oleh kedua-dua pihak yang membawa kes ini ke timbang tara.

Yang keduanya saya ingin tahu berapa dari segi jumlah peratusannya, kes yang telah diputuskan oleh timbang tara ini berkaitan tadi dan mereka tidak berpuas hati lalu merujuk kepada Mahkamah Tinggi. Seterusnya ialah apabila kes-kes ini dirujuk kepada Mahkamah Tinggi, berapa banyakah kes yang dirujukkan oleh Mahkamah Tinggi diketepikan, keputusan timbang tara itu diketepikan oleh pihak Mahkamah Tinggi. Saya bertanya kepada perkara ini sebab pentingnya peratusan itu ialah untuk melihat sejauh manakah keberkesanannya timbang tara ini. Ini kerana jika jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan peratusan yang tinggi bermakna hasrat kita wujudkan timbang tara dan hendak mengurangkan bebanan mahkamah tentu sahaja tidak akan tercapai. Jadi, itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

7.02 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ambil bahagian dalam perkara ini. Saya ingin beritahu sedikit tentang timbang tara. Timbang tara ini adalah, dengan izin, *alternative dispute resolution* ataupun dipanggil ADR. *Alternative* ini selain daripada

apabila hendak pergi ke mahkamah, ini adalah peluang untuk pergi ke timbang tara ataupun abitrasi. Di mana dapat peluang dengan terus-menerus kita selepas pelantikan *arbitrators* boleh dapati kes ini berjalan dengan cepat. Selain daripada apabila di peringkat mahkamah, kita perlu memfailkan kes di mahkamah, lepas itu mengeluarkan saman, lepas itu menyerahkan saman dan lepas itu menunggu satu tarikh ditetapkan oleh mahkamah.

Lepas itu mungkin tarikh yang diberi oleh mahkamah itu pada peringkat awal satu tarikh sebutan atau, dengan izin, *mention date*. Lepas dapat *mention date*, kedua-dua pihak dapat peluang sebenarnya pihak *dependent*, dia dapat peluang untuk memfailkan *notice* untuk hadir ke mahkamah, lepas itu juga *defendant* ini dapat peluang untuk memfailkan pernyataan pembelaan atau *statement of defense*. Semasa yang diambil di peringkat mahkamah itu agak lama dan kadang-kadang kes itu daripada satu bulan, dua bulan satu tahun, dua tiga tahun pun ada juga. Tetapi apabila mereka ambil satu alternatif daripada mahkamah, iaitu kedua-dua pihak bersetuju untuk pergi ke tempat abitrasi ini, mereka boleh melantik *arbitrators* sendiri selepas itu, secara kedua-dua pihak bersetuju untuk meneruskan dengan *arbitration proceeding* ini dan kes itu boleh terus jalan daripada satu hari hingga lima hari, satu minggu dua minggu ia boleh diselesaikan.

Ada kes-kes di peringkat abitrasi ini diselesaikan dalam satu bulan, dua bulan. Oleh sebab itulah kita ada alternatif *dispute resolution* ini lebih popular di luar negara daripada mereka yang pergi ke mahkamah. Di antara Asia ini, kita dapati, kebanyakan rakyat di Asia masih memfailkan kes-kes di mahkamah. Tetapi didapati sekarang bukan sahaja timbang tara ataupun abitrasi, kita dapati lagi satu proses alternatif, iaitu proses *mediation* atau mediasi iaitu sebelum kita dengar kes itu, kedua-dua pihak ini ada seorang lagi *mediate* untuk menyelesaikan kes, untuk mengelakkan mereka pergi ke mahkamah. Sekali gus ini adalah untuk menyelamatkan masa, wang dan sebagainya untuk mengelakkan kedua-dua pihak pergi ke mahkamah dan menunggu satu keputusan beberapa lama baru mereka dapat keputusan. Saya ingin jawab Yang Berhormat bagi Petra Jaya ini, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dan juga kita ada Institut Timbang Tara Malaysia dan di sini kita mengadakan pelbagai kursus dan juga ceramah untuk *create awareness*, kesedaran berkaitan dengan timbang tara ini.

Lawatan dan ceramah juga dijalankan di luar negara untuk mempromosikan timbang tara di kalangan antarabangsa bahawa Malaysia juga sebagai satu negara yang mempunyai pusat timbang tara yang *neutron*. Di kalangan antarabangsa apabila mereka dapat tahu kita ada satu tempat untuk timbang tara ini, *arbitrary center* baru mereka datang. Sebenarnya di kalangan antarabangsa apabila di peringkat komersial, mereka buat satu perjanjian, sebelum mereka mengendalikan mana-mana satu kontrak komersial. Mereka ada satu klausa di mana mereka kata kalau apa-apa pertikaian berlaku antara kedua-dua pihak sebelum mereka pergi ke mahkamah, mereka perlu pergi ke *arbitration*. Sebenarnya, kebanyakan kontrak-kontrak yang ditandatangani di luar negara ini mempunyai satu klausa abitrasi. So, sebelum pergi ke

mahkamah, mereka cuba pergi ke *arbitration center* di mana mereka boleh dapat satu keputusan dengan secepat mungkin.

Oleh sebab itu, kita dapati apabila ada kontrak-kontrak ditandatangani di luar negara itu, mereka perlu faham dan mereka perlu tahu bahawa kita ada satu *arbitration center* di Malaysia juga. Kalau mereka tidak tahu, dan mereka ini tidak ingin menandatangani satu perjanjian, kita mungkin merugikan *business* daripada luar negara juga. Sekarang ini mediasi dan juga *arbitration* timbang tara ini sekarang apa yang boleh disebutkan, dengan izin, *much more well known* dan banyak daripada kalangan *business community* menggunakan abitrasi dan juga mediasi.

Sekarang ini dari Australia dan Amerika, mediasi lebih terkenal daripada abitrasi. Mereka menggunakan *mediation more then arbitration*. Untuk menjawab kepada Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga, di pusat timbang tara di Malaysia ini terdapat 140 ahli penimbang tara Malaysia iaitu *international* kita boleh katakan dan kesemuanya perlu menjalani satu latihan sebelum diiktiraf sebagai penimbang tara. Mereka semua perlu menjalankan latihan dan juga mereka cuma ada *qualification* yang tertentu sebelum mereka dilantik, bukan sewenang-wenangnya semua orang boleh dilantik sebagai *arbitrator*.

Apabila kita kata dalam akta itu kita boleh memilih seorang *arbitrator*, maksudnya adalah daripada senarai yang sudah sedia ada, mereka yang sudah layak untuk dan ada kepakaran dalam perkara ini. Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur juga menjalankan *administration* ataupun pentadbiran timbang tara menggunakan peruntukan-peruntukan, *rules* yang sedia ada oleh KLRCA iaitu *Kuala Lumpur Arbitration Center Regional Center for Arbitration* yang diadakan. Ia ikut *unit central arbitration rules, international rules* dan tidak ada masalah kita ikut apa yang berlaku di kalangan antarabangsa.

Berkaitan dengan Seksyen 6 yang dibangkitkan berkaitan dengan penyerahan *and all that*, suka dijelaskan saya bahawa di sini Seksyen 6 adalah diperuntukan dalam *Model Law* di mana negara-negara yang menerima *Model Law* menerima peruntukan tentang penerimaan komunikasi bertulis. Itu komunikasi secara bertulis, ini penyerahan sesuatu notis adalah penting dan tidak dapat dielakkan untuk jimatkan masa.

Oleh itu Seksyen 6 adalah satu peruntukan yang adil kepada pihak-pihak dalam ini untuk digunakan. Ini sebab saya hendak beritahu di sini apabila serahan saman bertulis, serahan saman melalui pos kita dapati banyak kes-kes di mahkamah biasa juga mereka datang mencabar proses servis. Oleh sebab itu kita perlu mengikut satu sistem yang sedia ada, di sini kita ikut *model law* dan ini adalah satu standard procedure so kalau kita ingin jimatkan masa selepas itu dia datang mahkamah dia *challenge proses of service*. Itu mungkin lepas itu ambil lebih masa daripada yang kita peruntukkan awal-awalnya.

Yang Berhormat Santubong, kes-kes...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Petrajaya bangun Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju kalau kita melihat pada peruntukan 1 (a) ia meletakkan kepada penyerahan secara sendiri tetapi kalau kita lihat pada peruntukan seterusnya atau jika ia diserahkan kepada tempat urusan maknanya kita akan tinggalkan di tempat itu sahaja. Jadi kalau kita hendak memastikan bahawa dokumen tersebut telah diserahkan tentu ada *prove of service* dengan izin. Sebab itu kalau kita lihat (a) dan (b) kalau kita cantumkan sama ada dengan penyerahan sendiri ataupun dengan secara pos berdaftar *which means* kita boleh katakan pos berdaftar ini *AR registered*. *AR registered* membuktikan bahawa ada bukti penerimaan, di situ akan menjimatkan *time* dari segi *process of service* sebab *process of service* ini hendak mencari orang boleh memakan masa sehingga sebulan kadang-kadang atau lebih.

Di sinilah saya melihat pada peruntukan ini untuk kita jimatkan masa sama ada dengan serahan sendiri ataupun dengan *AR registered post*, dengan izin. Jadi ini akan menyelesaikan masalah tersebut.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat kata boleh jimatkan sedikit masa ini, saya cuba baca teks dalam Bahasa Inggeris mungkin saya cuba beri penjelasan lebih lanjut untuk Yang Berhormat dengan izin 6 (a) "*A written communication is deemed to have been received if it is delivered to the addressee personally or if it is delivered at his places of business, habitual residence or mailing address*" dan (b), (b) dikatakan "*where the places referred to in paragraph (a) cannot be found after making a reasonable enquiry a written communication is deemed to have been received if it is sent to the addressee's last known place of business, habitual residence or mailing address by registered post or any other means which provides a record of the attempt to deliver it*".

(a) ini menunjukkan bahawa kita cuba buat penyerahan dengan personel macam personel *service* tetapi apabila tidak dapat selesai secara dengan personel baru kita menggunakan cara (b) melalui *registered post*. Kalau melalui *registered post* itu menunjukkan kita sudah hantar, dia punya tempat itu tutup. Dia tidak ada di sana atau dia pergi cuti atau lain-lain alasan. Oleh sebab itu tidak ada masalah apabila kita cuba dua-dua cara, ini tidak menunjukkan kita boleh jimat masa tetapi pandangan Yang Berhormat kita boleh ambil kira jugalah.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Masih dalam perkara yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya pun melihat juga yang kita punya *provision* melainkan jika dipersetujui selain oleh pihak-pihak di bawah (a) dan 2(b) yang disebutkan ini.

Satu komunikasi bertulis disifatkan telah diterima jika diserahkan kepada penerimaan sendiri atau jika telah.....ini dua perenggan.

Dalam *model law* dia hanya satu sahaja, jadi kenapa *what did the rational* yang kita buat, kita *brief into two*. Kalau kita lihat dalam *model law, unless otherwise agreed by the parties, okey; (a) any written communication is deemed to have been received if it is delivered to the addressee personally or if it is delivered and it place of habitual residence or mailing address. So that*, bahagian yang pertama. Selepas itu dalam *model law*, dia ada *the whole things if one non can be found after making reasonable enquiry, a written communication is deemed to have been received if it is sent to the addressee's, last known place of business, habitual residence, mailing address by registered letter or other means which provides a record of the attempt to deliver it*.

Satu paragraf sahaja dia buat tetapi *we broken into dua*, jadi kenapa rasional kita yang ikut tetapi sebenarnya *wording ini is exactly the same, Model Law* dengan timbang tara ini, jadi saya minta penjelasan.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, kalau kita boleh lihat 6 (a), selepas 6 (a) kita ada perkataan 'dan' kalau kita tidak menggunakan (b) kita boleh gunakan satu barangan sahaja. Oleh sebab kita ada 'dan', kita pecah *into two*, kita buat (a) dan (b) ini untuk kita perenggan itu atau *sentence* ini besar sangat, kita pecah dua untuk penjelasan iaitu untuk kita baca dan tengok pun senang dan juga dua perkara itu berasing. Dia gunakan perkataan 'and' dalam Bahasa Inggeris, dan 'dan' dalam Bahasa Malaysia. Itu untuk menunjukkan dua cara yang lain, itu sahaja tidak ada masalah dengan *contents itu meaning is the same* hanya kita hendak....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Cantikkan ya!

Datuk M. Kayveas: ...*Just cari difference between the contents* sahajalah tetapi dalam *contents* dan *context* itu maksud itu saya ingat kita semua setuju terima kasih. Berkaitan dengan kes-kes yang bukan ke mahkamah dan di bawa ke mahkamah yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Santubong itu, yang saya tekankan di sini ialah yang saya tahu kebanyakan kes-kes yang telah diselesaikan di peringkat *arbitrasi* ini tidak pergi ke mahkamah mereka ini bersetuju.

Mereka daripada bermulanya pergi ke *arbitration center* itu kerana mereka tidak pergi ke mahkamah dan *arbitrator* itu, di pilih oleh dua-dua pihak dan bersetuju oleh dua-dua pihak oleh sebab itu kebanyakan kes yang diselesaikan oleh melalui cara arbitrase ini telah diselesaikan dan ada kes-kes yang pergi bawa ke mahkamah tetapi *percentage* itu kurang sangat. Tetapi saya tidak ada *detail* beberapa kes tetapi mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat minat saya boleh dapat data-data itu dan *detail* itu ke berapa kes yang boleh dihantar kerana *arbitration center* itu selain daripada mahkamah, kita boleh cuba dapat beberapa kes.

Untuk urusan komersial kebanyakan ahli-ahli korporat, dia lebih suka pergi ke *arbitration* daripada mahkamah. Mereka daripada korporat sektor itu mereka ini tidak suka pergi ke

mahkamah dia *leave* perkara ini dengan *arbitration center* kerana mereka setuju dan kerana mereka akan teruskan dengan dia punya *business* di mana mungkin semula dalam masa hadapan dia lagi sekali pergi ke *arbitration center* itu. Dia cari orang tengah, *middle man* dengan izin untuk membuat satu keputusan di mana mereka boleh terima.

Cadangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya sebenarnya dari segi pandangan saya, saya terimalah pandangan dari Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana kita dapati satu contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu perkataan *interlocutory* kita ada *interlocutory*. Dalam Bahasa Melayu juga kita menggunakan *interlocutory*. Berkaitan dengan bahasa kita perlu tidak boleh jadi banyak sensitif dengan bahasa kerana dari segi undang-undang kita boleh dapati banyak buku-buku *decisions* dan *journals* yang ditulis adalah dalam Bahasa Inggeris. Apabila kita belajar undang-undang kita dapati buku-buku yang telah ditulis dalam *14th, 13th century* buku-buku ini semuanya dalam Bahasa Inggeris.

Kalau kita nak buat terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka pun tidak boleh buat, ini mungkin 200, 300 tahun pun kita tak boleh buat terjemahan, tetapi perkataan-perkataan yang telah digunakan yang dia ada maksudnya sendiri umpamanya *interlokutori* yang diberikan oleh Tangga Batu itu kita boleh ambil dan digunakan dalam bahasa kita, satu hari nanti perkataan ini juga jadi satu perkataan dalam bahasa kita itu sendiri, kerana perkataan “*interlokutori*” ini tidak wujud dalam bahasa lain.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, itu sebablah saya sebut jika *interlokutori* kita boleh gunakan kenapa *arbitrasi* tak boleh digunakan? Bila sebut *timbang tara* itu *Jerai* ada sama saya tadi saya ingatkan *timbang sukat* saya kata saya nak *involve*, bukan *timbang sukat*, *timbang tara* perkara yang saya pun tak terfikir *timbang tara* ini sebenarnya terlibat terus dengan perundangan negara kita. Jadi mungkin kita boleh gunakan *arbitrasi* atau *mediasi* untuk menggantikan *timbang tara*, disebabkan oleh perkataan yang lebih teruk kita gunakan, yang lebih susah untuk digunakan kita gunakan “*interlocutory*”, *now I can mention it, I can pronounce it better*. Ok terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat saya terimalah, sebab *timbang tara* ini, perkataan ini adalah satu istilah yang telah diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya juga menerima dan saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Tangga Batu bahawa perkataan “*timbang tara*” ini tak sesuai, saya ingat *arbitrasi* lebih sesuai kerana akta ini untuk domestik dan juga *international* (antarabangsa), jadi saya juga mungkin ambil cadangan ini dan beri kepada semulalah, kita tulis kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggunakan perkataan “*arbitrasi*”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Datuk, minta maaf Datuk kita baru habis berbincang Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 tadi. Dalam undang-undang warisan kita membincang soalan-soalan warisan kita termasuklah perkataan

"Bahasa Malaysia" dan sebagainya dan bahasa-bahasa yang kita guna pakai. Jadi daripada segi prinsipnya kalau Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia telah wujud, kita tak boleh menggunakan bahasa lain melainkan Bahasa Melayu tidak wujud baru kita gunakan bahasa persekitaran seperti daripada Sarawak, Sabah, Kelantan, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya. Kalau itu pun tidak ada baru kita mungkin cari dalam Asia ini, kalau tidak ada baru kita mungkin akhirnya mengguna bahasa Inggeris.

Jadi ini kena kita dengan *commit* dalam soalan bahasa kerana timbang tara ini dah diguna pakai sebagai satu penterjemahan iaitu arbitrase, saya setuju arbitrase ini cantik namanya, tetapi kita kena berjaga-jaga untuk mengguna pakai bahasa yang telah wujud diguna pakai sebagai bahasa yang tertentu dalam istilah kita, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, timbang tara ini bukan satu perkataan yang wujud dalam bahasa kita, dia diberi terjemahan *direct* kepada *arbitration*. *Arbitration*, kalau timbang tara digunakan untuk *arbitration*, kalau *mediation* pun kita boleh gunakan timbang tara. Kita ada lagi satu peringkat sekarang, kita ada peringkat *mediation*, tetapi *mediation* itu Dewan Bahasa dan Pustaka meluluskan perkataan "mediasi". Kalau katakanlah kita tak terima perkataan "mediasi", untuk *mediation* kita guna timbang tara, untuk *arbitration* kita guna timbang tara, ini ada kekeliruan. Untuk memberikan satu gambaran yang *international* dan untuk mengguna pakai perkataan-perkataan yang boleh digunakan dalam bahasa kita, saya fikir cadangan itu baiklah. Arbitrase untuk *arbitration*, mediasi untuk *mediation* dan tidak ada apa-apa masalah dengan warisan kita ataupun bahasa kita kerana kita dapati - tadi saya pun dengar Yang Berhormat Menteri beri penjelasan *language* itu *language of knowledge*, ada banyak *language* di seluruh dunia, tetapi ada sebahagian *language* itu bukan *language of knowledge*.

So, kita perlu guna pakai perkataan-perkataan yang ada digunakan dalam bahasa-bahasa lain, dan bolehlah dua tiga perkataan kita boleh gunakan ini tidak menjejaskan kedudukan kita, bahasa kita ataupun budaya kitalah. Ini hanya meningkatkan lebih tinggi kita punya kedudukan apabila kita boleh ambil kira dan menggunakan perkataan lain dalam bahasa kita, dan kita faham-memahami erti itu, itu yang mustahak, erti kepada apa yang disebut itu lebih mustahak daripada apa yang dengar nak cantik, tak cantiklah so,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan jawapan Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Dan kepada Yang Berhormat Bera, saya ingat saya telah jawablah lebih kurang soalan yang dibangkitkan. Yang Berhormat minta jika mereka tidak berpuas hati merujuk kepada Mahkamah Tinggi - itu saya tidak ada *detail*ah tetapi kalau saya dapat *detail* itu saya akan secara bertulis bagi kepada Yang Berhormat Bera. Dengan itu, itu sahajalah saya tidak ada apa-apa lagi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Menteri Kewangan, Setiausaha Parlimen sila.

7.28 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2005 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1989, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisiran Labuan 1990. Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah pencukaian yang diumumkan dalam Bajet 2006, di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang telah dibuat yang mana memerlukan pindaan pada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 65 fasal dan dibahagikan kepada enam bab seperti berikut. Bab 1, permulaan dalam bab permulaan terdapat 2 fasal seperti berikut.

Fasal 1, menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2005 dan Fasa 2, menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [Akta 169], Akta Setem

1949 [Akta 378], Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543] dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1960 [Akta 445].

Bab II pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta 53. Bab II terdiri daripada 36 fasal iaitu fasal 3 hingga 38 yang bertujuan untuk meminda Akta 53 seperti berikut:

Fasal 3 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas Akta 53.

Kesemua pindaan kepada akta ini diperkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali seksyen-seksyen berikut iaitu Seksyen 23 dan 30 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006 dan seksyen 25 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005.

Fasal 4 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 19(5) bagi memotong Jadual 4A untuk mengeluarkan potongan perbelanjaan yang layak ke atas projek pertanian yang diluluskan daripada peruntukan seksyen 19 berhubung penetapan pendapatan kena cukai.

Fasal 5 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 25 dan memperkenalkan subseksyen 1A yang baru bagi menyediakan peruntukan mengenai pengenaan cukai ke atas manfaat daripada Skim Opsyen Saham Pekerja ataupun ESOS yang diterima oleh pekerja daripada majikannya. Tunggakan tersebut menetapkan manfaat ESOS yang diterima oleh seseorang pekerja ditafsir dalam tahun ESOS itu dilaksanakan.

Fasal 6 adalah bertujuan meminda seksyen 32 bagi menerangkan cara pengiraan manfaat ESOS.

Fasal 7 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi memotong Jadual 4A untuk mengeluarkan potongan perbelanjaan modal yang layak ke atas projek pertanian yang diluluskan daripada peruntukan seksyen 39 berhubung penetapan pendapatan kena cukai.

Fasal 8 adalah bertujuan meminda seksyen 43 untuk menyediakan peruntukan bahawa kerugian hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan oleh sesebuah syarikat dalam satu tahun taksiran tertakluk kepada pematuhan ujian pemegang saham.

Fasal 9 adalah bertujuan meminda seksyen 44 bagi membenarkan 50% kerugian tahun semasa sesebuah syarikat diserahkan untuk dituntut sebagai potongan oleh syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama dalam menentukan cukai pendapatan. Fasal 9 juga memperuntukkan bahawa apa-apa kerugian yang dibawa ke hadapan hanya dapat dibenarkan dalam sesuatu tahun taksiran berikutnya jika sebahagian besar pemegang saham dalam tahun taksiran kerugian tersebut berlaku adalah sama dengan pemegang saham dalam tahun taksiran kerugian hendak ditolak. Sebahagian besar pemegang saham merujuk kepada lebih 50% saham biasa berbayar penuh dan nilai nominal saham yang diperuntukkan dalam sesuatu syarikat.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan khas, Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan syarat ini kepada syarikat.

Fasal 10 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan khas seksyen 24 supaya kerugian bagi tahun taksiran 2005 dan sebelum yang dibawa ke hadapan disifatkan sebagai kerugian bagi tahun taksiran 2005.

Fasal 11 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan yang baru seksyen 44A berhubung pelaksanaan *group relief*. Sebelum ini *group relief* hanya dibenarkan bagi syarikat yang menjalankan projek pengeluaran makanan yang diluluskan di bawah Jadual 4C, Akta Cukai Pendapatan. Pemberian *group relief* kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama diperluaskan bagi semua sektor ataupun industri yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia bertujuan untuk mempergiatkan lagi pelaburan swasta.

Dalam peruntukan baru ini, syarikat berkaitan yang mengalami kerugian dalam tahun asas yang tidak boleh diserap oleh punca pendapatan yang lain dalam syarikat tersebut disebut sebagai syarikat menyerah ataupun *surrendering company* boleh menyerahkan 50% kerugian tahun asas bagi satu tahun taksiran itu kepada syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama, disebut sebagai syarikat menuntut atau *claimant company* untuk menentukan cukai pendapatan syarikat yang menuntut.

Syarat-syarat syarikat untuk melayak kepada potongan *group relief* adalah syarikat ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia dan mempunyai modal berbayar syer biasa melebihi RM2.5 juta. Perhubungan antara syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut adalah mengambil kira pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70%.

Kedua-dua syarikat menyerah dan syarikat menuntut mempunyai tempoh asas kepada sebulan yang berakhir pada tarikh yang sama bagi sesuatu tahun taksiran. Syarikat yang sedang menikmati insentif berikut tidak layak menikmati *group relief* iaitu taraf perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1956, elaun pelaburan cukai ataupun elaun pelaburan Akta Penggalakan Pelaburan 1956, elaun pelaburan di bawah Jadual 7A, Akta Cukai Pelaburan menerima pendapatan perkapalan yang dikecualikan di bawah seksyen 54A, Akta Cukai Pendapatan. Pengecualian pendapatan di bawah mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan ataupun yang menuntut potongan di bawah *Income Tax (Deduction For Cost Acquisition of Proprietary Rights) Rules 2002* atau menuntut potongan di bawah *Income Tax (Deduction For Cost Acquisition of a Foreign Owned Company) Rules 2003*.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 adalah bertujuan meminda seksyen 45A bagi membenarkan potongan untuk suami kepada isteri dalam keadaan suami tidak mempunyai punca pendapatan atau tidak bekerja.

Fasal 13 adalah bertujuan meminda seksyen 46 bagi memperluaskan bidang pengajian yang layak menuntut potongan atas yuran pengajian sehingga maksimum RM5,000 untuk merangkumi pengajian dalam bidang perakaunan dan undang-undang.

Fasal 14 adalah bertujuan meminda seksyen 48 bagi memudahkan tuntutan potongan anak di bawah sistem taksiran sendiri di mana potongan sebanyak RM4,000 iaitu empat kali

ganda daripada potongan biasa diberi secara automatik untuk setiap orang anak berusia melebihi 18 tahun yang menerima pendidikan tinggi di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negeri yang diiktiraf oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, potongan ini tidak terpakai untuk anak yang mengikuti pelajaran matrikulasi, tingkatan enam atau pra-universiti. Bagi anak yang belajar di IPT di luar negara, dicadangkan potongan empat kali diberi bagi anak yang belajar di peringkat ijazah dan ke atas dalam kursus dan di IPT yang diiktiraf. Bagi anak kurang upaya yang belajar di IPT yang diiktiraf, potongan tambahan sebanyak RM4,000 disediakan supaya meningkatkan potongan kepada pelajar kurang upaya kepada RM9,000.

Fasal 15 adalah bertujuan meminta seksyen 60 supaya amaun sebenar defisit *actuary* yang dipindahkan daripada dana pemegang saham kepada dana hayat dibenarkan sepenuhnya sebagai tolakan dalam menentukan pendapatan larasan dana pemegang saham.

Fasal 16 adalah bertujuan meminda seksyen 60F bagi meletakkan layanan cukai ke atas syarikat pegangan pelaburan ataupun *investment holding companies* supaya lebih telus. Pendapatan syarikat pegangan pelaburan akan dianggap sebagai pendapatan bukan perniagaan. Pindaan juga memberi definisi baru kepada syarikat pegangan pelaburan supaya merangkumi syarikat yang mana kebanyakan aktivitinya adalah pemegang pelaburan dan menerima 80% pendapatan daripada pemegang pelaburan.

Fasal 17 adalah bertujuan memperkenalkan seksyen baru 60F(a) bagi menetapkan layanan cukai khusus untuk syarikat pegangan pelaburan yang merupakan syarikat senaraian awam di bursa Malaysia. Peruntukan mencadangkan pendapatan dividen, faedah, sewa dan pendapatan lain yang diterima oleh syarikat pegangan pelaburan sebagai pendapatan daripada punca-punca perniagaan. Walau bagaimanapun, layanan cukai yang khusus diperuntukkan dalam menentukan pendapatan statutory seperti berikut:

- (a) dalam menentukan pendapatan larasan daripada punca perniagaan itu:
 - (i) tiada potongan perbelanjaan dibenarkan jika tiada pendapatan diterima daripada punca perniagaan itu;
 - (ii) jumlah potongan perbelanjaan yang dibenarkan, tolakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 terhad kepada amaun pendapatan kasar punca tersebut dan apa-apa amaun lebihan perbelanjaan berkaitan adalah diabaikan; dan
 - (iii) jumlah potongan bagi perbelanjaan bersama ataupun *common expenses* ditentukan berasaskan formula pendapatan kasar dan dibenarkan tolakan daripada amaun pendapatan kasar daripada punca perniagaan tersebut. Apa-apa amaun berlebihan perbelanjaan bersama ini adalah diabaikan.

- (b) Dalam menentukan pendapatan *statutory* daripada punca perniagaan itu, elaun modal di bawah Jadual 3 yang boleh dibenarkan adalah terhad kepada pendapatan larasan daripada punca tersebut sahaja. Apa-apa lebihan elaun modal yang tidak dapat diserap, tidak boleh dihantar ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 adalah bertujuan menyediakan peruntukan khas berhubung dengan Seksyen baru 60FA. Seksyen ini membenarkan apa-apa kerugian larasan atau elaun di bawah Jadual 3 yang dibawa ke hadapan dari tahun taksiran 2005, iaitu sebelum terpakainya Seksyen 60FA dibuat menurut Seksyen 43 dan 44.

Fasal 19 adalah bertujuan meminda Seksyen 75A bagi memelihara kepentingan pihak pekerja yang membuat potongan cukai di bawah Skim Potongan Cukai Berjadual ataupun PCB. Peruntukan menetapkan bahawa pengarah syarikat bertanggungjawab atas kegagalan syarikat *meremit* potongan cukai pendapatan pekerja di bawah PCB dan tindakan memperoleh bayaran daripada pengarah berkenaan boleh diambil.

Fasal 20 adalah bertujuan meminda Seksyen 91 bagi memberi kuasa yang jelas kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk membuat taksiran dalam tempoh enam tahun selepas keputusan mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan mahkamah atau selepas pembatalan atau penarikan balik pengecualian, *remittance* atau elaun bagi yang telah diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Fasal 21 adalah bertujuan meminda Seksyen 95 kerana ianya tidak lagi relevan di bawah sistem tafsiran sendiri yang mengehendaki cukai dibayar walaupun amaunnya kurang RM25.

Fasal 22 adalah bertujuan meminda Seksyen 107C bagi memperuntukkan bahawa anggaran cukai pendapatan suatu syarikat bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% anggaran cukai kena bayar tahun tafsiran sebelumnya.

Fasal 23 adalah bertujuan meminda Seksyen 111B bagi membolehkan bayaran balik di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dibuat daripada tabung bayaran balik di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 24 adalah bertujuan meminda Seksyen 125 bagi memperuntukkan bahawa penalti yang dikenakan berikutan kesalahan di bawah subseksyen 44A(9) dianggap sebagai cukai kena bayar hanya bagi maksud pungutan cukai.

Fasal 25 adalah bertujuan meminda Seksyen 127 bagi memperkenalkan subseksyen baru 3A untuk membolehkan Menteri mengecualikan seseorang daripada pengenaan cukai pendapatan tanpa mewartakan pengecualian tersebut.

Fasal 26 adalah bertujuan meminda Seksyen 134 bagi meminda nama gelaran pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menggambarkan struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 27, 28 dan 29 adalah bertujuan meminda Seksyen 136 yang berbangkit daripada pindaan daripada subseksyen 134(2) dan nama gelaran Pengarah LHDN Sabah dan Sarawak tidak lagi diguna pakai dalam struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 30 adalah bertujuan meminda Seksyen 153 bagi memperuntukkan bahawa akauntan profesional yang diluluskan sebagai juru audit syarikat tidak lagi secara automatik menjadi agen cukai, dengan ini akauntan profesional perlu memohon untuk menjadi agen cukai di bawah Seksyen 153.

Fasal 31 adalah bertujuan menyediakan peruntukan khas supaya akauntan profesional yang telah diiktiraf sebagai juru audit syarikat sebelum pindaan akan dikekalkan sebagai agen cukai di bawah Seksyen 153.

Fasal 32 adalah bertujuan meminda Jadual 3 dengan memperkenalkan perenggan baru 19A bagi menyediakan peruntukan bahawa aset bernilai kecil, iaitu yang bernilai tidak melebihi RM1,000 setiap satu dibenarkan tolakan sehingga 100% dalam tahun perbelanjaan dilaksanakan tertakluk kepada jumlah tuntutan maksimum RM10 ribu setahun.

Fasal 33 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan khas perenggan 75A sebagai elaun Jadual 3 bagi tujuan taksiran sebelum tahun taksiran 2006, yang dibawa ke hadapan disifatkan sebagai elaun modal bagi tahun taksiran 2005. Sehubungan itu elaun Jadual 3 ini akan diabaikan melainkan lebih 50% pemegang syer syarikat dalam tahun kerugian adalah sama dengan tahun penyerapan.

Fasal 34 dan 35 adalah bertujuan memotong Jadual 4A dan 4C, masing-masing berbangkit daripada pengenalan *group relief*. Ini kerana *group relief* terpakai untuk semua sektor dan industri sekiranya memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Fasal 36 adalah bertujuan meminda Jadual 6 bagi meningkatkan amaun pendapatan royalti daripada penerbitan hasil seni tidak termasuk lukisan asli dan juga dalam bidang rakaman yang dikecualikan cukai daripada RM6,000 kepada RM10,000. Pindaan juga dibuat bagi memperluaskan skop pengecualian cukai pendapatan bagi individu unit amanah dan *listed close end fund* ke atas pendapatan faedah supaya diperluaskan kepada pendapatan dalam bentuk diskaun yang diterima.

Fasal 37 adalah bertujuan meminda Jadual 7A bagi mengemaskinikan peruntukan sedia ada supaya lebih telus bersesuaian dengan konsep sistem tafsiran sendiri. Dengan pindaan ini tempoh asas bagi dua tahun taksiran bertindih adalah merupakan tempoh asas tahun taksiran pertama.

Fasal 38 adalah bertujuan memperkenalkan peruntukan baru sebagai peruntukan peralihan. Ini bertujuan supaya syarikat atau mana-mana orang yang telah diluluskan insentif di bawah Jadual 4C terus kekal mendapat manfaat tersebut dalam tahun-tahun taksiran selepas 2005 sehingga insentif berkenaan dinikmati sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bab ketiga pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ataupun CKHT. Bab ketiga terdiri daripada 11 fasal iaitu Fasal 39 hingga 49, yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

Fasal 39 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas harta ini seperti berikut.

Fasal 40, 48 dan 49 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2005. Fasal 42 dan 43 mulai berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 dan dalam teks Bahasa Kebangsaan, Fasal 47 disebabkan telah berkuat kuasa pada 11 September 2004.

Fasal 40 bertujuan meminda Seksyen 9 dengan memotong perkataan "*person or*" dalam subseksyen 3 dengan memasukkan subseksyen baru 3A untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi mengecualikan mana-mana orang daripada pengenaan cukai keuntungan harta tanah tanpa melalui pewartaan.

Fasal 41 bertujuan meminda Seksyen 15 dengan memasukkan subseksyen baru 3 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri membuat taksiran dalam tempoh 6 tahun selepas keputusan mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan mahkamah atau selepas pembatalan atau penarikan balik pengecualian *remittance* atau elaun bagi yang telah diberi di bawah Akta CKHT.

Fasal 42 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 24(6) Akta CKHT yang berbangkit daripada pengenalan Seksyen baru 24A. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pembayaran balik CKHT dibuat daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 43 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru Seksyen 24A Akta CKHT yang mengehendaki sejumlah amaun CKHT hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan bayaran balik cukai keuntungan harta tanah.

Fasal 44, 45 dan 46 adalah pindaan kepada Seksyen 45 dan 55, 56 supaya selaras dengan perubahan terkini mengenai nama gelaran yang diperkenalkan dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia termasuklah tatanama Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Sabah dan Sarawak yang tidak lagi diguna pakai dalam struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 47 adalah pindaan kepada Jadual 2 dalam teks Bahasa Kebangsaan dengan menggantikan subseksyen 3(g) dengan sub perenggan 3(g) yang baru supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris berhubung pelupusan aset bagi suatu skim mengikut prinsip syariah.

Fasal 48 adalah untuk memotong perenggan 3, Jadual 3 bagi membolehkan setiap individu pemastautin tetap dan warganegara Malaysia layak memilih untuk menikmati pengecualian ke atas pelupusan satu rumah kediaman persendirian miliknya sekali sepanjang hayat.

Fasal 49 bagi mewujudkan peruntukan khas berkaitan perenggan 3, Jadual 3 yang bertujuan memberikan pemilihan pengecualian sekali lagi kepada suami yang telah membuat pilihan untuk pengecualian cukai atas rumah kediaman isteri sebelum pindaan kepada

perenggan 3, Jadual 9. Dengan ini suami dapat membuat pilihan untuk pengecualian bagi pelupusan rumah kediaman miliknya.

Bab IV pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab IV hanya mempunyai 7 Fasal iaitu Fasal-fasal 50 hingga 56 yang bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut;

Fasal 50 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini. Pindaan dari Fasal 51, 52, 53, 55 dan 56 akan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2005, manakala Fasal 54 akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2006. Fasal 51 adalah pindaan kepada subseksyen 21(2) dengan memotong ungkapan "*or three ringgit as the case may require*" bagi tujuan menyelaraskan semua duti setem kepada kadar tetap iaitu RM10.

Fasal 52 adalah pindaan kepada perenggan 43(5)(b) yang bertujuan untuk menyeragamkan penalti yang dikenakan ke atas mana-mana cek atau nota janji hutang yang dikenakan atau dibuat di luar Malaysia dengan penalti ke atas surat cara tidak berselem.

Fasal 53 adalah pindaan kepada seksyen 80 iaitu pengenalan seksyen 80(1)(a) yang baru yang memberi kuasa kepada menteri bagi memberi pengecualian dan peremitan duti setem tanpa melalui pewartaan. Berikutan dengan ini perkataan "*instrument or*" dalam subseksyen 1 dan perkataan "*any instrument or*" dalam subseksyen (2) perlu dipotong.

Fasal 54 adalah memasukkan subseksyen baru 80A bagi membolehkan pembayaran balik duti setem daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Pendapatan 1967 supaya mempercepatkan serta memudahkan proses pembayaran balik duti setem.

Fasal 55 bertujuan untuk memasukkan subbutiran baru 22(6) ke dalam Jadual Pertama Akta Setem yang menetapkan suatu surat cara bagi pembelian barang-barang di bawah prinsip Syariah *Al Bai Bithaman Ajil* tertakluk kepada

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat lama lagikah? Banyak lagi?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Satu muka lagi Tuan Yang di-Pertua, dua muka lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Adalah tertakluk kepada duti tetap sebanyak RM10.

Fasal VI adalah pindaan kepada perenggan 8 Jadual Kelima yang berbangkit daripada pertukaran nama Kuala Lumpur *Stock Exchange* kepada Bursa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab V yang mempunyai 8 Fasal iaitu Fasal 57 hingga 64, ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut:

Fasal 57 adalah bagi menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat kepada akta di mana pindaan di Fasal 60 dan 64 akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

Manakala, Fasal 58 dan 59 mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 dan Fasal 61, 62, 63 mulai berkuat kuasa pada tarikh pewartaannya.

Fasal 58, 61, 62, 63 adalah pindaan kepada subseksyen (2), 69, 77 dan 78 akta supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran di bawah struktur organisasi baru LHDN.

Fasal 59 adalah untuk memasukkan subseksyen baru 39(4) yang bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri membuat taksiran dalam tempoh 6 tahun selepas keputusan mahkamah diterima bagi yang melibatkan keputusan mahkamah atau selepas pembatalan atas penarikan balik pengecualian *remittent* atau elaun bagi yang telah diberi di bawah akta.

Fasal 60 bertujuan memasukkan seksyen baru 50A yang mengehendaki sejumlah amaun cukai pendapatan petroleum dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 64 bertujuan untuk meminda seksyen 81 akta yang berbangkit daripada kemukakan seksyen baru 50A. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan pembayaran balik cukai pendapatan petroleum dibuat daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, bab yang VI pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Bab VI yang hanya mempunyai satu Fasal iaitu Fasal 65 bertujuan untuk meminda Fasal 18 Akta supaya selaras dengan perubahan terkini nama gelaran di bawah struktur organisasi baru LHDN. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Douglas Uggah Embas [Timbalan Menteri Pengangkutan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Peraturan, Peraturan 48. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Rang Undang-undang ini agak adalah kompleks dan rumit dan juga satu rang undang-undang yang penting, bolehkah ia diberi lebih masa sehingga besok pagi untuk Ahli Yang Berhormat menelitinya dan dibahas.

Ini boleh dijalankan dengan satu usul oleh seorang menteri mengikut Peraturan 12. Sekiranya tidak maka saya nampak pada masa sekarang ialah selalu lewat dan sangat kurang orang boleh mengambil kesempatan ini untuk membahasnya. Saya pasti rang undang-undang ini boleh diluluskan dengan senang pada masa sekarang tetapi adakah ini keinginan Tuan Yang di-Pertua? Saya meminta supaya Tuan Yang di-Pertua boleh mempertimbangkan rayuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang dicadangkan tadi mengenai seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi, oleh kerana proses perundangan ini sudah pun berjalan dengan dibaca tajuknya dan juga dengan huraian diberi oleh Yang Berhormat bagi pihak Menteri Kewangan telah pun berjalan dan oleh kerana masa yang diberi boleh diberi seluas-luasnya walaupun hingga hari besok. Oleh itu, permulaan yang dibuat pada malam ini akan diteruskan. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

7.58 mlm.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan bagi 2005, berkenaan cukai pendapatan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat merungut, peniaga-peniaga merungut tentang bayaran cukai pendapatan, cukai perniagaan. Apabila kita terlebih bayar Tuan Yang di-Pertua, memanglah jawapan yang akan diberi dalam masa dua minggu kita dapat balik bayaran daripada pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tetapi realitinya tidak berlaku, kadang-kadang ia memakan masa yang cukup panjang untuk memberi bayaran balik cukai pendapatan yang terlebih oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya berharap ataupun kita boleh mencadangkan supaya bayaran untuk tahun berikutnya kerana sekarang ini pihak lembaga hasil ia beri kita macam, *some sort of* bayaran bulanan, potongan bulanan dan sebagainya begitu juga kepada syarikat-syarikat meniaga.

Apa kira kalau boleh lebihan yang terbayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri itu diambil kira untuk kita perelaskan potongan tahun berikutnya.

Jadi yang menjadi masalah apabila kita lambat bayar kepada Lembaga, Lembaga penalti kita. Tetapi apabila Lembaga lambat membayar balik kepada kita, kita tidak dibayar penalti atau kita tidak dibayar faedah dari segi wang yang disimpan itu. Jadi bagi saya dari segi *win-win*lah, makna Lembaga hendak duit kita, kita bagi tetapi bila sudah ambil lebih itu, sudah bayar lambat, duit itu dia *roll* diguna untuk perbelanjaan luar bandar dan sebagainya, saya faham. Tetapi kita pun hendak juga balik duit kita. Begitu jugalah kadang-kadang macam saya cakap tadi macam saya bank dia caj itu, dia caj ini duit kita, kita *park* duit kita dalam bank itu, dia guna, dia pusing duit kita rata ceruk, dia untung lebih, dia caj kita lagi.

Jadi dalam hidup ini, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak *win-win* sekarang ini, orang kata menang-menang dari segi apa sekalipun pelaburan, pembayaran dan sebagainya. Sebab itu rakyat sekarang ini dia cerdik, rakyat la ini kalau keluar duit, dia hendak tahu apa kerajaan buat dengan duit dia *it's a public fund*, jadi dia mempersoalkan. Sebab itu kita lihat hari ini dalam akhbar dan juga jeritan-jeritan daripada wakil rakyat tentang apa yang dilakukan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan kewangan kerana rakyat yang menyuarakan bahawa kadang-kadang mereka tidak puas hati. Kalau sesuatu.....

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
[Masuk ke dalam Dewan]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sila, terkejut. Takut, bila tiba Menteri masuk selalunya dia kira hendak sambung, hendak sambung pusingan Dewan itu yang saya susah hati. [Ketawa]

Jadi saya berharap kepada pihak Lembaga, saya faham, saya ucap tahniah kepada Ketua Pengarah, tahniah kepada pekerja-pekerja Lembaga yang bekerja lebih masa untuk mencari kutipan kewangan untuk membangunkan negara kita ini. Tetapi saya juga memerlukan kerjasama daripada pihak Lembaga supaya prihatin kepada rintihan-rintihan ini. Saya dengar berkali-kali sudah bila Menteri jawab ataupun Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen dalam masa dua minggu kita akan *settle*. Tetapi sebenarnya kadang-kadang dua bulan, kadang-kadang berlarutan lebih daripada itu dan kadang-kadang bertahunlah nampaknya. Jadi inilah harus kita ambil kira kerana rakyat akan menguji kecekapan kita dari segi itu.

Maknanya kalau lembaga itu cekap dia cepat bayar kalau duit yang terlebih dan kalau boleh cadangan saya tadi duit yang terlebih itu kita masukkan sebagai *advanced payment* kepada tahun berikutnya. Ini harapan sayalah dan saya berharap pihak-pihak Jabatan Hasil, pegawai-pegawai ini pun kita kena bagi ganjaran sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang saya dengar baru ini terbaca *union* hendak *hot* sedikit sebanyak dan sebagainya kerana pertukaran dan sebagainya, mungkin juga ini adalah satu pengorbanan pegawai-pegawai terhadap negara untuk cari duit. Tetapi sekarang ini bila jadi lembaga mungkin mereka boleh ubah sedikit sebanyak patut badan naik pi lah pendapatan depa tetapi dengan kutipan kepada rakyat ini janganlah tekan sangat. Kadang-kadang ekonomi merosot.

Sekarang ini kadang-kadang kita tengok laporan daripada Bank Negara, Tuan Yang di-Pertua, dari sudut pembinaan, *construction* menjunam. Jadi adalah kontraktor-kontraktor kita yang dahulu ada duit, la ni susah sedikit. Jadi yang ini pihak Lembaga kena memahami. Bagi peluang untuk peniaga-peniaga ini memperjelaskan masalah-masalah mereka dari segi kutipan balik. Mungkin ada pasang dan ada surut. Jadi waktu ini surut, bika surut ini Lembaga Hasil pun janganlah dok pi tekan hamba Allah itu.

Tuan Yang di-Pertua, manusia ni bila mai masalah duit, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh jadi macam-macam, haru biru. Rumah tangga kelam kabut, senyum dekat orang tidak mahu sudah, bergaduh dengan kawan, macam-macam lah bila duit tidak ada. Duit tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, bini pun lari kadang-kadang, dia lari, Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi tekanan ini. Jadi saya minta pihak Lembaga ambil kiralah sedikit yang ini dan cubalah kalau boleh tidak payah pi di rumah, Tuan Yang di-Pertua, kecuali hak yang teruk punya rekod, tengok rekod dia ni dok tuang selalu dok tipu selalu itu tidak apa pi di rumah. Ini kadang-kadang pi di rumah, Tuan Yang di-Pertua, malu Tuan Yang di-Pertua. Kita ini hidup berjiran.

Macam dahulu tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua,. Dahulu macam ceti, ceti mai di rumah bawa payung, orang Melayu sudah cukup malu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau Jabatan Hasil mai di rumah, malulah kita. Maknanya hang tidak bayar kerajaan. Bukan tidak bayar, kadang-kadang tidak ada sen. Jadi yang ini budi bicaralah, telefon ke, macam mana ke. Jadi jangan kita.... Memanglah niat itu bagus kita hendak pi rumah tetapi kalau pi pun seorang cukuplah ni turun mai satu van pula Lembaga Hasil Dalam Negeri, anak orang itu terkejut, ni pak awat ni, pak wat apa ni mai sampai satu van depan pintu pagar rumah ini. Ini kena ambil kira fasal kita bayar cukai, bukan kita tuang pada cukai. Ini hak yang lari pi balas cukai pi ambil pendapatan lari pi luar negara ini hak yang kena tahan, ikan-ikan besar.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kerana la ni kerajaan hendak fokus kepada asas pertanian. Asas pertanian *involvement* dia risiko dia tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Dan kita memerlukan banyak hasil pertanian kerana hendak mengurangkan pengimportan supaya duit kita tidak mengalir. Jadi saya hendak mencadangkan supaya kerajaan pertimbangkanlah syarikat-syarikat, individu-individu yang melaburkan diri dalam bidang pertanian makanan ini harus cukai itu mungkin dikurangkan ataupun dikecualikan. Kerana bukan mudah, Tuan Yang di-Pertua, kita meniaga jenis-jenis pertanian ini, risiko dia cukup tinggi, jadi kadang-kadang mengalami kerugian. Jadi saya berharap bahawa pihak kerajaan tolong timbangkan ini. Janganlah kita kenakan cukai kepada mereka.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cukai pendidikan yang tadi Timbalan Menteri kata dia spesifik kepada kos-kos yang tertentu. Saya ingat dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua, kita bagi semualah apa harta kerajaan biar pi lah. Apatah lagi bila kita hendak hantar anak pi luar negara ini. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat ini pun bukan boleh dapat *loan* kerajaan hendak hantar anak. Hak orang kita boleh tolong. Yang ini betul. Kalau anak orang kampung, anak ahli kita dalam kampung minta tolong kita pi naik turun pejabat Menteri kemudian minta tolong bagi biasiswa. Tetapi bila mai tang anak wakil rakyat ini, sah kata jadi kata wakil rakyat orang cap wakil rakyat ini kaya. Pasal pakai kot, takkan pakai kot tanda kaya, hak putar belit pun pakai kot juga.

Jadi bila pakai kot tulis Yang Berhormat *automatically* orang kata kaya, padahal kawan tu guru sahaja, guru sekolah menengah ataupun pengetua sekolah pengetua dapat gaji RM3,000 lebih, bertanding jadi wakil rakyat jadi wakil rakyat dapat kalau ADUN RM4,000 lebih terus orang tegur dia Yang Berhormat, mula dia kata Yang Berhormat ini duit banyak kaya dan sebagainya. Padahal kawan itu lah dok bayar gosti rumah. Gosti ini *installment*lah, Tuan Yang di-Pertua. *Installment* rumah, *installment* kereta, hak inilah. Dahulu dia pakai RM3,000 itu keluarga dia, la ini dia belanja satu DUN dengan RM4,000 yang dia dapat. Itu yang kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak mengadu wakil-wakil rakyat ini pakai baju *bush jacket* itu dua *line* pasal seterika sendiri di rumah. Hendak hantar kedai dobi, modal tidak cukup. Kadang-kadang pakai

itu sampai butang terkeluar, maklumlah *style* lama perut pun naik, kenduri merata, perut macam guni padi tu. [Ketawa] Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itulah.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua:sebab itu butang tanggal?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu butang tanggal bukan kerana tidak ada duit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak Tuan Yang di-Pertua, macam Yang Berhormat bagi Arau, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam Yang Berhormat bagi Arau dia pakai kot pun dia tidak bubuh butang, kalau tidak tersepoi keluar mai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi terbukalah pasal kot lama. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Bukanlah sebab tidak ada duit?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan tidak ada duit.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal butanglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, hendak buat baru tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Perut naik hendak buat baru modal tidak cukup. Jadi dok pakai hak lamalah, jadi kancing dia itu ternganga macam itulah.

Saya hendak mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, dan mintalah sungguhpun elaun wakil rakyat ini di kecuali daripada cukai tetapi perbelanjaan wakil rakyat yang kadang-kadang kita bagi dekat orang miskin, kita bagi dekat orang hendak pergi haji, kita bagi dekat budak masuk universiti, kita bagi untuk buat kenduri kendara, kita bagi untuk budak-budak "masuk jawi", berkhatan, orang Kedah kata "masuk jawi". Hak ni ini amal jariah yang kita bawa keluar. Tidak bolehkah pihak *income tax* ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, Timbalan Menteri tolong kiralah hak itu di kecuali daripada cukai. Yalah sungguh kita ada elaun, elaun ini di kecuali tetapi kadang-kadang kita adalah meniaga sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, hendak *support* balik hak yang ini. *Consider* pendapatan kita, jadi kadang-kadang kita belanja, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul ini kerana Allah ini bercakap dalam Dewan Rakyat mulia ini kalau kita bawa balik seringgit kita dapat, kadang-kadang bawa balik di rumah itu dua kupang, Tuan Yang di-Pertua, hak lain itu sudah habis kepada rakyat, kadang-kadang hak di rumah itu ambil balik, hak yang kita hendak beli susu untuk anak tu kita ambil balik. Tengah teringat hendak beli susu, tau-

tau Pak Long ini sakit, atau pun mati atau pun perlu duit, ambillah, pada hal kita ini anak hendak makan susu, susu sudah tinggal sekerat tin sahaja jadi,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badaruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukit Mertajam lain, Bukan saya, Wakil Rakyat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Oh! *[Disorak]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita memperjuangkan rakyat dahulu daripada kita, cucu saya ada, cucu ada, tetapi cucu tidak apalah, dia punya emaklah jaga, dia punya susu bukan saya pula mahu jaga, bukan? Macam Bukit Mertajam, kalau ada cucu, Bukit Mertajam punya anaklah jaga, bukan kah?

Saya hendak minta yang ini pun diambil kiralah Tuan Yang di-Pertua satu pengorbanan yang bukanlah,..... insya-Allah kita dapat pahala, orang kata bagi sebelah kanan, sebelah kiri jangan tahu, tapi kalau tengah-tengah *income-tax* ambil tahu, kacaulah kita *[Ketawa]*. Kita mintalah *income-tax* ini, hak yang Wakil-wakil Rakyat ini kita anggap sebagai satu perbelanjaan yang harus diambil kira dan dikecualikan daripada bayaran cukai.

Hah, yang inilah saya ingat semua kalau Tuan Yang di-Pertua tanya Wakil Rakyat, pembangkang kah, kalau tanya Bukit Mertajam kah, tanya Bagan kah, tanya Kepong kah, tanya semualah termasuk menteri-menteri semua ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun tahulah, Tuan Yang di-Pertua pernah jadi Orang Besar negeri, tengah tidur pukul 3.00 pagi dia ketuk rumah Tuan Yang di-Pertua. Dia beritahu bapa dia meninggal dunia hendak beli mayat guna kereta, duit tidak ada, gagah bangkit, bagilah. Kadang-kadang Wakil Rakyat ini hendak beri tahu pegawai *income-tax* ini *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Kita sudah telan dua biji panadol depan orang, dia tidak balik rumah lagi, kita sudah telan dua biji, pening kepala, hendak beritahu kata pening kepala tidak tergamak, datang dari jauh, telan panadol pun dia tidak balik lagi.

Inilah saya harap, Tuan Yang di-Pertua perkara-perkara yang saya bangkitkan ini dapat perhatian dari pihak kementerian dan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Sekian, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kepong

2013 mIm

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang kewangan ini. Sebenarnya rang undang-undang ini adalah terpenting sekali, terpenting sekali kerana kita hendak mengutip cukai dan tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dengan panjang lebar, tetapi tidak cukup penerangan yang diberinya kerana itu cadangan daripada bajet begitu luas nampaknya dan itu rang undang-undang itu pun ada memasukkan cadangan-cadangan baget ke dalamnya dan kita

akan kutip mungkin daripada rang undang-undang ini RM50 bilion atau pun RM60 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bagan tadi patutlah diterima Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, sebab susah hendak kita bincangkan dengan butiran atau masalah yang begitu rumit. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Jerai dia betul, memang betul yang dikatakan bahawa sikap pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri kita itu, LHDN, sikap membayar balik yang dihutang kepada yang membayar cukai itu, mesti diubah sedikit, sebab kalau pembayar cukai hutang kepadanya, dikenakan *penalty* tetapi sebaliknya faedah pun tidak ada. Bukan sahaja tidak ada *penalty*. Hah, ini memang, sikap mesti tukar. Saya setujulah dengan Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Tetapi nampaknya Yang Berhormat bagi Arau tidak begitu prihatin, pada hal ini *[ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua dengan *group relief* yang membenarkan kerugian suatu syarikat tolak di tolak daripada pendapatan satu syarikat lain dalam kumpulan yang sama dan semasa ini hanya syarikat yang melabur dalam pengeluaran makanan yang diluluskan seperti ladang hutan, bio teknologi, *nanoteknologi*, *optic* dan fotonic diberi *group relief* bagi kerugian yang ditanggung oleh syarikat *Subsidiary* yang menjalankan projek berkenaan.

Walau bagaimana pun, dengan cadangan baru ini daripada rang undang-undang ini maksudnya hendak meningkatkan pelaburan swasta dalam projek-projek berisiko tinggi. Cadangan *group relief* diberi kepada semua syarikat di bawah akta tersedut dan malam ini kita membincangkan macam mana kita memberi *group relief* kepada orang yang bermastautin dan syarikat yang bermastautin yang diperbadankan di Malaysia.

Group relief ni di sinilah, macam mana ia dihadkan kepada 5% kerugian tahun semasa yang tidak diserap, ditolak daripada pendapatan syarikat lain dalam kumpulan yang sama termasuk syarikat baru dalam aktiviti pengeluaran makanan yang diluluskan ladang hutan bio teknologi, nanoteknologi optic dan fotonic tertakluk kepada syarat-syarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memahami, hendak mendapat tahu, apa yang dimaksudkan dengan 'syarat syarikat menuntut dan syarikat menyerah, masing-masing mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi 2.5 juta'. Adakah ini bermakna kalau ini dia dua juta atau 2.5 juta atau yang kurang daripada itu tidak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini. Kedua-dua syarikat menuntut dan syarikat menyerah hendaklah mempunyai tempoh perakaunan yang sama. Pegawai-pegawai ekuiti langsung atau tidak langsung, syarikat menyerah di dalam kumpulan hendaklah tidak kurang daripada 7%. Ini memang satu perkara yang rumit yang Menteri Parlimen pun tidak berminat, hanya berminat dengan kelakuan polis saja. Pegangan ekuiti 7% tersebut hendaklah secara berterusan pada tahun sebelumnya dan tahun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah, saya hendak Yang Berhormat menerangkan, apakah yang dimaksudkan dengan kerugian dan akibat pengambilalihan hak proprietary atau pengambilalihan syarikat hak milik asing tidak diambil kira bagi tujuan *group relief*. Sebab ini saya tak begitu fahamlah kerana perkara yang begitu rumit dan juga syarikat yang sedang menikmati galakan seperti yang disebutkan tidak layak mendapat *group relief*. Syarikat yang tidak layak menikmati *group relief* ini seperti ada taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan, elaun pelaburan semula, pengecualian cukai keuntungan perkapalan, pengecualian cukai pendapatan di bawah seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan syarikat pelabur yang mendapat galakan, potongan bersamaan dengan pelaburan yang dibuat dalam aktiviti digalakkan seperti bahan makanan dan bio teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna golongan di dalam yang menikmati galakan seperti yang disebutkan tadi itu tidak mendapat *group relief*. Apakah rasional, apakah rasionalnya kita beri *group relief* kepada *group* yang lain dan kepada yang saya sebutkan tadi tak diberikan *group relief*.

Tuan Yang di-Pertua, ini bidang yang penting kerana di dalam bajet, Yang Amat Berhormat sudah menerangkan, dia hendak menggalakkan pelaburan yang lebih di dalam bio teknologi, nanoteknologi dan sebagainya kerana bidang-bidang yang penting dan kalau kita tak bagi galakan dan insentif yang cukup mereka akan pergi ke negara China, ke India terutamanya dan negara-negara yang lain. Di sini saya hendak memahami, apakah langkah yang diambil ini akan menggalakkan berbanding dengan Negara-negara lain, misalnya seperti bidang automobil sekarang ini kita menghadapi masalah, orang pergi ke Thailand, pergi ke negara-negara lain untuk melabur dengan galakan sedemikian untuk *group relief* ini.

Saya berharap mereka tidak akan lari ke negara-negara yang lain dan apakah Yang Amat Berhormat semasa membentangkan bajet ini mengatakan bahawa syarikat yang telah diluluskan *group relief* dalam bidang tersebut boleh terus dibenarkan menolak pendapatan dengan 100% kerugian syarikat *subsidiary* berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak sebutkan sedikit mengenai usaha pihak kementerian untuk memperkemaskan layanan cukai bagi syarikat bertaraf perintis. Sekarang syarikat bertaraf perintis tidak dibenarkan membawa ke hadapan kerugian dan elaun modal yang tidak dapat diserap dalam tempoh perintis ke tempoh *post pioneer* bayaran cukai ini tidak memberi faedah kepada syarikat perintis yang mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kementerian Kewangan untuk meningkatkan lagi keberkesanan insentif ini, kementerian bercadang supaya kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap oleh syarikat dalam tempoh perintis dibenarkan dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan perniagaan *post pioneer* yang berkaitan dengan aktiviti atau produk digalakkan yang sama.

Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat mengenai apakah galakan pihak kementerian berbuat demikian. Adakah ini bermakna syarikat-syarikat yang mempunyai taraf perintis ini tidak lagi berminat dengan negara kita sehingga kita terpaksa mengubah langkah untuk menarik mereka balik ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya saya tidak percaya kepada tarikh kuat kuasa yang *retrospective*. Tetapi kita nampak daripada semua pindaan ini ada tarikh yang mula berkuat kuasa mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 dan ada juga pada *retrospective* 1 Oktober 2005. Mungkin kerana masalah teknikal itu dan kita ada tarikh yang *retrospective* Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu menggalakkan pihak kerajaan meneruskan amalan seumpama ini kerana dari segi undang-undang apa yang *retrospective* itu kurang munasabah. Yang Berhormat bagi Hulu Langat mesti mengambil perhatian kerana dia peguam. Dia peguam.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Sudah pandai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha? Sudah pandai? Tapi dia *retrospective* di sini. Kesan kepada pelan itu prinsip undang-undang Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang peguam pun tahu.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha? *Retrospective* tidak boleh terima pada kebiasaannya kecuali ada darurat dan sebagainya. Ini pertanian ini. Saya ingat dahulu Yang Berhormat Hulu Langat itulah.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, *retrospective* ini saya pun tidak boleh terima. Bukankah prinsip undang-undang kita tidak boleh menggubal undang-undang dengan tarikh *retrospective*. Begitu juga undang-undang untuk kewangan, Yang Berhormat. Mungkin kerana masalah teknikallah kerana kita tidak ada masa untuk meluluskan undang-undang di sini kemudian pihak kementerian pun tetapkan satu tarikh dahulu dan bawa rang undang-undang untuk diluluskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kajian semula bayaran cukai ke atas kerugian dan elaun modal yang tidak diserap. Sekarang syarikat dibenarkan membawa ke hadapan tanpa had tempoh kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak dapat diserap untuk ditolak daripada pendapatan tahun-tahun berikutnya. Ini memang biasanya syarikat ini dia pandai jugalah. Dia ambil kesempatan. Malah syarikat yang berhenti operasi untuk beberapa tahun masih boleh mengguna pakai kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap untuk ditolak dari pendapatan perniagaan baru atau oleh pemegang saham baru dengan tujuan mengurangkan pendapatan kena cukai ini.

Saya setuju kita mesti mencegah syarikat-syarikat atau orang-orang seumpama ini mengambil kesempatan dan pihak kementerian mencadangkan supaya kerugian terkumpul dan

elaun modal yang tidak dapat diserap oleh sesuatu syarikat tidak dibenarkan dibawa ke hadapan apabila terdapat perubahan dalam pegangan ekuitinya yang melebihi 50%.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Nampaknya Yang Berhormat Kepong pun sama-sama prihatin dengan masalah kerajaan berhadapan dengan mereka yang suka mengambil kesempatan dengan kekurangan ataupun kelemahan sistem pemantauan kerajaan terhadap pendapatan yang boleh dicukai ini.

Yang Berhormat bagi Kepong adakah hendak bagi cadangan bagaimana pihak kerajaan atau kementerian boleh memantau secara *preemptive* tentang niat ataupun usaha pihak yang mengumpulkan kerugian mereka tadi dan menggunakan kerugian ini untuk ditolak dari pendapatan yang diperolehi pada tahun mereka membuat untung yang besar. Itu satu, kalau Yang Berhormat bagi Kepong ada cara bagaimana untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan mekanisme ataupun sistem pemantauan ini untuk mengelakkan pengusaha-pengusaha ini daripada mengambil kesempatan membuat untung yang besar tetapi tidak mahu berkongsi kekayaan mereka dengan kerajaan dengan cara membayar cukai. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, ini pandangan yang baik. Kita mesti adakan latihan yang cukup pada kakitangan dan sikap dan keberkesanan kakitangan itu dipertingkatkan. Misalnya sekarang kita hendak melaksanakan GST ataupun VAT (*Value Added Tax*) ala Malaysia.

Memang penting kerana sistem percukaian kita mesti diubah. Ini, PST itu GST atau VAT, ini percukaian tidak langsung (GST – *Good and Services Tax*). Kerana dunia sekarang menekan kepada itu amalan percukaian tidak langsung, GST ini. *Good and Services Tax*, GST kita. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha ada menjawab kepada saya, dia mengakui sistem percukaian sudah ketinggalan zaman, pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Kedua tu, ada usaha juga menemui dengan itu badan perniagaan untuk menerangkan itu pelaksanaan GST kita. Tetapi saya ada tanyalah, pihak yang itu tertentu, pihak percukaian, sama ada pihak itu kementerian sudah atau LHDN sudah mengambil tindakan dan langkah-langkah untuk menerangkan kepada orang ramai, kepada syarikat-syarikat, dan sebagainya. Bagaimana butiran, bagaimana dengan panjang lebar pihak LHDN akan melaksana GST kita.

Tetapi, setakat ini, pihak kementerian dan pihak LHDN pun belum lagi, memberi penerangan cukup, penjelasan yang cukup kepada orang ramai, kepada syarikat-syarikat macam mana kita hendak melaksanakan GST kita. Ini menunjukkan keberkesanan itu, mesti

dipertingkatkan dan latihan kalau tak silap saya, dia ada sekolah latihan di Kajang itu, kalau tak silap saya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Dr. Tan Seng Giaw: Kajang, kalau tak silap saya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bangikah? Bukan Kajang?

Seorang Ahli: Bangi.*[bercakap tanpa pembesar suara].* Bangi, Bangi.

Dr. Tan Seng Giaw: LHDN itu di Bangi? Oh! Oh! Oh!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Kepong bagi ruang kepada sayalah. Pusat latihan itu berada di kawasan Institusi Latihan di Bangi, dekat UNITEN. Dekat dengan Peronas, Public Bank, IKRAM, kawasan itulah. Bank Bumiputera, Itu dulu kawasan Puchong di mana Yang Berhormat menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, bukan, bukan. Di, di, di..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Bukan ya? Tapi saya mendengar jawapan Yang Berhormat, betul, saya bersetujulah juga latihan ini menjadi satu faktor utama keberkesanan dan kecekapan pengurusan cukai oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingat, saya pernah mencadangkan supaya pihak kementerian melihat suatu cara di mana telah digunakan di negara-negara yang lebih maju dari negara kita. Iaitu sistem IT, *Information Technology* ini, di mana walaupun sejumlah kecil wang yang mengalir masuk ke dalam *cash register* ataupun pendaftaran tunai syarikat, ia boleh dipantau secara *on-line* oleh pihak kementerian.

Dengan cara ini, mungkin tindakan untuk lari daripada cukai itu bukan dapat dihapuskan, bukan dapat dibasmi tetapi dapat dikurangkan oleh pihak kementerian. Sistem ini telahpun lebih sepuluh tahun berada di pasaran. Kalau kita kaji negara-negara yang cekap dan berkesan, pentadbiran dan pengurusannya, kita lihat mereka juga mengawal dan mengurus cukai-cukai ini, pendapatan-pendapatan ini dengan cekap dan berkesan sehingga pengusaha-pengusaha atau pun mereka yang layak membayar cukai ini merasakan menjadi tanggung jawab tahunan mereka. Dua tiga minggu, sebelum tarikh cukai ditutup, mereka telah bersedia dengan senarai-senarai, sama ada untuk dipulangkan balik kepada mereka ataupun untuk dibayar kepada kerajaan mereka.

Sikap ini sebenarnya telah terbina di negara barat seperti Amerika umpamanya. Sehingga saya pun pernah bekerja di Amerika secara *part time* pun terpaksa menyenaraikan barang-barang yang saya beli untuk *dioff-setkan* dengan cukai yang bakal dikenakan oleh pihak kerajaan Amerika ketika itu. Ini amat kurang sekali, berlaku di negara kita memandangkan ramai pelajar-pelajar asing antarabangsa yang bekerja dengan kita. Yang pendapatannya ada yang lebih daripada Ahli Parlimen pun. Kerja siang di petrol stesen, malam di *book store*, di stor,

kemudian menjadi peniaga makanan lagi. Mereka balik tanpa membayar cukai kepada kerajaan kita. Jadi, apa cadangan Yang Berhormat, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua sudah bertukar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh, Datuk, dia tukar sudah. *[Ketawa]*. Itu asyik dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kerana dia buat cadangan yang baik. Memang betul. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, memang setuju dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batulah. Kita di Malaysia ini, mesti mempertimbangkan sama ada kita boleh menggunakan sistem IT yang disebutkan tadi untuk mempertingkatkan itu pungutan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa masalah? *[Ketawa]*.

Seorang Ahli: Merapu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana merapu pulak! *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sama-sama dari Melaka ini, macam mana dia boleh merapu. Padahal tadi dia berkecimpung di dalam itu timbang tara, dia kurang sedikitlah. Sekarang dia ada 'ummph' sedikit. *[Ketawa]* *[Menyampuk]*.

Seorang Ahli: Gulung sahajalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak payah gulung. Eh, banyak lagi nak bincang. Macam mana nak gulung? Ha? Kita bagi semua orang. Saya pun hendak semua yang ada di sini mengambil bahagian kerana cukai yang kita akan dapati daripada undang-undang ini mungkin RM60 juta ringgit, RM60 bilion, bukan RM60 juta. Ha, mungkin RM60 bilion daripada ini. Jadi, sama ada Tangga Batu malam ini, dia prihatin sedikitlah. Saya berharap, pihak kementerian dapat..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Itu tak bermakna, selama ini saya tak prihatin, Kepong ya! *[Ketawa]*. Cara Kepong cakap tu, macam malam ni sahaja saya prihatin. Saya prihatin Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baiklah, baiklah. Sebelum ini, itu Graha Makmur di Melaka pun ada, macam mana mahu prihatin? *[Ketawa]*. Tak apa, itu masalah. Kita mesti ada itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita mempertingkatkan macam mana kita dapat itu menyerapkan itu sistem yang dilaksanakan oleh negara-negara yang mempunyai sistem percukaian yang lebih berkesan. Memang ada keberkesanan tinggi daripada berbanding dengan Malaysia. Sebab itu masyarakat kebajikan, *Welfare State*. Di dalam *welfare state* ini, cukai dia teruk. Cukai memang teruk.

Tiap-tiap orang dia memang ambil cukai. Sama ada pelajar luar negara ataupun pelajar di dalam negara sendiri, kalau dia kerja kuat, ada pendapatan lebih sedikit, dia nak cukai sudah. Itu cara dia. Kita pun buat macam itu juga. Lama kelamaan kita perlukan cukai ini. Terutamanya cukai yang tidak langsung. *Indirect taxes*, kita perlukan lebih banyak, menumpukan lebih banyak cukai ini untuk bajet kita, ya?

Patutlah kita meneliti, apa yang dibuat oleh pihak negara-negara yang mempunyai sistem percukaian yang lebih berkesan termasuk sistem IT pun kita serapkan kepada sistem di sini. Tetapi tadi saya ada sebutkan itu mengenai taraf perintis dan itu mengenai syarikat-syarikat yang menggunakan kesempatan. Di sini bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semuanya daripada syarikat yang menipu kita ini berapa jumlah yang kita rugi setiap tahun? Memang besar jumlah, berjuta-juta ringgit.

Sekarang ada syarikat pengilangan, pertanian dan pelancongan di kawasan diberi galakan cukai seperti taraf perintis dengan pengecualian cukai 100% dan elaun cukai pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun dan juga elaun infrastruktur 100% ke atas perbelanjaan modal dalam menyediakan infrastruktur seperti pembinaan jambatan, jalan raya dan pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan galakan adalah termasuk Koridor Timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor, Sabah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hanya untuk industri hotel dan pelancongan dan sekarang di dalam Rang Undang-undang saya nampak pihak kementerian sudah berjaya menarik banyak pelaburan ke Koridor Timur Semenanjung Malaysia ini dan datang sekarang. Permohonan bagi galakan di atas dilanjutkan selama lima tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional untuk melanjutkan selama lima tahun ini. Tadi dengan panjang lebar Yang Berhormat sebutkan mengenai *Investment Holding Company* (IHC) yang ditakrifkan sebagai syarikat yang terlibat sepenuhnya 100% dalam kegiatan pemegang pelaburan dan lazimnya pendapatan adalah dividen, sewa dan faedah dan pendapatan IHC dianggap sebagai pendapatan pasif. Oleh itu IHC hanya dibenarkan potongan ke atas 25% daripada perbelanjaan yang dibenarkan.

Ini memang penting kerana ini melibatkan kewangan yang banyak bagi pihak kementerian meningkatkan pelaburan oleh IHC dicadangkan pendapatan IHC yang tersenarai di Bursa Malaysia. Tadi pihak Yang Berhormat pun ada menerangkan diberi layanan cukai sebagai pendapatan perniagaan dan perbelanjaan IHC dibenarkan potongan sepenuhnya bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. IHC ditakrif semula sebagai sebuah syarikat yang memperoleh sekurang-kurangnya, ini bukan 100% ya, sekurang-kurangnya 80% daripada pendapatan kasarnya dari pegangan pelaburan dan kerugian dan elaun modal yang tidak diserap, tidak dibenarkan dibawa ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, memang wang yang terlibat itu dengan IHC ini memang banyak dan saya hendak bertanya Yang Berhormat apakah rasional untuk itu mentakrif semula IHC ini daripada, Yang Berhormat tahukah? Fahamkah apa yang dimaksudkan....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak kena mengena dengan Yang Berhormat itu, dia.... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia cakap di sini seolah-olah ini pasarkah? Ini Dewan yang mulia bukan pasar. Ya. Saya hendak penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu kuasa Tuan Yang di-Pertua menegur Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya saya tolong ajalah itu. *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini fasal Yang Berhormat bagi Kepong kalah dahulu Tuan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tengok Yang Berhormat bagi Kepong ini apabila dia tidak ada idea, dia pandang Yang Berhormat bagi Arau, dia pandang Yang Berhormat bagi Jerai, jadi dia dapat idealah. Kadang-kadang pun dia tidak *consistent*. Tadi dia kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan cakap tidak cukup jelas, tetapi sekejap tadi dia baru kata, telah bercakap dengan panjang dan lebar mengenai ini, jadi dia dua perkara.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Kepong, saya lihat Yang Berhormat bagi Kepong ini, walaupun dia nampak macam merapu, tetapi dia ada juga keprihatinan dia itu tentang apa yang berlaku di dalam sistem yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Kewangan di urusan IHC ini.

Yang Berhormat bagi Kepong, apa cadangan Yang Berhormat bagi kepong. Saya tengok selalu Yang Berhormat bagi Kepong komen tetapi tidak ada cadangan untuk pembaikan. Kalau bagi cadangan, mungkin boleh didengar oleh pihak kementerian dan pihak kementerian boleh memikirkan cadangan tersebut, boleh Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita, hal ini sebenarnya kita hendak bincangkan langkah yang diambil oleh pihak kementerian, hendak bincangkan hal ini hendak tahu sebab apa dia buat. Cadangan kita buat itu semasa kita membincangkan peringkat dasar belanjawan, bajet kita...

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, pandang sini Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pandang sini. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Cadangan kita buat semasa ada perbincangan peringkat dasar untuk bajet kita dan seterusnya untuk peringkat Jawatankuasa. Cadangan ini dibuat semasa itu. Sekarang kita hendak tahu apakah rasional yang dibuat oleh pihak kementerian, itu sahaja. Kita bincangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tiada lagi perkara, orang lain hendak bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada banyak. Ada banyak. Ada lagi tidak sampai ke Petronas. Bukan sahaja tidak sampai Petronas, percukaian untuk pengajian tinggi pun ada banyak di dalamnya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Setem pun ada. Banyak lagi.

Seorang Ahli: Pendekkanlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak payah pendek, kerana saya hendak menggalakkan semua ahli yang ada di sini, termasuk Yang Berhormat bagi Santubong, mengambil bahagian di dalam perbincangan ini. Sebab dia tidak ada masa untuk meneliti, malam ini dia balik untuk mengkaji semua, membaca semua dan besok dia ada idea.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, di sinilah IHC penting kerana itu *Investment Holding Company...*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun. Yang Berhormat kacau Yang Berhormat bagi Santubong, dia bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat bagi Santubong, macam merapu, tetapi dia tidak merapu hari ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong memang sudah tidak ada lagi modal. Jadi tidak ada modal, jadi dia sebut nama Yang Berhormat bagi Arau, sebut nama Yang Berhormat bagi Jerai, sebut nama Yang Berhormat bagi Tangga Batu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebab dia tidak mengumpatlah sekarang ya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Ketawa]* Jadi hendak cari modallah itu, fikir....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi apa pula ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Kepong, Kepong, sekejap Kepong, Kepong.....bagi saya beri penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Saya beri pantunlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, pantunlah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron:

*Kalau tuan pergi ke payah
Jangan bawa serkap jarang
Kalau tuan tidak ada idea
Jangan cakap panjang-panjang. [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Oh!?! Banyak pantun macam itu pula! *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Ini bukan kewarisan, ini bukan warisan, ini raya!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya....macam mana pula itu! Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat jawab pantun itu! Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okeylah Yang Berhormat kalau tidak ada Yang Berhormat boleh teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak....dia sebab undang yang mengatasi ikan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, tidak ada kena-mengena dalam bil kita pantun ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada kena-mengena, memang tidak ada kena-mengena!

Puan Chong Eng: Itu Tangga Batu punya pantun.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*tidak payah panggil Tangga Batu tapi bagi nama Tangga Susulah! *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini mengenai IAC kita ini, dia ganggu saya tadi.... definisi yang dahulu itu iaitu syarikat yang terlibat sepenuhnya ialah 100 peratus dalam kegiatan pemegang pelaburan dan sebagainya. Sekarang dia hendak kurangkan kepada 80 peratus apa rasional, itulah persoalan saya. Kita bincang mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak Yang Berhormat atau oleh pihak kementerian, itulah maksud kita di dalam perbincangan perbahasan hari ini. Ada di dalam rang undang-undang yang disebutkan mengenai untuk meluaskan skop perbelanjaan yang dibenarkan untuk syarikat. Perbelanjaan juruaudit, syarikat tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan kerana perbelanjaan tersebut tidak menyumbang secara langsung dalam menghasilkan pendapatan.

Yang Berhormat Santubong, daripada keadaan tadi tidak ada timbul masalah skop perbelanjaan yang dibenarkan untuk syarikat. Jadi modal ada banyak lagi di sini, tidak payah kita ada celah, ada angpaunya dan Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada rang undang-undang ialah perbelanjaan yuran juruaudit syarikat yang perlu dilakukan oleh syarikat di anggap sebagai perbelanjaan yang dibenarkan, potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan. Pihak kementerian mengambil tindakan yang sedemikian memang ada mengira perbelanjaan yang terlibat ataupun kekurangan cukai kerana kita berbuat demikian. Perbelanjaan yuran juruaudit syarikat yang perlu dilakukan oleh syarikat dianggap sebagai perbelanjaan yang dibenarkan. Jadi ini memang dibenarkan ada potongan dan potongan ini kita hilangkan cukainya dan juga kelonggaran dalam menganggarkan cukai kena bayar oleh syarikat. Di bawah sistem taksiran sendiri, ini memang penting bukan sahaja untuk syarikat bahkan juga untuk cukai pendapatan seseorang. Sistem taksiran sendiri syarikat dikehendaki mengemukakan anggaran cukai kena bayar bagi tahun semasa dan anggaran ini hendaklah tidak kurang daripada anggaran atau anggaran di semak, cukai kena bayar bagi tahun sebelumnya. Syarikat dibenarkan menyemak semula anggaran tersebut pada bulan keenam dan kesembilan tahun kewangannya. Walau bagaimanapun, layanan semasa tidak mengambil kira perubahan persekitaran ekonomi yang mungkin menjejaskan prestasi syarikat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Kepong, hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong, Jerai bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kepong. Sekarang ini kita perhatikan katakanlah tahun ini tahun 2004, syarikat itu menunjukkan keuntungan dan dikenakan cukai tetapi pada tahun mungkin 2005 perniagaannya merosot. Sudah tentu pembayaran cukainya akan menurun tetapi anggaran cukai yang telah dikemukakan oleh pihak lembaga memerlukan kita membayar cukai mengikut keuntungan yang telah kita dapati. Jadi boleh atau tidak syarikat itu membuat rayuan kepada pihak lembaga supaya bayaran bulanan untuk tahun yang mengalami kerugian itu dikaji kerana yang memahami keuntungan dan kerugian ialah syarikat itu sendiri.

Jadi sekarang ini mungkin pihak lembaga menganggap berkata, okey syarikat untung tahun hadapan pun untung tetapi keadaan ekonomi kadang-kadang mengganggu-gugat prestasi keuntungan syarikat. Jadi kita hendak mencadangkan kalau boleh kalau syarikat itu mengalami kerugian mereka boleh menghantar surat kepada lembaga untuk menurunkan bayaran bulanan yang telah dipersetujui atau yang telah diperakui oleh pihak lembaga hasil dalam tahun-tahun yang lepas supaya memberi sedikit pernafasan kepada syarikat itu, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Jerai ada buat cadangan yang baik.

Puan Chong Eng: Ada baik, pujilah ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, memang, memang, kalau tidak baik, kita tidak puji langsunglah itu.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]* Tegur jugalah!

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti tegur juga, kadang-kadang *[Ketawa]* Ya, cadangan daripada Jerai ini memang merupakan satu cadangan yang perlu dipertimbangkan kerana di sini disebutkan bahawa pihak kementerian tidak melayan dan tidak mengambil kira perubahan persekitaran ekonomi yang mungkin menjejaskan prestasi syarikat, dia tidak melayan langsung semasa itu. Di dalam bajet pun ada mengatakan sedemikian, jadi cadangan Yang Berhormat Jerai ini memang perlu diambil kira oleh pihak kementerian supaya syarikat-syarikat tidak mengalami halangan yang lebih.

Persekitaran ekonomi yang kurang menggalakkan sudah menghalang mereka bergiat dengan baik. Tetapi kalau pihak kementerian tidak menghiraukan hal ini maka syarikat-syarikat berkenaan akan mengalami lebih kesusahan. Dengan sistem tafsiran sebegini saya percaya bukan sahaja perseorangan bahkan juga syarikat tidak akan buat tafsiran yang jauh dan salah ini kerana dia takut juga, kalau Jerai buat tafsiran yang tidak munasabah dan apabila LHDN.....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Minta penjelasan sedikit. Kepong, Putatan minta penjelasan sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ya, ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Putatan di sini, di belakang.

Dr. Tan Seng Giaw: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih, Yang Berhormat Kepong. Terlebih dahulu terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang Kepong bijaksana berkenaan dengan mencari tetapi saya minta penjelasan sedikit dari Kepong tentang percukaian yang merapu....

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Jadi soalnya Yang Berhormat, bersetujukah Yang Berhormat jika kaki tangan-kaki tangan atau pekerja-pekerja semua syarikat di negara kita ini tidak akan dikenakan cukai tetapi seterusnya di bayar cukai oleh majikan masing-masing. Termasuklah juga jika Yang Berhormat Kepong bersetuju semua kaki tangan-kaki tangan kerajaan tidak perlu bayar cukai tetapi kerajaan terus potong daripada gaji mereka tiap-tiap bulan kerana ini akan mengurangkan kertas kerja, masa, mengurangkan tenaga yang mengendalikan percukaian dan mengurangkan masa penguatkuasaan. Bersetujukah Yang Berhormat dari Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Putatan ada idea yang baru.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari ini semua ada idea bagus Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Idea baru.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi kita mesti mengkaji dengan teliti macam mana kita boleh melaksanakan, apakah kelebihannya, apakah keburukan dan kelemahannya? Yang Berhormat Putatan hendak buat cadangan yang baru, dia hendak

Seorang ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada dengar?

Seorang ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kita tidak boleh hendak kata ini yang baik ataupun yang buruk kita kaji, sama ada dia boleh dilaksanakan di Malaysia. Apakah gunanya bila kita laksanakan kita menghadapi banyak kesukaran dan kesusahan sehingga pihak kementerian tak dapat cukai?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, kalau sekiranya kerajaan bercadang menyarankan cadangan saya tadi menerima cadangan saya tadi, adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju dan menyokong?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak tahu macam mana dia akan membawa manfaat kepada kita semua dulu, saya hendak tahu bila dia dilaksanakan di Malaysia sama ada akan menimbulkan masalah yang lebih. Kalau itulah yang berlaku kita menghadapi halangan yang besar apabila kita menguatkuasakan maka saya tak boleh terima seperti dulu Yang Berhormat tahu lebih satu dekad yang dulu di Dewan ini juga Menteri Kewangan waktu itu mengumumkan bahawa kita akan melaksanakan itu *Value Added Tax (VAT)* tetapi tak dapat berbuat demikian kerana waktu itu suasana tidak mengizinkan, orang-orang kurang faham termasuk Jerai, Arau dia tak tahu apa VAT.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order* 36(6), Sangkaan Buruk Yang Berhormat. Saya minta Kepong sebelum Arau dan Jerai mengepong dia, minta tarik balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau saya ada menyinggung orang tidak faham mengenai VAT pun, lebih 10 tahun dulu Yang Berhormat faham? Saya pun tak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat tak faham janganlah babitkan saya sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bahas bukan berbual dengan orang itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya faham. Masa 10 lebih satu dekad yang dulu di dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan melaksanakan VAT tetapi kerana suasana tak mengizinkan tak dapat berbuat demikian sehingga kita perlu tukar nama itu daripada VAT kepada GST. Inilah yang dibuat oleh pihak kementerian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya nak tanya Yang Berhormat saya memahami apa VAT kerana kalau kita pergi ke luar negara kita beli barang, sebagai *tourist*, kita *produce* resit dan cap VAT kita boleh *claim* balik beberapa peratus. Tetapi mungkin ini akan melibatkan rakyat negara ini sendiri terpaksa membayar *absolve cost* yang dinikmati oleh pelancong ke dalam negara kita. *So the absolve all the cost* jadi ini pandangan sayalah maknanya is it dalam negara kita bayar harga itu RM1, tetapi kalau *tourist* datang dia bayar harga itu mungkin berapa *percent, five percent* kata, jadi *less five percent*.

Ini yang mungkin rakyat tidak memahami dan mungkin rakyat memahami bahawa kalau di *introduce* kan VAT kita ketepikan *sales tax* dan lain-lain *tax*. Kalau yang menguntungkan tak apa tetapi kalau yang membebankan rakyat mungkin menguntungkan kumpulan-kumpulan atau pelancong-pelancong datang itulah tetapi rakyat dalaman ini macam mana pada pandangan Yang Berhormat lah, mungkin saya tak faham Yang Berhormat tadi tetapi inilah penjelasan saya pun biasa bayar VAT dan biasa dapat VAT dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, memang Yang Berhormat bagi Jerai pun ada kebimbangan mengenai GST atau VAT dan inilah menunjukkan pihak kementerian mesti bergigih, bertungkus-lumus untuk menerangkan kepada kita semua termasuk Yang Berhormat bagi Jerai dan saya dan semua orang apakah yang dimaksudkan dengan GST baru itu tadi saya sebutkan dah dan kebimbangan memang kita bimbang juga tetapi kita nak galakkan pelancong ke negara kita, 16 juta sekarang itu bukan 16 juta orang yang dari Singapura itu dia masuk ke Malaysia berapa kali.

Bukan satu orang sahaja 16 juta itu bermakna ada dua juta orang Singapura masuk keluar, masuk keluar itulah yang dimaksudkan kita hendak menggalakkan dia masuk walaupun dia dapat itu VAT, dengan VAT dia dapat kurangkan bayaran jadi kita beri dia masuk ke sini dia belanja kepada untuk hotel dan sebagainya pergi ke Jerai bukit atau Gunung Jerai dia pergi situ juga dan sebagainya orang di situ untung juga bagi dia sedikit pun bolehlah kurang sedikit sebab dia belanja banyak dah. Itulah maksud kita dan pihak Yang Berhormat pun mesti mengkaji macam mana kita dapat menerangkan keadaan GST kepada semua Ahli Parlimen dan juga kepada rakyat. Ini jadi memang penting.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi bermaknanya.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Malam ini menunjukkan ramai termasuk Arau tak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bermaknanya depa dapat *Value Added Tax* tetapi kita akan dapat CAT, *I mean cost added tax*, jadi faham tak Yang Berhormat? Yang Berhormat tak faham ini kata Yang Berhormat tak faham. Tuan Yang di-Pertua, kalau masa ini suruh Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kacau dia, itu dia jadi panjang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya memang panjang juga panjang lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat tak ada.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya belum lagi membahaskan mengenai Petronas, dan juga Pengajian Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya sebenarnya maksud saya di sini hendak menggalakkan semua orang balik kita baca dengan teliti kemudian besok kita mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan bererti dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun dia hendak kita mengambil perhatian dalam perbahasan supaya dia boleh jawab dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan mengenai sistem taksiran sendiri untuk syarikat dan di dalam Rang Undang-undang ini, maksud Rang Undang-undang untuk memberi fleksibiliti kepada syarikat, untuk menyediakan anggaran cukai kena bayar bagi tahun semasa dan Rang Undang-undang ini mencadangkan anggaran cukai kena bayar tahun semasa bagi syarikat diturunkan dari tidak kurang daripada 100 peratus kepada tidak kurang daripada 85 peratus iaitu 15 peratus daripada anggaran atau anggaran disemak tahun sebelumnya.

Tadi anggaran cukai kena bayar diturunkan dari tidak kurang dari 100 peratus kepada tidak kurang dari 85 peratus. Dengan keputusan demikian apakah kekurangan cukai daripada STS ini. Memang kalau kita kurangkan daripada, tidak kurang daripada 100 peratus kepada tidak kurang daripada 85 peratus ini 15 peratuslah itu. Perbezaan 15 peratus ini bermakna kutipan cukai itu akan kurang sedikit.

Daripada langkah ini dan seterusnya mengenai kajian semula pelepasan cukai bagi anak yang menuntut di peringkat pengajian tinggi. Memang perkara ini penting bagi semua pihak. Sekarang pembayar cukai individu diberi pelepasan untuk setiap orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi seperti pelepasan sehingga RM4,000 iaitu empat kali pelepasan biasa bagi anak untuk setiap orang anak yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan dan RM1,000 untuk setiap orang anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia. Memang langkah ini betul, tuntutan pelepasan bagi anak yang menuntut hendaklah dibuktikan dengan mengemukakan dokumen sokongan.

Pada kebiasaannya perbelanjaan pendidikan untuk setiap orang anak yang belajar di peringkat pendidikan tinggi adalah melebihi RM4,000 setahun. Memang itu sungguh jauh, lebih daripada RM4,000 setahun. Cadangan di dalam rang undang-undang ini ialah pelepasan cukai sebanyak RM4,000 setahun diberi secara automatik bagi setiap orang anak yang belajar pada peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf dan pelepasan di perenggan satu di atas juga diperluaskan kepada setiap orang anak yang belajar pada peringkat ijazah pertama dan ke atas di institusi pengajian tinggi di luar Malaysia yang diiktiraf.

Memang kita semua mengalu-alukan pelepasan cukai sedemikian. Ini menggalakkan untuk anak-anak Malaysia melanjutkan pendidikan sama ada di universiti tempatan ataupun di

universiti seberang laut. Walau bagaimanapun, menggalakkan cukai ini yang pertamanya saya hendak tahu, apakah itu dengan pelepasan cukai sedemikian ini, anggaran pihak kementerian itu, jumlah wang yang kurang dikutip ataupun jumlah yang perlu untuk pelepasan bagi tujuan itu. Pelepasan cukai sebanyak RM4,000 setahun diberi secara automatik. Apakah perbezaan sehingga RM4,000 untuk setiap orang anak pada masa dahulu?

Saya pun tidak begitu faham apakah yang dimaksudkan secara automatik. Sebelum ini pun diberi secara automatik, istilah automatik ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai bagi anak kurang upaya yang menuntut di peringkat pengajian tinggi, ini langkah yang barulah itu. Ini kita hendak galakkan anak kurang upaya menuntut di peringkat pengajian tinggi.

Ini satu langkah yang mesti digalakkan. Pembayar cukai mendapat pelepasan sebanyak RM5,000 untuk setiap orang anak kurang upaya dan tiada pelepasan khusus diberi bagi anak kurang upaya yang menuntut sepenuh masa di peringkat pengajian tinggi. Saya setuju kita mesti wujudkan layanan cukai yang saksama dan pelepasan seterusnya sebanyak RM4,000 diberi kepada setiap orang anak kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di peringkat diploma dan ke atas di Malaysia atau di peringkat ijazah pertama dan ke atas di luar Malaysia.

Kita akui langkah ini memang menunjukkan sistem percukaian adalah lebih baik sikit dan kita pun menjaga anak-anak yang kurang upaya dan di sini saya hendak mengetahui untuk ijazah-ijazah biasalah, tiga tahun, ada yang empat tahun dan juga bagi profesional seperti perubatan lima tahun atau enam tahun. Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian? Adakah ia berbeza dengan tempoh pelajaran itu, kursus tiga tahun, empat tahun, lima tahun atau enam tahun. Adakah perbezaannya untuk pelepasan cukai ini?

Sekarang ada pelepasan sehingga had maksimum RM5,000 setahun [Disampuk], Ada banyak..... Itu memang banyak, tidak boleh.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak akan berhenti, kerana ini penting sekali, RM60 bilion bukan main-main. Pelepasan sehingga had maksimum RM5,000 setahun diberi kepada pembayar cukai individu ke atas yuran pengajian bagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan dalam bidang sains, teknikal, vokasional, pembangunan kemahiran, perindustrian serta teknologi maklumat dan komunikasi. Datuk.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 35.(7). Kalau boleh hadkan masa sedikitlah. Ini Yang Berhormat bagi Kepong, entah apa dia cakap, kita tidak tahu, tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua hadkan masa sedikit. Yang Berhormat bagi Kepong cakap, tidak tahu apa benda dia cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut dia tidak minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya buat Peraturan Mesyuarat 35.(7). Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua menghadkan masa. Yang Berhormat bagi Kepong tidak fahamkah? Sudah enam penggal duduk sini, tidak faham lagi macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tidak apalah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau kata bola bolehlah lain kali.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Macam mana hendak had masa pula? Kita had maksimum RM5,000 setahun diberi kepada pembayar cukai individu ke atas yuran had maksimum cukai.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab Ketua Pembangkang tidak ada dalam Dewankah, cakap panjang ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketua Pembangkang tidak ada dalam Dewankah hendak cakap panjang ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada kena mengena dengan Ketua Pembangkang. Saya di dalam Dewan ini tidak ada '*primus inter pares*'

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat. Tumpukan kepada rang undang-undang Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada '*primus inter pares*'.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak ada isilah. Cakaplah ada isi sikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tanyalah peguam di depan sana. Yang Berhormat bagi Santubong tahu '*primus inter pares*' apakah ertinya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini dia pandang kepada Kamunting sahaja.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kamunting kawasan dialah itu. Mengenai pelepasan sehingga had maksimum RM5,000 setahun diberi kepada pembayar cukai individu ke atas yuran

pengajian bagi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan dan sebagainya. Baru-baru ini di dalam rang undang-undang dicadangkan pelepasan juga ke atas yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun diperluaskan kepada pengajian profesional, perakaunan dan undang-undang di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dalam negara, bidang profesion yang layak, hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Apa yang dimaksudkan Tuan Yang di-Pertua? Ia tidak begitu jelas, ya. Bidang profesion yang layak....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 36(1) ini, Yang Berhormat bagi Kepong, saya rujuk kepada 36(1) ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, apa dia Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: 36(1) ini, seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang, janganlah melencong ke lain.

Yang Berhormat bagi Kepong kalau hendak menjimatkan masa, tumpu kepada apa yang kita hendak bahaskan pindaan ini, tidaklah buang masa. Rakan-rakan lain hendak berucap juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah lima, enam penggal tidak faham lagikah, Yang Berhormat bagi Kepong? "Ikan kembung, ikan kerapu....."

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:....wakil Kepong cakap merapu".

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: saya hendak menerangkan di sini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, tumpukan kepada rang undang-undang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan di sini bahawa di dalam Rang Undang-undang ini kita tengoklah untuk Akta Cukai Keuntungan Hartanah, untuk Akta Petroleum, belum lagi sentuh petroleum, Akta Setem, dan Akta Cukai kita, itu semua banyak itu. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, Akta Cukai Pendapatan, jadi banyak macam itu Larut, kalau tidak faham balik baca dulu. Ini tidak faham langsung ini, hendak kacau saja.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya di dalam tadi itu, di dalam huraian.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpukan Yang Berhormat kepada Rang Undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, huraian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu, dia bincang dengan panjang lebar mengenai pengajian tinggi kerana dia peka kepada pengajian tinggi jugalah, saya seronok juga dengar dia. Di sini dia kata bidang profesion yang layak hendak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan, saya pun kurang faham. Dia sebutkan pengajian profesion, kita pun tahu apa pengajian profesion, apa maksud Kementerian nya dan di sini Tuan Yang di-Pertua, pada kali yang pertamalah kita ada dengar di sini mengenai pengajian tinggi swasta di sini, layanan cukai ke atas perbelanjaan bagi kursus baru oleh institusi pengajian tinggi swasta.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang dilakukan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk membangun dan mematuhi keperluan peraturan bagi memperkenalkan kursus baru tidak layak mendapat potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Ini memang satu kelemahan dan di dalam Rang Undang-undang ini satu usaha untuk memperbetulkan kelemahan ini. Dan ia mencadangkan supaya potongan untuk dituntut selama tiga tahun dibenarkan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh IPTS untuk membangunkan kursus baru dan mematuhi keperluan peraturan bagi memperkenalkan kursus baru.

Tarikh permulaan potongan bagi perbelanjaan pembangunan kursus baru dibenarkan dari tahun penyempurnaan proses pembangunan kursus iaitu selepas tarikh ia diterima oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk tujuan pematuhan keperluan peraturan manakala bagi perbelanjaan untuk mematuhi keperluan peraturan potongan dibenarkan mulai dari tahun penyempurnaan proses pematuhan. Saya pun mengalu-alukanlah langkah yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, cuma Tuan Yang di-Pertua, kita perlu

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, ada orang lain lagi nak berucap Yang Berhormat, sila habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Esoklah, esok.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, orang lain pun nak sambung juga untuk esok.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha? Banyak lagi Petronas ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dia baca buku Bajet tu, Bajet kita dah bincang lama dah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat, Kepong baca tu, buku Bajet, mana nak habis?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bincang yang berkaitan sajalah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini kita merujuk kepada buku ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, saya merujuk Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Rujuk apa? Dok baca satu-satu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah Kepong, cukuplah, bagilah *chance* orang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau Kepong betul-betul rujuk kepada apa yang kita bahaskan okey, ini dia baca bukan apa yang kita bincangkan.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Lepas itu, baca penuh pula.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, sila gulung Kepong janan hendak berucap sahaja..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya gulung dah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Gulung, gulunglah, orang nak berucap juga. Kepong berucap pun, Ketua Pembangkang tiada di sini, dia tak dengar.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah Yang Berhormat dah. Ya Kepong sila habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang Pengerusi sekarang ini? Larut ataupun Menteri?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bagan. Bagan pun nak berucap juga Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat berhenti

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya tak, tak. Sedar kah Yang Berhormat Kepong bahawa Rang Undang-undang yang kita sedang bincangkan ini merangkumi Akta Cukai Pendapatan, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, Akta Setem, Akta Petroleum dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisiran Labuan.

Yang Berhormat Kepong hanya menyentuh berkenaan dengan Akta Cukai Pendapatan, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah belum sentuh lagi, bukankah ini satu perkara yang sangat penting? Akta Setem, di mana setiap orang yang membeli *mobile phone* perlu menandatangani satu surat janji yang kena RM10, bukankah itu mustahak? Bil air, bil elektrik, bil telekom, semua kena RM10 setem duti, bukankah itu mustahak? Saya berharap Kepong boleh teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini siapa speaker ini?

Seorang Ahli: [Mengetuk meja]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bagan. Tidak payahlah kita membincangkan mengenai IPTS, cuma saya hendak pihak Kementerian mesti berhati-hati sebelum kita bagi dia potongan cukai untuk kursus-kursus baru sebab LAN kita itu, Lembaga Akreditasi Negara kita, dia tak cukup kakitangan dan pemantauannya tidak begitu berkesan bagi saya. Kalau kita tiap-tiap kali dia ada kursus baru, kita bagi dia potongan cukai

dengan begitu sahaja, ini pun tidak munasabah juga. Kalau kursus itu tidak mempunyai standard yang tinggi ataupun tidak untungkan negara kita, kita bagi dia potongan cukai pun, itu tak munasabah, walaupun Larut dia tak kisah, tak sebutkan pun tak apa. Kita bila kita bincang, kita mesti rujukkan kepada benda yang relevan, itulah caranya hendak bincang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah beritahu kepada Kepong ni. Dia pusing-pusing, itulah masalahnya.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Kepong habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya memang tidak pusing, kita hendakkan pihak Kementerian menyelaraskan dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya semua kursus yang kita bagi potongan itu memang kita mempunyai nilai, mempunyai *standard* yang tinggi. Itu banyak, kita bukan main. Tolong tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa jumlah setahun kalau kita beri potongan cukai kerana kursus yang baru ini? Memang banyak dan sekarang kita tahu Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjalankan kursus dalam bidang teknikal layak mendapat elaun, cukai pelaburan 100% bagi tempoh 10 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun tafsiran dihadkan kepada 74% tapi cadangan yang baru ini. Cadangan yang baru ini ialah memang penting kerana terlibat banyak kursus. Sekarang dicadangkan elaun cukai pelaburan 100% atas pengeluaran modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun tafsiran dihadkan kepada 74% daripada mendapat *statutory* diperluaskan kepada

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak bolehlah esok kita

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya dah bagi Yang Berhormat cakap satu jam setengah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Satu jam setengah ke? Bagi saya 10 minit lagi.

Timbalan Yang Di-pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan Kepong. Sedar kah Yang Berhormat Kepong bahawa di Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, *Property Gain Tax*. Di mana sekiranya Yang Berhormat ada dua biji rumah, sebiji atas nama sendiri, sebiji atas nama isteri [Disampuk] Ya, sebuah, sebuah, selalu orang kata sebiji, sebiji....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah bagan. Sila duduk Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Nanti, ini mustahak, sekarang.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Siapa berucap ni, siapa berucap?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya tanya kepada Kepong. Ini *property gains tax* banyak mustahak. Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional tidak mahu memperjuangkan hak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bagan, cukuplah. Kepong, Yang Berhormat boleh sambung lima minit lagi besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 10.00 pagi besok.

[Dewan ditempohkan pada pukul 9.32 malam]